KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

KOLEKSI PERTANYAAN, JAWAPAN DAN UCAPAN

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, KEDUA DAN KETIGA PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

KOLEKSI PERTANYAAN, JAWAPAN DAN UCAPAN

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, KEDUA DAN KETIGA PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

UNIT PARLIMEN
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Aras 3, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 Putrajaya

SIDANG REDAKSI:

Penasihat	**:**	**Puan Fazidah binti Mustafa**
Ketua Editor	**:**	**Puan Che Hazwani binti Che Mansor**
Editor	**:**	**Encik Abdul Syafiq bin Abdul Samat**
	:	**Tuan Syed Zahiruddin bin Tuanku Alshagaf**
Bacaan Pruf	**:**	**Puan Akmal Khairani binti Kassim**
		Puan Nurshamimi binti Hussain

Bahagian Perancangan Strategik
Cetakan Pertama 2025

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan lagi atau dipindah dalam mana-mana cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin bertulis daripada Kementerian Pendidikan Tinggi.

ISI KANDUNGAN

PERKARA			MUKA SURAT
1.	Kategori Isu Kementerian Pendidikan Tinggi Berdasarkan Pertanyaan dan Jawapan Bagi Mesyuarat Pertama, Kedua Dan Ketiga, Penggal Ketiga, Parlimen Kelima Belas Tahun 2024		5
2.	Analisis Jumlah Pertanyaan dan Jawapan Berdasarkan Kategori Isu Kementerian Pendidikan Tinggi Bagi Mesyuarat Pertama, Kedua Dan Ketiga, Penggal Ketiga, Parlimen Kelima Belas Tahun 2024		6
3.	Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Kelima Belas Tahun 2024		7
	3.1	Aturan Urusan Mesyuarat	8 - 24
	3.2	Pertanyaan dan Jawapan Bagi Pertanyaan Lisan	25 - 145
	3.3	Pertanyaan dan Jawapan Bagi Pertanyaan Bukan Lisan	146 - 196
	3.4	Ucapan Penggulungan	197 - 214
4.	Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Kelima Belas Tahun 2024		215
	4.1	Aturan Urusan Mesyuarat	216 - 230
	4.2	Pertanyaan dan Jawapan Bagi Pertanyaan Lisan	231 - 327
	4.3	Pertanyaan dan Jawapan Bagi Pertanyaan Bukan Lisan	328 - 369
5.	Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas Tahun 2023		370
	5.1	Aturan Urusan Mesyuarat	371 - 391
	5.2	Pertanyaan dan Jawapan Bagi Pertanyaan Lisan	392 - 492

	5.3 Pertanyaan dan Jawapan Bagi Pertanyaan Bukan Lisan	**493 - 540**
	5.4 Ucapan Penggulungan	**541 - 573**
6.	**Urus Setia Parlimen Kementerian Pendidikan Tinggi, Mesyuarat Pertama, Kedua dan Ketiga, Penggal Ketiga, Parlimen Kelima Belas Tahun 2024**	**574 - 575**

KATEGORI ISU KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI BERDASARKAN PERTANYAAN DAN JAWAPAN BAGI MESYUARAT PERTAMA, KEDUA DAN KETIGA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

BIL.	KATEGORI ISU	JUMLAH PERTANYAAN DAN JAWAPAN
1.	Kemasukan Pelajar Ke IPT	28
2.	PTPTN	21
3.	Naik Taraf dan Penubuhan IPT Baharu	19
4.	Akademik dan Program Pengajian	17
5.	Pengangguran dan Kebolehpasaran Graduan	17
6.	Data Pendidikan Tinggi	15
7.	Kebajikan dan Hal Ehwal Pelajar	14
8.	Reformasi dan Hala Tuju Pendidikan Tinggi	13
9.	Autonomi Universiti dan AUKU	8
10.	TVET	8
11.	Hal Ehwal Ahli Akademik dan Tenaga Pengajar	6
12.	Kualiti dan Ranking IPT	6
13.	Biasiswa dan Penajaan	5
14.	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta	4
15.	Pelajar Antarabangsa dan Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi	4
16.	Hospital Pengajar Universiti (HPU)	3
17.	Penyelidikan dan Pembangunan	2
18.	Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Akreditasi	2
19.	Yuran Pengajian Pelajar	1

Analisis Jumlah Pertanyaan dan Jawapan Berdasarkan Kategori Isu Kementerian Pendidikan Tinggi Bagi Mesyuarat Pertama, Kedua Dan Ketiga, Penggal Ketiga, Parlimen Kelima Belas Tahun 2024



MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2024

[26 FEBRUARI HINGGA 27 MAC 2024]

ATURAN URUSAN MESYUARAT

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

26 FEBRUARI HINGGA 27 MAC 2024

MINGGU PERTAMA – 10 PERTANYAAN

26 FEBRUARI 2024 (ISNIN)

TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN IBRAHIM

27 FEBRUARI 2024 (SELASA)

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

28 FEBRUARI 2024 (RABU) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

29 FEBRUARI 2024 (KHAMIS) – 10 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	14.	PR-1531-L23659 **Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan untuk menaiktaraf Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) sebagai *full-fledged* Universiti dalam waktu yang terdekat.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
2.	37.	PR-1531-L23146 **Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [Tanjong Karang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan data statistik tentang kadar pengangguran siswazah terkini dan apakah perancangan serta program yang akan dilaksanakan oleh kerajaan bagi menangani isu pilih kerja bagi graduan agar mereka ini akan diberikan jaminan untuk tidak menganggur dalam tempoh yang terlalu lama.
3.	38.	PR-1531-L22784 **Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah masalah kesukaran untuk murid STPM memasuki kursus popular universiti awam yang mengakibatkan ramai murid cemerlang pergi ke universiti swasta akan mengurangkan kualiti dan taraf universiti awam Malaysia. Sarawak memerlukan satu lagi universiti awam untuk menampung murid yang semakin meningkat.
4.	54.	PR-1531-L22997 **Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [Gua Musang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status terkini cadangan pembinaan universiti awam di Gua Musang. Selain faktor pemilikan tanah untuk tapak bina, apakah faktor lain yang diperlukan untuk menyegerakan pembinaan universiti awam tersebut.
5.	57.	PR-1531-L23885 **Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan bagi membendung gejala tidak minat belajar dalam kalangan remaja khususnya pelajar lelaki dan data lengkap unjuran pelajar lelaki dan perempuan di IPTA pada tahun 2030.
6.	4.	PR-1531-L23389 **Tuan Zakri bin Hassan [Kangar]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah strategi Kementerian dalam menangani isu pekerjaan di bawah kelayakan (*underemployment*) terutama di kalangan graduan secara berkesan mengambil kira peningkatan trend kadar guna tidak penuh siswazah dengan kelulusan *tertiary* namun bekerja dalam pekerjaan yang tidak setanding kelulusan mereka.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
7.	63.	PR-1531-L23890 **Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan: (a) apakah justifikasi lantikan semula profesor-profesor kontrak yang telah berpencen dan apakah had umur dan masa lantikan para profesor; dan (b) apakah pelan penggantian (*succession plan*) Kementerian untuk menggantikan profesor yang berpengalaman dan bersara.
8.	64.	PR-1531-L22804 **Puan Yeo Bee Yin [Puchong]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah *speech and language therapist* (SLT) yang dihasilkan oleh institut pendidikan tinggi awam dan swasta masing-masing setiap tahun: (a) adakah ia mencukupi untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat; dan (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan jumlah SLT yang dihasilkan setiap tahun.
9.	79.	PR-1531-L23499 **Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan: (a) jumlah penerima biasiswa Kerajaan (melibatkan semua agensi terlibat) serta kos untuk melanjutkan pengajian tinggi di dalam dan luar negara mengikut kaum, strata pendapatan dan peringkat pengajian; dan (b) apakah perancangan Kerajaan dalam pemberian biasiswa kepada pelajar pada masa depan.
10.	69.	PR-1531-L(5)00218 **Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah penerimaan pelajar ke bidang kedoktoran perubatan, perundangan, dan kejuruteraan di semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi tahun 2023 mengikut pecahan pelajar Melayu, Cina, India dan lain-lain.

MINGGU KEDUA – 5 PERTANYAAN

4 MAC 2024 (ISNIN) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

5 MAC 2024 (SELASA) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

6 MAC 2024 (RABU) – 5 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	23.	PR-1531-L23489 **Tuan Chow Yu Hui [Raub]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tujuan saluran pengambilan *Direct Intake* bagi Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan berapa yuran pengajian yang dikutip dari pelajar *Direct Intake* mengikut pecahan IPTA antara tahun 2019 hingga 2023.
2.	14.	PR-1531-L23847 **Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [Kuala Kedah]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perancangan tuntas untuk meningkatkan jumlah graduan sektor elektrik dan elektronik (E&E) di institusi pengajian tinggi bagi menampung permintaan pasaran industri berteknologi tinggi dalam negara.
3.	9.	PR-1531-L22815 **Tuan Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah langkah-langkah diambil untuk memastikan universiti swasta dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara melalui inovasi dan penyelidikan.
4.	77.	PR-1531-L22812 **Tuan Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan: (a) dasar dan panduan yang ditetapkan oleh Kementerian bagi memberikan autonomi kepada universiti di Malaysia; dan

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
		(b) bagaimana Kementerian boleh membantu menguruskan isu-isu berkaitan dengan kewangan dan kestabilan universiti swasta.
5.	83.	PR-1531-L23842 **Dato' Dr. Alias bin Razak [Kuala Nerus]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bentuk insentif dan sokongan yang ditawarkan kepada institusi pendidikan awam bagi menggalakkan lebih banyak universiti-universiti tempatan mengambil bahagian dalam pelaksanaan kajian unsur nadir bumi (REE).

7 MAC 2024 (KHAMIS) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

MINGGU KETIGA – 7 PERTANYAAN

11 MAC 2024 (ISNIN) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

12 MAC 2024 (SELASA) – 7 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	11.	PR-1531-L23491 **Tuan Chow Yu Hui [Raub]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan strategi yang diadopsi oleh Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) untuk meningkatkan kedudukan dalam Kedudukan Universiti Terbaik Dunia (*World University Ranking*).
2.	23.	PR-1531-L23118 **Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan baru-baru ini dilaporkan seorang sejarawan Perancis telah mempertikaikan fakta salah berkaitan sejarah pelayaran Melayu yang dikeluarkan dua ahli

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
		akademik UPM. Senaraikan langkah sedang diambil Kementerian dalam usaha memastikan jurnal akademik yang diterbitkan oleh universiti mempunyai kualiti dan kredibiliti yang sepatutnya.
3.	8.	PR-1531-L23882 **Dato' Sri Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah pendekatan inovatif Kementerian untuk memperkukuh keupayaan institusi pendidikan tinggi sekaligus memacu kecemerlangan bidang penyelidikan melalui perkongsian dan kerjasama strategik di dalam dan luar negara.
4.	18.	PR-1531-L23941 **Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk memberikan tawaran insentif atau skim perjawatan lebih kompetitif kepada pakar bidang terutamanya bidang TVET di politeknik bagi mengelakkan *brain drain* dalam kalangan pensyarah politeknik sedia ada.
5.	54.	PR-1531-L23249 **Tuan Pang Hok Liong [Labis]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah keseluruhan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang diberikan oleh universiti awam di Malaysia untuk tahun 2010 hingga 2023 dan senaraikan nama-nama universiti yang mengeluarkan ijazah tersebut.
6.	61.	PR-1531-L22941 **Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [Pekan]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam memastikan hasil penyelidikan universiti diguna pakai dengan sebaiknya memandangkan kebanyakan kajian dan penyelidikan ini hanya berakhir di peringkat jurnal sahaja sedangkan ia boleh dibangunkan dan dimanfaatkan kepada masyarakat dan negara.
7.	84.	PR-1531-L22808 **Puan Yeo Bee Yin [Puchong]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan:

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
		(a) berapakah *house officer* (HO) yang sedang berkhidmat di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dan apakah jumlah yang diperlukan untuk memberi perkhidmatan yang optimal; dan (b) adakah PPUM sedang menggunakan "*zero HO protocol*".

13 MAC 2024 (RABU) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

14 MAC 2024 (KHAMIS) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

MINGGU KEEMPAT – 18 PERTANYAAN

18 MAC 2024 (ISNIN) – 9 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	9.	PR-1531-L23258 **Tuan Tan Hong Pin [Bakri]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi isu peningkatan kadar penarikan balik kertas kerja akademik yang tinggi. Bagaimanakah Kementerian berencana meningkatkan kualiti penyelidikan akademik untuk mengelakkan isu seperti jurnal tentang Jong Melayu (UPM) daripada berulang lagi.
2.	15.	PR-1531-L23483 **Tuan Chow Yu Hui [Raub]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa jumlah pelajar mahasiswa dituduh di bawah AUKU sejak tahun 2018-2023.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
3.	20.	PR-1531-L24148 **Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah yang akan diambil oleh Kementerian agar kertas kajian yang dikeluarkan oleh para siswazah PhD digunapakai dan disalurkan kepada industri yang sepatutnya.
4.	22.	PR-1531-L24374 **Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan senarai universiti-universiti tempatan dan kolej-kolej teknikal yang menawarkan kursus kejuruteraan dan statistik graduan kejuruteraan yang masih menganggur selepas tamat pengajian dan adakah Kementerian sedar bahawa terdapat lambakan pekerja asing di Malaysia sedangkan ramai rakyat Malaysia termasuk graduan universiti yang masih menganggur.
5.	24.	PR-1531-L23785 **Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah drastik yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan peluang kepada pelajar kaum India bagi melanjutkan pengajian ke peringkat TVET.
6.	27.	PR-1531-L23484 **Tuan Chow Yu Hui [Raub]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah persatuan-persatuan mahasiswa contohnya Persatuan Kebajikan Anak Pahang atau Persatuan Bahasa Cina di IPTA dibenarkan membuka akaun bank sendiri di bank yang sejajar dengan keinginan autonomi diturunkan kepada mahasiswa yang sentiasa ditegaskan oleh Kementerian.
7.	43.	PR-1531-L24047 **Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa jumlah pelajar yang akan menikmati pembinaan asrama kampus berdasarkan pembentangan Belanjawan 2024.
8.	66.	PR-1531-L22730 **Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
		(a) apakah dasar dan peruntukan semasa untuk universiti awam menerima dan menyokong kanak-kanak genius, terutamanya mereka yang mempunyai IQ yang sangat tinggi; dan (b) adakah terdapat inisiatif sedang dijalankan untuk menggalakkan dan memupuk kanak-kanak berbakat ini dalam sistem pendidikan dalam negara kita.
9.	71.	PR-1531-L23957 **Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan komitmen Kementerian untuk menilai semula program-program yang ditawarkan di Politeknik dan Kolej Komuniti agar lebih terkini, kompetitif dan sesuai dengan keperluan semasa.

19 MAC 2024 (SELASA) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

20 MAC 2024 (RABU) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

21 MAC 2024 (KHAMIS) – 9 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	8.	PR-1531-L24337 **Datuk Dr. Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan inisiatif Kementerian dalam membantu anak-anak golongan B40 atau penerima e-Kasih yang berjaya melanjutkan pelajaran ke IPT untuk memiliki peranti bantu belajar seperti komputer dan memiliki akses internet.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
2.	21.	PR-1531-L23647 **Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan dengan terperinci perancangan dan pelaksanaan terkini mengurangkan nisbah tidak cocok dalam *supply and demand* lepasan universiti dan sektor industri pekerjaan.
3.	12.	PR-1531-L23878 **Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar sekolah menengah yang tidak menyambung pengajian pada peringkat lebih tinggi dan apakah cabaran utama yang menyebabkan golongan terbabit tidak berminat untuk belajar dan apakah langkah pihak Kerajaan bagi mengatasi isu tersebut.
4.	19.	PR-1531-L23698 **Tuan Mordi Bimol [Mas Gading]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan sistem penilaian pelajar dan pensyarah yang dijalankan di atas talian setiap hujung semester pengajian di IPTA. Apakah jaminan bagi memastikan maklum balas yang diberikan benar-benar berintegriti dan telus sekali gus meningkatkan mutu proses pembelajaran dan pengajaran.
5.	40.	PR-1531-L23570 **Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah yang diambil bagi mengatasi isu ketidakcukupan tempat di universiti awam, memandangkan ketika ini Kementerian dilihat tidak mempunyai perancangan untuk menambah bilangan universiti awam.
6.	44.	PR-1531-L23667 **Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah pendekatan dan pemahaman matlamat Pembangunan Lestari diketengahkan dalam kalangan pelajar di Institut Pengajian Tinggi sama ada dalam subjek mata pelajaran ataupun aktiviti ko-kurikulum.
7.	48.	PR-1531-L22818 **Tuan Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai pelan jangka panjang bagi pembangunan dan peningkatan sistem pendidikan tinggi di Malaysia, khususnya bagi IPTS.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
8.	57.	PR-1531-L23732 **Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk membina institusi pendidikan seperti UITM untuk kaum berbangsa India dengan kolaborasi bersama MITRA.
9.	69.	PR-1531-L23637 **Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mewujudkan program dan dana khas melatih barisan pelapis kepimpinan negara dengan ilmu politik yang komprehensif melangkaui parti-parti politik.

MINGGU KELIMA – 7 PERTANYAAN

25 MAC 2024 (ISNIN) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

26 MAC 2024 (SELASA) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

27 MAC 2024 (RABU) – 7 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	11.	PR-1531-L23809 **Puan Rodiyah binti Sapiee [Batang Sadong]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah inisiatif penting yang akan dilaksanakan oleh Kementerian dalam agenda KPT 2024.
2.	15.	PR-1531-L22865 **Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan oleh

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
		pihak Kementerian untuk membina sebuah lagi universiti awam dan universiti swasta di tapak hub pendidikan Sandakan.
3.	18.	PR-1531-L23866 **Dato' Dr. Alias bin Razak [Kuala Nerus]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha-usaha Kementerian untuk memastikan kajian universiti dipilih menjadi projek-projek Kerajaan susulan dapatan kajian baru-baru ini mendapati kira-kira 9,200 kertas penyelidikan universiti khususnya dalam bidang sains dan teknologi hanya tersadai di peringkat jurnal.
4.	38.	PR-1531-L22842 **Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status dan perancangan untuk menubuhkan sebuah Politeknik Konvensional di Betong.
5.	55.	PR-1531-L23807 **Puan Rodiyah binti Sapiee [Batang Sadong]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pelan bagaimana Kementerian berhasrat untuk menangani masalah pelajar yang tidak berminat untuk melanjutkan pelajaran ke universiti. Ini kerana, data Jabatan Perangkaan menunjukkan, 72 peratus pelajar sekolah menengah tidak berminat untuk menyambung pengajian tinggi.
6.	68.	PR-1531-L23490 **Tuan Chow Yu Hui [Raub]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar warganegara asing di setiap Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mengikut pecahan negara dalam kursus sarjana muda antara tahun 2019 hingga 2024.
7.	77.	PR-1531-L23261 **Tuan Tan Hong Pin [Bakri]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah dana penyelidikan disalurkan ke universiti awam (2016-2023) dan bagaimana Kerajaan mengatasi ketidakseimbangan hasil penyelidikan dengan dana pelaburan sebagaimana Laporan Universitas 21 tahun 2020. Adakah pertimbangan membentuk agensi bebas seperti *UK Research and Innovation* (UKRI) untuk menyelaras penyelidikan dan meningkatkan kecekapan penggunaan dana.

PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

22 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan
1.	34.	PR-1531-T09790 **Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [Bagan Serai]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan strategi yang dilakukan pihak Kerajaan dalam menyusun dan menilai semula program yang ditawarkan oleh politeknik dan kolej komuniti agar lebih kompetitif dan berdaya saing.
2.	41.	PR-1531-T09482 **Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah konkrit yang diambil bagi meletakkan IPTA Malaysia pada kedudukan yang lebih baik dalam senarai universiti unggul di dunia.
3.	43.	PR-1531-T09484 **Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai oleh Kementerian untuk menarik pelajar asing bagi mengikuti kursus-kursus di universiti awam dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) serta menjadikan Malaysia sebagai Hub Pendidikan Serantau.
4.	53.	PR-1531-T09345 **Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pelan Kementerian untuk menambah baik dan meminda AUKU untuk memberikan lebih banyak autonomi kepada persatuan-persatuan mahasiswa di setiap universiti termasuk universiti awam dan juga perancangan untuk universiti swasta.
5.	86.	PR-1531-T09145 **Tuan Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kepelbagaian dan inklusiviti dalam kalangan pelajar IPT termasuk IPTS di Malaysia.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan
6.	91.	PR-1531-T09492 **Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah biasiswa yang ditawarkan oleh pelbagai agensi Kerajaan di peringkat ijazah, sarjana dan PhD tahun 2018-2023. Berapakah jumlah yang telah dibelanjakan oleh Kementerian.
7.	149.	PR-1531-T09310 **Dato' Seri Amirudin bin Shari [Gombak]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah graduan bidang TVET dari tahun 2018 sehingga 2023 mengikut setiap bidang latihan yang telah mereka lalui. Berapa daripada graduan ini sudah memperolehi pekerjaan sepadan dengan latihan-latihan tersebut.
8.	169.	PR-1531-T09757 **Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tindakan yang telah dan akan dilakukan bagi memastikan kebajikan pelajar sijil seperti di Kolej Komuniti yang tidak mendapat Bantuan Kewangan Kolej Komuniti (BKPKK) terutama pelajar yang terpaksa menyewa penginapan sendiri dan menanggung kos yang tinggi untuk perbelanjaan seharian.
9.	186.	PR-1531-T09446 **Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) berguna dalam mengawal kegiatan politik pelajar di dalam universiti dan adakah terdapat sebarang kemungkinan akta ini akan dimansuhkan dan diganti dengan akta yang lain.
10.	221.	PR-1531-T09317 **Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk membina politeknik atau kolej komuniti di Kalabakan bagi memenuhi keperluan belia yang ingin mengikuti bidang pendidikan TVET sekaligus dapat menyediakan sumber tenaga separa mahir bagi mengisi keperluan industri pembuatan di Sabah.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan
11.	250.	PR-1531-T09326 **Tuan Lim Lip Eng [Kepong]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengapa kos untuk pembedahan *"untethering of the spinal cord"* di Pusat Perubatan Universiti Malaya adalah RM 6100 (harga invois bertarikh 21 April 2021) berbanding Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia yang tidak mengenakan apa-apa kos sekiranya pesakit mempunyai kad OKU.
12.	263.	PR-1531-T09155 **Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan daerah Klang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan baru diangkat ke status Bandar Raya. Maka, adakah rancangan untuk membina Institusi Pendidikan Tinggi atau Institusi Latihan TVET yang baharu di Klang pada masa depan.
13.	420.	PR-1531-T09548 **Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan data dan maklumat terkini kadar pembayaran balik pinjaman PTPTN di kalangan peminjam memandangkan cabaran ekonomi yang semakin mencengkam kini.
14.	513.	PR-1531-T09177 **Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [Putatan]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status cadangan bagi memperkasakan Institusi TVET dengan pewujudan Universiti Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional dalam mengatasi masalah pengangguran di Sabah. Memandangkan kadar pengangguran yang tinggi di Sabah iaitu merekodkan 7.7% pada suku ketiga 2023, melebihi purata kadar pengangguran negara.
15.	533.	PR-1531-T09400 **Tuan Chow Yu Hui [Raub]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengapa Institusi Pengajian Tinggi Awam boleh menerima pelajar yang mengambil sijil negara asing seperti AUSMAT, A-Level, IB, GaoKao China ke kursus sarjana muda IPTA, tetapi tidak menerima sijil peperiksaan UEC yang telah

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan
		diiktirafkan oleh lebih daripada 200 buah universiti terkenal di antarabangsa.
16.	534.	PR-1531-T09401 **Tuan Chow Yu Hui [Raub]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan butirkan bilangan pelajar yang mengambil kursus perubatan, farmasi, undang-undang, pergigian pada *intake* 2023 di setiap Institusi Pengajian Tinggi Awam yang menyediakan kursus-kursus tersebut mengikut pecahan Matrikulasi, STPM dan *Direct Intake*.
17.	554.	PR-1531-T09649 **Datuk Ali anak Biju [Saratok]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan menerangkan hala tuju pinjaman PTPTN yang terkini. Berapa banyak pinjaman PTPTN untuk anak Sarawak dan berapa yang telah dibayar oleh Kerajaan Sarawak.
18.	552.	PR-1531-T09459 **Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah penerimaan pelajar ke bidang perubatan, perundangan, dan kejuruteraan di semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi tahun 2023 mengikut pecahan pelajar Melayu, Cina, India dan lain-lain.
19.	618.	PR-1531-T09176 **Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah dana yang telah diberikan kepada pihak universiti dalam mengkaji penggunaan perubatan secara tradisional sepanjang lima tahun yang lepas dan adakah tumpuan diberikan sejajar dengan matlamat Kementerian Kesihatan Malaysia dalam membangunkan industri ini.
20.	660.	PR-1531-T09688 **Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan: (a) halangan dan masalah untuk mendirikan sebuah IPT awam di Temerloh sedangkan daerah ini telah mempunyai tapak bagi mendirikan sebuah IPT; dan

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan
		(b) adakah Kementerian berhasrat untuk menaik taraf Kolej Komuniti dan IKTBN di Temerloh menjadi sebuah IPTA.
21.	666.	PR-1531-T09498 **Tuan Riduan bin Rubin [Tenom]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan penyelesaian yang diambil oleh pihak Kementerian terhadap tuntutan yang dibuat oleh mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) berhubung dengan isu bekalan air yang dihadapi oleh mereka sehingga menjejaskan sesi pembelajaran.
22.	669.	PR-1531-T09499 **Tuan Riduan bin Rubin [Tenom]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah mahasisiwa Sabah yang telah menerima manfaat daripada inisiatif bantuan subsidi FlySiswa bagi pembelian tiket penerbangan untuk pelajar universiti awam (UA).

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2024

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DAN JAWAPAN BAGI PERTANYAAN LISAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAKRI BIN HASSAN
[KANGAR]

TARIKH : 29 FEBRUARI 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 4

SOALAN

Tuan Zakri bin Hassan [Kangar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah strategi Kementerian dalam menangani isu pekerjaan di bawah kelayakan (*underemployment)* terutama di kalangan graduan secara berkesan mengambil kira peningkatan trend kadar guna tidak penuh siswazah dengan kelulusan tertiari namun bekerja dalam pekerjaan yang tidak setanding kelulusan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam menangani isu *"underemployment"* graduan, KPT amat komited mempergiat usaha dengan menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti kementerian, agensi serta industri.

2. Antara inisiatif KPT adalah dengan mempergiat kolaborasi bersama industri melalui platform-platform seperti Majlis Pekerjaan Negara dan Majlis TVET Negara (MTVET) yang bertujuan membincangkan isu-isu ketidaksepadanan penawaran dan permintaan tenaga buruh serta menyediakan ruang dan peluang bagi membincangkan isu-isu kebolehpasaran graduan termasuk *"underemployment"*.

3. KPT turut berkolaborasi bersama beberapa agensi dan kementerian lain dalam usaha untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan. Antaranya, agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia iaitu Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia (PERKESO) melalui Portal *MyFutureJobs* bagi padanan pekerjaan.

4. Selain itu, KPT turut terlibat dalam Program Karnival Kerjaya dan *'Job Fair'* yang dianjurkan oleh PERKESO bagi memastikan graduan yang masih belum bekerja dipadankan dengan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelulusan akademik mereka. Sepanjang tahun 2023, seramai **87,757 orang** graduan telah berjaya memperoleh pekerjaan menerusi portal *MyFutureJobs.*

5. Kementerian juga telah menandatangani beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) dengan pihak industri dan agensi berkepentingan contohnya MoU di antara pihak KPT dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) pada tahun 2023 berhubung kerjasama untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan dalam pasaran modal.

6. Pelaksanaan MoU tersebut merupakan manifestasi komitmen kedua-dua pihak dalam menjayakan Program Graduan Pasaran Modal yang menyediakan pakej latihan yang lengkap dan bernilai tinggi yang mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan dalam merancakkan industri pasaran modal dan sekuriti negara.

7. Akhirnya, selain itu, Kementerian juga mengambil inisiatif membangunkan portal dengan izin *Graduates Reference Hub for Employment and Training* atau ringkasnya GREaT. Antara maklumat dan perkhidmatan yang disediakan melalui portal sehenti ini adalah seperti perkhidmatan pencarian dan padanan pekerjaan; permohonan latihan industri, permohonan kemudahan penajaan dan bantuan kewangan melanjutkan pengajian; perkhidmatan untuk mendapatkan kaunseling kerjaya dan *e-profiling*.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN]

TARIKH : 29 FEBRUARI 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 14

SOALAN

Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan untuk menaiktaraf Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) sebagai *full fledged* Universiti dalam waktu yang terdekat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian mengambil maklum dan cakna dengan potensi yang dimiliki oleh Wilayah Persekutuan Labuan menerusi Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) yang mempunyai di dua (2) fakulti iaitu Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan dan Fakulti Pengkomputeran dan Informatik serta dua (2) pusat iaitu Pusat Penataran Ilmu dan Budaya dan Pusat Kokorikulum dan Pemajuan Pelajar.

2. Seramai 90 orang pensyarah yang terlibat dalam menyediakan pendidikan tinggi kepada 1,865 orang pelajar bagi enrolmen 2023

yang mengikuti empat (4) program Doktor Falsafah (Ph.D), lima (5) program Sarjana dan 11 program Sarjana Muda.

3. Pada masa yang sama, Wilayah Persekutuan Labuan juga mempunyai sebuah kolej swasta iaitu *City College* Labuan yang turut menyediakan peluang pengajian peringkat Diploma dalam bidang Pengurusan Perniagaan dan Pengurusan Hotel kepada pelajar-pelajar yang tidak dapat melanjutkan pengajian ke mana-mana IPTA dalam bidang yang diminati mereka.

4. Untuk makluman Tuan Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, satu lawatan turun padang ke UMSKAL telah dibuat pada 26 Januari 2024 yang lalu bagi memantau projek-projek pembangunan serta mandapat input berkenaan permasalahan yang dihadapi oleh UMSKAL.

5. Dalam hubungan ini, pihak Kementerian kini dalam proses untuk merangka strategi bagi kelestarian pendidikan tinggi di Labuan. Ianya akan merangkumi konsep pembangunan yang lebih menyeluruh dengan kepelbagaian Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) seperti Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), politeknik dan kolej komuniti sebagai pemacu kepada pusat pendidikan bersepadu di Labuan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI (BERSARA)
[TANJONG KARANG]

TARIKH : 29 FEBRUARI 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 37

SOALAN

Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [Tanjong Karang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan data statistik tentang kadar pengangguran siswazah terkini dan apakah perancangan serta program yang akan dilaksanakan oleh kerajaan bagi menangani isu pilih kerja bagi graduan agar mereka ini akan diberikan jaminan untuk tidak menganggur dalam tempoh yang terlalu lama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2022, berdasarkan laporan Statistik Siswazah yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), bilangan siswazah menganggur menurun sebanyak 5.5 peratus kepada 187.8 ribu orang berbanding 198.7 ribu siswazah menganggur pada tahun 2021. Manakala, kadar pengangguran siswazah mencatatkan penurunan 0.4 mata peratus kepada 3.7 peratus pada tahun 2022. (sumber daripada **Laporan Statistik Siswazah 2022** yang diterbitkan pada **November 2023**)

2. Berhubung perkara ini, antara inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian ini bagi menangani isu pilih kerja dan isu pengangguran adalah:

   i. **Pembangunan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 sebagai dokumen strategik dan rujukan utama IPT.**

   ii. **Pelaksanaan padanan pekerjaan kepada graduan menerusi kolaborasi dengan PERKESO.**

   iii. **Pelaksanaan program latihan kemahiran dan peningkatan kemahiran seperti Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan (GE)** kepada pelajar tahun akhir pengajian atau graduan universiti awam dan politeknik serta kolej komuniti.

   iv. **Kerjasama dengan industri bagi memastikan institusi dan kemahiran graduan selari dengan keperluan dan perkembangan industri.**

   v. **Kerjasama merentas Kementerian, agensi serta industri juga dimantapkan menerusi permeteraian memorandum persefahaman (MoU)** bertujuan untuk perkongsian pengetahuan teknikal berasaskan industri 4.0, penyelidikan, penerbitan, inovasi dan usaha-usaha pengkomersialan yang melibatkan pembangunan dan penambahbaikan modul, silibus dan kurikulum.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 29 FEBRUARI 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 38

SOALAN

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah masalah kesukaran untuk murid STPM memasuki kursus popular universiti awam yang mengakibatkan ramai murid cemerlang pergi ke universiti swasta akan mengurangkan kualiti dan taraf universiti awam Malaysia. Sarawak memerlukan satu lagi universiti awam untuk menampung murid yang semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa memberikan komitmen dalam memastikan pelajar Lepasan SPM dan STPM berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi.

2. Dalam konteks ini, pemilihan calon pelajar Lepasan STPM untuk melanjutkan pengajian ke universiti adalah setara dan dinilai berdasarkan kelayakan calon. Proses penyetaraan ini dibuat bagi mengiktiraf kurikulum yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menyediakan bakal mahasiswa di Universiti

Awam (UA). Penyetaraan ini juga bagi memastikan calon-calon bersaing secara adil.

3. **Kementerian mengamalkan prinsip meritokrasi dengan mengambil kira 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum dalam proses pemilihan pelajar ke UA,** termasuk pelajar lepasan STPM. Berdasarkan prinsip ini, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberi peluang untuk mengikuti pengajian di UA. Kejayaan calon untuk memperoleh tawaran bergantung kepada susunan merit, memenuhi syarat Am dan syarat Khas serta bilangan tempat yang disediakan oleh UA.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat,

4. KPT sentiasa menyokong IPT Malaysia untuk membolehkan mereka berada dalam kedudukan yang setanding dengan universiti terbaik dunia. Berdasarkan kepada laporan *QS World University Ranking* (QS WUR) terdapat beberapa buah universiti swasta yang turut berada dalam kedudukan 500 terbaik di Asia dan 1200 terbaik dunia.

5. Antara universiti swasta yang berada dalam senarai kedudukan teratas 200 di Asia bagi tahun 2024 ialah *Taylor's University* (ke-41), *UCSI University* (ke-61), Universiti Teknologi PETRONAS (ke-69), Sunway University (ke-103), Universiti Tenaga Nasional (ke-164), *Management And Science University* (ke-155), Universiti Tunku Abdul Rahman (ke-160) dan *Lincoln University College* Malaysia (ke-199).

6. Manakala universiti swasta yang berada dalam senarai kedudukan teratas 600 dalam laporan QS WUR tahun 2024 ialah *Taylor's University* (ke-284), *UCSI University* (ke-300), Universiti Teknologi PETRONAS (ke-307), *INTI International University* (ke-556) dan *Sunway University* (ke-586).

7. Melalui semakan pihak Kementerian juga, terdapat sebuah UA Induk iaitu Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan lima (5) kampus

cawangan seperti UiTM Kampus Mukah, UiTM Kampus Mukah 2, UiTM Kampus Samarahan, UiTM Kampus Samarahan 2 dan Universiti Putra Malaysia (Kampus Bintulu).

8. Ketersediaan infrastruktur sedia ada ini adalah memadai dalam menyediakan pendidikan peringkat diploma dan ijazah bagi semua peringkat lapisan masyarakat di negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM
[GUA MUSANG]

TARIKH : 29 FEBRUARI 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 54

SOALAN

Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [Gua Musang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status terkini cadangan pembinaan universiti awam di Gua Musang. Selain faktor pemilikan tanah untuk tapak bina, apakah faktor lain yang diperlukan untuk menyegerakan pembinaan universiti awam tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Melalui semakan pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), tiada sebarang permohonan yang dibuat bagi membangunkan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) di Gua Musang seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

2. Untuk makluman, penubuhan sesebuah IPT baharu haruslah diteliti sepenuhnya dari pelbagai aspek, antaranya;

3. Pertama, permintaan semasa yang harus merangkumi keperluan dari perspektif pelajar dan masyarakat semasa yang mesti seimbang dengan saiz populasi;

4. Kedua, kecukupan dan kesediaan bekalan tenaga pakar dalam sesuatu bidang;

5. Ketiga, keupayaan menyediakan dan menyelenggara prasarana dengan baik;

6. Keempat, kemandirian kewangan;

7. Kelima, prospek dan jenis program yang hendak ditawarkan; dan

8. Keenam, risiko pertindihan (*overlapping*) dan sebarang ketidakpadanan (*missmatch*) dengan IPT serta program sedia ada.

9. Melalui semakan pihak Kementerian, **di negeri Kelantan terdapat satu (1) universiti induk** iaitu Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dengan **dua (2) kampus cawangan** iaitu Kampus Jeli dan Kampus Pengkalan Chepa. Terdapat beberapa **cawangan UA** seperti kampus cawangan Universiti Teknologi MARA (UiTM) seperti UiTM Kampus Kota Bharu dan UiTM Kampus Machang, Universiti Malaya (UM) Kampus Nilam Puri dan kampus cawangan Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian.

10. Maka, Kementerian percaya ketersediaan infrastruktur sedia ada ini adalah memadai dalam menyediakan pendidikan peringkat diploma dan ijazah bagi semua peringkat lapisan masyarakat di negeri Kelantan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN [KUBANG KERIAN]

TARIKH : 29 FEBRUARI 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 57

SOALAN

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan bagi membendung gejala tidak minat belajar dalam kalangan remaja khususnya pelajar lelaki dan data lengkap unjuran pelajar lelaki dan perempuan di IPTA pada tahun 2030.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian sentiasa berusaha dalam menarik minat pelajar untuk menyambung pengajian ke peringkat pendidikan tinggi.

2. Dalam hal ini, antara langkah-langkah segera dan jangka masa panjang yang telah dan sedang dilakukan bagi membendung gejala tidak minat belajar dalam kalangan remaja adalah melalui:

   i. **Pelaksanaan Program Jom Masuk U**.

   ii. **Pelaksanaan Program *Outreach***.

   iii. **Promosi melalui saluran media sosial rasmi KPT.**

iv. **Menyediakan 4 Laluan Khas** bagi kategori Orang Kurang Upaya (OKU)/ Lepasan Institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Laluan Khas bagi kategori B40, Laluan Khas bagi kategori Orang Asli dan Atlet.

v. Memperkenalkan sistem **pembelajaran secara hibrid dan jadual anjal.**

vi. Menyediakan kemudahan **Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP)** bagi membantu pelajar daripada segi kewangan untuk persediaan awal **sebelum mendaftarkan diri ke IPT.**

vii. Mengurangkan tempoh pengajian sebahagian **Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda daripada empat (4) tahun** kepada hanya **tiga (3) tahun** sahaja.

viii. **Meneruskan Program SULUNG kepada 20 UA**.

ix. **Program Dermasiswa B40 TVET**.

3. KPT akan terus memberi perhatian kepada perkara ini dan mencari jalan untuk terus menarik minat pelajar lepasan sekolah untuk melanjutkan pengajian ke peringkat pendidikan tinggi.

4. Berhubung data lengkap unjuran pelajar di IPTA pada tahun 2030, pada masa ini, Kementerian tidak mempunyai data tersebut. Walau bagaimanapun, data tiga tahun terkini pelajar di IPTA adalah seperti berikut:

   i. Tahun 2021, **286,353 orang pelajar lelaki** manakala **403,660 adalah pelajar perempuan**;

   ii. Tahun 2022, **282,698 orang pelajar lelaki** manakala **405,927 adalah pelajar perempuan**; dan

   iii. Tahun 2023, **287,082 orang pelajar lelaki** manakala **410,437 adalah pelajar perempuan.**

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN [KUBANG KERIAN]

TARIKH : 29 FEBRUARI 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 63

SOALAN

Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :

(a) apakah justifikasi lantikan semula profesor-profesor kontrak yang telah berpencen dan apakah had umur dan masa lantikan para profesor; dan

(b) apakah pelan penggantian (*succession plan*) Kementerian untuk menggantikan profesor yang berpengalaman dan bersara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman, Kerajaan telah menurunkan kuasa menimbang perakuan pelantikan semula secara kontrak bagi pensyarah yang telah bersara kepada Pihak Berkuasa Melantik (PBM) yang berada di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) sendiri.

2. Ini adalah selaras dengan hasrat untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan seperti yang dinyatakan di dalam **Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia: Kaedah Pelantikan Pegawai Dalam Perkhidmatan Awam Dan Urusan-Urusan Lain Berkaitan Pelantikan Versi 1.0 (2022), Ceraian UP1.1.3, Penurunan Kuasa Pelantikan Secara Kontrak Pesara Kerajaan Sebagai Pensyarah di Institusi Pendidikan Tinggi Awam**.

3. Berhubung perkara ini, **justifikasi** bagi pelantikan semula profesor-profesor kontrak yang telah berpencen yang dilaksanakan oleh IPTA antaranya adalah seperti berikut:

   i. Keperluan penaja atau sumber dana penyelidikan;

   ii. Keperluan perkhidmatan yang mendesak bagi bidang kritikal seperti bidang perubatan dan sains kesihatan;

   iii. Berperanan sebagai mentor kepada pensyarah pelapis yang dilantik; dan

   iv. Ketiadaan sumber bakat dalam bidang kepakaran Profesor yang telah bersara.

4. Berhubung **had umur dan masa lantikan** pula, Kerajaan telah bersetuju supaya kuasa melulus kelonggaran syarat had umur maksimum bagi pelantikan secara kontrak diturunkan kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) bagi setiap IPTA selaras dengan matlamat mempertingkat sistem penyampaian perkhidmatan. (**Berdasarkan Ceraian UP1.1.7 Penurunan Kuasa Melulus Kelonggaran Syarat Had Umur Maksimum Bagi Pelantikan Secara Kontrak di Institusi Pengajian Tinggi Awam**)

5. Dalam perkara ini, LPU boleh menimbang dan meluluskan pelantikan secara kontrak calon yang melebihi had umur maksimum iaitu:

   i. 58 tahun bagi bukan pesara (warganegara dan bukan warganegara),

ii. 60 tahun bagi pesara, dan

iii. 65 tahun bagi skim perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah UiTM, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian, Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Penolong Pegawai Perubatan.

6. Selain itu, berkenaan pelan penggantian untuk menggantikan profesor yang berpengalaman dan bersara, antara faktor yang diambil kira oleh IPTA adalah:

   i. Pengenalpastian, penilaian dan pelantikan sumber bakat baharu berdasarkan bidang kepakaran Profesor yang akan bersara,

   ii. Melatih pensyarah sedia ada untuk memenuhi kompetensi seorang Profesor melalui kursus, sangkutan, sabatikal dan persidangan, dan

   iii. Memudahkan proses kenaikan pangkat pensyarah tanpa menjejaskan kualiti.

7. Menjadi hasrat Kerajaan melalui Kementerian ini agar PBM IPTA mematuhi semua dasar, peraturan, prinsip dan syarat-syarat yang ditetapkan mengikut peraturan pelantikan secara kontrak yang berkuat kuasa bagi memastikan kualiti dan tahap pengajian akademik negara sentiasa berada di aras yang tertinggi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG]

TARIKH : 29 FEBRUARI 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 64

SOALAN

Puan Yeo Bee Yin [Puchong] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah *speech and language therapist* (SLT) yang dihasilkan oleh Institut Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta masing-masing setiap tahun:

(a) adakah ia mencukupi untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat; dan

(b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan jumlah SLT yang dihasilkan setiap tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, terdapat lima (5) program pelbagai peringkat kelayakan bidang secara khususnya yang merujuk kepada *speech and language therapist* (SLT) yang ditawarkan oleh tiga (3) buah Universiti Awam (UA) di Malaysia. Program-program ini turut disenaraikan di dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF).

2. Universiti Awam-Universiti Awam yang menawarkan program *speech and language therapist* (SLT) adalah:

   2.1 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

      i. *Bachelor of Speech Science with Honours* (MQA/SWA13991),
      ii. *Master of Health Science (Audiology and Speech)* (MQA/SWA0199), and
      iii. *Doctor of Philosophy (Audiology and Speech)* (MQA/SWA0190).

   2.2 Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Kesihatan

      i. *Bachelor in Speech Pathology (Honours)* (MQA/SWA16044).

   2.3 Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM)

      i. *Bachelor of Speech – Language Pathology (Honours)* (MQA/SWA4962).

3. Dalam pada itu, melalui standard program pendidikan awal kanak-kanak, standard program pendidikan dan standard program sains perubatan dan kesihatan, pendedahan terhadap *Speech and Language Therapist* (SLT) adalah diterapkan secara bersesuaian di dalam kursus-kursus yang berkaitan.

4. Berdasarkan Sistem MyMoheS yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi tempoh **2020 hingga 2023**, jumlah keluaran pelajar daripada pelbagai bidang pertuturan seperti Patalogi Pertuturan; Pertuturan dan Bahasa; serta Pendengaran dan Pertuturan adalah seramai **167 graduan** di pelbagai peringkat pengajian.

5. Berdasarkan maklumat dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sehingga 19 Februari tahun 2024, jumlah pegawai bidang khusus (Terapi Pertuturan-Bahasa) bawah KPM adalah seramai 15 orang. Daripada data tersebut, jumlah *Speech Therapist* (ST) sedia ada tidak mampu untuk menampung keperluan intervensi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) yang semakin meningkat di KPM.

6. Selain itu, berdasarkan kepada maklumat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sehingga 31 Disember 2023, terdapat sebanyak 187 perjawatan Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan) [*Speech-Language Therapist (*SLT*)*] dengan pengisian seramai 157 pegawai (84%). Jumlah ini juga adalah tidak mencukupi untuk menampung keperluan penduduk masa kini dengan nisbah 1:1500 (rujukan: *Ontario Association of Families of Children with Communication Disorders)*.

7. Kementerian ini sentiasa cakna mengenai isu ini. Di peringkat KPT, antara langkah yang dilaksanakan untuk mengatasi kekurangan penawaran bidang *Speech Language Therapist* (SLT) di Malaysia adalah dengan sentiasa menyediakan ruang untuk Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) menambah baik kurikulum program yang ditawarkan menerusi Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA).

8. Bagi mengatasi kekurangan penawaran bidang *Speech Language Therapist* (SLT) di Malaysia, IPT tidak terhad membina kurikulum untuk memenuhi keperluan minimum sahaja, malahan elemen-elemen tambahan terkini boleh dimasukkan ke dalam kurikulum secara inovasi oleh institusi masing-masing.

9. MQA juga sentiasa menekankan keperluan IPT dalam mengurus dan menambahbaik program selaras dengan perkembangan semasa dunia kerjaya. Malah, IPT terus diberi galakan supaya lebih berinovasi dalam penawaran program bagi meningkatkan daya saing graduan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ
[SEGAMAT]

TARIKH : 29 FEBRUARI 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 69

SOALAN

Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah penerimaan pelajar ke bidang perubatan, perundangan, dan kejuruteraan di semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi tahun 2023 mengikut pecahan pelajar Melayu, Cina, India dan lain-lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara keseluruhannya untuk **penawaran kepada calon lepasan STPM/ Setaraf untuk mengikuti pengajian di Universiti Awam (UA) bagi sesi akademik 2023/2024**:

    i. terdapat **1,881** permohonan pilihan pertama ke **program Perubatan** telah diterima, **1,738** permohonan layak dipertimbangkan dan **709 orang calon telah ditawarkan mengikuti program Perubatan.**

ii. Bagi **program Undang-Undang**, sebanyak **2,110** permohonan pilihan pertama telah diterima. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **1,745** daripada permohonan layak dipertimbangkan penawaran dan seramai **542 orang calon telah ditawarkan**.

iii. Bagi **Program Perubatan dan Undang-Undang**, **peratus kejayaan tertinggi penawaran kepada calon lepasan STPM/ Setaraf adalah kepada kaum Cina, diikuti kaum India.** Tiada penawaran kepada kaum Bumiputera dan kaum lain-lain bagi kategori ini.

2. Manakala untuk sesi akademik yang sama bagi **penawaran kepada calon lepasan STPM/ Setaraf ke program-program Kejuruteraan iaitu Mekanikal, Elektrikal, Elektronik, Kimia, Awam dan Pesawat** di UA, kesemua penawaran adalah **inklusif dengan penawaran perdana dan rayuan** oleh calon di mana:

i. bagi program **Kejuruteraan Mekanikal,** terdapat sebanyak **3,026** permohonan pilihan pertama telah diterima dan **2,526 orang calon telah ditawarkan** ke program tersebut**.**

ii. untuk program **Kejuruteraan Elektrikal**, **1,963** permohonan pilihan pertama diterima, dengan **1,617 orang telah ditawarkan ke program** tersebut.

iii. untuk program **Kejuruteraan Elektronik** pula, **1,915** permohonan pilihan pertama ke program diterima dan hasil tapisan calon, seramai **2,381 orang telah ditawarkan ke program** berkenaan**.**

iv. bagi program **Kejuruteraan Kimia**, sebanyak **1611** permohonan pilihan pertama ke program diterima dan **1,407 orang telah ditawarkan program tersebut.**

v. untuk program **Kejuruteraan Awam**, **2,096** permohonan pilihan pertama telah diterima dan seramai **1,823 orang telah ditawarkan ke program Kejuruteraan Awam.**

vi. bagi program **Kejuruteraan Pesawat** pula, terdapat **940** permohonan pilihan pertama diterima oleh Kementerian untuk kemasukan ke **UA** dan daripada jumlah tersebut, seramai **652 orang telah ditawarkan ke program Kejuruteraan Pesawat tersebut.**

3. Dari segi penawaran mengikut kaum bagi program-program kejuruteraan di UA untuk calon lepasan STPM/ Setaraf, **peratus kejayaan tertinggi penawaran adalah kepada kaum Cina, diikuti Bumiputra, India dan Lain-lain** bagi program **Kejuruteraan Mekanikal, Elektrikal dan Elektronik.**

4. Bagi program **Kejuruteraan Kimia dan Awam** pula, **peratus kejayaan tertinggi penawaran adalah kepada kaum Cina, diikuti India, seterusnya Bumiputera dan Lain-lain.**

5. Akhir sekali untuk penawaran ke program **Kejuruteraan Pesawat**, **peratus kejayaan tertinggi penawaran kepada calon lepasan STPM/ Setaraf adalah kepada Bumiputra, diikuti Cina, India dan Lain-lain.**

6. Untuk makluman, pihak Kementerian mengamalkan prinsip meritokrasi dengan mengambil kira 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum dalam proses pemilihan pelajar ke UA termasuklah kepada pelajar-pelajar lepasan STPM dan SPM.

7. Berdasarkan prinsip ini, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberi peluang untuk mengikuti pengajian di UA. Kejayaan calon untuk memperoleh tawaran bergantung kepada susunan merit, memenuhi syarat Am dan syarat Khas serta bilangan tempat yang disediakan oleh UA.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN [PAGOH]

TARIKH : 29 FEBRUARI 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 79

SOALAN

Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan:

(a) jumlah penerima biasiswa Kerajaan (melibatkan semua agensi terlibat) serta kos untuk melanjutkan pengajian tinggi di dalam dan luar negara mengikut kaum, strata pendapatan dan peringkat pengajian; dan

(b) apakah perancangan Kerajaan dalam pemberian biasiswa kepada pelajar pada masa depan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah penerima biasiswa berdasarkan agensi yang terlibat adalah seperti berikut:

    i. **Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)** bagi tempoh **2021 sehingga 2023** melibatkan seramai **48,216 pelajar** di pelbagai

peringkat pengajian dari peringkat sijil sehingga ke ijazah kedoktoran yang melibatkan peruntukan perbelanjaan sebanyak **RM404.59 juta**. Daripada jumlah tersebut, seramai **239 pelajar** telah ditawarkan untuk mengikuti **pengajian di luar negara**.

ii. **Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)** bagi tempoh **2019 sehingga 2023** melibatkan seramai **73,142 pelajar** iaitu 77% (56,193 orang) ialah pelajar tajaan Pinjaman Boleh Ubah Berasaskan Merit Tempat Berkhidmat dan 23% daripadanya (16,949 orang) merupakan pelajar tajaan Dermasiswa yang melibatkan peruntukan kira-kira RM3.34 bilion. Penerima tajaan JPA merangkumi pelbagai kaum yang terdiri daripada 80% Bumiputera dan 20% Bukan Bumiputera. 91% daripada pelajar tajaan terdiri daripada latar belakang B40 dan M40, dan bakinya daripada golongan T20.

iii. **Majlis Amanah Rakyat, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)** melibatkan sejumlah **89,573 pelajar (83,674 dalam negara dan 5,899 luar negara)** telah ditaja di pelbagai peringkat iaitu dari Pra Universiti sehingga Doktor Falsafah dan peringkat Profesional yang melibatkan peruntukan berjumlah RM2 bilion. Daripada jumlah tersebut, seramai 82,025 (91.57%) adalah dari golongan B40, seramai 7,181 (8.02%) dari golongan M40 dan seramai 367 (0.41%) daripada golongan T20.

2. Perancangan Kerajaan dalam pemberian biasiswa kepada pelajar pada masa hadapan berdasarkan agensi yang terlibat adalah seperti berikut:

i. KPT akan melaksanakan **Program MyBrain 2.0** pada tahun 2024. Program ini terbuka kepada orang awam yang tidak bekerja atau tidak berpendapatan tetap dan pensyarah Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bagi melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran. Penajaan program MyBrain 2.0 bertujuan untuk membantu meringankan beban kewangan pelajar melalui pembiayaan yuran pengajian dan Elaun Sara Hidup.

ii. JPA akan terus memperkasa penajaan melalui strategi-strategi berikut:

a. memberi tumpuan kepada penajaan dalam negara bagi menyokong teras Malaysia sebagai Hab Pendidikan;

b. menyediakan penajaan di universiti-universiti terkemuka dunia di luar negara bagi bidang-bidang pengajian yang tidak ditawarkan di Malaysia; dan

c. memberikan penumpuan kepada golongan B40 dan M40 serta memastikan pulangan pelaburan dalam bentuk tenaga kerja berkepakaran tinggi kepada Negara melalui penambahbaikan model penajaan.

iii. MARA akan menawarkan pinjaman pelajaran dalam bentuk pinjaman boleh ubah bermula dari peringkat diploma sehingga ke peringkat doktor falsafah (PhD) dan profesional di IPT terkemuka dalam dan luar negara. Dalam hal ini, bayaran balik pinjaman adalah berdasarkan kepada keputusan akademik pelajar. Pelajar yang memenuhi kriteria akademik yang ditetapkan akan diberi pinjaman bagi melanjutkan pengajian dan ia turut tertakluk kepada status sosio ekonomi keluarga dan institusi pengajian yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT]

TARIKH : 6 MAC 2024 (RABU)

NO. SOALAN : NO. 9

SOALAN

Tuan Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah langkah-langkah diambil untuk memastikan universiti swasta dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara melalui inovasi dan penyelidikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Antara langkah utama memastikan universiti swasta dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara melalui inovasi dan penyelidikan adalah melalui **Program Jaringan Awam-Swasta (*Public-Private Research Network* - PPRN)**.

2. PPRN adalah inisiatif KPT melalui model kerjasama strategik antara industri dan akademia dengan memberi bantuan melalui geran padanan bagi meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Usahasama ini terbuka kepada penyelidik dari Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) serta Pusat-Pusat Penyelidikan di seluruh negara.

3. Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak **680 projek PPRN yang melibatkan 634 syarikat telah diluluskan** dengan jumlah peruntukan kumulatif sebanyak **RM27.7 juta.**

4. Inisiatif PPRN 2.0 melibatkan industri yang bersaiz mikro, kecil, sederhana dan besar yang merentasi 5 sektor ekonomi iaitu Pembuatan; Perkhidmatan; Pertanian; Pembinaan; serta Perlombongan dan Pengkuarian.

5. Berdasarkan rekod bagi 4 tahun lepas iaitu 2020 sehingga 2023, Program PPRN telah berjaya diadaptasi oleh pelbagai penerima manfaat merentasi sektor iaitu penyelidik dan syarikat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang bukan sahaja terdiri daripada sektor awam dan swasta dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM3.1 juta.** Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM735 ribu** telah disalurkan kepada IPTS. Untuk makluman, peruntukan ini pada tahun 2024 telah ditingkatkan kepada RM4 juta di bawah insiasitif Kerajaan Madani.

6. Selain PPRN, untuk menggalakkan universiti swasta menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara melalui inovasi dan penyelidikan, KPT juga ada menyediakan Dana Penyelidikan Fundamental (DPF) KPT sebanyak RM160 juta pada tahun 2023 dan bajet tahun ini RM200 juta. Di bawah Dana Penyelidikan Fundamental (DPF) KPT ini, bilangan projek dan peruntukan geran kepada IPTS pada tahun 2023 sebanyak 196 projek yang melibatkan peruntukan geran yang diluluskan sebanyak RM23 juta.

7. Selain itu juga, pada tahun 2024 KPT turut menyediakan RM26 juta dana suntikan pemerkasaan bidang fokus (*niche area*) Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi Malaysia (HICoE) kepada IPTA dan IPTS.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI [KUALA KEDAH]

TARIKH : 6 MAC 2024 (RABU)

NO. SOALAN : NO. 14

SOALAN

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [Kuala Kedah] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perancangan tuntas untuk meningkatkan jumlah graduan sektor elektrik dan elektronik (E&E) di institusi pengajian tinggi bagi menampung permintaan pasaran industri berteknologi tinggi dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) telah melaksanakan pelbagai program dalam usaha meningkatkan jumlah graduan bagi sektor elektrik dan elektronik (E&E) di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), antaranya:

    i) ***Structured Industry Apprenticeship Programme (SIAP) for Integrated Circuit (IC) Design****;* dan

    ii) **Program *MOHE-Intel Elite Internship Program (MIEIP)****.*

2. Program ***SIAP for IC Design*** merupakan inisiatif untuk merapatkan jurang perbezaan di antara kurikulum universiti dan industri melalui **penerapan modul *IC design* di dalam silibus IPT** bagi melahirkan bakat yang memenuhi keperluan industri. Terdapat enam (6) modul berkaitan *IC Design* yang perlu diterapkan dalam kurikulum bagi memastikan pelajar didedahkan kepada teori dan praktikal dengan menggunakan perisian *Electronic Design Automation* (EDA) Tools. *EDA Tools* ini merupakan perisian bertaraf industri yang digunakan semasa kuliah dan juga semasa melaksanakan projek akhir tahun.

3. Selain itu, KPT melalui JPT juga melaksanakan Program ***MOHE-Intel Elite Internship Program (MIEIP)*** yang merupakan **inisiatif bersama rakan strategik Intel** melalui pelaksanaan latihan industri pelajar di Syarikat Intel. Latihan industri ini memberi pengalaman yang meluas dalam *System on Chip* (SoC) *design* kepada pelajar bidang kejuruteraan Mikroelektronik terpilih daripada universiti awam bagi menggunapakai perisian reka bentuk cip berasaskan piawaian industri.

4. Kedua-dua inisiatif ini bertujuan menjalinkan kerjasama pintar di antara akademia dan industri dalam sektor elektrik dan elektronik bagi memastikan hasil graduan yang berkualiti tinggi seiring dengan keperluan revolusi industri 4.0.

5. KPT melalui JPT juga sentiasa mempergiat **promosi kemasukan pelajar seperti Program Jom Masuk U (JMU) dan *outreach* seluruh negara**. Melalui aktiviti promosi ini, para pelajar yang tercicir berpeluang mendapatkan maklumat yang lebih tepat tentang penawaran program-program pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan seterusnya dapat menyambung pengajian mereka.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI [RAUB]

TARIKH : 6 MAC 2024 (RABU)

NO. SOALAN : NO. 23

SOALAN

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tujuan saluran pengambilan *Direct Intake* bagi Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan harga yuran yang dikenakan dari pelajar *intake* ini mengikut pecahan IPTA dari tahun 2019-2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, **saluran *Direct Intake* (ambilan sendiri)** dilaksanakan oleh Universiti Awam (UA) bagi ambilan Februari atau Mac.

2. Perkara ini adalah selari dengan dasar Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang menetapkan supaya UA hanya dibenarkan membuat ambilan sendiri selepas fasa hebahan rayuan UPUOnline®.

3. Tujuan saluran ***Direct Intake* (ambilan sendiri)** ini adalah bagi mengisi kekosongan tempat bagi program pengajian yang masih mempunyai kekosongan di sebabkan beberapa faktor seperti pelajar tidak mendaftar.

4. Secara keseluruhannya, jumlah yuran pengajijan yang dikutip oleh UA melalui Saluran *direct intake* (ambilan sendiri) adalah:

   i. berjumlah RM64,739,272 bagi tahun **2019** untuk kutipan yuran 15,059 orang pelajar;

   ii. berjumlah RM78,598,968 bagi tahun **2020** untuk kutipan yuran 16,837 orang pelajar;

   iii. berjumlah RM90,482,426 bagi tahun **2021** untuk kutipan yuran 17,720 orang pelajar;

   iv. berjumlah RM102,005,482 bagi tahun **2022** untuk kutipan yuran 16,920 orang pelajar; dan

   v. kutipan yuran bagi 15,595 orang pelajar bagi **Semester 1 Sesi Akademik 2023/2024** pula adalah RM64,661,565.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-15 TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT]

TARIKH : 6 MAC 2024 (RABU)

NO. SOALAN : NO. 77

SOALAN

Tuan Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta **MENTERI PENDIDIDIKAN TINGGI** menyatakan:

(a) dasar dan panduan yang ditetapkan oleh Kementerian bagi memberikan autonomi kepada universiti di Malaysia

(b) bagaimana Kementerian boleh membantu menguruskan isu-isu berkaitan dengan kewangan dan kestabilan universiti swasta?

JAWAPAN

(a)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar pemberian autonomi kepada Universiti Awam (UA) di Malaysia diputuskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 22 September 2011.

2. Mesyuarat tersebut telah bersetuju dengan syor memorandum daripada Kementerian Pengajian Tinggi mengenai strategi dan

kerangka Pelaksanaan Autonomi di Institusi Pengajian Tinggi dalam empat (4) bidang iaitu:

(i) Institusi Governan;

(ii) Kewangan dan Penjanaan Pendapatan;

(iii) Pengurusan Sumber Manusia; dan

(iv) Pengurusan Akademik dan Kemasukan Pelajar

3. Walaupun telah diberikan autonomi, Kerajaan masih bertanggungjawab dan menanggung beban kepada autonomi yang diberi. Oleh yang demikian, Kerajaan telah menetapkan **lapan (8) prinsip asas yang perlu dipatuhi oleh universiti dalam melaksanakan autonomi yang diberi, antaranya**:

(i) Pemakaian semua Pekeliling Perkhidmatan Awam sebagai asas peraturan berkaitan pengurusan sumber manusia dan Lembaga Pengarah / Lembaga Governan mengambil alih peranan Jabatan Perkhidmatan Awam dalam memantau dan bertindak melindungi kepentingan Kerajaan;

(ii) Penjanaan pendapatan oleh UA hendaklah mengutama dan memastikan perlindungan (*insulate and protect*) kepentingan universiti dan Kerajaan; dan

(iii) Tindakan tegas menurut peruntukan tatatertib semasa boleh diambil terhadap pegawai dan kakitangan UA yang gagal mematuhi tatacara dan peraturan serta cuai semasa menjalankan tugas.

(b)

Tuan Yang di-Pertua,

4. Sebagai sebuah IPT yang ditubuhkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*], pengoperasian sesebuah IPTS adalah tergantung sepenuhnya kepada kemampanan kewangan syarikat.

5. Namun demikian, kementerian turut melaksanakan beberapa **pelan intervensi bagi memastikan kemampanan pengoperasian sesebuah IPTS** melalui inisiatif-inisiatif seperti:

(i) **pemantauan laporan tahunan yang teraudit bagi syarikat yang menubuhkan IPTS** bagi melihat prestasi kewangan syarikat serta pemantauan perancangan strategik pengoperasian IPTS bagi lima (5) tahun kepada Ketua Pendaftar sekiranya syarikat yang menubuhkan IPTS mencatatkan kerugian bagi tiga (3) tahun berturut-turut.

(ii) penubuhan **Pasukan Petugas Kebangsaan Pemudahcara Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) Sebagai Industri (PEMUDAH IPTS)** pada 20 Mei 2020. PEMUDAH IPTS menangani isu pertindihan bidang kuasa, mengenal pasti serta menyelaras pelaksanaan pelan intervensi strategik merentas kementerian dan agensi yang terlibat dengan industri pendidikan tinggi swasta untuk memacu pertumbuhan IPTS sebagai sektor ekonomi penting negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. ALIAS BIN RAZAK
[KUALA NERUS]

TARIKH : 6 MAC 2024 (RABU)

NO. SOALAN : NO. 83

SOALAN

Dato' Dr. Alias bin Razak [Kuala Nerus] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bentuk insentif dan sokongan yang ditawarkan kepada institusi pendidikan awam bagi menggalakkan lebih banyak universiti-universiti tempatan mengambil bahagian dalam pelaksanaan kajian unsur nadir bumi (REE).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian sentiasa menggalakkan lebih banyak universiti-universiti tempatan mengambil bahagian dalam pelaksanaan kajian unsur nadir bumi (REE).

2. Program Dana Penyelidikan Fundamental Kementerian Pendidikan Tinggi (**DPF KPT**) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) adalah dana penyelidikan yang disediakan untuk membiaya projek-projek penyelidikan bersifat fundamental dan bertujuan untuk menggalakkan penerokaan idea, konsep atau teori baharu ke arah penjanaan ilmu baharu beracuan Malaysia.

3. Di bawah DPF KPT ini, sebanyak 18 buah projek berkaitan Nadir Bumi atau *'Rare Earth'* termasuklah Unsur Nadir Bumi (*Rare Earth Elements*) dalam pelbagai bidang antaranya ialah '*Environment', 'Geoscience', 'Materials Science'* dan *'Physics'* telah diluluskan pada tahun 2016 hingga 2023.

4. Selain dana penyelidikan yang disediakan oleh KPT, penyelidik di universiti juga digalakkan untuk menjalankan penyelidikan dengan pihak agensi Kerajaan yang berkaitan, kerajaan negeri mahupun dengan pihak industri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH
[INDERA MAHKOTA]

TARIKH : 12 MAC 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 8

SOALAN

Dato' Sri Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah pendekatan inovatif Kementerian untuk memperkukuh keupayaan institusi pendidikan tinggi sekaligus memacu kecemerlangan bidang penyelidikan melalui perkongsian dan kerjasama strategik di dalam dan luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Izinkan saya untuk menjawab soalan Indera Mahkota.

2. Kecemerlangan IPT diukur melebihi dari indikator kesarjanaan akademik seperti penerbitan dan persidangan serta penarafan.

3. Kecemerlangan IPT mestilah memberi impak kepada industri, Kerajaan dan masyarakat. IPT mengumpulkan *'brain of nation'* dengan izin, yang meletakkan permasalahan negara dan dunia sebagai teras utama dalam menentukan hala tuju penyelidikan.

4. KPT menggerakkan inisiatif kecemerlangan yang inovatif berdasarkan kerangka *quadra helix* iaitu gabungan kerjasama strategik empat penjuru: akademik, industri, Kerajaan, masyarakat meliputi pemegang taruh dalam dan luar negara. Kecemerlangan IPT memerlukan keempat-empat pemegang taruh ini untuk bertindak bersama dari peringkat permulaan hinggalah ke peringkat akhir.

5. KPT menyokong usaha-usaha memperkasa program penyelidikan kolaboratif atau *collaborative research* dengan izin, di dalam dan luar negara. Sokongan KPT dapat dilihat melalui Program Penyelidikan Padanan Antarabangsa atau *Malaysia Partnership and Alliances in Research* atau MyPAiR yang bertujuan mempertingkat kerjasama penyelidikan antara IPT dengan industri serta agensi tempatan mahupun antarabangsa, dalam bidang strategik.

6. Melalui MyPAiR, perkongsian dan kerjasama penyelidikan tidak terhad kepada perkongsian kepakaran tetapi turut merangkumi konteks yang lebih luas seperti perkongsian infrastruktur dan peralatan.

7. Manakala dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan penyelidikan ini, ia termasuklah bidang-bidang Tenaga, Perubatan dan Penjagaan Kesihatan, Teknologi dan Sistem Pintar, *Smart Technology and Systems, Next Generation Engineering and Manufacturing,* dengan izin dan sebagainya.

8. Dalam konteks kerjasama penyelidikan yang melibatkan negara luar, ia termasuklah penyelidikan yang diadakan dengan negara-negara seperti United Kingdom, Jepun, Perancis dan Sepanyol melalui *Natural Environment Research Council (NERC),* dengan izin, *Medical Research Council (MRC), Science and Technology Facilities Council, British Council* dan lain-lain. Projek kerjasama ini diuruskan oleh JPT dan ditawarkan untuk kajian-kajian merentasi sempadan.

9. Pada masa ini, KPT juga telah menyediakan dana pra-pengkomersialan yang dinamakan Geran *Malaysia Laboratories For Academia-Business Collaboration* atau MyLAB yang dibuka pada

setiap tahun. Geran ini bertujuan untuk menghubungkan jurang pengkomersialan produk penyelidikan dengan menyediakan dana pra-pengkomersialan melibatkan kerjasama akademia dan industri.

10. Hasil penyelidikan yang dijalankan melalui geran ini adalah merupakan produk, teknologi atau perkhidmatan yang dibangunkan yang sedia diterima pakai pada skala pra pengkomersialan dan dapat dikomersialkan oleh pihak industri selepas projek tamat melalui perjanjian perlesenan di antara universiti dengan pihak industri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI [RAUB]

TARIKH : 12 MAC 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 11

SOALAN

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan strategi yang diadopsi oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) untuk meningkatkan kedudukan dalam Kedudukan Universiti Terbaik Dunia (*World University Ranking*).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa menyokong Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Malaysia dalam pelbagai cara untuk membolehkan mereka berada dalam kedudukan yang setanding dengan universiti terbaik dunia.

2. Untuk makluman, sehingga kini, Universiti Malaya masih mengekalkan kedudukan 100 terbaik dunia dengan kedudukan ke-65 bagi QS WUR 2024. Manakala 4 buah Universiti Penyelidikan/ *Research University* (RU) lagi iaitu Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia telah berjaya mencapai kedudukan 200 terbaik dunia dalam QS WUR 2024. Universiti Malaya juga turut berada dalam kedudukan ke-11 terbaik Asia tahun 2024.

3. Selain itu, terdapat satu lagi sistem penarafan oleh *Times Higher Education* (THE) yang dikenali sebagai *Impact Ranking* dan

Universiti Sains Malaysia (USM) telah berjaya berada di ranking ke 4 dunia daripada lebih 1500 universiti yang mengambil bahagian dari lebih 100 buah negara untuk tahun 2022 dan 2023 berturut-turut.

4. Berhubung perkara ini, antara strategi yang dilaksanakan oleh Universiti Awam (UA) untuk membolehkan mereka berada dalam kedudukan universiti terbaik dunia adalah dengan:

    i. **memperbanyak *Memorandum of Agreement* (MoA) serta memperkasa program dalam *Memorandum of Understanding* (MoU)** agar setiap MoU dapat dinaik taraf ke pelaksanaan MoA yang memberi nilai tambah dan penjanaan kepada universiti.

    ii. **meningkatkan jaringan dan hubungan rapat dengan alumni di industri, rakan industri serta rakan daripada universiti antarabangsa** melalui kolaborasi penyelidikan dan inovasi.

    iii. **pemantauan penerbitan penyelidikan yang berkualiti** yang mampu menghasilkan *citation* yang tinggi.

    iv. **memastikan kualiti dan hasil penyelidikan memenuhi keperluan MyRA**. Contohnya penerbitan berkualiti di jurnal Q1 atau Q2, penerbitan berindek di WOS dan SCOPUS.

    v. **meningkatkan penglibatan universiti dalam menangani isu isu kemampanan dan kelestarian alam melalui penyelidikan translasi atau berimpak.**

    vi. **penglibatan dalam pelbagai program pengantarabangsaan** yang berkaitan dengan akademik dan penyelidikan seperti program mobiliti pelajar dan staf, penganjuran persidangan antarabangsa dan penyertaan dalam program pendidikan tinggi di luar negara.

5. Walaupun ranking adalah penting untuk keterlihatan sesebuah universiti tetapi peranan universiti ke arah kemenjadian siswazah dan menyelesaikan masalah masyarakat hendaklah diutamakan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN RUSHDAN BIN RUSMI
[PADANG BESAR]

TARIKH : 12 MAC 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 18

SOALAN

Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk memberikan tawaran insentif atau skim perjawatan lebih kompetitif kepada pakar bidang terutamanya bidang TVET di politeknik bagi mengelakkan *brain drain* dalam kalangan pensyarah politeknik sedia ada.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) sentiasa cakna terhadap perkembangan kerjaya para pegawainya.

2. Skim Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) diwujudkan dengan menawarkan insentif kenaikan pangkat tanpa kekosongan, berasaskan kecemerlangan kepada semua warganya.

3. Sejak Skim PPPT diperkenalkan, sebanyak 17,133 kenaikan pangkat telah diberikan dan seramai 297 orang pegawai berjaya dinaikkan

pangkat hingga ke gred DH54. Namun demikian, Jabatan menyedari terdapat keperluan untuk memberi insentif yang lebih baik kepada para pegawai yang cemerlang.

4. Program Transformasi Politeknik dan Pemerkasaan Kolej Komuniti turut merangkumi agenda penambahbaikan skim perkhidmatan melalui pertambahan satu lapisan gred pegawai dan pewujudan pensyarah pakar TVET. Kerja-kerja awal telah dimulakan oleh Jabatan dan pihak KPT juga memberikan bantuan bagi menjayakan agenda ini.

5. Penambahbaikan Skim PPPT ini adalah sejajar dengan perubahan kehendak industri. Seperti juga kekhuatiran YB Padang Besar, Jabatan memandang serius isu *brain drain* dalam kalangan PPPT.

6. Intipati penambahbaikan Skim PPPT ini adalah berkaitan dengan cadangan penambahan satu lagi lapisan kenaikan pangkat dan pewujudan jawatan pensyarah pakar TVET agar perkembangan kerjaya para pensyarah ini menjadi lebih menarik dan nilainya setanding jawatan di sektor swasta.

7. Antara usaha awal Jabatan bagi mencapai hasrat tersebut adalah dengan giat melaksanakan program pentauliahan profesional. Dalam program ini, para pensyarah giat diasah kepakaran mereka dengan kemahiran-kemahiran bertaraf industri.

8. Program ini digubal bersama-sama rakan industri sebagai penentu standard supaya kemahiran yang diperolehi benar-benar selari dengan kehendak industri.

9. Selain itu, Jabatan turut memperkemas program sangkutan pensyarah di industri yang dapat memudahkan pensyarah TVET menajamkan kemahiran teknikal masing-masing.

10. Dalam masa yang sama, kajian semula perbekalan skim sudah dimulakan sejajar dengan langkah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) merombak kaedah pelaksanaan sistem penilaian pencapaian

pegawai awam. Untuk konteks ini, Jabatan menumpukan kepada pemerkasaan pemimpin instruksional (*instructional leaders*) iaitu pembangunan kerangka pensyarah pakar TVET yang akan digandingkan dengan imbuhan-imbuhan yang setimpal.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU]

TARIKH : 12 MAC 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 23

SOALAN

Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan baru-baru ini dilaporkan seorang sejarawan Perancis telah mempertikaikan fakta salah berkaitan sejarah pelayaran Melayu yang dikeluarkan dua ahli akademik UPM. Senaraikan langkah sedang diambil Kementerian dalam usaha memastikan jurnal akademik yang diterbitkan oleh universiti mempunyai kualiti dan kredibiliti yang sepatutnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa cakna dengan kualiti penerbitan oleh setiap universiti dan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di bawah seliaan KPT.

2. Dalam hal ini, pihak universiti sentiasa diminta untuk memastikan setiap artikel diterbitkan dalam jurnal berimpak tinggi dan diindeks oleh badan antarabangsa seperti WOS dan SCOPUS.

3. Berkenaan isu penarikan balik artikel, pihak universiti akan menentukan langkah selanjutnya yang akan dikenakan terhadap penulis setelah siasatan dalaman dilakukan.

4. Berhubung langkah yang diambil oleh Kementerian dalam memastikan jurnal akademik yang diterbitkan oleh universiti mempunyai kualiti dan kredibiliti, satu jawatankuasa telah dibentuk oleh KPT melalui Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) yang diketuai oleh pakar bidang dari universiti.

5. Jawatankuasa ini bertujuan untuk mengkaji trend penerbitan dalam jurnal pemangsa dan penarikan balik artikel di semua universiti awam yang dilihat lebih bersifat "*profit based*" yang telah menyebabkan negara menghabiskan jutaan ringgit untuk pembayaran kepada penerbit berkenaan dan kurang menekankan aspek kualiti dan mempunyai kriteria penilaian yang lemah.

6. Jawatankuasa ini juga akan mencadangkan beberapa usul bagi penambahbaikan untuk mengekang penerbitan dalam jurnal pemangsa seperti perkongsian senarai jurnal pemangsa dan pengunjuran semula kriteria dalam MyRA.

7. Selain itu, pihak JPT juga telah mengeluarkan surat pekeliling yang bertarikh 13 Julai 2023 bagi melarang penggunaan dana kerajaan untuk tujuan pembayaran kepada penerbit tertentu.

8. Secara keseluruhannya, Kerajaan akan sentiasa berusaha memastikan pemerkasaan penerbitan berimpak tinggi yang akan menjadi kayu pengukur kecemerlangan universiti dan IPT.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 12 MAC 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 54

SOALAN

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah keseluruhan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang diberikan oleh universiti awam di Malaysia untuk tahun 2010 hingga 2023 dan senaraikan nama-nama universiti yang mengeluarkan ijazah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) merupakan badan yang dipertanggungjawabkan untuk menyelia dan menyelaras jaminan kualiti dan akreditasi pendidikan tinggi negara.

2. Dalam usaha untuk memastikan program Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang ditawarkan berkualiti dan sentiasa menepati kehendak semasa, MQA telah membangunkan dokumen jaminan kualiti sebagai rujukan piawaian dan panduan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) untuk membangunkan program yang memenuhi aspek kualiti yang ditetapkan.

3. **Bermula tahun 2007**, jumlah keseluruhan **program Ijazah Doktor Falsafah (PhD)** (Tahap 8, Kerangka Kelayakan Malaysia) yang **ditawarkan oleh Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) tempatan** dan disenaraikan di *Malaysian Qualifications Register* (MQR) adalah **sebanyak 998 program**.

4. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **719 program Ijazah Doktor Falsafah (PhD)** (Tahap 8 Kerangka Kelayakan Malaysia) yang disenaraikan di *Malaysian Qualifications Register* (MQR) merupakan program yang **ditawarkan oleh 20 Universiti Awam (UA) dari tahun 2010 hingga 2023**.

5. Untuk makluman, berdasarkan Sistem MyMoheS yang dikeluarkan oleh KPT, sepanjang tempoh **2010 sehingga 2023, seramai 41,330 pelajar PhD** di Universiti Awam (UA) berjaya menamatkan pengajian.

6. Bagi tahun **2023** sahaja, seramai **4,074 pelajar PhD** berjaya menamatkan pengajian iaitu meningkat sebanyak 8.5% berbanding 3,754 pelajar pada tahun 2022. Pada tahun yang sama, **empat UA dengan keluaran pelajar PHD tertinggi** adalah UTM seramai 577 pelajar (14.2%), USM seramai 551 pelajar (13.5%), UPM seramai 529 pelajar (13.0%) dan seramai UM 503 pelajar (12.3%). Keempat-empat UA ini menyumbang kepada keluaran pelajar PhD sebanyak 53.0%.

7. Kementerian akan terus memantau kualiti pendidikan tinggi bagi memastikan program yang ditawarkan oleh IPT tempatan mencapai piawaian yang ditetapkan agar graduan Ijazah Kedoktoran yang dihasilkan adalah berkualiti.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI [PEKAN]

TARIKH : 12 MAC 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 61

SOALAN

Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam memastikan hasil penyelidikan universiti diguna pakai dengan sebaiknya memandangkan kebanyakan kajian dan penyelidikan ini hanya berakhir di peringkat jurnal sahaja sedangkan ia boleh dibangunkan dan dimanfaatkan kepada masyarakat dan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berhubung perkara ini, setiap tahun, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan menyalurkan dana penyelidikan yang bersifat fundamental untuk menghasilkan penerbitan jurnal yang berimpak tinggi dan juga boleh digunakan untuk penghasilan prototaip.

2. Bagi peringkat seterusnya untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan, dana daripada pelbagai pihak seperti MOSTI dan

agensi swasta boleh dipohon oleh penyelidik bagi mengembangkan lagi hasil inovasi.

3. Pihak universiti juga mempunyai jabatan yang bertindak khusus bagi membantu pengkomersialan dan pemasaran hasil penyelidikan.

4. Selain itu, KPT turut mengumpulkan maklumat berkenaan hasil penyelidikan yang berpotensi dan kejayaan daripada kajian terdahulu dan akan dikumpulkan melalui acara tahunan seperti *Malaysia Higher Education Research Exhibition* (MyHERE) dan *Festival of Ideas* yang akan dianjurkan secara berperingkat oleh KPT bagi mempamerkan hasil penyelidikan kepada umum dan menarik minat pemberi dana.

5. Secara kesimpulannya, Kerajaan sentiasa berusaha memastikan hasil penyelidikan akan dimanfaatkan oleh semua pihak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG]

TARIKH : 12 MAC 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 84

SOALAN

Puan Yeo Bee Yin [Puchong] minta **MENTERI PENDIDIDIKAN TINGGI** menyatakan:

(a) berapakah *house officer* (HO) yang sedang berkhidmat di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dan apakah jumlah yang diperlukan untuk memberi perkhidmatan yang optimal; dan

(b) adakah PPUM sedang menggunakan "*zero HO protocol*".

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) telah diperuntukkan 400 perjawatan Pegawai Perubatan Siswazah / *House Officer* (PPS / HO) berstatus '*contract of service'* yang dibayar menggunakan peruntukan OS29000 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

2. Sehingga 31 Januari 2024, jumlah pengisian PPS di PPUM adalah seramai 143 orang. Ini bermaksud terdapat 257 jawatan PPS di PPUM yang belum diisi sehingga tarikh yang dinyatakan.

3. Dalam hal ini, PPUM memerlukan sekurang-kurangnya 276 hingga 345 orang PPS untuk memberikan perkhidmatan yang optimum.

4. Untuk makluman, istilah *zero HO protocol* **tidak pernah wujud** dalam aspek pengoperasian hospital sebelum ini. Istilah ini baru diwujudkan sebagai merujuk kepada cadangan pengubahsuaian pengendalian tugas harian untuk mengatasi masalah kekurangan PPS di PPUM .

5. PPUM tidak pernah mengarahkan agar *zero HO protocol* diaktifkan di hospital ini. Ini disebabkan PPUM sentiasa komited untuk melaksanakan fungsinya sebagai sebuah Hospital Pengajar Universiti (HPU) walaupun berhadapan dengan kekurangan PPS seperti yang dialami sekarang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN HONG PIN [BAKRI]

TARIKH : 18 MAC 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 9

SOALAN

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi isu peningkatan kadar penarikan balik kertas kerja akademik yang tinggi. Bagaimanakah Kementerian berencana meningkatkan kualiti penyelidikan akademik untuk mengelakkan isu seperti jurnal tentang Jong Melayu (UPM) daripada berulang lagi.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa cakna dalam menjaga kualiti penerbitan oleh setiap universiti dan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di bawah seliaan KPT.

2. Dalam hal ini, pihak universiti diminta untuk memastikan setiap artikel yang diterbitkan dalam jurnal adalah yang berimpak tinggi dan diindeks oleh badan antarabangsa seperti *Web of Science* (WOS) dan SCOPUS.

3. Secara umumnya, dalam memastikan jurnal akademik yang diterbitkan oleh universiti mempunyai kualiti dan kredibiliti, jawatankuasa khas telah dibentuk oleh Kementerian melalui Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) yang diketuai oleh pakar bidang dari universiti-universiti yang ada.

4. Jawatankuasa ini bertujuan untuk mengkaji trend penerbitan dalam jurnal pemangsa dan penarikan balik artikel di semua Universiti Awam (UA) yang dilihat lebih bersifat "*profit based*" dengan izin, yang telah menyebabkan negara menghabiskan jutaan ringgit untuk pembayaran kepada penerbit, kurang menekankan aspek kualiti dan mempunyai kriteria penilaian yang lemah.

5. Jawatankuasa ini juga akan mencadangkan beberapa usul bagi penambahbaikan untuk mengekang penerbitan dalam jurnal pemangsa seperti perkongsian senarai jurnal pemangsa dan pengunjuran semula kriteria dalam *Malaysia Research Assessment* (MyRA 2.0).

6. Selain itu, pihak JPT juga telah mengeluarkan surat pekeliling yang bertarikh 13 Julai 2023 bagi melarang penggunaan dana kerajaan untuk tujuan pembayaran kepada penerbit tertentu.

7. Berhubung perkara ini juga, dalam merencana peningkatan kualiti penyelidikan di universiti, KPT akan memberikan penekanan agar setiap universiti menekankan aspek nichenya iaitu kekuatan-kekuatan yang ada padanya. Ini adalah sebagaimana yang telah dinyatakan oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi semasa menjawab pertanyaan lisan pada 12 Mac 2024 yang lalu.

8. Selain itu, Universiti-Universiti Awam (UA) di KPT fokus kepada penyelesaian isu-isu utama di Malaysia. Misalnya, dalam konteks Universiti Sains Malaysia (USM) yang kita tahu, mereka mempunyai kekuatan dalam bidang *sustainability* dan merupakan antara universiti contoh yang mempunyai kepakaran dalam bidang SDG. Universiti Putra Malaysia (UPM) pula memfokuskan kepada aspek pertanian dan keterjaminan makanan.

9. Maka inilah penekanan-penekanan yang akan kita berikan mengikut fokus kekuatan yang ada pada setiap IPT kita di Malaysia yang akan menjamin kualiti penyelidikan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI [RAUB]

TARIKH : 18 MAC 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 15

SOALAN

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa jumlah pelajar mahasiswa dituduh di bawah AUKU sejak tahun 2018-2023

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada asalnya, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) diwartakan pada tahun 1971 bagi penyeragaman dan pemusatan hal berkaitan tadbir urus Universiti Awam (UA) kepada Kementerian.

2. AUKU juga bertujuan menubuhkan, menyelenggara dan mentadbir Universiti dan Kolej Universiti. AUKU juga merupakan punca kuasa penubuhan dan tadbir urus 18 UA dan akta yang menghubungkan akauntabiliti IPT kepada kerajaan dan masyarakat.

3. Terdapat dua (2) kategori kesalahan di bawah AUKU iaitu kesalahan akademik dan kesalahan bukan akademik.

4. Berdasarkan data dari tahun 2018 sehingga 2023, seramai **945 orang pelajar telah dituduh di bawah AUKU bagi kesalahan**

akademik yang meliputi kesalahan seperti meniru dan membawa nota semasa peperiksaan.

5. Manakala kesalahan bukan akademik pula terbahagi kepada beberapa kategori kesalahan seperti kes dadah, sosial atau moral, kesalahan berkaitan media sosial, buli, bergaduh, mencuri dan lain-lain.

6. Jumlah pelajar yang melakukan kesalahan bagi **kategori bukan akademik** adalah seramai **1,049 orang pelajar**.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI
[KUALA KRAU]

TARIKH : 18 MAC 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 20

SOALAN

Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah yang akan diambil oleh Kementerian agar kertas kajian yang dikeluarkan oleh para siswazah PhD digunapakai dan disalurkan kepada industri yang sepatutnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa cakna dengan kualiti penyelidikan oleh setiap universiti dan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) termasuk kajian oleh siswazah PhD agar dapat dimanfaatkan oleh semua pihak.

2. Untuk makluman, setiap tahun, KPT ada menyalurkan dana penyelidikan yang bersifat fundamental untuk menghasilkan penerbitan jurnal yang berimpak tinggi, selain boleh digunakan untuk penghasilan prototaip.

3. Bagi peringkat seterusnya untuk pengkomersialan hasil penyelidikan, dana daripada pelbagai pihak antaranya seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan agensi swasta boleh dimohon oleh penyelidik bagi mengembangkan lagi hasil inovasi. Pihak universiti juga mempunyai jabatan yang bertindak khusus bagi membantu pengkomersialan dan pemasaran hasil penyelidikan.

4. Selain itu, KPT turut mengumpulkan maklumat berkenaan hasil penyelidikan yang berpotensi dan kejayaan daripada kajian terdahulu yang dikumpulkan melalui acara tahunan seperti *Malaysia Higher Education Research Exhibition* (MyHERE) dan *Festival of Ideas* yang akan dianjurkan secara berperingkat oleh KPT bagi mempamerkan hasil penyelidikan kepada umum dan menarik minat pemberi dana.

5. Selain langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian, di peringkat Universiti Awam (UA) juga pelbagai langkah tertentu dilaksanakan dalam memastikan kajian-kajian oleh UA termasuk kajian oleh siswazah PhD dapat dimanfaatkan secara optimum.

6. Antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh UA adalah seperti berikut:

    i. Sentiasa membuka dan membangunkan peluang kerjasama antara institusi pendidikan dan industri melalui perjanjian penyertaan dalam projek penyelidikan bersama, atau program penerapan hasil penyelidikan ke dalam produk atau perkhidmatan industri.

    ii. Melantik mentor atau penyelia bersama dalam kalangan pemain industri bagi memudahkan projek-projek yang diselia terus digunakan oleh industri terbabit.

    iii. Memastikan para pelajar Doktor Falsafah menghasilkan kajian penyelidiakan berimpak yang diterbitkan dalam jurnal berstatus Scopus, WoS, ERA atau MyCite. Ini merupakan syarat wajib bagi pelajar Doktor Falsafah untuk bergraduat. Memandangkan kebanyakan penerbitan ini boleh dicapai secara terbuka (*open*

access), maka industri akan lebih mudah untuk mengakses hasil kajian ini secara tepat dan pantas mengikut keperluan dan kepentingan industri berkenaan.

iv. Mengadakan beberapa kerjasama strategik dengan syarikat dan agensi di dalam dan luar negara melalui penubuhan kursi dan dana endowmen dalam penyelidikan-penyelidikan yang lebih bersasar mengikut keperluan rakan strategik, masyarakat dan negara secara keseluruhannya.

v. Projek-projek atau kertas kajian yang berpotensi daripada para siswazah PhD akan dibawa ke industri-industri bersesuaian untuk sesi *pitching*.

7. Secara keseluruhannya, Kementerian dan pihak UA akan sentiasa berusaha memastikan hasil penyelidikan akan dimanfaatkan oleh semua pihak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM [ARAU]

TARIKH : 18 MAC 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 22

SOALAN

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan senarai universiti-universiti tempatan dan kolej-kolej teknikal yang menawarkan kursus kejuruteraan dan statistik graduan kejuruteraan yang masih menganggur selepas tamat pengajian dan adakah Kementerian sedar bahawa terdapat lambakan pekerja asing di Malaysia sedangkan ramai rakyat Malaysia termasuk graduan universiti yang masih menganggur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, secara keseluruhannya terdapat 18 Universiti Awam (UA) yang menawarkan kursus kejuruteraan.

2. Dalam hal ini, berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) pada tahun 2022, peratus kebolehpasaran graduan (GE) bidang kejuruteraan adalah tinggi iaitu 93.8%. Peratusan ini melibatkan 53,257 graduan. Manakala graduan kejuruteraan yang

belum atau tidak bekerja adalah seramai 3,495 orang iaitu merangkumi sebanyak 6.22%.

3. Berhubung perkara melibatkan pekerja asing di Malaysia, berdasarkan data daripada Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) sehingga 31 Januari 2024, jumlah pekerja asing di bawah pas lawatan kerja sementara (PLKS) yang berada dalam pasaran buruh tempatan adalah seramai 2,127,512 orang. Pekerja asing yang digajikan di atas adalah dalam kategori pekerja kurang mahir dan menduduki pekerjaan-pekerjaan asas (*elementary occupations*) dalam sektor-sektor seperti Perkilangan (684,472); Pembinaan (574,667); Perkhidmatan (352,455); Perladangan (255,327); Pertanian (161,134); Pekerja Domestik (Pembantu Rumah Asing) (99,007); dan Perlombongan & Pengkuarian (460).

4. Dalam hal berkaitan, berdasarkan hasil kajian yang dijalankan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) dengan kerjasama *TalentCorp* dan *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) pada tahun 2021 dan 2022, kajian mendapati kadar pengangguran pekerja tempatan dengan kelayakan mahir adalah antara 3.9% hingga 4.4%.

5. Kadar pengangguran tertinggi adalah pekerja mahir di bawah usia 25 tahun yang merupakan graduan yang baru menamatkan pengajian. Kadar ini menurun dengan ketara apabila pekerja-pekerja mahir bertambah usia dan mengumpul lebih banyak pengalaman.

6. **Tenaga kerja mahir asing sedia ada bukan penyebab kepada pengangguran dalam kalangan graduan tempatan**. Sebaliknya terdapat pelbagai faktor penyumbang lain seperti gaji rendah, sikap memilih kerja dan sebagainya.

7. Walau bagaimanapun, Kerajaan tetap komited dengan dasar untuk memberi keutamaan kepada penggajian pekerja tempatan dalam pasaran pekerjaan negara. Oleh yang demikian, jumlah pekerja asing yang digajikan dalam pasaran buruh negara masih di bawah 15 peratus seperti yang ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan dakwaan bahawa berlaku lambakan pekerja asing di Malaysia adalah kurang tepat. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]

TARIKH : 18 MAC 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 24

SOALAN

Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah drastik yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan peluang kepada pelajar kaum India bagi melanjutkan pengajian ke peringkat TVET.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa komited dalam memastikan kemasukan pelajar ke program pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) termasuk Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) ditingkatkan dari semasa ke semasa.

2. Ketika ini, KPT menyediakan lebih daripada 52,000 tempat ke program TVET KPT, iaitu ditawarkan di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Diploma dan Sijil dalam pelbagai bidang pengajian.

3. Institusi yang menawarkan program TVET KPT terdiri daripada empat (4) buah Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) iaitu Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia (UTEM), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Malah, program TVET turut ditawarkan di 36 Politeknik dah 105 Kolej Komuniti di seluruh negara.

4. Kemasukan pelajar ke IPT sama ada melibatkan program TVET dan bukan TVET adalah dilaksanakan berasaskan prinsip meritokrasi tanpa mengira agama, bangsa, keturunan dan negeri.

5. Dalam konteks ini, setiap pelajar yang berkelayakan termasuk pelajar dari kaum India berpeluang untuk melanjutkan pengajian di IPT melalui penyebaran maklumat kemasukan secara meluas melalui pelbagai medium dalam talian.

6. Kementerian ini mengakui bahawa persaingan untuk mendapatkan tempat pengajian khususnya di IPT Awam adalah amat tinggi. Dalam usaha menjadikan TVET sebagai pemboleh daya kepada pertumbuhan ekonomi negara dan sasaran yang ditetapkan dalam RMKe-12 untuk meningkatkan pengambilan 55% lepasan SPM atau setaraf ke program TVET menjelang tahun 2025, pelbagai perancangan bagi meningkatkan akses pendidikan TVET telah dilaksanakan.

7. Secara keseluruhannya, melalui pelaksanaan Pelan Transformasi Politeknik 2023-2030 dan Inisiatif MTUN Termaju 2030, Kementerian berusaha meningkatkan akses kemasukan pelajar TVET KPT, iaitu dengan sasaran 300,000 enrolmen pelajar TVET pada tahun 2030 berbanding kurang 150,000 enrolmen pelajar pada ketika ini. Peningkatan ini akan melibatkan tambahan 50% kemasukan dalam bidang TVET KPT.

8. KPT juga sentiasa bekerjasama dengan pihak NGO berteras masyarakat India dalam mempromosikan program TVET KPT seluruh negara. Antara NGO yang bekerjasama rapat dengan KPT

adalah *MySkills Foundation, Concerned University Malaya Indian Graduates (CUMIG)*, Persatuan Sukarelawan Pendidikan dan Sosial Negeri Selangor (PSPSNS) dan Persatuan Pembangunan Masyarakat Uyarvom Malaysia (UYARVOM).

9. Antara program yang menjadi platform utama promosi TVET KPT adalah *Malaysian Indian Education Roadshow (MINDER)*. Selain itu, promosi di media juga turut dipergiat melalui pihak media elektronik dan media baharu. Antaranya melalui Rancangan Bual Bicara Tamil Vasantham di RTM, di samping kerjasama dengan pempengaruh berbangsa India di media sosial.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI [RAUB]

TARIKH : 18 MAC 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 27

SOALAN

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah persatuan-persatuan mahasiswa contohnya Persatuan Kebajikan Anak Pahang atau Persatuan Bahasa Cina di IPTA dibenarkan membuka akaun bank sendiri di bank yang sejajar dengan keinginan autonomi diturunkan kepada mahasiswa yang sentiasa ditegaskan oleh Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam proses membuat pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) untuk memberi kuasa kepada kepimpinan mahasiswa dalam menguruskan berkaitan hal ehwal mahasiswa.

2. Bagi proses pindaan AUKU, Bacaan Pertama Rang Undang-Undang (RUU) Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2023 telah disempurnakan di Dewan Rakyat pada 27 November 2023 yang lalu. Bacaan Kedua dan Ketiga akan dilaksanakan dalam mesyuarat ini.

3. Berhubung perkara ini, sebagaimana Taklimat RUU AUKU (Pindaan) 2023 yang telah diadakan pada 11 Mac 2024 kepada semua Ahli Yang Berhormat, antara perkara yang akan dipinda adalah:

   i. Seksyen 15A – Pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar dilarang memungut wang bagi memberi kebenaran kepada MPP/KM

   ii. Perkara 48 Jadual Pertama - (11) Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Penubuhan badan pelajar lain tidak boleh menyenggara wang dan harta

4. Selepas akta ini dipinda, pada peringkat awal, hanya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) akan dibenarkan untuk membuka akaun bank dan menyelaras serta menguruskan perkara yang melibatkan penerimaan wang tajaan, perolehan dan urusan kewangan badan pelajar berdaftar lain.

5. Selain itu, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) atau Badan Pelajar lain juga berpeluang menjana pendapatan melalui aktiviti berbentuk perniagaan yang boleh dijalankan di dalam kampus.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD
[KEPALA BATAS]

TARIKH : 18 MAC 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 43

SOALAN

DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa jumlah pelajar yang akan menikmati pembinaan asrama kampus berdasarkan pembentangan Belanjawan 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, terdapat tiga (3) buah projek sambungan dalam pelaksanaan di bawah peruntukan pembangunan tahun 2024 yang melibatkan pembinaan kolej kediaman pelajar iaitu:

    i. Pembinaan Kolej Kediaman Pelajar di Kampus Bachok, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bagi kapasiti pelajar berjumlah 3,000 orang.

    ii. Pembinaan Asrama Pelajar di Politeknik Tun Syed Nasir, Pagoh, Johor bagi kapasiti pelajar berjumlah 700 orang.

iii. Pembinaan KAMSIS Politeknik Sandakan, Sabah bagi kapasiti pelajar berjumlah 700 orang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID
[BUKIT BENDERA]

TARIKH : 18 MAC 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 66

SOALAN

Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :

(a) apakah dasar dan peruntukan semasa untuk universiti awam menerima dan menyokong kanak-kanak genius, terutamanya mereka yang mempunyai IQ yang sangat tinggi; dan

(b) adakah terdapat inisiatif sedang dijalankan untuk menggalakkan dan memupuk kanak-kanak berbakat ini dalam sistem pendidikan dalam negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa komited dalam menyokong inisiatif pembelajaran murid pintar cerdas dan berbakat di peringkat pendidikan tinggi.

2. Dalam hal ini, pada tahun 2008, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah diberi mandat oleh Jemaah Menteri untuk merancang dan melaksanakan pendidikan pintar bermula dengan pencarian pelajar pintar dan menganjurkan Kem Cuti Sekolah kepada pelajar pintar dan berbakat dari seluruh Malaysia.

3. Seterusnya, pada tahun 2011, UKM telah melaksanakan inisiatif dengan membina sekolah bagi kumpulan pelajar pintar yang dikenali sebagai Kolej PERMATA@Pintar Negara dan usaha ini juga dilaksanakan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada tahun 2014 yang dikenali sebagai Kolej PERMATA Insan.

4. Pembinaan infrastruktur ini adalah disokong oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan menggunakan kepakaran di universiti terutama dari aspek kurikulum, tenaga pengajar, dan pedagogi kepada pelajar pintar dan berbakat.

5. Penubuhan kolej-kolej ini merupakan satu inisiatif yang bermanfaat dalam sistem pendidikan negara bagi mengelakkan kanak-kanak pintar dan berbakat mendapatkan perkhidmatan pendidikan dari luar negara.

6. Selain itu, penubuhan institusi-institusi ini membolehkan kanak-kanak pintar dan berbakat mendapatkan perkhidmatan pendidikan dalam negara dan menyumbang kepada pengurangan *brain drain*.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-15 TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NURUL AMIN BIN HAMID
[PADANG TERAP]

TARIKH : 18 MAC 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 71

SOALAN

Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan komitmen Kementerian untuk menilai semula program-program yang ditawarkan di Politeknik dan Kolej Komuniti agar lebih terkini, kompetitif dan sesuai dengan keperluan semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan proses pendidikan dan latihan yang menjurus ke arah pekerjaan dan menekankan amalan industri dalam pelbagai bidang berkaitan.

2. Sebagai salah satu penyedia TVET utama di Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Politeknik dan Kolej Komuniti bertanggungjawab menyediakan modal insan holistik yang bukan sahaja memenuhi keperluan kompetensi industri, tetapi turut menguasai kemahiran manusiawi serta sikap yang betul untuk

sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang mampu memajukan diri sendiri dalam persekitaran yang semakin mencabar.

3. Melalui pelaksanaan program TVET yang ditawarkan, graduan TVET akan kekal relevan dengan peluang pekerjaan semasa serta bersedia untuk menyesuaikan diri dengan perubahan pekerjaan masa hadapan dapat dihasilkan.

4. Berhubung perkara ini, Kementerian sentiasa memastikan program pengajian yang ditawarkan adalah responsif industri dan selaras dengan dasar kerajaan peringkat nasional dengan menggunapakai dasar-dasar peringkat nasional sebagai rujukan seperti Ekonomi MADANI, Rancangan Malaysia, *New Industrial Master Plan* 2030 (NIMP 2030) dan *National Energy Transition Roadmap* (NETR).

5. Melalui inisiatif Transformasi Politeknik yang sedang dibangunkan, penjajaran program pengajian sedia ada akan dilaksanakan seiring dengan intipati NIMP 2030 dan NETR yang merangkumi 21 sektor dimana Kementerian memfokuskan kepada bidang TVET iaitu teknologi/ teknologi kejuruteraan meliputi sektor elektrik dan elektronik, automotif, kenderaan elektrik (EV), rel, pembinaan dan membaikpulih kapal (SBSR), kecekapan tenaga, tenaga hijau serta bidang kompetitif merangkumi pemprosesan makanan, pengurusan halal, digital dan ICT.

6. Kementerian melalui kaedah intervensi yang menggunapakai strategi *Eliminate-Reduce-Raise-Create* (ERRC) dan model *CIPP Stufflebeam* (*Context, Input, Process and Product*) menilai kesihatan program pengajian yang ditawarkan.

7. Selain itu, sesi libat urus bersama pihak-pihak berkepentingan di peringkat agensi, kementerian dan industri yang berkaitan turut dilaksanakan dan dilihat dapat memberi impak daripada segi penghasilan graduan *ready-to-work,* peluasan akses kepada bidang TVET dan pengurangan jurang industri seiring dengan dasar kerajaan peringkat nasional.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HAJI AHMAD MARZUK BIN SHAARY [PENGKALAN CHEPA]

TARIKH : 21 MAC 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 8

SOALAN

Datuk Dr. Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan inisiatif Kementerian dalam membantu anak-anak golongan B40 atau penerima e-Kasih yang berjaya melanjutkan pelajaran ke IPT untuk memiliki peranti bantu belajar seperti komputer dan memiliki akses internet.

JAWAPAN

Puan Yang di-Pertua,

1. Kementerian sentiasa cakna mengenai kebajikan pelajar terutamanya pelajar golongan B40 terutamanya apabila melibatkan proses pembelajaran dalam talian yang efektif.

2. Misalnya, pada tahun 2023, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) telah menjayakan inisiatif PerantiSiswa dalam menyedia dan mengesahkan data pelajar B40 di Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti.

3. Sehingga 31 Disember 2023, seramai 399,318 pelajar di bawah KPT telah membuat permohonan untuk mendapatkan Peranti Siswa. Daripada jumlah tersebut, seramai 313,412 pelajar telah menerima Peranti Siswa yang dimohon. Program ini telah tamat pada Disember 2023.

4. Untuk makluman, Peranti Siswa yang dibekalkan ini adalah Samsung Galaxy Tab A8 LTE dengan pelbagai aksesori. Peranti ini boleh digunakan untuk menjalankan fungsi pencetakan secara nirwayar (*wireless*), memuat naik dokumen, memuat turun aplikasi dan memindah fail dengan keupayaan simpanan sebanyak 64GB. Penentuan spesifikasi dan pelantikan vendor ini adalah dilaksanakan di bawah seliaan Kementerian Komunikasi Digital (KKD).

5. Mengenai akses internet pelajar, Kementerian maklum akan kemudahan yang diperlukan oleh para pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) khususnya bagi tujuan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara digital.

6. Justeru, Kementerian akan melaksanakan perolehan perkhidmatan menaik taraf infrastruktur rangkaian dan kapasiti talian MYREN. Melaluinya para pelajar dan pensyarah akan menikmati purata kapasiti talian internet sebanyak 1Mbps seorang berbanding 0.12Mbps seorang sekarang ini.

7. Dalam masa yang sama, kesemua Universiti Awam (UA) sedang gigih berusaha menggantikan infrastruktur peralatan rangkaian yang sudah usang dan meningkatkan liputan Wi-Fi kampus secara berfasa mengambil kira kedudukan kewangan di peringkat UA masing-masing dan peruntukan kewangan Kerajaan Persekutuan.

8. Usaha ini secara tidak langsung dapat memperluas akses pendidikan secara digital untuk keperluan Pendigitalan Pendidikan Negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM
[PENDANG]

TARIKH : 21 MAC 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 12

SOALAN

Datuk Haji Awang Bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar sekolah menengah yang tidak menyambung pengajian pada peringkat lebih tinggi dan apakah cabaran utama yang menyebabkan golongan terbabit tidak berminat untuk belajar dan apakah langkah pihak Kerajaan bagi mengatasi isu tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk tempoh tiga (3) tahun terkini di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), terdapat peningkatan penawaran tempat untuk pelajar lepasan SPM ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA).

2. Bagi Sesi Akademik 2023/2024, **bilangan penawaran tempat kepada pelajar lepasan SPM ke IPTA dan ILKA adalah sebanyak 160,738.** Bagi Sesi Akademik sebelumnya iaitu 2022/2023 pula, bilangan penawaran tempat adalah sebanyak 146,091, dan pada Sesi Akademik 2021/2022 adalah sebanyak 141,390.

3. Walaupun berlaku peningkatan saban tahun, namun Kementerian tetap sedar bahawa masih terdapat cabaran-cabaran tertentu yang menyebabkan pelajar lepasan SPM tidak berminat untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

4. Isu pelajar lepasan SPM tidak berminat untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi harus diberikan perhatian oleh semua pihak secara kolektif dan bukannya KPT semata-mata. Ia harus diperhalusi secara mendalam dan bersepadu.

5. Walau bagaimanapun, di peringkat KPT, pelbagai usaha terus dipergiat untuk menarik minat pelajar dalam menyambung pengajian ke peringkat pendidikan tinggi.

6. Antara langkah-langkah segera dan jangka masa panjang yang telah dan sedang dilakukan adalah melalui:

    i. **Pelaksanaan Program Jom Masuk U**.

    ii. **Pelaksanaan Program *Outreach***.

    iii. **Promosi melalui saluran media sosial rasmi KPT.**

    iv. **Penyediaan 4 Laluan Khas** bagi kategori Orang Kurang Upaya (OKU)/ Lepasan Institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), B40, Orang Asli dan Atlet.

    v. Memperkenal sistem **pembelajaran secara hibrid dan jadual anjal.**

    vi. Menyediakan kemudahan **Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP)** bagi membantu pelajar daripada segi kewangan untuk persediaan awal **sebelum mendaftarkan diri ke IPT.**

    vii. **Meneruskan Program SULUNG kepada 20 UA**, dan

    viii. **Program Dermasiswa B40 TVET**.

Sekian terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 21 MAC 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 19

SOALAN

Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan sistem penilaian pelajar dan pensyarah yang dijalankan di atas talian setiap hujung semester pengajian di IPTA. Apakah jaminan bagi memastikan maklum balas yang diberikan benar-benar berintegriti dan telus sekali gus meningkatkan mutu proses pembelajaran dan pengajaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sistem penilaian pelajar dan pensyarah yang dijalankan secara dalam talian setiap hujung semester di Universiti Awam (UA) telah terbukti keberkesanannya dalam membantu mempermudah proses penilaian dan mempercepat proses pentadbiran.

2. Dalam hal ini, UA menggunakan *Learning Management System* (LMS) atau sistem yang dibangunkan yang mana pelajar akan mengemukakan tugasan dan ujian secara dalam talian dan seterusnya pensyarah mengemukakan markah serta maklum balas kepada pelajar.

3. Untuk makluman, pelajar diberi peluang untuk melaksanakan penilaian bermula pertengahan hingga hujung semester bagi menilai keberkesanan kursus atau program serta penyampaian pengajaran dan pembelajaran oleh pensyarah.

4. Berhubung dengan jaminan dalam memastikan maklum balas yang diberikan oleh pelajar kepada pensyarah adalah berintegriti dan telus, salah satu kaedah yang dilaksanakan adalah melalui kaedah penilaian secara tanpa nama.

5. Selain itu, penilaian juga dilaksanakan melalui pelbagai saluran komunikasi seperti sesi dialog bersama pensyarah dan tinjauan pendapat yang dijalankan secara berkala.

6. Maklum balas penilaian tersebut akan digunakan untuk membantu pensyarah memperbaiki keberkesanan kursus atau program serta kaedah pengajaran dan pembelajaran. Sementara itu, pensyarah juga diberi latihan dan panduan tentang kepentingan memberi maklum balas yang konstruktif dan berintegriti kepada pelajar, serta diberi kebebasan untuk mengemukakan cadangan penambahbaikan terhadap sistem penilaian tersebut.

7. UA turut mempunyai prosedur pembetulan dan rayuan yang telus dan adil. Sekiranya pelajar merasakan ada ketidakadilan dalam proses penilaian, rayuan boleh dikemukakan melalui saluran yang disediakan. Dalam hal ini, setiap rayuan yang diterima akan dipertimbangkan secara teliti oleh pihak pentadbiran.

8. Secara keseluruhan, UA telah mengambil langkah-langkah yang sesuai dalam memastikan keberkesanan sistem penilaian pelajar dan pensyarah dalam talian yang disediakan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]

TARIKH : 21 MAC 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 21

SOALAN

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan dengan terperinci perancangan dan pelaksanaan terkini mengurangkan nisbah tidak cocok dalam *supply and demand* lepasan universiti dan sektor industri pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menyokong pelbagai inisiatif yang dilaksanakan secara berterusan dalam memastikan graduan yang dilahirkan mampu menyumbang kepada guna tenaga negara.

2. Antara langkah yang diambil oleh KPT dalam menangani perkara ini adalah melalui:

    i. **pelaksanaan transformasi pendidikan tinggi awam;**
    Di bawah transformasi ini, proses semakan semula kurikulum program akademik adalah penting dalam memastikan kurikulum yang ditawarkan kekal revelan dan terkini selaras

dengan kemajuan teknologi IR4.0. Melalui proses ini juga, program-program akademik yang sudah tidak sesuai boleh dijumudkan, dibekukan atau dilupuskan bagi memberi laluan kepada penawaran program baharu yang lebih bersesuaian.

ii. **pelaksanaan saringan awal yang ketat terhadap setiap program akademik yang hendak ditawarkan oleh IPT;**
Program-program akademik yang hendak ditawarkan akan melalui kajian analisis yang terperinci agar hanya program yang menjadi fokus dan keperluan guna tenaga negara sahaja yang ditawarkan. Program akademik yang dikekalkan pula adalah program yang menepati aspek keperluan tenaga negara, laluan kerjaya dan tahap kebolehpasaran graduan, selain tiada duplikasi dengan program akademik di IPT lain. Selain itu, faktor-faktor seperti kewangan, perjawatan serta perkembangan polisi dan dasar negara juga turut diambil kira.

iii. **pengukuhan inisiatif sedia ada seperti program pengajian mod 2u2i;**
Program 2u2i adalah program pembelajaran berasaskan pekerjaan (*work-based learning*) yang menggabungkan pembelajaran akademik di dalam kampus dan pengalaman di industri. Melalui program ini, ‘u’ mewakili semua IPT dan ‘i’ merujuk kepada industri. Pelbagai kombinasi seperti 3u1i, 2u2i, dan 2u1i diadakan mengikut kesesuaian dengan tempoh pembelajaran yang berlaku di dalam dunia pekerjaan sebenar (industri) adalah sekurang-kurangnya 1 tahun.

iv. **pengenalan inisiatif *Experiential Learning and Competency-Based Education Landscape* (EXCEL);**

Kerangka transformasi program akademik ini mengintegrasi elemen industri, komuniti, penyelidikan dan fleksibiliti (*personalised*) dalam penghasilan graduan yang mempunyai atribut dan kemahiran yang diperoleh dari pembelajaran berasaskan pengalaman dan pendidikan berasaskan kompetensi.

v. **mempergiat kolaborasi merentas Kementerian, agensi dan industri.**

Kolaborasi atau perbincangan dari semasa ke semasa dalam pelbagai platform bersama-sama dengan pelbagai Kementerian atau Agensi seperti Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), dan Kementerian Ekonomi (KE) membantu menangani isu-isu seperti kekurangan tenaga kerja, jurang kemahiran pekerja, dan ketidaksepadanan pekerjaan.

Pada November 2023 yang lalu, KPT turut menganjurkan Persidangan Pasaran Kerja Graduan (PPKG) sebagai platform untuk mengumpulkan maklumat dari kedua-dua pihak '*supply and demand*' berkaitan pasaran pekerjaan dan keperluan nilai tambah graduan dalam aspek kelayakan profesional, kemahiran insaniah, kemahiran teknikal dan pelbagai lagi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU]

TARIKH : 21 MAC 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 40

SOALAN

Datuk Seri Haji Jalaluddin Bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah yang diambil bagi mengatasi isu ketidakcukupan tempat di universiti awam, memandangkan ketika ini Kementerian dilihat tidak mempunyai perancangan untuk menambah bilangan universiti awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, tempat pengajian di Universiti Awam (UA) pada masa kini adalah mencukupi bagi menampung keperluan dan permintaan semasa. Kenyataan ini adalah jelas berdasarkan jumlah kemasukan ke UA yang meningkat saban tahun.

2. Pada tahun lepas (2023), jumlah kemasukan ke UA adalah seramai 193,031 orang pelajar, iaitu terdapat peningkatan berbanding 188,915 orang pada tahun 2022 dan 181,901 pada tahun 2021.

3. Dalam konteks ini, Kementerian sentiasa komited dan jelas memberi tumpuan penuh kepada penambahbaikan peranan IPTA yang terdiri daripada 20 buah UA, 36 buah Politeknik dan 105 buah Kolej Komuniti (KK) serta memberi akses pendidikan tinggi yang terbaik kepada para pelajar yang mana ketersediaan infrastruktur sedia ada ini adalah mencukupi dalam menyokong pendidikan peringkat diploma dan ijazah.

4. Penambahan universiti atau politeknik boleh dipertimbang sekiranya terdapat keperluan yang mendesak bagi bidang-bidang tertentu dalam menyokong hala tuju negara.

5. Kementerian turut memperkenal sistem pembelajaran secara hibrid dan jadual anjal yang memberi pilihan kepada pelajar untuk mengikuti pengajian dari rumah atau dari kampus tanpa perlu hadir secara fizikal di kelas. Sebanyak 95 Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda daripada 19 UA telah melaksanakan pembelajaran anjal bermula Oktober 2023 bagi kemasukan Sesi Akademik 2023/2024.

6. Perkara ini bukan sahaja membolehkan lebih banyak tempat diwujudkan mengikut kesesuaian dan keperluan di sesebuah IPT malah akan mengurangkan kos pendidikan tinggi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU]

TARIKH : 21 MAC 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 44

SOALAN

Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah pendekatan dan pemahaman matlamat Pembangunan Lestari diketengahkan dalam kalangan pelajar di Institut Pengajian Tinggi sama ada dalam subjek mata pelajaran ataupun aktiviti ko-kurikulum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menyahut Matlamat Pembangunan Lestari atau lebih dikenali sebagai *Sustainable Development Goals* (SDG) sejak ia diperkenalkan oleh *United Nations General Assembly* pada tahun 2015 melalui Dasar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025.

2. Dasar ini selari dengan aspirasi dan visi SDG4 yang bertujuan untuk menyediakan sistem pendidikan yang berkualiti bagi memastikan hasil pembelajaran yang berkesan dengan menyediakan kemahiran dan pengetahuan yang relevan untuk memenuhi aspirasi negara.

Kerangka indikator yang dinilai bagi memenuhi aspirasi ini adalah dari sudut pembangunan pendidikan negara, kemajuan sosio-ekonomi dan kesejahteraan masyarakat.

3. KPT melalui Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) memainkan peranan penting dalam membentuk literasi dan penglibatan siswa dalam isu kemampanan termasuk SDG melalui program akademik. Ini dapat dilaksanakan melalui Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) yang digunakan sebagai panduan dalam memastikan program akademik menerapkan prinsip pembangunan lestari.

4. MQF telah menggariskan lima (5) hasil pembelajaran yang perlu diterapkan iaitu:

    i. Pengetahuan dan Kefahaman;

    ii. Kemahiran Kognitif;

    iii. Kemahiran Kerja Fungsional;

    iv. Kemahiran Personal dan Keusahawanan; dan

    v. Etika dan Profesionalisme.

5. Dalam hal ini, konsep pembangunan atau amalan lestari telah diterapkan di bawah Pengetahuan dan Kefahaman serta Kemahiran Kerja Fungsian.

6. Selain daripada pembentukan kurikulum akademik yang holistik dan bersepadu sejajar dengan nilai SDG, KPT turut memberi fokus terhadap Lonjakan 1 dalam PPPM Pendidikan Tinggi bertujuan untuk menghasilkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.

7. Bagi memastikan proses *nurturing* direalisasikan, fokus inisiatif ditumpukan kepada pembelajaran melalui pengalaman dan inovasi berpusatkan pelajar, pembentukan sahsiah dan tingkah laku, kemahiran kepimpinan, penetapan minda yang sesuai sebagai cabang penghayatannya ke arah pembenihan nilai kesukarelawanan yang sekaligus menyumbang kepada SDG melalui pengenalan

program-program bantuan bencana, pembersihan alam sekitar dan lain-lain.

8. KPT juga telah menjajarkan semua aktiviti ko-kurikulum IPT dengan merangka Teras Pembangunan Komuniti melalui *Students For Society* (S4S) meliputi khidmat sosial, pengurusan kemanusiaan, pendidikan berkualiti, advokasi kepimpinan, kesihatan dan kesejahteraan serta kelestarian alam sekitar.

9. Teras Pembangunan Komuniti dilaksanakan melibatkan 17 matlamat SDG bertujuan memperkasa kepimpinan mahasiswa sebagai nukleus dan pemangkin memberdaya komuniti dalam pelbagai bidang tujahan dan kepakaran IPT.

10. Melalui pendekatan yang telah dinyatakan ini, IPT dapat memainkan peranan yang penting dalam membudayakan pembangunan lestari dalam pembangunan negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT]

TARIKH : 21 MAC 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 48

SOALAN

Tuan Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai pelan jangka panjang bagi pembangunan dan peningkatan sistem pendidikan tinggi di Malaysia, khususnya bagi IPTS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sistem Pendidikan Tinggi Malaysia telah berkembang pesat dan semakin kukuh sejak beberapa dekad lalu. Ini terbukti apabila dalam tempoh sedekah terkini, terdapat pertambahan enrolmen pelajar yang semakin ketara, peningkatan pengiktirafan global yang kian menyerlah dalam pelbagai aspek seperti penerbitan, hasil penyelidikan, paten, dan kualiti institusi, serta pertumbuhan mendadak bilangan pelajar antarabangsa.

2. Pencapaian ini adalah hasil daripada daya usaha dan inovasi komuniti akademik di Malaysia, sumbangan sektor swasta dan pelaburan besar oleh pihak Kerajaan. Namun demikian, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) maklum bahawa sistem ini perlu terus

dipertingkat secara konsisten agar sentiasa berdaya saing seiring trend global.

3. Sebagai contoh, teknologi disruptif seperti robotik termaju, *Internet of Things*, dan automasi kerja berkaitan ilmu pengetahuan dijangka akan mengubah landskap perniagaan dan sosial secara menyeluruh. Justeru, remaja Malaysia perlu dipersiap menerusi sistem pendidikan tinggi dan IPT yang ditransformasi untuk menghadapi masa hadapan yang mencabar dan sentiasa berubah.

4. Pada tahun 2013, Kementerian telah mula merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT). Dalam tempoh dua tahun, pelbagai maklum balas diperoleh daripada pakar pendidikan Malaysia dan antarabangsa, pemimpin IPT tempatan dan masyarakat umum. Hasilnya ialah pelan pendidikan tinggi yang dibangunkan oleh rakyat Malaysia, untuk rakyat Malaysia dan akan memacu Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi.

5. KPT telah menetapkan visi untuk menjadikan Malaysia sebagai hab bakat dan pengetahuan yang unggul. Manakala Misi KPT pula ialah memperkukuh ekosistem pendidikan tinggi menerusi pemerkasaan bakat dan pengetahuan bagi mencapai kesejahteraan masyarakat untuk kemajuan negara yang mampan.

6. Dalam konteks Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM (PT)) sudah pasti bukan hanya terpakai kepada IPTA sahaja tetapi turut dipanjangkan kepada IPTS.

7. Selain itu, Kementerian turut mempunyai pelan tindakan khusus bagi IPTS iaitu:

    i. Pelan Tindakan Strategik Pemantapan IPTS sebagai sebuah industri - *Way Forward for Private Higher Education Institutions Education as an Industry (2020-2025),* dan

ii. Pasukan Petugas Kebangsaan Pemudahcara Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) Sebagai Industri (PEMUDAH IPTS).

8. Pada tahun ini, KPT akan memberi penekanan kepada lima (5) fokus utama serta 20 landasan hala tuju yang telah ditetapkan bagi pembangunan dan peningkatan sistem pendidikan tinggi di Malaysia, termasuklah IPTS. Lima fokus tersebut adalah:

i. Penyediaan Bakat Terbaik Negara;

ii. Pengukuhan Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi;

iii. Pelaksanaan Pendekatan Baharu Program Pemindahan dan Perkongsian Ilmu;

iv. Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi; dan

v. Pemantapan Ekosistem Pemboleh Daya.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Peranan dan sumbangan IPTS sangat signifikan memandangkan hampir separuh daripada jumlah pelajar di Malaysia melanjutkan pelajaran mereka di IPTS. Dalam hal ini, KPT memandang serius su kemampanan IPTS-IPTS di Malaysia ini dan sentiasa memantau rapi bagi mengupayakan IPTS-IPTS tersebut (selain IPTA) sebagai salah satu industri yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi strategik negara.

10. Selain itu, KPT juga sedang menumpukan fokus terhadap pelan pengantarabangsakan sektor pendidikan tinggi. Pelan ini bertujuan menarik pembukaan kampus-kampus universiti dari luar negara, pembentukan kerjasama strategik peringkat universiti dan penubuhan koridor pendidikan tinggi serta pengukuhan universiti-universiti tempatan termasuk yang menjalinkan kerjasama dengan universiti luar negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L PARAMESWARAN [BATU]

TARIKH : 21 MAC 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 57

SOALAN

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk membina institusi pendidikan seperti UiTM untuk kaum berbangsa India dengan kolaborasi bersama MITRA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian sentiasa komited dalam menyediakan akses pendidikan melalui penubuhan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) seperti Universiti Awam (UA), politeknik dan kolej komuniti.

2. Pada masa kini, Kementerian tidak berhasrat untuk menubuhkan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) khususnya Universiti Awam (UA) baharu memandangkan jumlah sedia ada sudah mencukupi.

3. KPT akan memberi keutamaan dalam membaik pulih bagi mengoptimumkan penggunaan fasiliti sedia ada dalam meningkatkan pengambilan pelajar di UA.

4. Fokus KPT juga tertumpu kepada bidang-bidang kepakaran baharu bagi memenuhi keperluan industri seperti Kecergasan Buatan (AI), *Data Analytic* dan TVET.

5. Penubuhan sesebuah IPT baharu bukanlah satu proses yang mudah dan ianya haruslah diteliti sepenuhnya dari pelbagai aspek, antaranya adalah:

   i. **Pertama**, permintaan semasa yang harus merangkumi keperluan dari perspektif pelajar dan masyarakat semasa yang mesti seimbang dengan saiz populasi;

   ii. **Kedua**, kecukupan dan kesediaan bekalan tenaga pakar dalam sesuatu bidang;

   iii. **Ketiga**, keupayaan menyediakan dan menyelenggara prasarana dengan baik;

   iv. **Keempat**, kemandirian kewangan;

   v. **Kelima**, prospek dan jenis program yang hendak ditawarkan; dan

   vi. **Keenam**, risiko pertindihan (overlapping) dan sebarang ketidakpadanan (missmatch) dengan IPT serta program sedia ada.

6. Pada masa yang sama, pihak Kementerian juga terbuka dalam menyantuni sebarang cadangan dari Ahli- Ahli Yang Berhormat dan akan membincangkannya di Mesyuarat Jemaah Menteri bagi diputuskan sama ada penubuhan UA baharu tersebut mempunyai asas pertimbangan yang kukuh serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD SANY BIN HAMZAH
[HULU LANGAT]

TARIKH : 21 MAC 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 69

SOALAN

Tuan Mohd Sany bin Hamzah [Hulu Langat] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mewujudkan program dan dana khas melatih barisan pelapis kepimpinan negara dengan ilmu politik yang komprehensif melangkau parti-parti politik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Hulu Langat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sememangnya komited dalam melatih dan melahirkan barisan pelapis kepimpinan negara.

2. Dalam konteks ini, KPT mempunyai pelbagai program yang dilaksanakan dengan kerjasama Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam negara bagi merealisasikan hasrat untuk melahirkan barisan pelapis kepimpinan negara tercapai.

3. Antaranya, inisiatif *Nurturing Young Leaders* (Pengkaderan Pemimpin Muda) diwujudkan bagi melahirkan para pemimpin masa hadapan negara yang mempunyai kualiti keilmuan, keterampilan dan kompetensi akademik, keteguhan dimensi moral dan berwatak glokal.

4. Melalui inisiatif ini juga terdapat beberapa program kepimpinan mahasiswa yang menjurus kepada pemerkasaan peranan mahasiswa dalam komuniti, seperti:

    i. Program PEWARIS Bakat Terbaik Negara KPT,

    ii. Permukiman Siswa dan Latihan Kepimpinan Muda Kebangsaan (KARISMA),

    iii. Parlimen Mahasiswa Kebangsaan,

    iv. Program Pemerkasaan Pendidikan Pengundi Mahasiswa (Undi 18), dan

    v. Bakti Madani

5. Menerusi program-program tersebut, mahasiswa dilatih dengan ilmu-ilmu kepimpinan yang dapat meningkatkan kesedaran dalam teras jati diri, kepimpinan, komunikasi, integriti, organisasi, pengurusan aktiviti dan berpolitik secara matang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE
[BATANG SADONG]

TARIKH : 27 MAC 2024 (RABU)

NO. SOALAN : NO. 11

SOALAN

Puan Rodiyah binti Sapiee [Batang Sadong] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah inisiatif penting yang akan dilaksanakan oleh Kementerian dalam agenda KPT 2024**.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi menghadapi tahun 2024, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menggariskan lima (5) fokus utama yang merangkumi 20 landasan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi.

    i. Fokus Pertama adalah **Penyediaan Bakat Terbaik Negara**. Dalam konteks ini, Kementerian sentiasa komited untuk melahirkan graduan IPT yang dilengkapi dengan ilmu dan kompetensi yang selari dengan keperluan pemegang taruh, khususnya pihak industri berciri holistik dan bersemangat nasionalisme yang tinggi.

Antara inisiatif yang disenaraikan pada tahun 2024 adalah untuk menyediakan sumber manusia berkepakaran dan berprestasi tinggi bagi pengukuhan ekosistem TVET KPT dalam menyokong dasar-dasar dan polisi Kerajaan Madani.

Susulan daripada pelaksanaan Transformasi Politeknik dan Kolej Komuniti serta Hala Tuju Baharu MTUN yang bermula pada 2023, pelbagai strategi dan pendekatan baharu dalam memperkukuh ekosistem TVET KPT terus dipergiatkan. Menyokong usaha tersebut fokus yang akan diberikan termasuklah perluasan akses kemasukan pelajar, strategik konsortium antara institusi dalam dan luar negara, program anjal berkemahiran tinggi (Hi-TVET) serta perluasan kampus MTUN. Usaha-usaha ini seterusnya dapat meningkatkan enrolmen sehingga 300,000 pelajar TVET KPT menjelang tahun 2030 bagi merealisasikan hasrat KPT untuk muncul sebagai pengeluar utama tenaga mahir negara yang disasarkan sebanyak 35% menjelang 2030.

ii. Fokus Kedua adalah **Pengukuhan Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi,** di mana KPT berhasrat untuk menjadikan penyelidikan dan inovasi IPT yang mempunyai nilai kesarjanaan yang tinggi dapat dimanfaatkan bagi menangani permasalahan utama negara ini dan kesejahteraan dunia, menyumbang kepada keluasan dan kedalaman ilmu serta didukung oleh bakat yang unggul dan berintegriti.

KPT telah memperuntukkan sejumlah RM431 juta pada tahun 2024 dan memperkenalkan pertama kali Geran Penyelidik Muda *(Early Career Research Grant)* kepada universiti bukan Universiti Penyelidikan (non- RU) dengan peruntukan awal sebanyak RM10 juta.

iii. Fokus Ketiga adalah **Pelaksanaan Pendekatan Baharu Program Pemindahan dan Perkongsian Ilmu**. *Knowledge Sharing and Transfer Programme* (KSTP) IPT menjadi nukleus dan pemangkin kepada pembangunan masyarakat, industri dan

negara yang menyumbang kepada kemajuan dan kesejahteraan hidup rakyat.

Bagi memastikan kesemua perancangan dapat dilaksanakan secara lestari, Kementerian akan membangunkan Dasar KSTP dan memperuntukkan sejumlah RM19 juta untuk melaksanakan tiga (3) inisiatif utama KSTP iaitu, inisiatif *Public-Private Research Network*; sebanyak RM10 juta diperuntukkan untuk program inovasi sosial dan RM5 juta diperuntukkan untuk mengupayakan kolej komuniti sebagai hab KSTP yang berfungsi sebagai pusat latihan komuniti setempat.

iv. Fokus Keempat, **Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi**. Fokus ini adalah untuk menjadikan sistem dan institusi pendidikan tinggi Malaysia berkualiti dan setanding di peringkat antarabangsa dengan bidang tujahan yang diiktiraf dunia, penyerlahan dan kepelbagaian global, Malaysia sebagai hab pendidikan antarabangsa dan menjadi tarikan bakat-bakat serantau dan global.

Selari dengan usaha tersebut, Dasar dan Pelan Tindakan Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi 2024 – 2030 akan dilancarkan untuk menjadi panduan kepada semua IPT bagi mencapai sasaran bilangan pelajar antarabangsa yang kita jangka sehingga 300,000 menjelang 2030.

v. Dan akhirnya, untuk menyokong 4 Fokus Utama di atas,Fokus Kelima, adalah **Pemantapan Ekosistem Pemboleh Daya** iaitu mewujudkan ekosistem pemboleh daya pendidikan tinggi yang komprehensif, kondusif, dan berinovatif didokong kecekapan urus tadbir, kemampanan kewangan, perluasan digitalisasi dan kebitaraan serta kesejahteraan warga.

Sebagai langkah bertindak atas saranan ini, KPT akan memberikan lebih kelonggaran kepada kepimpinan IPT bagi menangani kerenah birokrasi dengan melakukan anjakan paradigma bagi mendepani dunia pascanorma.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN]

TARIKH : 27 MAC 2024 (RABU)

NO. SOALAN : NO. 15

SOALAN

Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan oleh pihak Kementerian untuk membina sebuah lagi universiti awam dan universiti swasta di tapak hub pendidikan Sandakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian menyambut baik cadangan dan sokongan Ahli Yang Berhormat dalam meningkatkan taraf pendidikan tinggi negara. Seperti yang telah dinyatakan semasa sesi Landasan Hala Tuju Kementerian Pendidikan Tinggi 2024 pada 12 Januari 2024 yang lalu, ekosistem yang kondusif di institusi pendidikan tinggi sangat terkait rapat dengan konteks keberadaannya di sesebuah lokasi agar ianya tidak terpisah dengan alam dan masyarakatnya.

2. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ingin memaklumkan bahawa antara amalan baharu yang ingin diperkenalkan bagi memperkasa Pendidikan Tinggi Negara secara lebih holistik adalah dengan memberi keutamaan kepada kawasan-kawasan yang tidak

mempunyai apa-apa institusi latihan lain seperti Pusat Giat MARA, Institut Kemahiran MARA dan sebagainya.

3. Melalui semakan, di Sabah sendiri, terdapat dua (2) UA iaitu Universiti Teknologi MARA (UiTM dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kampus cawangan iaitu UiTM Kampus Kota Kinabalu, UiTM Kampus Tawau, **UMS Kampus Sandakan**, UMS Kampus Tawau dan UMS Kota Kinabalu.

4. Manakala, bagi politeknik dan kolej komuniti pula, terdapat tiga (3) politeknik iaitu Politeknik Kota Kinabalu, **Politeknik Sandakan** dan Politeknik Tawau, dan bagi kolej komuniti pula, terdapat lapan (8) kolej komuniti iaitu Kolej Komuniti Beaufort, Kolej Komuniti Kota Marudu, Kolej Komuniti Lahad Datu, Kolej Komuniti Penampang, **Kolej Komuniti Sandakan**, Kolej Komuniti Semporna, Kolej Komuniti Tambunan dan Kolej Komuniti Tawau.

5. Untuk Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) pula, sejumlah empat (4) buah Kolej Universiti Swasta dan 17 buah Kolej Swasta di negeri Sabah berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

6. Berdasarkan maklumat yang telah dinyatakan, daerah Sandakan telahpun mempunyai sebuah Universiti Awam kampus cawangan iaitu **UMS Kampus Sandakan**, sebuah politeknik dan sebuah kolej komuniti iaitu **Politeknik Sandakan** serta **Kolej Komuniti Sandakan.**

7. KPT juga dalam masa yang sama, bermula pada tahun ini telah memperkenalkan dasar pengajian anjal yang membenarkan pelajar hanya mengikut pengajian secara fizikal pada tahun pertama dan terakhir sahaja bagi 74 program pengajian terpilih. Ini membolehkan KPT meningkatkan akses dan mengambil lebih ramai pelajar bagi mengisi tempat di IPT sedia ada.

8. Walau bagaimanapun, pertimbangan bagi penubuhan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) baharu akan diberikan perhatian untuk dimasukkan ke dalam RMK-13 kelak untuk pertimbangan Kerajaan sekiranya permohonan berkenaan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan mempunyai justifkasi yang kukuh.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK
[KUALA NERUS]

TARIKH : 27 MAC 2024 (RABU)

NO. SOALAN : NO. 18

SOALAN

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [Kuala Nerus] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha-usaha Kementerian untuk memastikan kajian universiti dipilih menjadi projek-projek Kerajaan susulan dapatan kajian baru-baru ini mendapati kira-kira 9,200 kertas penyelidikan universiti khususnya dalam bidang sains dan teknologi hanya tersadai di peringkat jurnal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian mengambil berat akan kualiti penyelidikan oleh setiap universiti dan IPT agar dapat dimanfaatkan oleh semua pihak. Setiap tahun, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan menyalurkan dana penyelidikan yang bersifat fundamental untuk menghasilkan penerbitan jurnal yang berimpak tinggi dan juga boleh digunakan untuk penghasilan prototaip.

2. Bagi peringkat seterusnya untuk hasil penyelidikan dikomersialkan, dana daripada pelbagai pihak seperti MOSTI dan agensi swasta

boleh dimohon oleh penyelidik bagi mengembangkan hasil inovasi. Pihak universiti juga mempunyai jabatan yang bertindak khusus bagi membantu urusan ini.

3. Malah, KPT turut mengumpulkan maklumat berkenaan hasil penyelidikan yang berpotensi dan kejayaan daripada kajian terdahulu melalui acara tahunan seperti *Malaysia Higher Education Research Exhibition* (MyHERE) dan *Festival of Ideas* yang akan dianjurkan secara berperingkat oleh KPT bagi mempamerkan hasil penyelidikan kepada umum dan menarik minat pemberi dana.

4. Secara tuntasnya, Kerajaan sentiasa berusaha memastikan hasil penyelidikan dapat dimanfaatkan dan digunakan sebaiknya oleh semua pihak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-15 TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG]

TARIKH : 27 MAC 2024 (RABU)

NO. SOALAN : NO. 38

SOALAN

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status dan perancangan untuk menubuhkan sebuah Politeknik Konvensional di Betong.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian menyambut baik cadangan dan sokongan Ahli Yang Berhormat dalam meningkatkan taraf pendidikan tinggi negara. Seperti yang telah saya nyatakan semasa sesi Landasan Hala Tuju Kementerian Pendidikan Tinggi 2024 pada 12 Januari 2024 yang lalu, ekosistem yang kondusif di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) sangat terkait rapat dengan konteks keberadaannya di sesebuah lokasi agar ianya tidak terpisah dengan alam dan masyarakatnya.

2. Kewujudan sesebuah institusi pendidikan adalah umpama sebuah nukleus yang mampu merubah dan mengangkat tahap pemikiran, sosio-ekonomi serta sosio-budaya masyarakat setempat. Ia juga

selari dengan hasrat Kementerian dalam memperkasakan prestasi pendidikan tinggi negara.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat sebanyak 36 buah Politeknik dan 105 buah Kolej Komuniti yang terdapat di setiap negeri. Ini termasuklah tiga politeknik dan tujuh kolej komuniti di Sarawak.

4. Di Betong sendiri telah ada Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) yang telah beroperasi sejak tahun 2012. Merujuk kepada dasar penubuhan Politeknik METrO di dalam RMKe-9 dan RMKe-10, penubuhan Politeknik METrO adalah menggunakan pendekatan *doing more with less* dan tidak memerlukan *capital expenditure* yang tinggi kerana ia akan dilaksanakan di bangunan komersial sedia ada di bandar-bandar besar tanpa sebarang kemudahan asrama.

5. Kewujudan Politeknik METrO merupakan kaedah yang baik dalam menghasilkan pekerja berkemahiran tinggi yang menepati keperluan industri dan dalam masa yang sama menjimatkan perbelanjaan kerajaan kerana tidak perlu menyediakan infrastruktur yang terlalu tinggi.

6. Sasaran pelajar Politeknik METrO adalah daripada kalangan penduduk tempatan atau pelajar harian (*commuting students*) yang mempunyai penginapan sendiri berdekatan.

7. Berhubung perkara ini juga, ke arah Transformasi Politeknik 2023-2030, Kementerian ini melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) bermatlamat untuk mengoptimumkan pengoperasian Politeknik Malaysia berdasarkan fungsi khususnya.

8. Pihak JPPKK juga sedang dan dalam proses membuat kajian Program *Need Analysis* (PNA) yang mempunyai impak yang signifikan dalam perancangan dan perkembangan program-program pendidikan. Kajian ini dapat menyelaraskan pendidikan dengan keperluan semasa dan masa depan masyarakat dan industri.

9. Dalam hal ini, JPPKK sedang meneliti semula perancangan politeknik secara keseluruhannya termasuk di Betong pada Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13) nanti bagi memastikan penubuhan setiap institusi baharu atau naik taraf institusi adalah bersesuaian dengan dasar penubuhan politeknik, dasar perjawatan kejat, peruntukan kewangan semasa dan hasil kajian keperluan institusi di kawasan yang terlibat

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE
[BATANG SADONG]

TARIKH : 27 MAC 2024 (RABU)

NO. SOALAN : NO. 55

SOALAN

Puan Rodiyah binti Sapiee [Batang Sadong] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pelan bagaimana Kementerian berhasrat untuk menangani masalah pelajar yang tidak berminat untuk melanjutkan pelajaran ke universiti. Ini kerana, data Jabatan Perangkaan menunjukkan, 72 peratus pelajar sekolah menengah tidak berminat untuk menyambung pengajian tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Keengganan pelajar lepasan SPM untuk melanjutkan dan mengikuti pendidikan tinggi adalah agenda yang sebenarnya harus diberikan perhatian oleh semua pihak secara kolektif dan bukannya KPT semata-mata. Ia harus diperhalusi secara mendalam dan bersepadu.

2. Atas dasar itu, di peringkat KPT, dapatan daripada Jabatan Perangkaan (DOSM) berhubung perkara ini akan dilihat secara mendalam dan teliti.

3. Pihak Kementerian juga akan terus membuat penyelarasan dan penambahbaikan pelbagai proses dan program sedia ada bagi memudahkan akses serta menarik minat anak muda untuk melanjutkan pengajian ke pendidikan tinggi. Antaranya usaha-usaha Kementerian yang telah dilaksanakan termasuklah:

   i. Terdapat empat (4) Laluan Khas bagi kategori Orang Kurang Upaya (OKU)/ Lepasan Institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Laluan Khas bagi kategori B40, Laluan Khas bagi kategori Orang Asli dan Atlet **di peringkat pemilihan pelajar** ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA).

   ii. Kementerian telah memperkenalkan sistem **pembelajaran secara hibrid dan jadual anjal** denganmemberi pelajar pilihan untuk mengikuti pengajian dari rumah atau dari kampus tanpa perlu hadir secara fizikal di kelas. Melalui inisiatif ini, mahasiswa boleh menyusun aktiviti mereka dengan lebih fleksibel. Sebanyak **95 Program** Pengajian Ijazah Sarjana Muda daripada **19 UA** bersedia melaksanakan pembelajaran anjal bagi kemasukan **Sesi Akademik 2023/2024.**

   iii. **Dalam konteks pembiayaan dan insentif** pula Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) turut menyediakan kemudahan **Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP)** bagi membantu pelajar daripada segi kewangan untuk persediaan awal **sebelum mendaftarkan diri ke IPT.**

   iv. Sebahagian program pengajian juga dikurangkan tempohnya mengikut kesesuaian, antaranya **Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda daripada empat (4) tahun** kepada hanya **tiga (3) tahun** sahaja. Setakat ini, sebanyak **44** program pengajian dari sembilan **(9) UA** yang telah dikenalpasti. Melalui inisiatif ini, pelajar dapat mengurangkan perbelanjaan yuran pengajian dan juga kos sara hidup. Pelajar juga boleh memohon pekerjaan dengan lebih awal dan dapat membantu sosioekonomi keluarga.

v. **KPT turut memperluas Program SULUNG kepada 20 UA** yang menyediakan peluang kepada anak-anak **golongan B40 cemerlang dan pertama dalam keluarga** yang berjaya memasuki mana-mana bidang pengajian di Universiti Awam. Penerima manfaat bagi program ini akan mendapat pengecualian yuran pengajian, penginapan dan diberi peluang mengikuti program-program yang dapat membangunkan kemahiran insaniah mereka sehingga tamat pengajian di UA.

vi. Malah, KPT juga telah melaksanakan **Program Dermasiswa B40 TVET** bagi pelajar golongan B40 untuk mengikuti pengajian dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di IPTA sejak tahun 2022.

4. KPT akan terus memberi perhatian kepada perkara ini dan mencari jalan untuk terus menarik minat pelajar lepasan sekolah agar mereka teruja dan memandang serius kepentingan melanjutkan pengajian ke peringkat Pendidikan Tinggi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI [RAUB]

TARIKH : 27 MAC 2024 (RABU)

NO. SOALAN : NO. 68

SOALAN

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar warganegara asing di setiap Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mengikut pecahan negara dalam kursus sarjana muda antara tahun 2019 hingga 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa proaktif dalam usaha meningkatkan jumlah pelajar warganegara asing untuk melanjutkan pengajian di Malaysia seiring dengan hasrat Kementerian menjadikan Malaysia sebagai Hub Pendidikan Serantau.

2. **Sehingga Disember 2023, terdapat seramai 115,203 pelajar asing di Malaysia** iaitu seramai **48,295 orang di Universiti Awam (UA) dan 66, 908 orang di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)** yang sedang mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang dan peringkat. Lima (5) negara dengan jumlah pelajar asing ke Malaysia yang tertinggi adalah **China, Indonesia, Bangladesh, India dan Sri Lanka**.

3. Manakala, **sehingga Disember 2023, terdapat seramai 12,260 orang pelajar asing telah menyertai program mobiliti pelajar** ke Malaysia seperti pertukaran pelajar atau staf, program akademik dan pendidikan, dan lawatan akademik. Lima (5) negara dengan jumlah mobiliti pelajar ke Malaysia yang tertinggi adalah **Indonesia, China, India, Jepun, Perancis**.

4. Bagi menjawab soalan yang diutarakan, jumlah pelajar warganegara asing di setiap Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) mengikut pecahan negara dalam **kursus sarjana muda** antara tahun 2019 hingga 2023 diringkaskan seperti berikut:

    i. Tahun **2019** seramai 11,492 pelajar.

    ii. Tahun **2020** seramai 12,229 pelajar.

    iii. Tahun **2021** seramai 12,950 pelajar.

    iv. Tahun **2022** seramai 10,894 pelajar.

    v. Tahun **2023** seramai 11,375 pelajar.

5. Berdasarkan data ini, terdapat 4.42% peningkatan jumlah pelajar dalam **kursus Sarjana Muda** pada tahun 2023 berbanding tahun 2022. Lima (5) negara dengan jumlah pelajar asing di IPTA dalam **kursus Sarjana Muda** yang tertinggi adalah **China, Indonesia, Bangladesh, Yemen dan Iraq**.

6. Walaupun jumlah pelajar dalam **kursus Sarjana Muda** ini dilihat ada trend turun naik melibatkan jumlahnya, namun, peningkatan yang signifikan ditunjukkan bagi **keseluruhan jumlah pelajar di pelbagai peringkat pengajian** iaitu:

    i. Tahun **2019** seramai 32,404 pelajar.

    ii. Tahun **2020** seramai 33,705 pelajar.

    iii. Tahun **2021** seramai 39,172 pelajar.

    iv. Tahun **2022** seramai 44,488 pelajar.

v. Tahun **2023** seramai 48,295 pelajar.

7. Berdasarkan data ini, **bilangan pelajar asing di IPT Malaysia telah menunjukkan peningkatan sebanyak 8.56% pada tahun 2023** berbanding tahun sebelumnya. Manakala, secara purata, peningkatan jumlah pelajar asing dari tahun 2021 sehingga tahun 2023 adalah sebanyak 11.07%.

8. Trend peningkatan berterusan ini telah mencerminkan keberkesanan usaha KPT dalam menarik lebih ramai pelajar asing mengikuti pengajian di IPT Malaysia sekaligus menjadikan Malaysia sebagai Hub Pendidikan Serantau.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN HONG PIN [BAKRI]

TARIKH : 27 MAC 2024 (RABU)

NO. SOALAN : NO. 77

SOALAN

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah dana penyelidikan disalurkan ke universiti awam (2016-2023) dan bagaimanakah Kerajaan mengatasi ketidakseimbangan hasil penyelidikan dengan dana pelaburan sebagaimana Universitas 21 tahun 2020. Adakah pertimbangan membentuk agensi bebas seperti UK *Research And Innovation* (UKRI) untuk menyelaras penyelidikan dan meningkatkan kecekapan penggunaan dana.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Di bawah RMKe-12, Dana Penyelidikan yang diterima adalah sebanyak RM1.2 billion. Bagi tahun **2021**, dana yang diterima adalah sebanyak **RM221 juta**, tahun **2020** sebanyak **RM293 juta**, tahun **2023** sebanyak **RM318 juta** dan tahun **2024** sebanyak **RM411 juta**. Jika dilihat, trend penerimaan dana ini dari tahun 2021 ke tahun 2024 menunjukkan peningkatan.

2. Terdapat **empat (4) program di bawah Dana Penyelidikan** iaitu, penyelidikan fundamental, pengukuhan dan pemerkasaan universiti

penyelidikan (RU), dana suntikan pemerkasaan bidang nic Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi Malaysia (HICoE) dan dana padanan penyelidikan Antarabangsa (MyPAiR).

3. Bagi tahun 2024, dana penyelidikan fundamental adalah berjumlah **RM200 juta**, dana pengukuhan dan pemerkasaan universiti penyelidikan (RU) adalah sebanyak **RM180 juta**, dana suntikan pemerkasaan bidang nic Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi Malaysia (HICoE) adalah **RM26 juta** dan dana padanan penyelidikan Antarabangsa (MyPAiR) adalah **RM5 juta**.

4. Program-program penyelidikan yang dilaksanakan menggunakan Peruntukan Belanja Pembangunan (DE) mendokong hala tuju yang ditetapkan dalam Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) serta selari dengan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB), Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*, SDG) dan seterusnya tiga (3) Dimensi Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) iaitu Dimensi Pemerkasaan Ekonomi, Dimensi Perekayasaan Sosial dan Dimensi Kemampanan Alam Sekitar.

5. Kepentingan utama penyelidikan fundamental kepada negara ialah pembangunan modal insan yang cemerlang (*talent excellence*) dan bertaraf dunia. Ini merangkumi graduan Sarjana dan Ph.D serta penyelidik di IPT yang berilmu dan berkaliber dalam menjalankan penyelidikan. Impak terbesar daripada inisiatif penyelidikan fundamental di bawah RMKe-12 adalah dalam meningkatkan penarafan (*ranking*) universiti tempatan, keterlihatan Malaysia melalui pencapaian dalam penyelidikan dan inovasi serta sekali gus melonjakkan kedudukan Malaysia di dalam *Global Innovation Index* (GII) menjelang tahun 2025.

6. Program Dana Penyelidikan Fundamental (DPF) KPT sangat berkait rapat dengan ahli akademik yang merupakan golongan penyelidik di IPT. Penyelidikan Fundamental menjadi tunjang kepada penerokaan idea, konsep atau teori baharu. Skop penyelidikan fundamental merangkumi keseluruhan rantaian nilai dari peringkat

pra-penyelidikan dan pembangunan (pra-R&D), penyelidikan dan pembangunan (R&D) sehingga peringkat pra-pengkomersialan.

7. Selain itu, program Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (*Higher Institution Centre of Excellence*, HICoE) merupakan sebuah program KPT yang dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) bagi melonjakkan HICoE sebagai pakar rujuk (*referral point*) dalam penyelidikan bidang nic di peringkat kebangsaan dan Antarabangsa. Program HICoE terbahagi kepada dua (2) teras utama iaitu Penyelidikan dan Inovasi, serta Perkhidmatan.

8. Untuk makluman, Malaysia tidak lagi menjadi ahli dalam penarafan ranking U21.

9. Berhubung pembentukan agensi bebas untuk menyelaras penyelidikan pula, Kerajaan sedar tentang kepentingan mewujudkan agensi khusus di peringkat pusat bagi menyelaras secara tuntas segala aktiviti berkaitan penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I).

10. Dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Kerajaan telah melaksanakan penubuhan Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU) di Kementerian Ekonomi untuk perancangan dasar, menyelaras dan mengharmonikan kesemua aktiviti R&D&C&I di negara ini sebagai langkah permulaan.

11. Menerusi Kajian Separuh Penggal RMKe-12 (KSP RMKe-12) baru-baru ini, Kerajaan telah bersetuju untuk meningkatkan status RMU kepada Agensi Pengurusan Penyelidikan (RMA) sebagai sebuah organisasi di bawah Kementerian Ekonomi bagi meningkatkan lagi kecekapan dan keberhasilan program dan R&D&C&I negara. Sasaran RMKe-12 bagi R&D&C&I negara adalah untuk mencapai 2.5% Perbelanjaan Kasar R&D kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2025 dan pencapaian semasa negara adalah 0.95%.

Sekian, terima kasih.

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2024

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DAN JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BUKAN LISAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BAGAN SERAI]

NO. SOALAN : NO. 34

SOALAN

Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [Bagan Serai] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan strategi yang dilakukan pihak Kerajaan dalam menyusun dan menilai semula program yang ditawarkan oleh politeknik dan kolej komuniti agar lebih kompetitif dan berdaya saing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa memastikan program pengajian yang ditawarkan adalah responsif industri dan selaras dengan dasar kerajaan di peringkat nasional seperti Ekonomi MADANI, Rancangan Malaysia, *New Industrial Master Plan* 2030 (NIMP 2030) dan *National Energy Transition Roadmap* (NETR).

2. Berhubung perkara ini, melalui inisiatif Transformasi Politeknik yang sedang dibangunkan, penjajaran program pengajian sedia ada akan dilaksanakan seiring dengan intipati NIMP 2030 dan NETR yang merangkumi 21 sektor.

3. Dalam konteks ini, Kementerian memfokuskan kepada bidang TVET iaitu teknologi/ teknologi kejuruteraan meliputi sektor elektrik dan elektronik, automotif, kenderaan elektrik (EV), rel, pembinaan dan membaikpulih kapal (SBSR), kecekapan tenaga, tenaga hijau serta bidang kompetitif merangkumi pemprosesan makanan, pengurusan halal, digital dan ICT.

4. Selain itu, Kementerian melalui kaedah intervensi yang menggunapakai strategi *Eliminate-Reduce-Raise-Create* (ERRC) dan model CIPP *Stufflebeam* (*Context, Input, Process and Product*) menilai kesihatan program pengajian yang ditawarkan.

5. Malah, sesi libat urus bersama pihak-pihak berkepentingan di peringkat agensi, kementerian dan industri yang berkaitan turut dilaksanakan. Sesi libat urus ini dilihat dapat memberi impak daripada segi penghasilan graduan *ready-to-work*, peluasan akses kepada bidang TVET dan pengurangan jurang industri seiring dengan dasar kerajaan peringkat nasional.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU]

NO. SOALAN : NO. 41

SOALAN

Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah konkrit yang diambil bagi meletakkan IPTA Malaysia pada kedudukan yang lebih baik dalam senarai universiti unggul di dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, antara langkah konkrit yang diambil oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi meletakkan IPTA Malaysia pada kedudukan yang lebih baik dalam senarai universiti unggul di dunia adalah melalui strategi-strategi, antaranya:

    i. menggunakan sebaiknya dana penyelidikan daripada Kerajaan kepada KPT iaitu **Dana Penyelidikan Fundamental (DPF)**. Dana ini membolehkan IPT melaksanakan penyelidikan dan menghasilkan impak yang menyumbang kepada penyelidikan terkemuka dunia.

    ii. memohon **pelaburan (dana) penyelidikan yang berterusan daripada Kerajaan bagi Program Pengukuhan Dan**

Pemerkasaan Universiti Penyelidikan. Tujuannya adalah bagi menyediakan pembiayaan pengukuhan dan pemerkasaan lima (5) buah Universiti Penyelidikan sedia ada iaitu UM, UKM, USM, UPM dan UTM melalui empat (4) fokus utama iaitu Pembangunan Bakat (*Talent Development*), Keunggulan Penyelidikan (*Research Prominence*), Penghubung Cabaran Perdana (*Bridging the Grand Challenge*) dan Penjanaan Kekayaan (*Wealth Creation*).

iii. mengadakan **program kerjasama dan kolaborasi dengan institusi terkemuka dunia** seperti *Top 100 universities* melalui skim geran padanan penyelidikan antarabangsa. Antara kolaborasi dengan negara rakan kerjasama ialah Jepun, United Kingdom, Perancis dan Sepanyol.

iv. **membangun dan menambahbaik sistem penilaian di peringkat nasional untuk menilai prestasi penyelidikan universiti awam dan swasta melalui sistem e-MyRA®**. MyRA (*Malaysia Research Assessment*) ialah instrumen yang digunakan untuk mengukur *input*, *output*, *outcome* dan impak pembangunan, penyelidikan, pengkomersialan dan inovasi (RDCI). Sistem penilaian ini memberikan daya saing di antara IPT tempatan untuk menjadi yang terbaik dan berkualiti bukan sahaja di peringkat nasional malah di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU]

NO. SOALAN : NO. 43

SOALAN

Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai oleh Kementerian untuk menarik pelajar asing bagi mengikuti kursus-kursus di universiti awam dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) serta menjadikan Malaysia sebagai Hub Pendidikan Serantau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa komited dan proaktif dalam menarik minat pelajar asing bagi mengikuti kursus-kursus di Universiti Awam (UA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) serta menjadikan Malaysia sebagai Hub Pendidikan Serantau. Perkara ini adalah selari dengan Lonjakan 8: Keunggulan Global, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

2. Dalam hal ini, antara kemajuan yang telah dicapai oleh Kementerian adalah:

i. Peningkatan bilangan pelajar asing di IPT Malaysia. Pada tahun 2023, berlaku peningkatan sebanyak 8.56% berbanding tahun 2022 dari segi bilangan pelajar asing.

ii. Sehingga Disember 2023, terdapat seramai 115,203 orang pelajar asing di Malaysia yang merangkumi 48,295 orang di UA dan 66,908 orang di IPTS. Daripada jumlah ini, lima (5) negara telah dikenalpasti menyumbang kepada jumlah tertinggi pelajar asing ke Malaysia iaitu China, Indonesia, Pakistan, Nigeria dan Iraq.

iii. Dalam konteks penglibatan program mobiliti pelajar, sehingga Disember 2023, seramai 12,260 orang pelajar asing telah menyertainya seperti pertukaran pelajar atau staf, program akademik dan pendidikan, serta lawatan akademik. Lima (5) negara dengan jumlah mobiliti pelajar ke Malaysia tertinggi adalah Indonesia, China, Perancis, Thailand dan Jepun.

iv. KPT turut melaksanakan pelbagai inisiatif serta memudah cara prosedur urusan kemasukan pelajar asing ke IPT Malaysia bersama-sama dengan rakan strategik berkaitan seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

v. KPT juga mempergiat inisiatif untuk memperkenal Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk pelancongan dan pendidikan dengan penambahan bilangan rakan sepadan bagi Program *Edutourism*. Terdapat sebanyak 168 pakej di bawah Program *Edutourism* yang melibatkan 37 rakan sepadan (20 UA dan 17 IPTS).

vi. KPT melalui Pejabat Education Malaysia (EM) Luar Negara dan *Education Malaysia Global Services* (EMGS) sentiasa menjalankan pelbagai usaha pemasaran dan promosi pendidikan tinggi berimpak tinggi secara berterusan di peringkat global bagi menyokong inisiatif pengantarabangsaan pendidikan

tinggi dan meningkatkan peluang kerjasama antarabangsa dalam pendidikan tinggi.

vii. Sehingga Jun 2023, sebanyak 1,635 rekod kerjasama dicatatkan bagi UA dengan 76 buah negara antaranya melalui *Memorandum of Understanding* (MoU) dan *Memorandum of Agreement* (MoA). Lima (5) negara dengan rekod kerjasama yang tertinggi adalah Indonesia, Jepun, China, Turki dan India.

viii. Bermula tahun 2023, KPT telah memperkenal Model Baharu Kursi Akademik Luar Negara, iaitu melantik Universiti Awam yang dikenalpasti sebagai rakan strategik mewakili Kerajaan Malaysia. Dengan pengaktifan semula Kursi Pengajian Melayu ini dapat memberi manfaat kepada negara dengan menarik minat pelajar dan masyarakat negara luar terhadap Malaysia melalui kepelbagaian aktiviti dan program. Lima (5) buah Kursi Akademik KPT di Luar Negara buat masa ini berada di:

a) *Ohio University*, Amerika Syarikat;

b) *Leiden University*, The Netherlands;

c) *Victoria University of Wellington*, New Zealand;

d) *Hankuk University of Foreign Studies*, Korea Selatan; dan

e) *Beijing Foreign Studies University*, China.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]

NO. SOALAN : NO. 53

SOALAN

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pelan Kementerian untuk menambah baik dan meminda AUKU untuk memberikan lebih banyak autonomi kepada persatuan-persatuan mahasiswa di setiap universiti termasuk universiti awam dan juga perancangan untuk universiti swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Sebagaimana Yang Berhormat maklum, Rang Undang-Undang Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2023 telah dibentangkan bagi Bacaan Kali Yang Pertama pada 27 November 2023 semasa Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Kelima Belas Tahun 2023. RUU ini seterusnya akan dibentangkan untuk Bacaan Kali Kedua pada sesi mesyuarat ini dan terbuka untuk dibahaskan.

2. Berhubung perkara ini, tujuan utama RUU ini adalah untuk melengkapkan Agenda Pemerkasaan Mahasiswa dengan memberi lebih banyak ruang dan peluang kepada mahasiswa Universiti Awam.

3. Cadangan RUU ini melibatkan lima (5) fasal yang melibatkan empat (4) seksyen seperti berikut:

   i. Seksyen 15A: Kebenaran untuk memungut wang oleh Majlis Perwakilan Pelajar dan Badan Pelajar Lain;
   ii. Seksyen 16B: Pertukaran Pihak Berkuasa Tatatertib kepada suatu Jawatankuasa;
   iii. Seksyen 48(4) & 48(4A): Pertukaran kalendar pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar mengikut kalendar akademik;
   iv. Seksyen 48(11A) & 48(11B): Kebenaran kepada Majlis Perwakilan Pelajar untuk menyenggara kumpulan wang di dalam dan luar Universiti;
   v. Seksyen 48(12A): Pewujudan Peraturan-Peraturan pemungutan dan penerimaan wang atau sumbangan lain; dan
   vi. Seksyen 49(2): Pemakaian peruntukan-peruntukan Majlis Perwakilan Pelajar kepada Perkara Badan Pelajar Lain.

4. Dengan itu, Kementerian percaya pindaan ini akan diterima baik oleh keseluruhan ahli-ahli Yang Berhormat apabila dibentangkan kelak.

Sekian terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT]

NO. SOALAN : NO. 86

SOALAN

Tuan Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kepelbagaian dan inklusiviti dalam kalangan pelajar IPT termasuk IPTS di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah melaksanakan beberapa langkah dalam memastikan kepelbagaian dan inklusiviti dalam kalangan pelajar IPT.

2. Di peringkat Universiti Awam (UA), KPT telah memperluas peluang pendidikan dengan **mewujudkan laluan khas** yang terdiri daripada kumpulan calon B40, Orang Kurang Upaya (OKU), Orang Asli dan Atlet untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sijil, Diploma, Asasi dan Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA).

3. Kumpulan ini hanya perlu memenuhi syarat am dan syarat khas minimum yang telah ditetapkan oleh IPTA dan ILKA yang dipilih dan hanya akan disaring dalam kumpulan mereka sendiri. Penawaran program bergantung kepada ketersediaan IPTA atau ILKA.

4. Bagi Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), **Seksyen 89 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1986 [Akta 555]** memperuntukkan bahawa keanggotaan IPTS, sama ada sebagai pegawai, guru, atau pelajar, hendaklah dibuka kepada semua orang tanpa mengira jantina, ras, agama, bangsa atau kelas selaras dengan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

5. Di peringkat Politeknik pula, berdasarkan **Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2030**, perluasan akses telah diperkenalkan dengan menyediakan akses kemasukan ke politeknik untuk manfaat setiap lapisan untuk menyambung pengajian.

6. Akses kemasukan yang disediakan dilihat mampu untuk mengurangkan kerumitan laluan bagi memudahkan pelajar membuat pilihan terbaik dalam menyambung pengajian.

7. Selain itu juga, antara langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) bagi memperluaskan akses pendidikan adalah seperti:

    i. **memperluas *Open Distance Learning* (ODL)** terutamanya oleh Politeknik METrO yang membolehkan mereka yang sudah bekerja mengikuti pengajian tanpa perlu berhenti kerja;

    ii. **menawarkan pelbagai program *micro-credentials*** bersifat jangka pendek;

    iii. **membangun *Pusat Accreditation of Prior Experiential Learning* (APEL) A** yang akan berpangkalan di Politeknik Ungku Omar;

    iv. **menyusun semula struktur dan kandungan kurikulum** yang digunakan agar tempoh pengajian pelajar politeknik dalam sesuatu bidang menjadi lebih singkat ke Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN);

    v. **meluas pemindahan kredit yang maksimum dan tempoh pengajian yang lebih singkat** kepada lulusan sijil ILKA yang menyambung pengajian di Politeknik atau Kolej Komuniti.

8. KPT turut menawarkan **pelbagai bentuk kemudahan pembiayaan pendidikan tinggi** meliputi pemberian biasiswa, dermasiswa dan bantuan kewangan kepada kumpulan sasaran yang ditetapkan iaitu pelajar dalam kalangan orang awam dan pegawai awam yang sedang berkhidmat dalam ekosistem pendidikan tinggi.

9. Program berbentuk biasiswa antaranya Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB), Skim Latihan Akademik IPT (SLAI) dan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) memberi fokus kepada pegawai sedang berkhidmat seperti tenaga pengajar di universiti awam (UA), politeknik dan kolej komuniti serta pegawai bukan akademik di UA.

10. Pelajar yang terdiri daripada orang awam yang berkelayakan turut mendapat peluang mendapat biasiswa untuk melanjutkan pengajian dari peringkat Diploma sehingga ke peringkat Ijazah Lanjutan melalui program seperti *MyBrain Science*. Biasiswa Atlet Cemerlang IPT, Biasiswa Tokoh Siswa dan Biasiswa Pelajar Cemerlang Politeknik.

11. KPT turut memberi fokus kepada golongan berpendapatan rendah terutamanya dalam kalangan keluarga B40 dan golongan berkeperluan khas. Bantuan diberikan kepada golongan ini menerusi Bantuan Kewangan Asasi (BKA), Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK), Bantuan Kewangan Orang Kurang Upaya (BKOKU) dan Dermasiswa B40 TVET.

12. Secara keseluruhannya, Kementerian sentiasa mengambil langkah dengan menambah baik dasar dan polisi mengikut peredaran semasa yang menggalakkan kepelbagaian, ekuiti dan keterangkuman merentas semua aspek institusi termasuk kemasukan pelajar, pembangunan kurikulum, perkhidmatan untuk pelajar dan budaya di kampus.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

NO. SOALAN : NO. 91

SOALAN

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah biasiswa yang ditawarkan oleh pelbagai agensi dan Kerajaan di peringkat pengajian Ijazah, Sarjana dan PhD Tahun 2018-2023. Berapakah jumlah yang telah dibelanjakan oleh Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menawarkan pelbagai kemudahan pembiayaan pendidikan meliputi pemberian biasiswa, dermasiswa dan bantuan kewangan bagi menggalakkan para pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda hingga ke peringkat PhD.

2. Dalam hal ini, sepanjang tempoh 2018 sehingga 2023, secara keseluruhannya, KPT telah menaja seramai 7,537 pelajar. Jumlah ini merangkumi 3,886 pelajar di peringkat Ijazah, 1,253 pelajar di peringkat Sarjana dan 2,077 orang di peringkat PhD yang melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM422.34 juta.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
[GOMBAK]

NO. SOALAN : NO. 149

SOALAN

Dato' Seri Amirudin bin Shari [Gombak] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah graduan bidang TVET dari tahun 2018 sehingga 2023 mengikut setiap bidang latihan yang telah mereka lalui. Berapa daripada graduan ini sudah memperolehi pekerjaan sepadan dengan latihan-latihan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terlebih dahulu ingin dijelaskan bahawa **berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2020, hanya 42% pelajar dan program TVET di negara kita dikendalikan dan berada di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).**

2. Dari sudut bilangan program diploma bagi bidang TVET di bawah KPT, terdapat sebanyak **299 program mewakili 37%** daripada keseluruhan program diploma TVET yang ditawarkan oleh 12 kementerian atau agensi di seluruh negara.

3. Oleh yang demikian, segala maklumat mengenai kebolehpasaran graduan yang dinyatakan di sini adalah terhad kepada pengajian TVET di bawah institusi-institusi di bawah KPT sahaja.

4. Secara keseluruhannya bagi tempoh **2018 sehingga 2023**, jumlah **graduan bidang TVET** yang dilahirkan oleh KPT adalah seramai **256,901 orang**. Pecahan graduan ini adalah seperti berikut:

    a. **Graduan Universiti Awam atau MTUN** adalah seramai **71,825 orang;**

    b. **Graduan Politeknik dan Kolej Komuniti** adalah seramai **185,076 orang**. Jumlah ini merangkumi **139,579** orang graduan Politeknik dan **45,497** orang graduan Kolej Komuniti.

5. Mengenai peratusan kebolehpasaran graduan, berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang dilakukan oleh KPT, yang **merekodkan kadar respons melebihi 90%,** menunjukkan bahawa:

    a. Purata **kebolehpasaran graduan TVET dari UA / MTUN** pada **tahun 2018 sehingga 2022** adalah sebanyak **91.8%. Daripada jumlah ini, 69.4%** graduan **telah bekerja.** Dan daripada jumlah responden yang telah bekerja ini, sebanyak **60.9%** bekerja dalam bidang yang berkaitan dengan pengajian di UA-MTUN.

    b. Manakala baki 14.9% adalah graduan yang sedang melanjutkan mengikuti pengajian, 3.1% lagi sedang mengikuti kursus atau latihan meningkatkan kemahiran dan 4.3% lagi sedang menunggu penempatan pekerjaan.

    c. Purata **kebolehpasaran graduan Politeknik** pada **tahun 2018 sehingga 2022** pula adalah sebanyak **94.8%** dengan peratus graduan yang **telah bekerja** adalah sebanyak **76.2%**. Daripada jumlah responden yang telah bekerja ini, sebanyak **49.9%** bekerja dalam bidang yang berkaitan dengan pengajian di Politeknik.

d. Manakala baki 19.1% adalah sedang melanjutkan mengikuti pengajian, 0.4% lagi sedang mengikuti kursus atau latihan meningkatkan kemahiran dan 1.5% lagi sedang menunggu penempatan pekerjaan.

e. Seterusnya, bagi **kebolehpasaran graduan Kolej Komuniti** pada **tahun 2018 sehingga 2022** pula menunjukkan purata sebanyak **96.2%** dengan peratus graduan yang **telah bekerja** adalah sebanyak **74.8%**. Daripada jumlah responden yang bekerja ini, sebanyak **53.4%** graduan telah bekerja dalam bidang yang dipelajari di Kolej Komuniti.

f. Manakala baki 22.3% adalah graduan yang memilih untuk melanjutkan mengikuti pengajian, 0.2% lagi sedang mengikuti kursus atau latihan meningkatkan kemahiran dan 0.4% lagi sedang menunggu penempatan pekerjaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR]

NO. SOALAN : NO. 169

SOALAN

Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tindakan yang telah dan akan dilakukan bagi memastikan kebajikan pelajar sijil seperti di Kolej Komuniti yang tidak mendapat Bantuan Kewangan Kolej Komuniti (BKPKK) terutama pelajar yang terpaksa menyewa penginapan sendiri dan menanggung kos yang tinggi untuk perbelanjaan seharian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Program Bantuan Kewangan Kolej Komuniti (BKPKK)** diberikan kepada pelajar Kolej Komuniti dalam kumpulan keluarga berpendapatan rendah B40 yang melanjutkan pengajian di peringkat sijil secara sepenuh masa. Elaun Wang Saku diberikan kepada penerima bantuan ini.

2. Selain itu, KPT turut mempunyai **Program Dermasiswa B40 TVET** yang menyediakan pembiayaan kepada pelajar dari dari kumpulan B40 yang mengikuti pengajian dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di peringkat Diploma di Kolej

Komuniti. Dermasiswa ini melibatkan pembiayaan yuran pengajian dan elaun wang saku sepanjang tempoh penajaan.

3. Selain itu juga, KPT menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) melalui dua penajaan iaitu **Bantuan Kewangan OKU (BKOKU)** dan **Program Pendidikan Khas (PPK)**. Bantuan kewangan ini diberikan kepada pelajar OKU yang mengikuti pengajian di peringkat sijil di Kolej Komuniti.

4. Bagi pelajar Sijil Kolej Komuniti yang tidak layak menerima BKPKK, Kementerian melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) sentiasa membantu memperluas informasi mengenai bantuan-bantuan lain yang tersedia daripada pelbagai pihak seperti kerajaan negeri, Lembaga Zakat, Yayasan Kerajaan atau Swasta dan pihak lain-lain.

5. Bagi bantuan kewangan ataupun program pembiayaan lain, JPPKK akan membantu pelajar dalam mengemukakan permohonan seperti Bantuan Kewangan Kerajaan Negeri, Bantuan Zakat, Dermasiswa Yayasan Tenaga Nasional, Yayasan *Sime Darby*, Bantuan Kewangan Yayasan Raja Muda Selangor dan lain-lain.

6. Berhubung perkara ini juga, terdapat inisiatif lain yang dilaksanakan dalam membantu pelajar-pelajar ini iaitu melalui **Program *Food Bank* Siswa dan Program Menu Siswa**. Konsep pelaksanaan program ini adalah pemberian bantuan makanan serta keperluan harian menerusi sudut khas yang terdapat di institusi kepada semua pelajar yang memerlukan dan juga penyediaan harga makanan yang berpatutan serendah RM3.50 bagi setiap hidangan.

7. Pada masa yang sama, JPPKK turut memainkan peranan aktif dalam menjaga kebajikan semua pelajar melalui kerjasama bersama pihak penyedia atau pemilik rumah sewa di sekitar institusi dengan membantu menyediakan maklumat penginapan yang lebih murah kepada pelajar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU]

NO. SOALAN : NO. 186

SOALAN

Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) berguna dalam mengawal kegiatan politik pelajar di dalam universiti dan adakah terdapat sebarang kemungkinan akta ini akan dimansuhkan dan diganti dengan akta yang lain.

JAWAPAN

1. Untuk makluman Yang Berhormat, susulan pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) yang telah dibuat kepada Seksyen 15 pada tahun 2012 dan 2019, pelajar dan mahasiswa kini bebas untuk berpolitik di dalam dan luar kampus dan kebebasan ini tidak boleh dihalang oleh Universiti.

2. Namun demikian, pelajar dinasihatkan untuk bersederhana apabila berpolitik bagi memastikan keharmonian dalam kampus terpelihara.

3. Mengambil kira kesemua pindaan-pindaan yang telah dibuat kepada AUKU, Kementerian ini berpandangan memadai hanya dipinda dan tidak perlu dimansuhkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [KALABAKAN]

NO. SOALAN : NO. 221

SOALAN

Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk membina politeknik atau kolej komuniti di Kalabakan bagi memenuhi keperluan belia yang ingin mengikuti bidang pendidikan TVET sekaligus dapat menyediakan sumber tenaga separa mahir bagi mengisi keperluan industri pembuatan di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Politeknik dan Kolej Komuniti menawarkan pelbagai program pengajian dalam bidang Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di peringkat sijil, diploma dan sarjana muda bagi melahirkan sumber tenaga kerja mahir yang memenuhi kehendak industri dalam pelbagai bidang termasuk pembuatan.

2. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 September 2004 bersetuju dengan pandangan bahawa keutamaan penubuhan Kolej Komuniti hendaklah diberi tumpuan kepada kawasan-kawasan yang tiada institusi-institusi latihan seperti Pusat Giat MARA, Institut Kemahiran MARA dan bukan di setiap parlimen.

3. Selain itu, pertimbangan untuk kelulusan penubuhan Politeknik dan Kolej Komuniti mengambilkira beberapa faktor antaranya kajian keperluan pasaran semasa, kepadatan penduduk, peruntukan kewangan, perjawatan kejat serta keperluan industri setempat.

4. Pada masa ini terdapat tiga (3) buah politeknik dan lapan (8) buah Kolej Komuniti yang sedang beroperasi di Sabah iaitu Politeknik Kota Kinabalu, Politeknik Sandakan, Politeknik Tawau, Kolej Komuniti Tawau, Kolej Komuniti Lahad Datu, Kolej Komuniti Sandakan, Kolej Komuniti Beaufort, Kolej Komuniti Tambunan, Kolej Komuniti Penampang, Kolej Komuniti Kota Marudu dan Kolej Komuniti Semporna.

5. Lokasi Politeknik Tawau dan Kolej Komuniti Tawau yang mana jarak masing-masing adalah dalam lingkungan 125 km dan 91 km dari Kalabakan.

6. Justeru, pihak Kementerian berpandangan bahawa kewujudan politeknik dan kolej komuniti lain di kawasan sekitar Kalabakan masih mampu membantu keperluan dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

7. Kementerian akan terus berusaha memperluaskan akses Pendidikan serta Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi menyumbang kepada kemajuan sosio-ekonomi melibatkan masyarakat di Kalabakan melalui pendidikan yang relevan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

NO. SOALAN : NO. 250

SOALAN

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengapa kos untuk pembedahan "*untethering of the spinal cord*" di Pusat Perubatan Universiti Malaya adalah RM 6,100.00 (harga invois bertarikh 21 April 2021) berbanding Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia yang tidak mengenakan apa-apa kos sekiranya pesakit mempunyai kad OKU.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

1. Semua pesakit yang mempunyai Kad OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) diberikan rawatan pesakit dalam dan pesakit luar secara percuma untuk **semua rawatan standard** di PPUM.

2. Walaubagaimanapun, jika pesakit memerlukan ubat khas (*non-formulari*); dan/ atau peralatan khas; dan/ atau perkhidmatan khas contohnya pembedahan Neurosurgeri di Dewan Bedah Khas *Centre for Image Guided and Minimally Invasive Therapy* (CIGMIT) yang berteknologi tinggi, pesakit akan dikenakan caj mengikut ubat/ peralatan/ rawatan/ perkhidmatan khas yang diperlukan **termasuk kepada pesakit yang memiliki kad OKU.**

3. Prosedur pembedahan *Untethering of the Spinal Cord* adalah salah satu contoh pembedahan yang dilakukan di Dewan Bedah Khas CIGMIT PPUM.

4. Pusat Perubatan UKM juga melaksanakan dasar yang sama ke atas pemegang Kad OKU seperti mana yang dilaksanakan oleh PPUM. Bagi pesakit yang memiliki kad OKU, mereka juga layak menerima rawatan pesakit luar dan pesakit dalam secara percuma **untuk semua perkhidmatan standard**. Perkhidmatan percuma untuk pemegang kad OKU di Pusat Perubatan UKM **tidak terpakai** ke atas ubat non-formulari, alat implan dan rawatan/ perkhidmatan khas.

5. Walau bagaimanapun berdasarkan semakan yang dibuat, tiada sebarang invois dengan nilai RM6,100.00 yang dikeluarkan oleh PPUM pada 21 April 2021.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG]

NO. SOALAN : NO. 263

SOALAN

Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan daerah Klang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan baru diangkat ke status Bandar Raya. Maka, adakah rancangan untuk membina Institusi Pendidikan Tinggi atau Institusi Latihan TVET yang baharu di Klang pada masa depan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian sentiasa komited dalam menyediakan akses pendidikan melalui penubuhan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) seperti Universiti Awam (UA), Politeknik dan Kolej Komuniti.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui semakan didapati bahawa negeri Selangor mempunyai sebanyak 11 UA induk dan kampus cawangan dan ini sekaligus dapat menampung keperluan pendidikan tinggi awam bagi Lembah Kelang secara keseluruhan.

3. Manakala bagi Politeknik dan Kolej Komuniti, punca kuasa penubuhannya adalah tertakluk di bawah perenggan 34 (1)(d) Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].

4. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 September 2004 bersetuju dengan pandangan bahawa keutamaan penubuhan Kolej Komuniti hendaklah diberi tumpuan kepada kawasan-kawasan yang tiada institusi latihan seperti Pusat Giat MARA, Institut Kemahiran MARA, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan bukan di setiap parlimen.

5. Selain itu, pertimbangan untuk kelulusan penubuhan Politeknik atau Kolej Komuniti mengambilkira beberapa faktor antaranya kajian keperluan pasaran semasa, kepadatan penduduk, peruntukan kewangan, perjawatan kejat serta keperluan industri setempat.

6. Ini disebabkan pembinaan infrastruktur pendidikan yang lebih besar seperti IPT atau IPG bergantung kepada peruntukan kewangan, dasar perjawatan kejat yang sedang berkuatkuasa, kehendak industri dan unjuran guna tenaga negara.

7. Sehingga Disember 2023, terdapat tiga (3) buah Politeknik dan sebelas (11) buah Kolej Komuniti telah ditubuhkan dan sedang beroperasi di Selangor iaitu Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam (PSA), Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) Sabak Bernam, Politeknik Banting Selangor (PBS) Banting, Kolej Komuniti Sabak Bernam, Kolej Komuniti Kuala Langat, Kolej Komuniti Hulu Selangor, Kolej Komuniti Selayang, Kolej Komuniti Ampang, Kolej Komuniti Tanjung Karang, Kolej Komuniti Klang, Kolej Komuniti Shah Alam, Kolej Komuniti Kelana Jaya dan Kolej Komuniti Cawangan Sepang dengan keseluruhan enrolmen pelajar seramai 9,761 orang.

8. Justeru, Kementerian berpandangan bahawa kewujudan politeknik dan Kolej Komuniti di sekitar Selangor masih mampu menampung permintaan bakal pelajar di dalam bidang TVET bagi kawasan Klang.

9. Pada masa yang sama, pihak Jabatan juga akan terus berusaha memperluas akses TVET bagi menyumbang kepada kemajuan sosio-ekonomi melibatkan masyarakat di Selangor melalui pendidikan yang relevan selaras dengan dasar nasional pada masa akan datang.

10. Untuk makluman juga, bagi Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) pula, jumlah IPTS berdaftar sehingga 31 Januari 2024 adalah sebanyak 388 buah yang meliputi 62 buah universiti, 10 kampus cawangan luar negeri, 32 kolej universiti dan 284 kolej. Manakala sejumlah 109 buah IPTS berdaftar adalah yang berada di negeri Selangor. Terdapat tiga (3) buah IPTS berdaftar bertaraf kolej di Klang, Selangor. Ketiga-tiga IPTS ini dapat menyediakan peluang pelajar yang tidak dapat meneruskan pengajian melalui saluran perdana.

11. Maka, seperti yang telah dinyatakan, ketersediaan infrastruktur sedia ada ini adalah memadai dalam menyediakan pendidikan peringkat diploma dan ijazah dalam pelbagai bidang termasuk TVET bagi semua peringkat lapisan masyarakat di negeri Selangor secara amnya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' AZMAN BIN NASRUDIN
[PADANG SERAI]

NO. SOALAN : NO. 420

SOALAN

Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan data dan maklumat terkini kadar pembayaran balik pinjaman PTPTN di kalangan peminjam memandangkan cabaran ekonomi yang semakin mencengkam kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara keseluruhannya, sehingga 31 Disember 2023 seramai 2,716,110 peminjam sepatutnya telah membuat bayaran balik pinjaman dengan jumlah bayaran balik patut diterima sebanyak RM32.29 bilion.

2. Daripada jumlah tersebut:

    i. Seramai 981,818 peminjam (36.15%) telah menyelesaikan bayaran balik pinjaman sebanyak RM14.27 bilion;

    ii. Seramai 496,612 peminjam (18.28%) telah membuat bayaran balik secara konsisten sebanyak RM3.7 bilion;

iii. Seramai 795,177 peminjam (29.27%) telah membuat bayaran balik secara tidak konsisten sebanyak RM3.46 bilion dengan tunggakan bayaran balik sebanyak RM5.39 bilion; dan

iv. Seramai 442,503 peminjam (16.30%) tidak membuat bayaran balik dengan jumlah tunggakan sebanyak RM5.46 bilion.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK IR. SHAHELMEY BIN YAHYA
[PUTATAN]

NO. SOALAN : NO. 513

SOALAN

Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [Putatan] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status cadangan bagi memperkasakan Institusi TVET dengan pewujudan Universiti Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional dalam mengatasi masalah pengangguran di Sabah. Memandangkan kadar pengangguran yang tinggi di Sabah iaitu merekodkan 7.7% pada suku ketiga 2023, melebihi purata kadar pengangguran negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) belum berhasrat untuk menambah sebarang Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dalam jangka masa terdekat.

2. Berhubung masalah pengangguran, berdasarkan data rasmi dari Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang dikeluarkan oleh KPT, bilangan graduan yang belum bekerja selepas enam (6) bulan menamatkan pengajian adalah seramai 29,099 orang atau 9.8 peratus daripada 295,962 graduan warganegara Malaysia pada tahun 2022. Manakala kadar yang belum bekerja bagi graduan yang

bermastautin di Sabah adalah sebanyak 14.2% iaitu seramai 2,284 orang.

3. Dalam hal ini, bagi memastikan isu pengangguran dalam kalangan graduan dapat diatasi, KPT telah melaksanakan pelbagai inisiatif secara berterusan bagi memastikan bakat dan kemahiran yang pelbagai (*multi talents and skills*) dapat diberikan kepada mereka.

4. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah menerusi:

   i. **Pembangunan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 sebagai dokumen strategik dan rujukan utama IPT** bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui empat strategi yang telah digariskan, iaitu Pengukuhan Kecemerlangan Bakat; Perluasan Kerjaya Pelajar; Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP); dan Pemerkasaan Hubungan Industri.

   ii. **Pengukuhan sinergi kerjasama bersama industri** dalam usaha untuk memperkasa graduan melalui pelaksanaan pelbagai program seperti CEO@Faculty, CEO@PolyCC, *Industry on Campus* (IOC), *Industry Education Centre*, 2u2i, Majlis Penasihat Industri JPPKK dan Jawatankuasa Penasihat Industri. Program-program ini bertujuan untuk mempersiap graduan dengan kemahiran yang diperlukan seiring dengan keperluan industri semasa.

   iii. **Pelaksanaan padanan pekerjaan kepada graduan IPT dengan kerjasama PERKESO menerusi portal *MyFutureJobs***. Inisiatif ini diteruskan bagi memastikan graduan yang masih belum bekerja dipadankan dengan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelulusan akademik mereka. Sepanjang tahun 2023 sahaja, seramai **87,757 orang** graduan telah berjaya memperoleh pekerjaan menerusi portal tersebut.

   iv. **Pembangunan modul *JobMatching@GREaT*** bagi melaksanakan padanan permintaan dan penawaran pekerjaan menggunakan teknologi terkini. Modul ini dibangunkan menerusi

Portal *Graduates Reference Hub for Employment and Training* atau GREaT yang boleh dicapai di laman web Kementerian.

v. Kolaborasi serta perbincangan dari semasa ke semasa dalam pelbagai platform bersama-sama dengan Kementerian dan Agensi berkaitan seperti Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) bagi membantu menangani isu kekurangan tenaga kerja, jurang kemahiran pekerja, ketidaksepadanan pekerjaan dan pelbagai lagi.

5. Justeru, inisiatif ini akan terus diperkasa di semua institusi pendidikan tinggi (IPT) supaya kebolehpasaran graduan dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa tanpa melibatkan kos pembangunan fizikal yang tinggi khususnya dalam membangunkan IPT baharu.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI [RAUB]

NO. SOALAN : NO. 533

SOALAN

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengapa Institusi Pengajian Tinggi Awam boleh menerima pelajar yang mengambil sijil negara asing seperti AUSMAT, A-Level, IB, GaoKao China ke kursus sarjana muda IPTA, tetapi tidak menerima sijil peperiksaan UEC yang telah diiktirafkan oleh lebih daripada 200 buah universiti terkenal di antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak Kementerian mengambil maklum bahawa terdapat pelajar yang memiliki kelayakan *Unified Examination Certificate* (UEC) berhasrat untuk menyambung pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA).

2. Untuk makluman Yang Berhormat, dasar umum semasa, menerima kelayakan UEC *Senior Middle Three* (SM3) untuk menyambung pengajian ke program pendidikan tinggi di Malaysia mengikut tahap pengajian yang bersesuaian.

3. Berdasarkan kepada Pekeliling Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), KPM Bil. 2/2004 bertarikh 19 Mac

2004, kelulusan Sijil UEC boleh digunakan untuk kemasukan ke Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) sahaja. Oleh yang demikian, pemegang kelayakan UEC SM3 boleh memohon untuk menyambung pengajian di IPTS berdasarkan syarat kelayakan masuk yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI [RAUB]

NO. SOALAN : NO. 534

SOALAN

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan butirkan bilangan pelajar yang mengambil kursus perubatan, farmasi, undang-undang, pergigian pada intake 2023 di setiap Institusi Pengajian Tinggi Awam yang menyediakan kursus-kursus tersebut mengikut pecahan Matrikulasi, STPM dan *Direct Intake*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan sumber dariapada Universiti Awam (UA), bilangan keseluruhan pelajar yang mengambil kursus perubatan, farmasi, undang-undang, dan pergigian pada pengambilan tahun 2023 di UA mengikut pecahan Matrikulasi, STPM dan *Direct Intake* adalah seperti berikut:

Kursus	Matrikulasi	STPM	*Direct Intake*
Perubatan	939	23	443
Farmasi	472	10	118
Undang-Undang	579	115	469
Pergigian	233	2	102

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK]

NO. SOALAN : NO. 550

SOALAN

Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan menerangkan hala tuju pinjaman PTPTN yang terkini. Berapa banyak pinjaman PTPTN untuk anak Sarawak dan berapa yang telah dibayar oleh Kerajaan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) masih relevan sebagai agensi utama yang membiayai pendidikan tinggi negara. Sehingga 31 Disember 2023, seramai lebih 3.9 juta peminjam telah mendapat manfaat pinjaman pendidikan PTPTN dengan jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan atau diagihkan sebanyak RM71.32 bilion.

2. Untuk tempoh yang sama, seramai 221,242 peminjam dari negeri Sarawak telah diluluskan pinjaman dengan jumlah peruntukan sebanyak 5.38 bilion.

3. Daripada segi bayaran balik pinjaman pula, sejak tahun 2020, Kerajaan Negeri Sarawak melalui Yayasan Sarawak telah melaksanakan kerjasama dengan PTPTN dalam usaha membantu

pelajar Sarawak meringankan beban hutang pinjaman PTPTN melalui insentif bayaran balik pinjaman PTPTN kepada peminjam anak Sarawak yang telah menyelesaikan sekurang-kurangnya 30% daripada baki pinjaman.

4. Sehingga 31 Disember 2023, jumlah keseluruhan peruntukan yang telah diterima daripada Kerajaan Negeri Sarawak untuk insentif ini berjumlah RM90.42 juta.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ
[SEGAMAT]

NO. SOALAN : NO. 552

SOALAN

Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah penerimaan pelajar ke bidang perubatan, perundangan, dan kejuruteraan di semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi tahun 2023 mengikut pecahan pelajar Melayu, Cina, India dan lain-lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara keseluruhannya untuk penawaran kepada calon lepasan STPM/ Setaraf untuk mengikuti pengajian di Universiti Awam (UA) bagi sesi akademik 2023/2024:

    i. Terdapat 1,881 permohonan pilihan pertama ke program Perubatan telah diterima, 1,738 permohonan layak dipertimbangkan dan 709 orang calon telah ditawarkan mengikuti program Perubatan.

    ii. Bagi program Undang-Undang, sebanyak 2,110 permohonan pilihan pertama telah diterima. Daripada jumlah tersebut,

sebanyak 1,745 daripada permohonan layak dipertimbangkan penawaran dan seramai 542 orang calon telah ditawarkan.

iii. Bagi Program Perubatan dan Undang-Undang, peratus kejayaan tertinggi penawaran kepada calon lepasan STPM/ Setaraf adalah kepada kaum Cina, diikuti kaum India. Tiada penawaran kepada kaum Bumiputera dan kaum lain-lain bagi kategori ini.

2. Manakala untuk sesi akademik yang sama bagi penawaran kepada calon lepasan STPM/ Setaraf ke program-program Kejuruteraan iaitu Mekanikal, Elektrikal, Elektronik, Kimia, Awam dan Pesawat di UA, kesemua penawaran adalah inklusif dengan penawaran perdana dan rayuan oleh calon di mana:

i. bagi program Kejuruteraan Mekanikal, terdapat sebanyak 3,026 permohonan pilihan pertama telah diterima dan 2,526 orang calon telah ditawarkan ke program tersebut.

ii. untuk program Kejuruteraan Elektrikal, 1,963 permohonan pilihan pertama diterima, dengan 1,617 orang telah ditawarkan ke program tersebut.

iii. untuk program Kejuruteraan Elektronik pula, 1,915 permohonan pilihan pertama ke program diterima dan hasil tapisan calon, seramai 2,381 orang telah ditawarkan ke program berkenaan.

iv. bagi program Kejuruteraan Kimia, sebanyak 1611 permohonan pilihan pertama ke program diterima dan 1,407 orang telah ditawarkan program tersebut.

v. untuk program Kejuruteraan Awam, 2,096 permohonan pilihan pertama telah diterima dan seramai 1,823 orang telah ditawarkan ke program Kejuruteraan Awam.

vi. bagi program Kejuruteraan Pesawat pula, terdapat 940 permohonan pilihan pertama diterima oleh Kementerian untuk

kemasukan ke UA dan daripada jumlah tersebut, seramai 652 orang telah ditawarkan ke program Kejuruteraan Pesawat tersebut.

3. Dari segi penawaran mengikut kaum bagi program-program kejuruteraan di UA untuk calon lepasan STPM/ Setaraf, peratus kejayaan tertinggi penawaran adalah kepada kaum Cina, diikuti Bumiputra, India dan Lain-lain bagi program Kejuruteraan Mekanikal, Elektrikal dan Elektronik.

4. Bagi program Kejuruteraan Kimia dan Awam pula, peratus kejayaan tertinggi penawaran adalah kepada kaum Cina, diikuti India, seterusnya Bumiputera dan Lain-lain.

5. Akhir sekali untuk penawaran ke program Kejuruteraan Pesawat, peratus kejayaan tertinggi penawaran kepada calon lepasan STPM/ Setaraf adalah kepada Bumiputra, diikuti Cina, India dan Lain-lain.

6. Untuk makluman, pihak Kementerian mengamalkan prinsip meritokrasi dengan mengambil kira 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum dalam proses pemilihan pelajar ke UA termasuklah kepada pelajar-pelajar lepasan STPM dan SPM.

7. Berdasarkan prinsip ini, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberi peluang untuk mengikuti pengajian di UA. Kejayaan calon untuk memperoleh tawaran bergantung kepada susunan merit, memenuhi syarat Am dan syarat Khas serta bilangan tempat yang disediakan oleh UA.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI
[SUNGAI PETANI]

NO. SOALAN : NO. 618

SOALAN

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah dana yang telah diberikan kepada pihak universiti dalam mengkaji penggunaan perubatan secara tradisional sepanjang lima tahun yang lepas dan adakah tumpuan diberikan sejajar dengan matlamat Kementerian Kesihatan Malaysia dalam membangunkan industri ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penyelidikan *Fundamental* yang diterajui oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) adalah bertujuan untuk melonjakkan kecemerlangan penyelidikan di Malaysia dalam penjanaan teori, konsep dan idea baharu serta berpotensi diterjemah kepada penyelidikan translasional yang dapat memberi manfaat dan dapat digunakan oleh industri, masyarakat dan negara.

2. Dalam tempoh lima tahun yang lepas, terdapat beberapa kajian berkaitan perubatan tradisional dan perubatan alternatif di bawah dana ini dengan peruntukan berjumlah RM3 juta. Walau bagaimanapun, jumlah ini hanya merangkumi projek-projek

penyelidikan yang diluluskan di bawah dana penyelidikan fundamental.

3. Permohonan geran di bawah dana fundamental ini terbuka untuk semua bidang dan kelulusan permohonan adalah berdasarkan kertas cadangan yang berkualiti serta berdasarkan merit saintifik yang tinggi. Semua permohonan juga perlu memenuhi bidang-bidang keutamaan yang telah ditetapkan bagi memastikan penyelidikan yang dilaksanakan memenuhi keperluan semasa negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR [TEMERLOH]

NO. SOALAN : NO. 660

SOALAN

Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :

(a) halangan dan masalah untuk mendirikan sebuah IPT awam di Temerloh sedangkan daerah ini telah mempunyai tapak bagi mendirikan sebuah IPT; dan

(b) adakah Kementerian berhasrat untuk menaik taraf Kolej Komuniti dan IKTBN di Temerloh menjadi sebuah IPTA.

JAWAPAN

(a)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian menyambut baik sokongan Ahli Yang Berhormat dalam meningkatkan taraf pendidikan tinggi negara. Namun demikian, pada masa ini KPT tidak berhasrat untuk menambah bilangan Universiti Awam (UA) sedia ada memandangkan 20 UA sedia adalah mencukupi bagi menampung keperluan para pelajar.

2. Pihak KPT akan memberi perhatian kepada keperluan memulih, menyelenggara dan menaik taraf bangunan serta kemudahan sedia ada seperti fakulti, makmal, asrama dan perpustakaan yang sekian lama berada dalam keadaan uzur.

3. Bagi kawasan Temerloh, pendidikan tinggi masih boleh dinikmati oleh penduduk Temerloh melalui lingkungan capaian terdekat IPT di negeri Pahang. Di Pahang, terdapat satu (1) kampus induk Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Gambang dan enam (6) kampus cawangan iaitu UMP Kampus Pekan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kampus Gambang dan Kuantan, Univeristi Teknologi MARA (UiTM) Kampus Jengka, UiTM Kampus Kuantan dan Kampus Raub.

4. Pada masa yang sama, Pahang juga mempunyai dua (2) Universiti dan Kolej Universiti Swasta iaitu DRB-HICOM *University of Automotive Malaysia* dan Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) untuk menampung keperluan pendidikan tinggi bagi pelajar yang tidak berjaya melanjutkan pengajian di IPTA.

5. Maka, ketersediaan infrastruktur sedia ada ini adalah memadai dalam menyediakan pendidikan peringkat diploma dan ijazah bagi semua peringkat lapisan masyarakat di Temerloh.

(b)

1. Kementerian sentiasa komited dalam menyediakan akses pendidikan melalui penubuhan institusi pendidikan tinggi (IPT) seperti Politeknik dan Kolej Komuniti dan punca kuasa penubuhan Politeknik dan Kolej Komuniti adalah tertakluk di bawah perenggan 34 (1)(d) Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].

2. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 September 2004 bersetuju dengan pandangan bahawa keutamaan penubuhan Kolej Komuniti hendaklah diberi tumpuan kepada kawasan-kawasan yang tiada institusi-institusi latihan seperti Pusat Giat MARA, Institut Kemahiran MARA dan bukan di setiap Parlimen.

3. Selain itu, pertimbangan untuk kelulusan penubuhan politeknik dan Kolej Komuniti mengambilkira beberapa faktor antaranya kajian keperluan pasaran semasa, kepadatan penduduk, peruntukan kewangan, perjawatan kejat serta keperluan industri setempat.

4. Ini kerana, pembinaan infrastruktur pendidikan yang lebih besar seperti IPT atau IPG bergantung kepada peruntukan kewangan, dasar perjawatan kejat yang sedang berkuatkuasa, kehendak industri dan unjuran guna tenaga negara.

5. Pada masa ini telah ada sebuah IPT di Temerloh iaitu Kolej Komuniti Temerloh yang memulakan beroperasi pada tahun 2003 dengan kapasiti 600 orang pelajar. Kolej Komuniti ini menawarkan empat program pengajian sepenuh masa iaitu program Sijil Teknologi Maklumat, Sijil Fesyen dan Pakaian, Sijil Pembuatan Perabot dan Sijil Penyelenggaraan Bangunan.

6. Kolej Komuniti Temerloh dalam konteks ini berperanan penting dalam memenuhi keperluan akses pendidikan di kawasan sekitar melalui peluang melanjutkan pengajian di dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di samping turut menawarkan program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) bagi peningkatan kemahiran dan pengetahuan seterusnya berupaya meningkatkan taraf hidup komuniti setempat.

7. Manakala bagi Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Temerloh telah dinaiktaraf daripada Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) kepada Institut Kemahiran Belia Negara (IKTBN) pada tahun 2017 dengan menawarkan program kemahiran sehingga ke peringkat diploma di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Pengiktirafan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Pada masa ini kementerian belum berhasrat untuk menaiktaraf IKTBN Temerloh menjadi sebuah IPTA. Namun begitu pada masa ini Kementerian Belia dan Sukan (KBS) di peringkat pemantapan program-program latihan kemahiran di ILKBS supaya ia selari dengan perubahan teknologi dan

memenuhi keperluan industri serta menarik minat belia untuk mengikuti kursus kemahiran.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM]

NO. SOALAN : NO. 668

SOALAN

Tuan Riduan bin Rubin [Tenom] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan penyelesaian yang diambil oleh pihak Kementerian terhadap tuntutan yang dibuat oleh mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) berhubung dengan isu bekalan air yang dihadapi oleh mereka sehingga menjejaskan sesi pembelajaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, punca utama masalah kekurangan air di UMS adalah berikutan ketidakstabilan bekalan air yang disalurkan oleh Jabatan Air Negeri Sabah (JANS).

2. JANS memaklumkan bahawa keperluan air adalah lebih tinggi berbanding daripada jumlah sumber air terawat yang boleh dihasilkan di Loji Rawatan Air JANS.

3. Berhubung perkara ini, UMS telah melaksanakan tindakan-tindakan sewajarnya bagi mengurangkan kesan gangguan air kepada mahasiswa UMS walaupun memahami bahawa tindakan ini agak terhad dan hanya dapat membantu mengurangkan kesan gangguan bekalan air sahaja.

4. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh UMS untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang adalah:

   i. Membina telaga berserta sistem rawatan air di Kolej Kediaman Tun Pengiran Ahmad Raffae (KKTPAR) menggunakan dana sumber dalaman UMS.

   ii. Mencari sumber air bukit dan membuat penyaluran melalui paip graviti bagi membolehkan pelajar mendapatkan air ketika gangguan bekalan air JANS.

   iii. Melaksanakan pengurusan air dalaman untuk memaksimumkan sumber air yg ada seperti:

      a. Merendahkan '*pump*' supaya mampu membuat pengepaman air walaupun dibawah paras 1 meter;

      b. Membuat tambahan tangki di kolej-kolej kediaman berserta dengan perpaipan dan sistem '*pump*';

      c. Membaiki dan memastikan semua paip usang dalam sistem perpaipan infra UMS diganti. Projek pengantian semua paip-paip usang '*High Density Polyethylene*' (HDPE) ke '*Mild Steel Cement Lined*' (MSCL) ini masih dalam perlaksanaan dan menggunakan peruntukan daripada KPT;

      d. Membuat paip '*bypass*' daripada tangki utama UMS (kapasiti 6.75 juta liter) terus ke kolej kediaman memastikan keutamaan penyaluran bekalan air daripada tangki utama UMS terus ke kolej kediaman terlebih dahulu. Projek pembinaan masih dalam perlaksanaan dan menggunakan peruntukan daripada KPT; dan

      e. Membuat penyewaan lori tanker kosong untuk menyalurkan bekalan air di UMS.

5. Untuk makluman juga, pada 31 Mei 2023, YAB Perdana Menteri telah menyalurkan RM 3 juta untuk membina 6 buah telaga. Dalam hal ini, projek ini sedang berjalan dan 60% telah siap dibina.

6. Selain itu, pada 7 Januari 2024, YB Menteri Pendidikan Tinggi telah memberi kelulusan sebanyak RM2 juta bagi menyelesaikan keperluan sistem agihan air sumber alternatif ke semua blok kolej kediaman KKTPAR dengan menaiktaraf sistem pengagihan (*distribution system*) telaga tiub sedia ada kepada blok-blok bangunan yang lain. Peruntukan tersebut juga digunakan untuk membina dua (2) lagi telaga tiub bagi mengurangkan masalah isu gangguan air yang dihadapi oleh pelajar dan warga kampus.

7. Dianggarkan, selepas ini dengan peruntukan keseluruhan RM 5juta, pihak UMS akan mempunyai sembilan (9) '*tubewell*' yang mampu mengeluarkan air dalam anggaran sebanyak 1Juta liter sehari iaitu bersamaan 30% daripada keperluan minimum (3 Juta Liter Sehari).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN RIDUAN BIN RUBIN [TENOM]

NO. SOALAN : NO. 669

SOALAN

TUAN RIDUAN BIN RUBIN minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah mahasiswa Sabah yang telah menerima manfaat daripada inisiatif bantuan subsidi FlySiswa bagi pembelian tiket penerbangan untuk pelajar universiti awam (UA).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Julai 2023 telah bersetuju supaya Kerajaan melaksanakan inisiatif bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan untuk mahasiswa Universiti Awam bagi laluan domestik antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

2. Inisiatif yang dikenali sebagai *FLYSiswa* ini diterajui oleh Kementerian Pengangkutan (MOT).

3. Sehingga tahun 2023, jumlah mahasiswa Sabah yang telah menerima manfaat daripada inisiatif bantuan subsidi *FlySiswa* bagi pembelian tiket penerbangan untuk pelajar Universiti Awam (UA) adalah seramai 8,696 pelajar.

Sekian, terima kasih.

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2024

DEWAN RAKYAT

UCAPAN PENGGULUNGAN

SESI PENGGULUNGAN
PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH
KE ATAS TITAH DIRAJA
OLEH YB DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD KADIR
MENTERI PENDIDIKAN TINGGI
13 MAC 2024 (RABU)

PENDAHULUAN

Bismillahhirrahmannirrahim.

Assalamu'alaikum Warrahmatulahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam Ramadan. Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya merafak sembah ucapan tahniah atas pelantikan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-XVII, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofea. Saya juga ingin merafak sembah dan menjunjung kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Pahang yang telah menaungi negara dan rakyat sepanjang tempoh lima tahun dengan penuh kebijaksanaan.

Bagi pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perkara-perkara dan isu-isu yang berada di bawah tanggungjawab Kementerian semasa sesi perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke Atas Titah DiRaja.

Puan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memainkan peranan yang amat penting dan signifikan dalam melahirkan bakat masa hadapan yang mapan dan berkeupayaan. KPT juga perlu memastikan agar kewujudan ekosistem pendidikan tinggi negara sentiasa relevan, kondusif serta aktif.

2. Saya percaya bahawa Institusi Pendidikan Tinggi adalah “embrio” kepada pewujudan kumpulan bakat negara yang seterusnya akan menyumbang kepada pertumbuhan negara bangsa yang Madani. Oleh itu, mewujudkan ekosistem pendidikan tinggi yang “segar” dan kondusif adalah sangat diperlukan, terutamanya dalam mendepani kepantasan perubahan yang berlaku di seluruh dunia dalam pelbagai aspek.

3. Pihak Kementerian juga sentiasa cakna dan menitikberatkan aspek kebajikan warga Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), terutamanya para pelajar dan kakitangan akademik serta bukan akademik di IPT.

4. Bagi menjawab dan mengulas segala perkara berkaitan Kementerian Pendidikan Tinggi yang telah dibangkitkan sepanjang minggu perbahasan, saya akan mengelompok dan mencerakinkan isu-isu utama mengikut tema bagi menjimatkan masa.

Tema pertama yang akan saya santuni adalah **transformasi pendidikan tinggi negara** khususnya daripada YB Indera Mahkota**.**

I.TRANSFORMASI PENDIDIKAN TINGGI

1. Umum mengetahui seluruh dunia sedang dan telah melalui perubahan dan perkembangan dalam pelbagai aspek. Kita tidak dapat mengelak daripada menerima segala perubahan yang sedang berlaku, bukan hanya di dalam negara, malahan juga di seluruh dunia. Sudah pasti, perubahan yang sedang berlaku ini secara langsung atau tidak akan turut memberi impak kepada ekosistem pendidikan tinggi negara. Dalam hal ini, adalah penting untuk kita mempunyai sikap penyesuaian terhadap perubahan serta keperluan semasa.

2. Justeru itu, dalam menangani segala cabaran yang dibawa oleh arus perubahan, kerangka pendidikan tinggi negara perlu disegarkan semula agar seiring dengan perubahan landskap pendidikan dunia dan juga kehendak semasa. Dunia sedang menyaksikan lahirnya

kumpulan yang dikenali sebagai '*digital native*' iaitu mereka yang lahir di zaman atau era digital atau '*digital age*' dengan izin. Mereka ditanda oleh 3 kriteria utama iaitu, dengan izin, '*adaptibility*', '*agile*' and '*self-learning*' di dalam dunia pendidikan kita. Ini adalah dunia baru yang sedang kita hadapi.

3. Menjawab saranan yang diutarakan oleh **YB Indera Mahkota** di dalam perbahasan beliau berkenaan **reformasi pendidikan**, suka saya kongsikan di sini bahawa pihak KPT sememangnya sentiasa cakna tentang isu ini dan telah melaksanakan pelbagai langkah reformasi pendidikan, antaranya:

   i. Penubuhan Jawatankuasa Menyemak dan Mengkaji semula Dasar Pendidikan Tinggi Nasional, yang dikenali sebagai *National Review Committee* (NRC). Jawatankuasa ini telah mengenalpasti sebanyak 58 cadangan penambahbaikan yang terdiri daripada 28 cadangan bersifat transformatif, 12 cadangan *quick wins* dan 18 inisiatif pemboleh daya atau *enablers*. Hasil laporan NRC ini juga akan dijadikan sebagai input dan asas dalam pembangunan pelan pendidikan tinggi yang baharu bagi menggantikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi);

   ii. Kedua - Dalam menyahut hasrat YAB Perdana Menteri yang telah memperkenal gagasan Malaysia Madani serta hasrat beliau untuk Malaysia menjadi negara maju dengan mengambil kira faktor manusiawi seiring pembangunan ekonomi, Kementerian melihat TVET sebagai salah satu pemboleh daya kepada pertumbuhan ekonomi negara. Sehubungan dengan itu, Transformasi Politeknik 2023-2030 telah diperkenalkan. Melalui transformasi ini, terdapat empat (4) matlamat, tiga (3) *Strategic Reform Initiatives* (SRI), dengan izin, dan 13 *Critical Reform Agenda* (CRA) dirangka bagi menyokong Agenda Transformasi Politeknik 2023-2030 ini; dan

   iii. KPT juga sedang membangunkan Kertas Posisi, dengan izin, "*New Horizon for Science, Technology and Innovation – A*

strategy to Enhance Higher Education in Malaysia". Kertas Posisi ini bertujuan untuk menilai impak teknologi disruptif semasa dan masa hadapan ke atas aspek pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, inovasi serta tadbir urus pendidikan tinggi serta mengenalpasti tindakan-tindakan intervensi, strategi-strategi penambahbaikan dan *key takeaways* yang boleh diadaptasi oleh KPT, terutamanya dalam bidang Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE).

4. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, pada tahun ini juga terdapat beberapa dasar dan pelan yang akan dibangunkan dan diluncurkan. Antaranya;
   i. Pertama, Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026-2035;

   ii. Kedua, Dasar dan Pelan Tindakan Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi 2024-2030; dan

   iii. Ketiga, Pelan Induk dan Pelan Tindakan Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat 2024-2030.

II. AKADEMIK & RANKING

Puan Yang di-Pertua,

5. Saya masuk ke **bidang akademik dan ranking**. Saya akan perjelaskan **perkara-perkara yang berkaitan akademik**, termasuklah **ranking universiti** yang diutarakan oleh **YB Dungun, YB Jempol, YB Wangsa Maju,** dan **YB Kemaman**.

6. Saya berterima kasih kepada YB Dungun yang telah menyarankan agar kursus-kursus yang ditawarkan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) perlulah selari dengan IR4.0 dan juga berkait dengan *Artificial Intelligence* (AI) atau Kecerdasan Buatan yang merupakan keperluan semasa di dalam sektor pekerjaan dan ekonomi.

7. Sememangnya pihak KPT sedang dalam usaha merealisasikan agenda negara ke arah membangunkan bakat mahir yang memenuhi kehendak industri dan graduan kalis masa *hadapan atau dengan izin future-proof)*. KPT juga telah membangunkan Kerangka Pembangunan Program Teknologi Tinggi Bernilai Tinggi bertujuan untuk menghasilkan graduan yang mampu mendepani landskap pekerjaan yang sentiasa berubah dan penuh dengan persaingan di dalam era Revolusi Perindustrian 4.0.

8. Terkini, KPT dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sedang membangunkan Fakulti AI pertama di Malaysia sebagai salah satu usaha memenuhi keperluan semasa. Sebagai permulaan, program Ijazah Sarjana Muda Kecerdasan Buatan (AI) telah diluluskan di peringkat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) pada Januari 2024 dan pelajar kohort pertama program ini akan memulakan pengajian pada Oktober 2024.

9. Pembangunan dan kurikulum AI tersebut telah dikenalpasti menepati keperluan industri, melibatkan pakar-pakar bidang AI serta seiring dengan Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Negara 2021-2025 yang dirangka oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Puan Yang di-Pertua,

10. Perkara-perkara lain yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya sentuh kerana kesuntukan masa akan dijawab secara bertulis.

Sekian, terima kasih.

PETIKAN HANSARD
SESI PENGGULUNGAN
PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PINDAAN) 2023

BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA

OLEH YB DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD KADIR
MENTERI PENDIDIKAN TINGGI

18 MAC 2024 (ISNIN)

Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir]: Terima kasih Puan Yang di-Pertua. Bismillahi Rahmani Rahim. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada 22 Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah terlibat dalam perbahasan Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2023 di peringkat dasar. Saya dapat lihat dari segi tahap perbahasan yang saya dapat lihat dan tinjau dari setiap Ahli-ahli Yang Berhormat, yang boleh saya rangkulkan di sini sebahagian besar hujahan-hujahan yang disampaikan oleh Yang Berhormat sekalian adalah terdiri daripada mereka yang pernah menjadi mangsa kepada AUKU dan juga mereka yang pernah lahir daripada pimpinan-pimpinan mahasiswa dan saya juga adalah salah seorang daripadanya. [Tepuk] Penyertaan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan pada sesi kali ini menunjukkan komitmen dan keprihatinan kita semua terhadap agenda pemerkasaan mahasiswa yang telah diperjuangkan selama ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, matlamat utama pindaan rang undang-undang ini adalah saya gunakan apa yang disebutkan oleh Indera Mahkota tadi, untuk membugar budaya berorganisasi dan menyegarkan gerakan pelajar. Ini merupakan satu usaha progresif kerajaan ini, ke arah melahirkan mahasiswa yang berupaya menguruskan kedewasaan dan kematangan mereka. Ini tidak boleh kita nafikan bahawa apa yang kita bentangkan pada petang ini adalah satu antara langkah-langkah yang kita buat. Langkah-langkah progresif dan bukan merupakan langkah regresif. Rang undang-undang ini juga merupakan harapan daripada mahasiswa sendiri yang ingin melihat perubahan dalam landskap pengurusan organisasi mahasiswa. Suka saya tegaskan bahawa pindaan ini bukan dibuat secara sepihak atau hanya merupakan satu idea daripada pihak kerajaan tanpa berbincang dengan kelompok mahasiswa kita.

Ia melibatkan kepimpinan mahasiswa melalui siri-siri libat urus yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2021 sehingga kini bersama dengan mereka. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk merealisasikan harapan tersebut melalui pindaan ke atas AUKU ini dan saya sedar berdasarkan kepada hujah-hujah yang disampaikan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Mungkin ia bukan merupakan satu pindaan yang perfect dengan izin, yang sempurna, dan kita telah menjalani proses untuk pemerkasaan AUKU ini. Sudah berkalikali dan kita mengharapkan pada kali ini, dengan mengambil kira pandangan daripada mereka, semua pihak, the stakeholders dengan izin yang memberikan pandanganpandangan itu, yang dikumpulkan pada ketika itu, dibawa ke dalam Dewan ini untuk dibentangkan seperti yang telah pun dibentangkan pagi tadi.

Saya mengakui mungkin ada ruang-ruang akan kita perkukuhkan lagi dari semasa ke semasa. Ia bukan lah sesuatu yang bersifat statik. Sebagai mantan pemimpin pelajar, AUKU adalah sesuatu yang dekat dengan kita semua. Saya percaya sebahagian Ahli-ahli Yang Berhormat juga merasainya semenjak tahun 1971 hingga kini, AUKU telah melalui tujuh fasa pindaan. Sekalipun sebahagian besar dari peruntukan AUKU ini menumpukan kepada aspek tadbir urus universiti awam dan hanya 16 peratus atau tujuh seksyen dari keseluruhan 42 seksyen yang menggariskan perkara yang melibatkan pelajar. Kerajaan tetap komited untuk melakukan anjakan bagi mengangkat martabat mahasiswa kita. Dalam hubungan ini, kerajaan sentiasa terbuka untuk terus menambah baik AUKU dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, berdasarkan kepada tajuk-tajuk perbahasan yang dapat kita kumpulkan. Mengenai Jawatankuasa Tatatertib Pelajar seksyen 16B, antara perkara yang dibangkitkan adalah berhubung ketiadaan wakil pelajar dalam Jawatankuasa Tatatertib Pelajar. Saya ingin menjelaskan, bahawa cadangan untuk menambah keahlian wakil pelajar ke dalam Jawatankuasa Tatatertib Pelajar adalah suatu usaha yang murni. Namun, sekiranya diteliti dengan lebih lanjut, cadangan ini sebenarnya adalah bercanggah dengan prinsip asas keahlian jawatankuasa tatatertib itu sendiri, iaitu individu berpengalaman, individu yang lebih tinggi kategori dari individu yang akan dituduh dan individu bebas dari sebarang kategori kelas yang akan dihakimi.

Justeru berdasarkan prinsip di atas, penglibatan pelajar dalam Jawatankuasa Tatatertib Pelajar adalah tidak sesuai atas faktor mahasiswa merupakan pihak yang dikawal selia dan mempunyai kepentingan dalam kes tatatertib yang dibicarakan. Dengan itu, prinsip pengasingan peranan dan kuasa harus dikekalkan agar tiada konflik yang timbul antara pelajar atau mahasiswa atau kumpulan pelajar yang lain.

Terdapat juga Ahli Yang Berhormat yang mencadangkan supaya keahlian Jawatankuasa Tatatertib Pelajar ini perlu terdiri daripada individu yang mempunyai latar belakang undang-undang. Dalam konteks ini, keahlian semasa Jawatankuasa Tatatertib Pelajar terdiri daripada wakil daripada Jabatan Undang-undang Universiti. Dengan itu, keperluan untuk menamakan syarat atau kriteria keahlian yang mempunyai latar belakang undang-undang tidak lagi berbangkit kerana penglibatan Jabatan Undang-undang Universiti adalah nyata dan termasuk dalam takrifan pekerja universiti. Berdasarkan kepada... Dato' Sri Saifuddin bin Abdullah [Indera Mahkota]: Berkaitan orang yang ada latar belakang itu, kalau boleh dijelaskan mungkin ada secara pentadbiran sebab Menteri boleh mengeluarkan arahan. Kalau itu boleh dinyatakan, itu yang saya maksudkan. Kalau tidak boleh pinda, tetapi ada arahan dan benda itu bertulis. Bagaimana dengan sesetengah universiti yang mungkin tidak ada Jabatan Undang-undang, dia mungkin diberi peluang untuk mendapatkan servis yang sewajarnya.

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Terima kasih Indera Mahkota...

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading]: Pengerusi...

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Kerana memahami konsep itu kerana ada universiti-universiti tertentu yang tidak mempunyai Fakulti Undangundangnya. Sebab itulah biasanya kita akan lakukan di peringkat jabatan untuk kita masukkan sebagai salah satu daripada perkara yang perlu diambil kira berdasarkan kepada prinsip keadilan. Mesti ada seseorang yang mesti mempunyai kemahiran dalam bidang undang-undang dipersetujui. Terima kasih.

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading]: Tambahan sedikit. Pertanyaan sedikit Dato', penjelasan. Terima kasih Puan Speaker. Pertama sekali, oleh kerana kita meletakkan kriteria sebagai ahli jawatankuasa Lembaga itu kita letakkan begitu. Maka, sebab itu kita tidak boleh menyertakan pelajar ataupun mahasiswa sebagai anggota di dalam

jawatankuasa berkenaan. Kenapa tidak dalam keadaan kerajaan hari ini buat sedikit pindaan di situ untuk memastikan bahawa berlaku perubahan yang nampak positif di kalangan pelajar-pelajar ataupun di kalangan mahasiswa bahawa kesungguhan kerajaan pada hari ini untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajarnya sendiri pun melihat bagaimana pengurusan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh rakan mereka. Daripada situ juga benda-benda yang baik boleh diketengahkan untuk disampaikan kepada rakan-rakan mahasiswa di kalangan mereka yang berada dalam jawatankuasa yang berkenaan. Ini satu perubahan yang lebih baik yang kita patut usahakan ke sana. Apa penjelasan?

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Kita akan ambil pandangan itu. Cuma, saya ingin mengingatkan Yang Berhormat Sri Gading, bagi — seperti Indera Mahkota, dia pernah mengendalikan hal ehwal pelajar. Beliau tahu bagaimana kes-kes yang melibatkan pelajar ini, ada hal-hal yang kita perlu menjaga aib-aibnya. Jadi, itu antara perkara-perkara yang diambil kira juga ketika mana kalau sekiranya kita ingin membawa wakil daripada pelajar itu berada di dalam Jawatankuasa Tatatertib dan Disiplin ini. Itu antara perkara-perkara yang kita lihat. Namun, saya melihat cadangan daripada Sri Gading itu boleh dipertimbangkan kemudiannya nanti. Saya boleh teruskan ya? Sebab Puan Yang di-Pertua, dia agak strict. Jadi, saya kena ikut waktu kecuali kalau dia bagi saya 1 jam, saya boleh benarkan pelbagai soalan yang akan dikemukakan.

Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamudden [Alor Setar]: Yang Berhormat Menteri, sedikit.

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: So, soalan banyak ini kalau tambahan daripada yang akan bertanya. Silakan. Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamudden [Alor Setar]: Tadi Yang Berhormat Menteri sebut isu melibatkan pelajar itu nanti ada hal yang mengaibkan. Saya rasa kalau kita ada aku janji ataupun apa-apa perjanjian supaya tidak membocorkan rahsia, itu boleh mengikat Lembaga tersebut termasuk pelajar yang masuk dalam itu supaya tidak membocorkan maklumat perbincangan. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Saya seperti yang saya sebutkan tadi, kita akan perhatikan semua cadangan selain daripada Sri Gading dan termasuk juga daripada Alor Setar. Jadi, kita sedia maklum bahawa kes tatatertib pelajar di universiti boleh dikategorikan kepada dua kategori iaitu kategori utama adalah seperti berikut, 55 peratus kesalahan akademik — Saya hendak jawab sedikit Yang Berhormat, dan 45 peratus

kesalahan am. Jadi dalam konteks kes tatatertib ini, bukan hanya yang melibatkan soal akademik semata-mata. Puan Yang di-Pertua, kita juga mendengar daripada Kuala Krai juga membangkitkan antaranya berkenaan dengan hak bersuara ahli akademik. Untuk Yang Berhormat, ahli akademik yang berkhidmat di universiti awam merupakan pekerja badan berkanun. Justeru, semua pekerja badan berkanun ini adalah tertakluk kepada Akta Badan-badan Berkanun iaitu Tatatertib dan Surcaj 2000 [Akta 605]. Saya masuk ke perkara yang kedua iaitu berkaitan dengan peraturan kewangan. Dalam hubungan peraturan kewangan, isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah berkaitan dengan pengurusan akaun, mengawal selia pemungutan dan menyelenggara kewangan kesatuan atau badan pelajar atau mahasiswa dan garis panduan pengurusan kewangan oleh badan pelajar atau mahasiswa. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah memberi saranan untuk menjana pendapatan dan melatih mahasiswa di dalam pengurusan kewangan.

Untuk makluman semua Yang Berhormat, seksyen 15A dipinda untuk memastikan agenda pemerkasaan mahasiswa dapat dilaksanakan dalam memberikan ruang dan peluang kepada pemimpin mahasiswa bagi merencana sendiri berkaitan isu mahasiswa. Tiga perkara yang menjadi fokus utama iaitu pertama, pengurusan kewangan iaitu MPP atau kesatuan mahasiswa dan badan pelajar dibenarkan untuk membuka akaun bank dan menerima sumbangan atau dana luar. MPP atau KM dan badan pelajar boleh mengurus kewangan sendiri bagi aktiviti persatuan mereka sendiri. Kedua, pengurusan kebajikan. MPP dan KM diberi kuasa untuk mengurus dan mengagihkan peruntukan bagi aktiviti kebajikan.

Ketiga, penjanaan pendapatan oleh MPP dan KM dan badan-badan pelajar. MPP, KM dan badan-badan pelajar boleh menjana pendapatan sendiri. Bagi memastikan agenda ini dapat dilaksanakan, pindaan terhadap Seksyen 48 adalah diperlukan untuk membolehkan pelajar mengurus dan menyelenggara akaun dalaman universiti dan dana luar. Seksyen 48(11A) merujuk kepada wang MPP ataupun akaun amanah yang diurus dan disenggara oleh MPP tertakluk kepada peraturan kewangan universiti kerana dana tersebut berada di bawah pengawasan universiti yang tertakluk kepada audit oleh Jabatan Audit Negara. Manakala subseksyen 48(11B) merujuk kepada kumpulan wang MPP atau akaun MPP yang diurus dan disenggara sepenuhnya oleh MPP. MPP dibenarkan membuka dan mengurus akaun bank mereka sendiri berdasarkan kepada peraturan-peraturan yang telah dibangunkan secara

bersama pihak MPP dan pengurusan universiti. Keputusan ini hasil daripada sesi libat urus dengan Majlis Perwakilan Pelajar. KPT telah menyediakan peraturan pengurusan kewangan berdasarkan amalan tadbir urus kewangan yang baik sebagai panduan kepada MPP, KM dan badan pelajar untuk menyediakan garis panduan pengurusan kewangan masing-masing. Pengurusan kewangan tersebut tertakluk kepada pengauditan oleh badan bertauliah. Setiap akaun sama ada dana dalaman atau luar, akan menjalani proses pengauditan bagi suatu tempoh tahun kewangan. Proses pengauditan yang dilaksanakan ini dapat menghindarkan penyelewengan dan penyalahgunaan dana. Sekiranya terdapat salah guna dalam pengurusan kewangan, proses tatatertib akan dilaksanakan seperti peraturan yang berkuat kuasa.

Hal berkaitan penerimaan dana. Ini dibangkitkan juga oleh kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat. Isu yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan punca kewangan dan dermaan yang boleh di terima oleh MPP dan badan pelajar serta potensi untuk akaun bank di salah guna oleh pihak-pihak tertentu. Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat, MPP dan badan pelajar dibenarkan menerima wang dan tajaan secara tunai atau in-kind dengan izin, daripada pihak luar secara sah di sisi undang-undang dan tidak bercanggah dengan mana-mana peraturan, polisi atau dasar yang sedang berkuat kuasa dan tertakluk kepada undang-undang yang berkuat kuasa dan Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 (AMLA). Tempoh lantikan MPP oleh lembaga. Isu yang dibangkitkan berkaitan dengan kuasa lembaga dalam menentukan tempoh perkhidmatan MPP sama ada untuk memanjang atau memendekkan tempoh.

Untuk makluman semua Yang Berhormat, lembaga tidak boleh sewenangwenangnya menggunakan peruntukan subseksyen 48(4A) kerana ia perlu di baca bersekali dengan subseksyen 48(4) yang jelas disandarkan kepada kalender akademik. Kemudahan ini akan memastikan tiada isu keabsahan MPP dalam tempoh interim timbul dalam kalangan pelajar. Hasrat asal kementerian adalah untuk memasukkan peruntukan pelanjutan sahaja dalam Seksyen 48(4A). Namun KPT telah dinasihatkan oleh Jabatan Peguam Negara bahawa jika perkataan ‘melanjutkan’ sahaja dicadangkan sebagaimana oleh KPT, ia tidak mencerminkan konsep seimbang kerana lembaga boleh melanjutkan sahaja tanpa ada kuasa jelas untuk pengurangan. Pandangan daripada Jabatan Peguam Negara. Majlis Perwakilan Pelajar.

Isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkaitan dengan kedudukan oleh MPP atau kesatuan mahasiswa atas cadangan menjadi student union secara total dan mereka yang memegang jawatan diberi kelonggaran untuk mengambil gap year oleh pihak universiti. Selain itu, isu berkaitan birokrasi oleh pentadbiran dalam mengawal...

Tuan Suhaizan bin Kaiat [Pulai]: Menteri...

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: ... Jap bagi saya habis kejap. Saya bagi. Jangan bimbang Pulai, saya akan beri ruang. Dalam mengawal program mahasiswa turut dibangkitkan. Silakan.

Tuan Suhaizan bin Kaiat [Pulai]: Bagi Seksyen 15A, (ii) (4A) "Lembaga boleh mengurangkan atau melanjutkan tempoh keahlian MPP". Maksudnya pimpinan MPP ataupun MPP organisasi dimaksudkan di situ– yang boleh dikurangkan atau dilanjutkan itu? Minta mohon penjelasan Menteri.

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: lanya tempoh. KPT sedia maklum MPP ini bukan hanya pertubuhan, tetapi tempohnya lah. MPP itu sedia ada. Jadi pimpinan yang berada pada tahun akademik yang berkenaan, terima kasih. Dalam aspek pemerkasaan mahasiswa, Kementerian Pendidikan Tinggi telah mencadangkan tambahan seksyen 11(B) dalam AUKU yang membenarkan pelajar mengurus dan menyenggara urusan aktiviti serta kewangan MPP, KM dalam badan pelajar masingmasing. Perkara ini akan memberikan MPP atau KM berkuat kuasa untuk berfungsi sebagai kesatuan mahasiswa dengan izin student union, mengikut kesesuaian semasa. Sekiranya MPP, KM keluar daripada universiti dan berdaftar dengan Jabatan Pertubuhan Malaysia (ROS) misalnya mereka akan terpisah dari ekosistem universiti dan universiti tidak lagi mempunyai obligasi terhadap MPP. Ahli MPP sememangnya boleh menggunakan gap year sebagaimana amalan biasa. KPT telah menawarkan pelajar untuk melaksanakan gap year ini sejak tahun 2017 lagi. Berkaitan kerenah birokrasi, pindaan akta ini memberi kebebasan dan ruang kepada mahasiswa untuk menjalankan sebarang program dan aktiviti. Para pelajar dan mahasiswa tidak perlu memohon kelulusan menjalankan program daripada pentadbiran universiti. Situasi ini menunjukkan bahawa tidak ada birokrasi pentadbiran universiti dalam mengawal sebarang aktiviti atau program pelajar.

Dato' Mumtaz binti Md Nawi [Tumpat]: Saya ingin bertanya sikit, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Adakah atau sama ada, ada tak ahli Parlimen yang telah sebut, adakah pihak kementerian dah bersedia sekiranya mana-mana MPP ini terpilih sebagai Ahli Parlimen dalam Dewan ini kerana mereka dah 18 tahun dan adakah kehadiran mereka di Parlimen akan di kira sebagai pengecualian kehadiran mereka dalam aktiviti universiti dan juga sesi pembelajaran mereka di universiti sebab kemungkinan mereka akan bertanding. Terima kasih.

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Seperti YB sedia maklum dan dibicarakan dan dibahaskan tadi iaitu hak untuk menjadi pengundi dan juga menjadi calon telah pun ditetapkan. Jadi, sekiranya mereka menjadi wakil rakyat dan tentunya mereka akan mengikut segala peraturan yang telah ditetapkan dan hak mereka untuk berada dalam Dewan ini tidak boleh dinafikan oleh pihak universiti. Itu saya fikir tidak timbul dari segi sekatan yang akan dilaksanakan oleh pihak universiti. Pemansuhan AUKU antara isu yang dibangkitkan adalah supaya AUKU dimansuhkan. Saya pun seperti rakan-rakan yang lain seperjuangan dulu kerana kita memahami AUKU itu dalam konteks perjuangan pelajar kita. Secara amnya, AUKU mengandungi tiga bahagian utama iaitu 44 seksyen dalam akta ibu, 62 seksyen dalam Jadual Pertama sebagai asas kepada perlembagaan universiti dan sembilan seksyen dalam Jadual Kedua. Daripada 44 seksyen akta ibu, 32 seksyen adalah berkaitan tadbir urus universiti, tujuh seksyen berkaitan pelajar, satu seksyen berkaitan dengan staf manakala empat seksyen lagi berkaitan dengan perkara-perkara lain. Kementerian telah menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengkaji pemansuhan AUKU dan pengenalan kepada akta baharu bagi menggantikan AUKU pada tahun 2019.

Namun demikian, hasil kajian lanjut mendapati cadangan untuk pemansuhan akan melibatkan pewujudan perlembagaan baharu kepada semua universiti awam. Proses ini akan mengambil masa yang amat panjang dan mengganggu perjalanan harian dan operasi semua universiti awam jika diteruskan. Beberapa sesi libat urus yang dijalankan mencadangkan bahawa pindaan dibuat mengikut keutamaan dan permintaan dari kumpulan sasar terutama dari mahasiswa. Justeru mengambil kira semua penambahbaikan yang dilaksanakan kepada AUKU sejak 1971, kementerian berpandangan lebih realistik pada peringkat ini sekiranya AUKU ditambah baik di seksyen-seksyen yang dibangkitkan oleh pemegang taruh mahasiswa berbanding dimansuhkan. Akhir sekali...

Dato' Sri Saifuddin bin Abdullah [Indera Mahkota]: Sebelum akhir sekali. Saya tadi dengar Bakri– saya banyak bersetuju dengan ucapan Bakri tadi. Merujuk jawapan terakhir Menteri, saya faham susahnya kalau nak digantikan AUKU dengan undang-undang baharu. Tetapi ya lah, AUKU ini dia baggage dia itu teruk sangat lah– dia dibuat dengan niat yang tidak betul. Bagaimana kalaupun buat masa ini tidak boleh nak diganti AUKU itu dengan suatu undang-undang baharu. Tetapi kita ada sembilan, sepuluh undang-undang dan sebahagian daripada undang-undang itu dia baggage. Saya bagi contohnya, bila kita nak tubuh IPTS, kita cari jalan mudah. Jalan mudahnya buat Akta IPTS. Akta induk kita biarkan dulu kerana ia melibatkan– ya lah, ada masa kerja keras ini terpaksa juga kita teliti. Saya– jarang kita ada Menteri KPT yang bekas aktivis dan bekas pensyarah sebab itu saya berani kata di depan Yang Berhormat cuba lihat balik, bagaimana kalaupun hari ini tak boleh nak ganti tetapi konsolidasi akta-akta yang banyak sangat itu. Sebab ada masanya kita selesai masalah mahasiswa di IPTA, mahasiswa di IPTS tak selesai. Sebab dia tidak apply mutatis mutandis.

Hak kebebasan mahasiswa dijaga, hak kebebasan pensyarah terabai. Jadi, sebab dia banyak sangat peraturan sedangkan kita bercerita pasal komuniti akademik yang di bawah satu bumbung. Terima kasih.

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota, mantan Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi. Saya juga dalam perbincangan mutakhir ini membangkitkan perkara yang sama. Apakah ada proses lanjutan perbincangan bagi melihat semula akta AUKU ini supaya kita dapat pecahkan kepada dua opsyen atau opsyen yang pertama, supaya mansuhkan AUKU ini dan digantikan dengan akta baru yang dipanggil Akta Pendidikan Tinggi Negara dan yang kedua, kita tidak mansuhkan akta AUKU ini tetapi hanya seksyen-seksyen yang digunakan istilah oleh Machang tadi, yang membonsaikan pelajar-pelajar dan sebagainya itu ditukar, dipinda.

Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh ,Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Bagi saya habiskan ayat terakhir saya. Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya sebetulnya terpanggil...

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Bagi saya habiskan, lepas itu saya bagi. Ini sedang kita rujuk semula kerana sebuah jawatankuasa

sebelum ini telah pun ditubuhkan pada tahun 2019 dan ini ada kaitan juga dengan apa yang dibangkitkan tadi berkaitan dengan pelbagai lagi undang-undang, akta-akta yang berkaitan dengannya sama ada yang ada itu dapat dirangkumkan untuk dilihat semula yang ada hubungan dengan akta-akta yang saya sebutkan tadi daripada segi perinciannya, seksyen-seksyen yang adanya. Di mana yang berkaitan dengan pelajar dan universiti? Yang mana satu yang benar-benar berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran universiti? Silakan, Kinabatangan.

Datuk Seri Panglima Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya masih ingat lagi sebab waktu melulus AUKU itu, saya dalam Dewan ini. Sebab ia bersesuaian pada ketika itu sebab untuk mengekang berbagai-bagai aktiviti negatif daripada kalangan pelajar-pelajar di universiti. Justeru itu, saya berpendapat tidak perlu dimansuhkan cuma perlu ditambah nilai iaitu dilihat mana yang tidak sesuai, keluarkan. Mana yang boleh bersesuaian dengan keadaan, dengan kehendak pelajar-pelajar dan kita teruskan. Ini rasa saya tidak membuang waktu yang panjang untuk mendapatkan satu hasil yang baik. Terima kasih.

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Terima kasih, Yang Berhormat Kinabatangan. Itulah yang saya sebutkan di peringkat awal bahawa proses penambahbaikan AUKU ini sudah pun melalui pelbagai peringkat sejak tahun 2012 sehinggalah 2019 dan yang terkini, pada hari ini. Tujuh perubahan yang telah pun dilakukan. Jadi, kita akan lihat dari aspek itu sementara kita juga melihat dari opsyenopsyen yang lain yang ada di hadapan kita. Baik.

Sekali lagi bagi pihak kementerian mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas keprihatinan, perhatian dan sokongan berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap usaha-usaha untuk memartabatkan pendidikan tinggi negara. Inti patinya, kesemua kita yang berada dalam Dewan ini ingin melihat martabat pendidikan tinggi negara dianjak dan dinaikkan. Lantaran itulah pada hari ini, pindaan ini dikemukakan untuk sama-sama kita bersetuju untuk mara ke hadapan dengan meyakinkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. [Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan] [Rang undang-

undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Puan Alice Lau Kiong Yieng) mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa] Fasal-fasal 1 hingga 5 – 3.55 ptg.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih, Puan Yang diPertua.

Tuan Pengerusi [Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Pengerusi.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Saya merujuk kepada fasal 2, 3 dan 4 iaitu berkenaan pelbagai cadangan pindaan kepada akta universiti ini dan ini merupakan pindaan kali yang kelapan. Mungkin boleh pindaan yang kesembilan dan seterusnya. Untuk maklumat Yang Berhormat Menteri, pada tahun 2019 pada waktu itu Kerajaan PH pimpinan Tun Dr. Mahathir di mana Menteri Pendidikan waktu itu ialah mantan Ahli Parlimen Simpang Renggam, Profesor Dr. Maszlee Malik. Telah dibentuk satu jawatankuasa di peringkat kementerian. Jawatankuasa untuk bukan sahaja mengkaji tapi mengemukakan cadangan akta yang baru menggantikan keseluruhan akta universiti itu. Dalam jawatankuasa itu, saya salah seorang telah dilantik ke dalamnya dan sudah sampai ke peringkat penghujung dengan libat urus di banyak universiti. Malangnya kemudian telah berlaku apa yang telah berlaku, kerajaan bertukar. Kerajaan PH itu jatuh, tumbang dan benda itu terbengkalai. Jadi, saya rasa pindaan kepada akta ini boleh kita sokong, kita luluskan. Nanti mungkin Yang Berhormat Menteri kaji balik. Ada jawatankuasa itu di peringkat dan kaji balik apakah kerja-kerja yang telah kami lakukan dulu supaya tidak sia-sia sahaja. Boleh jadi kalau betul praktikal, boleh dilaksanakan, kita cuba. Terima kasih. Tuan Pengerusi

[Puan Alice Lau Kiong Yieng]: Menteri boleh jawab.

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Puan Pengerusi, kena panggil tukar kepada pengerusi. Saya setuju dengan pandangan yang diutarakan sebentar tadi iaitu sebuah jawatankuasa itu telah pun diwujudkan pada tahun 2018. Mungkin Yang Berhormat pun masih ingat lagi dan saya juga telah pun minta supaya laporan berkaitan dengan jawatankuasa itu dikemukakan semula untuk kita lihat kerana ia diketuai

oleh Menteri sendiri dan juga jawatankuasa-jawatankuasa itu terdiri daripada pakar-pakar perundangan yang terlibat termasuklah Shad Faruqi dan sebagainya. Saya akan lihat balik cadangan itu. Terima kasih.

[Fasal-fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undangundang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh **Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi (Datuk Ts. Mustapha Sakmud)** dan diluluskan]

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2024

DEWAN RAKYAT

[24 JUN HINGGA 18 JULAI 2024]

PERTANYAAN JAWAB LISAN – 44 PERTANYAAN

MINGGU PERTAMA – 5 PERTANYAAN

24 JUN 2024 (ISNIN)

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
		TIADA PERTANYAAN

25 JUN 2024 (SELASA)

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
		TIADA PERTANYAAN

26 JUN 2024 (RABU) – 5 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	5	PR-1532-L25964 **Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk membenarkan bukan Bumiputera menuntut di UiTM dengan meminda Akta UiTM 1976. Sekiranya tidak, nyatakan alasan-alasannya.
2.	14	PR-1532-L24513 **Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah tahap keberjayaan program Asasi TVET yang telah selesai satu kohort pengambilan.
3.	19	PR-1532-L24473 **Tuan Tan Kar Hing [Gopeng**] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha dan rancangan Kementerian untuk menjadikan institusi pengajian tinggi sebagai hub inovasi yang boleh menarik pembiayaan projek inovasi serta menampung keperluan industri.

4.	74	PR-1532-L24498 **Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian untuk membendung pemikiran rasisme dan diskriminasi berdasarkan kaum antara pelajar-pelajar di univerisiti-universiti awam negara.
5.	80	PR-1532-L24499 **Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan Keputusan Sistem Kajian Pengesanan Graduan 2023 dan menjelaskan apakah rancangannya untuk meningkatkan peratusan kebolehpasaran graduan kita pada tahun-tahun yang akan datang.

27 JUN 2024 (KHAMIS)

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
		TIADA PERTANYAAN

MINGGU KEDUA – 14 PERTANYAAN

1 JULAI 2024 (ISNIN) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

2 JULAI 2024 (SELASA) – 14 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	2	PR-1532-L25107 **Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [Kemaman]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pencapaian terkini 10 lonjakan yang ditetapkan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dan apakah perkara yang mampu diteruskan bagi pelan pembangunan pendidikan tinggi jangka panjang yang seterusnya iaitu 2026-2035.

2.	6	PR-1532-L24654 **Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha penambahbaikan Kementerian terhadap garis panduan atau prosedur operasi standard (SOP) bagi jemputan pensyarah luar di institusi pengajian tinggi supaya insiden melibatkan jemputan pensyarah pro-Zionis tidak berulang.
3.	23	PR-1532-L24501 **Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan susulan daripada lawatan rasmi YB Menteri Pendidikan Tinggi ke World Education Forum di London, United Kingdom, apakah input-input yang dibawa pulang dari perjumpaan tersebut yang akan memanfaatkan mahasiswa tempatan.
4.	27	PR-1532-L24715 **Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan dengan terperinci kaedah yang akan digunakan serta garis masa pelaksanaan lima strategi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam dasar pendidikan negara.
5.	22	PR-1532-L25108 **Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [Kemaman]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pendirian dan langkah pihak Kementerian terhadap cadangan untuk mewujudkan rating bagi universiti tempatan sebagai alternatif kepada ranking yang dilihat telah membebankan pelbagai pihak terutamanya pemegang taruh pendidikan tinggi di negara ini.
6.	15	PR-1532-L25406 **Datuk Wetrom bin Bahanda [Kota Marudu]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan bagi memberi pendidikan jangka pendek kemahiran secara percuma kepada keluarga golongan luar bandar yang kebanyakan tergolong dalam kategori miskin tegar dan miskin melalui Kolej Komuniti di daerah Kota Marudu bagi menoktahkan dan mengeluarkan kadar kemiskinan di daerah ini.
7.	24	PR-1532-L24657 **Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah pelan komprehensif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan peluang kepada pelajar pelbagai kaum bagi melanjutkan pengajian ke peringkat TVET.

8.	51	PR-1532-L24517 **Tuan Haji Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah universiti swasta yang telah didaftarkan di negara ini serta berapa ramai keseluruhan pelajar luar negara dan dari negara mana yang paling ramai sekali yang mendaftarkan diri.
9.	55	PR-1532-L24547 **Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah strategi Kementerian dalam menangani isu pekerjaan di bawah kelayakan pendidikan terutama dalam kalangan graduan, sekaligus meningkatkan pencapaian tahap guna tenaga penuh mengambil kira peningkatan trend kadar guna tenaga tidak penuh siswazah dengan kelulusan tertiari namun bekerja dalam pekerjaan yang tidak setanding kelulusan mereka.
10.	69	PR-1532-L25530 **Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah kursus-kursus kritikal yang mengalami masalah kekurangan pelajar pada ketika ini jika dinisbahkan dengan permintaan di dalam pasaran pekerjaan.
11.	70	PR-1532-L25007 **Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan secara terperinci pelajar IPTA / IPTS yang menghidap penyakit HIV dari tahun 2020 hingga sekarang kerana penyakit ini dihidapi oleh kebanyakan rakyat Malaysia.
12.	72	PR-1532-L25079 **Tuan Zulkifli bin Ismail [Jasin]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha inovatif Kementerian untuk meningkatkan pembangunan kapasiti (capacity building) institusi pendidikan tinggi awam dan swasta khususnya dalam bidang penyelidikan termasuk perkongsian kepakaran dan kerjasama strategik di dalam dan luar negara.
13.	81	PR-1532-L25085 **Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan secara berstrategi Kementerian dalam melahirkan tenaga kerja dalam bidang kepakaran dan kepakaran khusus terutama dalam bidang perubatan sejajar dengan keperluan negara.

14.	97	PR-1532-L25843 **Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa bilangan pelajar di semua Universiti Awam (IPTA) dan Universiti Swasta (IPTS) mengikut komposisi kaum. Berapa jumlah pelajar kaum India di Universiti Awam dan Universiti Swasta (IPTS).

3 JULAI 2024 (RABU)

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
		TIADA PERTANYAAN

4 JULAI 2024 (KHAMIS)

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
		TIADA PERTANYAAN

MINGGU KETIGA – 10 PERTANYAAN

8 JULAI 2024 (ISNIN) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
DEWAN TIDAK BERSIDANG/CUTI UMUM		

9 JULAI 2024 (SELASA) – 10 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	29	PR-1532-L25049 **Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Malaysia *Artificial Intelligence Nexus* 2024 (MY AI NEXUS) termasuk dalam keperluan bagi penyediaan teknologi kecerdasan buatan (AI) untuk melengkapkan penilaian risiko sebelum menjadikan teknologi itu tersedia untuk khalayak umum.

2.	13	PR-1532-L25280 **Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil dalam menyalurkan dana daripada pihak Kementerian kepada badan-badan pelajar selaras dengan pindaan terbaru Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.
3.	8	PR-1532-L24550 **Tuan Sabri bin Azit [Jerai]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status terkini pelaksanaan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025.
4.	18	PR-1532-L25176 **Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan : (a) apakah Kementerian akan mengambil tindakan tegas kepada kumpulan pelajar yang membantah kod etika pemakaian Universiti Malaya (UM) atas dakwaan bersifat konservatif, kononnya mahu UM kekal liberal; dan (b) apakah usaha untuk meningkatkan kefahaman mahasiswa tentang prinsip rukun negara kelima, iaitu Kesopanan dan Kesusilaan.
5.	53	PR-1532-L24744 **Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan : (a) cabaran yang dihadapi oleh institusi pengajian tinggi; dan (b) peluang yang boleh diambil oleh Kementerian dengan kemunculan kursus latihan dalam talian yang disediakan oleh universiti luar negara dan pemain industri global bagi menarik bakat secara langsung untuk berkhidmat di syarikat mereka.
6.	57	PR-1532-L25653 **Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha dan tindakan Kementerian untuk pastikan para mahasiswa atau pelajar menguasai

		ilmu teknologi AI dan lain-lain teknologi semasa bagi menampung keperluan industri.
7.	61	PR-1532-L25105 **Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [Kemaman]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha tuntas yang dibuat oleh pihak Kementerian dalam mengurangkan bebanan tugas yang ditanggung oleh pensyarah terutamanya melibatkan perkara di luar keutamaan tugas mereka iaitu pengajaran dan penyelidikan.
8.	94	PR-1532-L25106 **Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [Kemaman]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha pihak Kementerian untuk mewujudkan pemimpin universiti yang berkualiti dan mempunyai wawasan yang jelas dalam membangunkan negara melalui pembangunan bakat berpengetahuan tinggi, profesional, kreatif dan inovatif.
9.	100	PR-1532-L24866 **Tuan Chow Kon Yeow [Batu Kawan]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan : (a) usaha-usaha yang telah serta bakal dilaksanakan oleh Kementerian dalam merealisasikan fokus bagi melahirkan bakat terbaik negara selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi); dan (b) perincikan perangkaan kekosongan tenaga kerja di setiap sektor utama dalam negara mengikut pecahan negeri dan tahap akademik/kemahiran yang diperuntukan.
10	102	PR-1532-L24756 **Tuan Lim Guan Eng [Bagan]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan pelajar Bumiputera (pecahan Islam dan bukan Islam), pelajar bukan Bumiputera dan pelajar asing untuk program akademik dalam Universiti Teknologi Mara (UiTM) setiap tahun sejak 2017. Nyatakan kos perbelanjaan oleh Kerajaan dan yuran yang dibayar oleh pelajar tempatan dan luar negeri.

10 JULAI 2024 (RABU) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
		TIADA PERTANYAAN

11 JULAI 2024 (KHAMIS) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
		TIADA PERTANYAAN

MINGGU KEEMPAT – 15 PERTANYAAN

15 JULAI 2024 (ISNIN) – 7 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	15	PR-1532-L25141 **Tuan Azli bin Yusof [Shah Alam]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perincian kemasukan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) : (a) jumlah permohonan dan tawaran diberikan mengikut negeri, kaum dan kursus teras bagi tahun 2022 dan 2023; dan (b) pelan Kementerian menilai semula Sistem Permohonan Kemasukan Pelajar Tahun 2024 bagi menampung keperluan semasa negara.
2.	12	PR-1532-L25985 **Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [Gua Musang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status terkini permohonan bagi pembinaan universiti awam di Gua Musang. Apakah faktor atau kriteria yang masih dalam proses yang menjadi punca kelewatan pengesahan pembinaan universiti awam tersebut.
3.	20	PR-1532-L25269 **Tuan Hassan bin Saad [Baling]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pendirian Kementerian dalam mewujudkan

		MyBrain2.0 khas untuk pelajar bukan daripada aliran sains bagi mengelakkan keciciran dalam pendidikan arus perdana.
4.	63	PR-1532-L25686 **Tuan Zakri bin Hassan [Kangar]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian Pendidikan Tinggi dalam membantu golongan B40 atau golongan kurang berkemampuan dalam menyelesaikan hutang PTPTN sekiranya mereka tidak mendapat "kelas pertama". Hal ini kerana hampir keseluruhan peminjam PTPTN merupakan dari golongan tidak berkemampuan.
5.	76	PR-1532-L25466 **Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha Kementerian untuk mempertahankan matlamat asal penubuhan Universiti Teknologi Mara (UiTM) sebagai sebuah universiti khusus untuk kaum Melayu dan Bumiputera.
6.	85	PR-1532-L24500 **Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan daerah Klang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan baru diangkat ke status Bandar Raya. Maka adakah rancangan untuk membina institusi pendidikan tinggi atau Institut Latihan TVET yang baharu di Klang pada masa depan.
7.	94	PR-1532-L25310 **Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan : (a) status terkini pembinaan politeknik Kota Belud dan naik taraf Kolej Komuniti Semporna; dan (b) adakah terdapat rancangan pembinaan universiti awam baharu di Sabah bagi baki pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

16 JULAI 2024 (SELASA) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
		TIADA PERTANYAAN

17 JULAI 2024 (RABU) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
		TIADA PERTANYAAN

18 JULAI 2024 (KHAMIS) – 8 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	5	PR-1532-L25746 **Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah pendekatan dan pemahaman matlamat Pembangunan Lestari diketengahkan dalam kalangan pelajar di Institut Pengajian Tinggi sama ada dalam subjek mata pelajaran ataupun aktiviti ko-kurikulum.
2.	16	PR-1532-L24512 **Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tahap pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA Pindaan 2022) di institusi politeknik dan kolej komuniti.
3.	55	PR-1532-L25279 **Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi menyemak imbang perbelanjaan Institut Pendidikan Tinggi yang dibekalkan melalui Belanjawan Tahunan agar tidak digunakan untuk hal-hal yang tidak mustahak.
4.	18	PR-1532-L24647 **Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh mana pembaharuan yang telah dijalankan terhadap institusi TVET di seluruh negara sejajar dengan keperluan industri terutama dalam memberi jaminan penempatan kerja kepada para graduan TVET serta meningkatkan kebolehpasaran mereka. Dan apakah bentuk

		penyelarasan yang akan dibuat bagi mengelakkan pertindihan kursus melibatkan TVET.
5.	11	PR-1532-L25552 **Tuan Pang Hok Liong [Labis]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar antarabangsa yang diterima menuntut di UiTM (Universiti Teknologi Mara) setiap tahun bagi tahun 2013 hingga 2023.
6.	81	PR-1532-L25534 **Tuan Chow Yu Hui [Raub]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan : (a) bilangan pelajar negara asing yang memegang sijil seperti AUSMAT, A-Level, IB, GaoKao China diterima untuk mengambil kursus sarjana muda di IPTA dan UITM sejak tahun 2019 sehingga 2024; dan (b) bilangan pelajar tersebut mengikut pecahan IPTA, negara asal dan sijil kelayakan.
7.	94	PR-1532-L24453 **Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan : (a) perancangan Kementerian untuk merombak sistem pengajian tinggi di Malaysia agar dapat melahirkan lebih banyak tenaga kerja berkemahiran tinggi bagi memenuhi keperluan pasaran; dan (b) kadar pengangguran dalam kalangan siswazah tempatan dalam tempoh 2 tahun selepas tamat pengajian mereka.
8.	100	PR-1532-L25739 **Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perancangan dan langkah Kerajaan bagi memastikan tenaga kerja masa depan agenda kecerdasan buatan (AI) yang dijangka menjangkau lebih 20,000 orang menjelang tahun 2028 dapat dicapai sungguhpun dalam aspek pendidikan dan pembangunan tenaga kerja Fakulti AI ditubuhkan di UTM untuk memenuhi keperluan berkenaan.

PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

18 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan
1.	30.	PR-1532-T09996 **Tuan Lim Guan Eng [Bagan]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan pensyarah atau kakitangan institusi pengajian tinggi awam yang muflis dan adakah ia bercanggah dengan kos etika perilaku dan nyatakan sebab seorang muflis yang berhutang kepada pelajar-pelajar dilantik mengetuai Jabatan Kardiothorasik Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan adakah ia mengharumkan reputasi UiTM.
2.	53.	PR-1532-T10500 **Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pelan Kementerian untuk menambah baik dan meminda AUKU untuk memberikan lebih banyak autonomi kepada persatuan-persatuan mahasiswa di setiap universiti termasuk universiti awam dan juga perancangan untuk universiti swasta.
3.	65.	PR-1532-T010378 **Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan : (a) sama ada terdapatnya peningkatan harga ubat bagi penyakit mental seperti schizophrenia, bipolar disorder dan anxiety disorder dan lain-lain di hospital-hospital pengajar disebabkan penarikan subsidi bagi ubatan tersebut; dan (b) sekiranya ada, alasan di sebalik penarikan subsidi tersebut.
4.	120.	PR-1532-T09817 **Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah jenis program pengajian dan penyelidikan yang akan ditawarkan oleh Fakulti Kejuruteraan Kecerdasan Buatan (AI), dan bagaimana fakulti ini merancang untuk menjana keupayaan tempatan dalam bidang teknologi AI.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan
5.	132.	PR-1532-T10332 **Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengenai perancangan dan inisiatif Kementerian terhadap pembangunan kemahiran anak tempatan dalam industri semikonduktur yang mempunyai permintaan tinggi di Malaysia dan global.
6.	220	PR-1532-T010084 **Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan]** minta **MENTERI PENDIDKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian akan mempertimbangkan penambahan peruntukan dalam menangani isu krisis air di Universiti Malaysia Sabah memandangkan kapasiti air yang dihasilkan dari projek sedia ada masih tidak dapat menampung keperluan semasa warga universiti.
7.	240.	PR-1532-T010153 **Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [Kemaman]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kadar enrolmen pelajar di peringkat pendidikan tinggi di dalam dan luar negara bagi lima tahun terakhir, iaitu daripada tahun 2019 sehingga 2023.
8.	243	PR-1532-T010156 **Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [Kemaman]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan komitmen pihak Kementerian terhadap cadangan untuk menubuhkan sebuah institusi pendidikan tinggi di Kemaman seiring dengan pembangunan industri di kawasan tersebut serta pertambahan populasi penduduk dari tahun ke tahun.
9.	249	PR-1532-T10241 **Tuan Lim Lip Eng [Kepong]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan senarai nama institusi pengajian tinggi dan universiti di negara China yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan langkah-langkah Kerajaan menggalakkan pelajar Malaysia menuntut ilmu di China.
10.	262	PR-1532-T09875 **Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bahawa sejak tahun 2020, berapa jumlah penginapan pelajar baharu yang telah dibina atau ditambah di

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan
		universiti-universiti awam di seluruh negara untuk menampung kemasukan pelajar yang semakin meningkat.
11.	264	PR-1532-T010130 **Puan Wong Shu Qi [Kluang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan serta peratusan pelajar-pelajar STPM dan Matrikulasi yang berjaya memasuki IPTA berbanding dengan jumlah keseluruhan pelajar STPM dan Matrikulasi.
12.	310	PR-1532-T09967 **Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [Kuala Nerus]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan statistik hasil penyelidikan atau prototaip teknologi kesihatan yang dihasilkan melalui kajian universiti dan telah menarik minat pemberi dana tempatan dan luar negara dari tahun 2013 hingga 2023.
13.	409	PR-1532-T010214 **Tuan Chiew Choon Man [Miri]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan : (a) sama ada Kementerian dapat memberi pertimbangan untuk membina kampus cawangan IPTA di Miri seperti yang terdapat di Sibu dan Bintulu; dan (b) sama ada Kementerian dapat meletakkan Miri sebagai pilihan apabila ingin memilih tapak baru untuk membina atau memindah Politeknik.
14.	434	PR-1532-T010313 **Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan secara terperinci : (a) statistik terkini jumlah keseluruhan pelajar di semua IPTA serta jumlah dan peratusan komposisi kaum pelajar di setiap IPTA; dan (b) jumlah dan peratusan komposisi kaum pelajar yang mengikuti kursus-kursus profesional seperti undang-undang, perubatan, perakaunan, kejuruteraan, seni-bina dan lain-lain di setiap IPTA.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan
15.	540	**PR-1532-T010296** **Tuan Chow Yu Hui [Raub]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan rancangan selanjutnya untuk mengembalikan hak autonomi mahasiswa selepas pindaan AUKU 2023.
16.	585	**PR-1532-T10520** **Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar yang diambil oleh setiap Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) melalui kategori Matrikulasi, STPM, pengambilan terus atau laluan lain bagi tahun 2022, 2023 dan 2024.
17.	647	**PR-1532-T010222** **Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perkembangan terkini berhubung garis panduan pemberian elaun latihan industri supaya para pelajar tidak menjadi buruh paksa dan perancangan untuk memastikan mereka diberikan elaun dengan kadar yang bermaruah, khususnya di sektor swasta.
18.	710	**PR-1532-T010035** **Tuan Zahir bin Hassan [Wangsa Maju]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan : (a) bilangan kemasukan pelajar baru serta bilangan graduan dalam jurusan STEM di seluruh negara bagi 2019 hingga 2023; dan (b) kadar kebolehpasaran graduan STEM di Malaysia termasuklah statistik mereka yang bekerja mengikut bidang pengajian masing-masing.

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2024

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DAN JAWAPAN BAGI PERTANYAAN LISAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH (BUKIT GELUGOR)

TARIKH : 26 JUN 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 5

SOALAN

TUAN RAMKARPAL A/L KARPAL SINGH (BUKIT GELUGOR) minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk membenarkan bukan Bumiputera menuntut di UiTM dengan meminda Akta UiTM 1976. Sekiranya tidak, nyatakan alasan-alasannya.

JAWAPAN

Puan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk soalan ini dijawab bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Hulu Selangor pada 15 Julai 2024 disebabkan kedua-dua soalan menyentuh konteks yang sama.

1. Pada dasarnya, Universiti Teknologi MARA (UiTM) merupakan sebuah Universiti Awam (UA) yang ditubuhkan mengikut **peruntukan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan seperti yang termaktub dalam Seksyen 1A Akta UiTM 1976 [Akta 173]** yang berbunyi:

“Penubuhan Universiti menurut Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan 1A. Universiti Teknologi MARA ditubuhkan menurut dan mengikut peruntukan Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.”

2. Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan ini merangkumi kuasa Yang di-Pertuan Agong (YDPA) dalam membuat penetapan kuota bagi kaum Melayu, anak negeri Sabah dan Sarawak, yang merupakan asas kepada agenda bumiputera bagi pengambilan pelajar UiTM.

3. Dalam masa yang sama, penubuhan UiTM adalah sebagai respons terhadap kekurangan golongan profesional yang terlatih, terutama dalam kalangan kaum bumiputera di Malaysia yang rata-ratanya terlibat dalam sektor pekerjaan tidak mahir pada ketika itu.

4. Dengan tertubuhnya UiTM, lebih ramai anak-anak bumiputera memperoleh peluang menyambung pengajian dan dilatih untuk mengisi pelbagai jenis jawatan sama ada dalam sektor awam mahupun dalam sektor industri sebagai keperluan dalam meningkatkan kualiti hidup serta mengubah nasib mereka di Malaysia termasuk dalam sektor pekerjaan yang berstatus profesional seperti doktor, akauntan, peguam, jurutera dan lain-lain.

5. Laporan daripada Kongres Ekonomi Bumiputera pada tahun 2024 oleh Kementerian Ekonomi menunjukkan masih terdapat jurang ekonomi melibatkan Bumiputera dari segi purata pendapatan bulanan, pegangan ekuiti korporat, kadar kemiskinan, pengeluaran tenaga kerja mahir serta kelayakan profesional. Malah kadar miskin mutlak dalam kalangan Bumiputera masih memerlukan usaha secara berterusan untuk diperbaiki.

6. Oleh yang demikian, **pengekalan dasar UiTM untuk kaum Melayu, orang asli dan anak negeri Sabah dan Sarawak ini masih diperlukan** dalam usaha untuk merealisasikan hasrat Kerajaan merapatkan jurang antara kaum terutamanya apabila melibatkan aspek sosio ekonomi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [PADANG BESAR]

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

NO. SOALAN : NO. 14

SOALAN

Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah tahap keberjayaan program Asasi TVET yang telah selesai satu kohort pengambilan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Asasi TVET adalah merupakan program persediaan yang berfokus kepada elemen amali dan praktikal yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) bagi menyokong agenda memperkasa ekosistem TVET KPT menerusi penawaran program bercirikan *advanced* TVET.

2. Program persediaan ini direkabentuk bagi memenuhi keperluan program teknologi kejuruteraan yang ditawarkan di Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN). Bidang pengajian TVET yang dibangunkan terdiri daripada teknologi kejuruteraan awam, teknologi kejuruteraan mekanikal dan teknologi kejuruteraan elektrik dan elektronik.

3. Pengambilan pertama Sesi Akademik 2023/2024 adalah seramai 461 orang yang mana mereka baru sahaja menamatkan pengajian selama satu (1) tahun pada 2 Jun 2024. Pada masa ini, kohort ini sedang menunggu keputusan kemasukan ke MTUN untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat seterusnya. Jaminan yang diberikan oleh pihak MTUN, semua pelajar yang telah lulus program Asasi TVET akan ditawarkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda di empat (4) universiti dibawah MTUN dalam bidang teknologi kejuruteraan bagi sesi Akademik 2024/2025.

4. Program asasi ditawarkan di lima (5) buah politeknik iaitu di Politeknik Ungku Omar (PUO) Ipoh, Politeknik Sultan Ahmad Shah (POLISAS) Kuantan, Politeknik Merlimau Melaka (PMM), Politeknik Tun Syed Nasir (PTSN) Pagoh dan Politeknik Sultan Syed Sirajuddin (PTSS) Perlis. Pemilihan Politeknik sebagai lokasi pelaksanaan Asasi TVET juga berdasarkan lokasi yang praktikal dengan MTUN yang berhampiran. Kerjasama Politeknik-MTUN adalah melalui kerjasama pintar seperti perkongsian fasiliti, gunasama pensyarah dan perkongsian kepakaran yang dibuat mengikut kesesuaian bidang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KAR HING (GOPENG)

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

NO. SOALAN : NO. 19

SOALAN

TUAN TAN KAR HING (GOPENG) minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha dan rancangan Kementerian untuk menjadikan institusi pengajian tinggi sebagai hub inovasi yang boleh menarik pembiayaan projek inovasi serta menampung keperluan industri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) komited dalam usaha menjadikan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) sebagai pusat inovasi yang dapat menarik pembiayaan projek-projek inovasi serta memenuhi keperluan industri. Untuk mencapai matlamat ini, beberapa inisiatif strategik telah dirancang dan dilaksanakan, termasuklah **penubuhan Pusat Industri Universiti** dan juga **Program Jaringan Awam-Swasta (*Public Private Research Network*), PPRN** .

2. **Pusat Industri Universiti** seperti *Industry Centre of Excellence* (ICoE), *Makers@University*, *Competence Centre* dan *University Revolutionary Teaching Factory* (URTF) ini berperanan untuk

mewujudkan sinergi kerjasama di antara pihak universiti dan industri di mana para akademia dapat meningkatkan ilmu berkaitan pengajaran dan menambahbaik modul atau silibus pengajaran berdasarkan keperluan dan kehendak industri.

3. Selain itu, KPT juga telah memperkenal **inisiatif Program Jaringan Awam-Swasta atau dikenali juga sebagai *Public Private Research Network* (PPRN)**. Inisiatif PPRN ini merupakan satu model kerjasama strategik antara pihak industri dan IPT atau Institusi Penyelidikan Awam (PRI) dengan pemberian geran padanan daripada pihak Kementerian untuk meningkatkan produktiviti perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) melalui pelaksanaan projek-projek inovasi yang berpacukan permintaan industri.

4. Melalui program ini, IPT berperanan sebagai hub inovasi yang boleh menarik pembiayaan projek inovasi serta menampung keperluan industri. Selain itu, dengan kerjasama strategik ini juga pihak IPT atau PRI berperanan sebagai penyedia penyelesaian (*solution provider*) kepada permasalahan teknologi sebenar yang dihadapi oleh pihak industri selain menyokong dan meningkatkan pengkomersialan hasil inovasi tempatan.

5. Dengan usaha-usaha ini, KPT berhasrat untuk memastikan IPT di Malaysia bukan sahaja menjadi pusat kecemerlangan akademik, bahkan sebagai hub inovasi yang mampu memacu pertumbuhan ekonomi negara dan memenuhi keperluan industri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG]

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

NO. SOALAN : NO. 74

SOALAN

TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian untuk membendung pemikiran rasisme dan diskriminasi berdasarkan kaum antara pelajar-pelajar di universiti-universiti awam negara

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa komited dalam memastikan sistem pendidikan tinggi negara memenuhi aspirasi nasional sebagai langkah membendung pemikiran rasisme dan diskriminasi berdasarkan kaum dalam kalangan pelajar Universiti Awam (UA).

2. Aspirasi pendidikan tinggi dibangunkan berasaskan konteks kenegaraan Malaysia dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) PPPM-PT (2013-2025). Antara langkah yang diambil di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) adalah dengan mewujudkan

sistem pendidikan yang memberi pelajar perkongsian nilai, pengalaman dan silang budaya serta diterjemahkan **menerusi Mata Pelajaran Umum (MPU) berkredit yang diwajibkan di Universiti.** Melalui subjek Hubungan Etnik, Falsafah dan Isu Semasa serta Penghayatan Etika dan Peradaban dapat menyuntik elemen pengukuhan jati diri kebangsaan, semangat patriotisme dan perpaduan nasional.

3. Pihak Universiti juga menyediakan **ekosistem yang kondusif dan kurikulum yang inklusif dalam kaedah pembelajaran** agar asimilasi budaya pelajar pelbagai kaum dapat ditingkatkan menerusi aktiviti berkumpulan dan interaksi sosial di dalam bilik kuliah dengan lebih berkesan.

4. Selain itu juga, pihak Universiti turut menggalakkan **penyertaan dan penglibatan pelajar pelbagai kaum dalam aktiviti Kursus Kokurikulum** seperti sukan dan rekreasi, khidmat komuniti, kesenian dan kebudayaan, badan beruniform, kem kepimpinan serta program atau aktiviti badan persatuan pelajar.

5. **Program orientasi pelajar baharu di Universiti Awam (UA)** turut memainkan peranan meningkatkan semangat perpaduan dan keharmonian kaum merangkumi sesi ceramah perpaduan, patriotisme dan jati diri serta integriti nasional melibatkan agensi awam, tokoh masyarakat, ahli akademik, dan aktivis sosial.

6. Disamping itu, pelajar dari pelbagai kaum turut dilibatkan dalam **Kem Kepimpinan Muda** melalui aktiviti berkumpulan, kesukarelawanan dan khidmat komuniti, pengucapan awam bagi memupuk kerjasama dan persefahaman berbilang kaum.

7. Pihak Universiti juga turut mengambil inisiatif perpaduan melalui **Malam Kebudayaan dan Pameran Budaya** bagi mempromosi tradisi, pakaian, makanan, dan seni dari berbagai etnik untuk meningkatkan kesedaran dan penghargaan terhadap kepelbagaian kaum.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN (KLANG)

TARIKH : 26 JUN 2024 (RABU)

NO. SOALAN : NO. 80

SOALAN

TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan Keputusan Sistem Kajian Pengesanan Graduan 2023 dan menjelaskan apakah rancangannya untuk meningkatkan peratusan kebolehpasaran graduan kita pada tahun-tahun yang akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan ahli dewan, kadar kebolehpasaran graduan berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) bagi tahun 2023 adalah **89.8%.**

2. Dalam usaha untuk memperkukuh kebolehpasaran graduan dan melahirkan generasi graduan yang berdaya saing, Kementerian terus komited melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menyokong dan memastikan graduan IPT memenuhi kriteria kebolehpasaran selaras dengan keperluan industri semasa.

3. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah seperti:

a) **Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan** (GE) yang dirangka bagi memberikan nilai tambah daripada aspek kelayakan profesional, bakat, keterampilan diri, dan sahsiah graduan daripada program-program pengajian yang rendah kadar kebolehpasaran.

b) **Pembangunan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 sebagai dokumen strategik dan rujukan utama IPT** bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui empat strategi yang telah digariskan, iaitu Pengukuhan Kecemerlangan Bakat; Peluasan Kerjaya Pelajar; Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP); dan Pemerkasaan Hubungan Industri.

c) **Pelaksanaan padanan pekerjaan kepada graduan menerusi kolaborasi dengan PERKESO** melalui Portal MYFutureJobs atau Karnival Kerjaya yang dianjurkan oleh IPT dan PERKESO. Dalam tempoh Januari 2024 hingga Mei 2024, seramai **26,140 orang** graduan telah berjaya memperoleh pekerjaan menerusi portal *MyFutureJobs*.

d) **Kerjasama dengan industri bagi memastikan institusi dan kemahiran graduan selari dengan keperluan dan perkembangan industri**. Antaranya adalah kerjasama bersama HRD Corp di Politeknik Metro Tasek Gelugor (PMTG) yang menawarkan Program Peningkatan Kemahiran dan Latihan Kemahiran Semula (*reskilling & upskilling*) melalui program terlanggan diploma profesional iaitu kepada pihak *Flextronic* merangkumi *Flextronic* Penang Sdn. Bhd, *Flextronic* Shah Alam Sdn. Bhd (PTP), *Flextronic* Shah Alam Sdn. Bhd (Skudai), *Flextronic* Senai. Sehingga kini sebanyak 789 pekerja *Flextronics* dilatih di bawah program Diploma Profesional ini menggunakan *HRD Claimable Courses.*

e) **Kerjasama merentas Kementerian, agensi serta industri juga dimantapkan** menerusi permeteraian memorandum persefahaman (MoU) sebagai contoh bersama dengan SIRIM bertujuan untuk perkongsian pengetahuan teknikal berasaskan industri 4.0, penyelidikan, penerbitan, inovasi dan usaha-usaha pengkomersialan yang melibatkan pembangunan dan penambahbaikan modul, silibus dan kurikulum dengan tujuan menjadikan penawaran pendidikan lebih relevan dan terkini bersesuaian dengan keperluan industri agar kebolehpasaran graduan dan penerimaan gaji premium dapat ditingkatkan.

f) **Membangunkan portal *Graduates Reference Hub for Employment and Training* atau ringkasnya GREaT**. Antara maklumat dan perkhidmatan yang disediakan termasuklah pencarian dan padanan pekerjaan; permohonan latihan industri, permohonan kemudahan penajaan dan bantuan kewangan melanjutkan pengajian; perkhidmatan untuk mendapatkan kaunseling kerjaya dan *e-profiling*.

g) **Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2021 – 2025 (PTK IPT 2021 – 2025)**. Pelan ini merupakan *guiding principle* dalam usaha memperkasa dan membentuk ekosistem keusahawanan di IPT. Usaha ini adalah untuk menyokong Lonjakan 1 di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015 – 2025 bagi Pendidikan Tinggi, iaitu menerapkan nilai dan kemahiran keusahawanan kepada pelajar untuk membentuk minda mereka daripada hanya sebagai pencari kerja (*job seeker*) kepada pencipta pekerjaan (*job creator*).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 6

SOALAN

TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah pelan komprehensif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan peluang kepada pelajar pelbagai kaum bagi melanjutkan pengajian ke peringkat TVET.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa komited dalam memastikan akses pelajar ke program pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Justeru, KPT telah menyediakan perancangan komprehensif bagi memperkasa TVET KPT melalui penyediaan Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2035 dan TVET Termaju MTUN 2030 untuk meningkatkan peluang pelajar pelbagai kaum bagi melanjutkan pengajian ke peringkat TVET.

2. **Transformasi Politeknik 2023-2035** secara strategiknya memperkukuh peranan Politeknik Malaysia sebagai institusi TVET yang berdaya saing menjelang tahun 2035. Transformasi ini telah dibangunkan pada tahun 2023 dan diluncurkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri 1 merangkap Pengerusi MTVET Negara pada 4 Disember 2023 dengan aspirasi meningkatkan penyertaan pelajar dalam pendidikan TVET di Politeknik.

3. KPT juga telah melancarkan **TVET Termaju MTUN 2030** pada 11 Jun 2024 sebagai satu inisiatif memperkasa pendidikan TVET KPT bagi membangunkan bakat melalui kepakaran teknikal, kemahiran insaniah serta keusahawanan di Universiti-Universiti Teknikal Malaysia (MTUN). Ia adalah selaras dengan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) dan bermatlamat memupuk tenaga kerja mahir bagi menampung permintaan pasaran kerja tempatan dan global.

4. Pelaksanaan TVET Termaju MTUN 2030 melibatkan kerjasama antara UNIMAP, UMPSA, UTEM, UTHM dan Politeknik dalam negara supaya pelajar terutama lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan lepasan Diploma mempunyai laluan menyeluruh dalam pengajian TVET.

5. Melalui pelan strategik MTUN ini, lebih banyak peluang disediakan untuk pelajar melanjutkan pengajian dari peringkat Asasi TVET di politeknik sehingga ke peringkat Doktor Falsafah (PhD) di universiti.

6. Kesimpulannya, TVET bukan lagi sekadar sijil kemahiran tetapi dimartabatkan sebagai alternatif utama laluan pendidikan dan Kerajaan Madani membuka akses pendidikan seluas-luasnya kepada generasi muda untuk mendapatkan pendidikan TVET sehingga ke peringkat PhD.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK WETROM BIN BAHANDA
[KOTA MARUDU]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 15

SOALAN

Datuk Wetrom bin Bahanda [Kota Marudu] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan bagi memberi pendidikan jangka pendek kemahiran secara percuma kepada keluarga golongan luar bandar yang kebanyakan tergolong dalam kategori miskin tegar dan miskin melalui Kolej Komuniti di daerah Kota Marudu bagi menoktahkan dan mengeluarkan kadar kemiskinan di daerah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) melalui kolej komuniti menawarkan program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) bagi peningkatan kemahiran dan pengetahuan seterusnya berupaya meningkatkan sosio ekonomi komuniti setempat. Kumpulan fokus PSH Kolej Komuniti terdiri daripada golongan B40, belia, warga emas, ibu tunggal, Orang Kurang Upaya (OKU) dan Orang Asli yang merupakan komuniti rentan.

2. Kolej Komuniti Kota Marudu melalui Program Upaya Bakat 2024 telah melaksanakan kursus Asas Fertigasi Cili pada 29 dan 30 April 2024 bertempat di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Tandek Kota Marudu yang melibatkan penyertaan 20 orang peserta terdiri daripada jawatankuasa PPDK, pelatih dan ibu bapa pelatih. Melalui kursus ini, peserta didedahkan dengan ilmu tentang penanaman dan kaedah penjagaan tanaman cili serta asas keusahawanan.

3. Kolej Komuniti Kota Marudu juga akan melaksanakan kursus Asas Bakeri dan Pastri kepada 15 orang peserta yang dijadualkan pada pertengahan Julai 2024.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR (KEMAMAN)

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 22

SOALAN

DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR (KEMAMAN) minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pencapaian terkini 10 lonjakan yang ditetapkan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dan apakah perkara yang mampu diteruskan bagi pelan pembangunan pendidikan tinggi jangka panjang yang seterusnya iaitu 2026-2035.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 (Pendidikan Tinggi) – PPPM (PT) merupakan dokumen strategik yang menggariskan hala tuju pendidikan tinggi.

2. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa membuat pemantauan prestasi pencapaian secara sukuan bagi sasaran yang ditetapkan. Bagi tahun 2023, purata pencapaian berdasarkan 10 Lonjakan adalah 91%, dan bagi suku pertama iaitu

sehingga bulan Mac tahun 2024, KPT telah mencapai sasaran sebanyak 38.2%.

3. Penilaian pencapaian prestasi dibuat secara berterusan bagi memastikan kemajuan pendidikan tinggi terus menyumbang nilainya kepada negara.

4. Bagi mentransformasi sistem pendidikan tinggi Malaysia dalam mendepani cabaran baharu landskap pendidikan tinggi Malaysia dan global, KPT akan membangunkan pelan pembangunan pendidikan tinggi jangka panjang yang baharu iaitu Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026-2035.

5. Pelan jangka panjang untuk tempoh 10 tahun ini adalah kesinambungan daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT).

6. Tujuan pembangunan pelan baharu, selain melihat kepada pencapaian secara retrospektif, KPT akan turut memasukkan elemen baharu berbentuk prospektif. Ini diperlukan untuk menganjak prestasi pendidikan tinggi ke tahap yang lebih tinggi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN
[KLANG]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 23

SOALAN

TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan susulan daripada lawatan rasmi YB Menteri Pendidikan Tinggi ke *World Education Forum* di London, United Kingdom, apakah input-input yang dibawa pulang dari perjumpaan tersebut yang akan memanfaatkan mahasiswa tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. *Education World Forum* (EWF) merupakan forum berjadual antarabangsa peringkat menteri yang dianjurkan secara tahunan di London, United Kingdom semenjak tahun 2002. Ia adalah platform perbincangan dan perkongsian pandangan serta pengalaman mengenai isu-isu utama dan terkini, dasar, strategi dan hala tuju pembangunan pendidikan di peringkat global.

2. Dalam sesi sidang pleno EWF di London, United Kingdom, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah berkongsi bagaimana Malaysia melaksanakan dasar pendidikan negara melalui tiga

perkara iaitu peruntukan pembiayaan, perancangan strategi yang berkesan, dan mengenal pasti keutamaan. Sepanjang sesi EWF, Malaysia adalah terlihat sebagai negara yang mempunyai perancangan yang baik dari segi pelaksanaan dasar pendidikan.

3. Selain menyertai forum EWF, KPT turut terlibat dalam beberapa siri perbincangan dan mesyuarat. Antaranya;

    i. *Asia Pacific Ministerial Breakfast Meeting*,

    ii. Mesyuarat Bilateral bersama Menteri Pendidikan Tajikistan dan Azerbaijan serta Timbalan Menteri Pendidikan Jepun,

    iii. Lawatan ke *Universiti Brunel London*, *Universiti Oxford* dan *Universiti Cambridge*,

    iv. Lawatan ke Perpustakaan British, dan

    v. Menandatangi *Memorandum of Understanding* (MoU) di antara beberapa Universiti Tempatan dengan beberapa institusi di United Kingdom.

4. Kementerian percaya, lawatan rasmi ini boleh mempertingkat kerjasama global terutamanya di peringkat pendidikan tinggi seperti geran padanan antarabangsa, program sangkutan akademik dan industri, program pertukaran dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 24

SOALAN

TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha penambahbaikan Kementerian terhadap garis panduan atau prosedur operasi standard (SOP) bagi jemputan pensyarah luar di institusi pengajian tinggi supaya insiden melibatkan jemputan pensyarah pro-Zionis tidak berulang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 22 September 2010, kuasa utuk meluluskan penganjuran seminar antarabangsa di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) telah diturunkan dari YB Menteri Pendidikan Tinggi (pada ketika itu) kepada Naib Canselor atau Rektor.

2. Terkini, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengarahkan supaya prosedur bagi semua program yang dianjurkan di Universiti

diperkemas dengan memperketat elemen kawalan bagi memastikan insiden sebegini tidak berulang di masa hadapan.

3. Sebagai respon segera kepada arahan ini, pihak Universiti telah mengambil tindakan serta merta dengan memperkemas dan memperketat prosedur kawalan dan tapisan di peringkat Universiti, yang melibatkan penceramah tempatan dan asing termasuk meneliti kandungan ceramah sebelum kelulusan diberikan.

4. Selain itu, KPT juga bertegas bahawa tindakan ke atas sebarang ketidakpatuhan di masa hadapan akan diuruskan berdasarkan peraturan dan perundangan yang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH (LEDANG)

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 27

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH (LEDANG) minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan dengan terperinci kaedah yang akan digunakan serta garis masa pelaksanaan lima strategi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam dasar pendidikan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Garis masa pelaksanaan program dan inisiatif strategik Pelan Tindakan Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024 dipantau secara sukuan sepanjang tahun 2024 serta dilaporkan secara berkala kepada jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan bagi memastikan Pelan ini dapat dicapai sepenuhnya.

2. Terdapat empat (4) kaedah yang digunakan untuk memantau lima fokus utama Pelan ini iaitu:

3. Pertamanya, **Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator* - KPI)** telah ditetapkan untuk setiap keberhasilan fokus utama bagi mengukur pencapaian keberhasilan bagi tahun 2024.

4. Seterusnya, Kementerian telah **melantik lima (5) Naib Canselor Universiti Awam** bagi mengetuai setiap Kumpulan Fokus Utama untuk menilai pelaksanaan dan prestasi program atau inisiatif strategik yang dilaporkan agar selaras dengan Landasan Hala Tuju. Status pencapaian program dan inisiatif strategik Pelan seterusnya akan dilaporkan kepada Jawatankuasa Pelaksana.

5. Ketiga, Kementerian juga telah **menubuhkan tiga (3) jawatankuasa yang berperanan untuk memantau serta melaporkan pelaksanaan program atau inisiatif** mengikut fokus utama iaitu:

    i. Jawatankuasa Pelaksana Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024,

    ii. Jawatankuasa Pemandu Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024, dan

    iii. Jawatankuasa Induk Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024.

6. Keempat, **membangunkan *Dashboard* Prestasi dan Penyampaian Pendidikan Tinggi** dalam memastikan semua usaha yang dilaksanakan oleh Institusi Pendidikan Tinggi di bawah KPT dapat dilaporkan secara berkala.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR (KEMAMAN)

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 28

SOALAN

DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR (KEMAMAN) minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pendirian dan langkah pihak Kementerian terhadap cadangan untuk mewujudkan rating bagi universiti tempatan sebagai alternatif kepada ranking yang dilihat telah membebankan pelbagai pihak terutamanya pemegang taruh pendidikan tinggi di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, ranking boleh digunakan sebagai kayu pengukur dan penanda aras dalam menentukan kekuatan sistem pendidikan dan mekanisme untuk menambah baik sistem tersebut. Walau bagaimanapun, ranking bukanlah satu-satunya kayu pengukur menilai kecemerlangan sesebuah institusi. Malah, ia juga tidak wajar dijadikan sebagai matlamat terpenting di dalam sesebuah universiti.

2. Kementerian tidak memaksa atau memberi tekanan, tetapi mengharapkan agar universiti di Malaysia bukan hanya dikenali

kerana ranking, tetapi juga melalui karya ilmiah yang dihasilkan oleh sarjana dalam pelbagai bidang yang dirujuk oleh masyarakat antarabangsa.

3. Walaupun ranking penting untuk keterlihatan sesebuah universiti, peranan universiti ke arah menyelesaikan masalah masyarakat dan kemenjadian siswazah masih diutamakan.

4. Kementerian juga telah membangunkan sistem penarafan peringkat nasional untuk menilai prestasi penyelidikan universiti melalui sistem e-MyRA®. MyRA® (Malaysia *Research Assessment*) ialah instrumen yang mengukur *input, output, outcome* dan impak pembangunan, penyelidikan, pengkomersialan dan inovasi (RDC&I). Sistem penarafan ini memberikan daya saing di antara IPT tempatan untuk menjadi yang terbaik dan berkualiti bukan sahaja di peringkat nasional malah diperingkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 51

SOALAN

TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah universiti swasta yang telah didaftarkan di negara ini serta berapa ramai keseluruhan pelajar luar negara dan dari negara mana yang paling ramai sekali yang mendaftarkan diri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Sistem e-IPTS, jumlah enrolmen keseluruhan pelajar antarabangsa di 56 buah Universiti Swasta yang berdaftar bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*] adalah seramai 48,511 pelajar. Daripada jumlah tersebut, pelajar dari negara China adalah paling ramai mendaftar di Universiti Swasta.

2. Berdasarkan maklumat yang diterima dari Kementerian Dalam Negeri (KDN), sehingga 31 Mac 2024, sejumlah 54 buah Universiti Swasta dan 18 buah Universiti Swasta (kampus cawangan) yang

aktif telah mendapat kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian di universiti swasta dalam negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 55

SOALAN

DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah strategi Kementerian dalam menangani isu pekerjaan di bawah kelayakan pendidikan terutama dalam kalangan graduan, sekaligus meningkatkan pencapaian tahap guna tenaga penuh mengambil kira peningkatan trend kadar guna tenaga tidak penuh siswazah dengan kelulusan tertiari namun bekerja dalam pekerjaan yang tidak setanding kelulusan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. KPT berterusan komited dalam usaha untuk menangani isu pekerjaan di bawah kelayakan pendidikan atau *"underemployment"* di kalangan graduan dengan menjalinkan kerjasama merentasi kementerian dan agensi serta industri yang berkaitan.

2. Antara inisiatif KPT adalah dengan mempergiatkan kolaborasi bersama industri melalui platform-platform seperti Majlis Pekerjaan Negara dan Majlis TVET Negara (MTVET) yang bertujuan

membincangkan isu-isu ketidaksepadanan penawaran dan permintaan tenaga buruh serta menyediakan ruang dan peluang (platform) bagi membincangkan isu-isu kebolehpasaran graduan termasuk *"underemployment"*. Kementerian juga memperkukuhkan kerjasama dengan industri melalui program seperti Industry@University, CEO@Faculty, Employability Advisory Committee, dan juga Industry Advisory Council.

3. Kementerian juga telah menandatangani beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) dengan pihak industri dan agensi berkepentingan termasuklah MoU di antara pihak KPT dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), SIRIM, TEKUN, Bank Islam dan TalentCorp serta sentiasa terbuka kepada pihak-pihak lain untuk membantu graduan mendapatkan pekerjaan. Pelaksanaan MoU tersebut merupakan manifestasi komitmen pelbagai pihak untuk mejayakan program bagi mendapatkan peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan pendidikan dan kemahiran dimiliki.

4. Selain itu, KPT turut menjalinkan kerjasama strategik dengan Kementerian dan agensi-agensi berkaitan seperti Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan Kementerian Ekonomi (KE) bagi membantu menangani isu seperti kekurangan tenaga pekerja, jurang kemahiran pekerja, ketidaksepadanan pekerjaan dan juga *underemployment.*

5. Kementerian juga mengambil inisiatif memperkenalkan modul JobMatching@GREaT melalui portal *Graduates Reference Hub for Employment and Training* atau ringkasnya GREaT untuk memudahkan pihak industri mengenal pasti graduan yang memenuhi kriteria serta keperluan yang dicari untuk ditawarkan peluang pekerjaan. Modul ini memadankan kriteria keperluan bakat oleh industri secara langsung dengan data graduan dalam Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang dikawal selia oleh Kementerian.

6. Portal ini juga merupakan portal sehenti bagi graduan untuk mendapatkan maklumat berkenaan peluang pekerjaan, program serta tips untuk meningkatkan kebolehpasaran mereka. Graduan turut

boleh mengakses ke pelbagai platform pekerjaan utama yang disediakan oleh pihak Kerajaan dan juga swasta seperti PERKESO, Khazanah Nasional, *TalentCorp, LinkedIn* dan lain-lain.

7. KPT turut berkolaborasi bersama PERKESO melalui Portal MyFutureJobs bagi padanan pekerjaan, selain turut terlibat di dalam Program Karnival Kerjaya dan '*Job Fair*' yang dianjurkan oleh PERKESO bagi memastikan graduan yang masih belum bekerja dipadankan dengan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelulusan akademik mereka. Dalam tempoh Januari 2024 hingga Mei 2024, seramai **26,140 orang** graduan telah berjaya memperoleh pekerjaan menerusi portal *MyFutureJobs*.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 69

SOALAN

DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah kursus-kursus kritikal yang mengalami masalah kekurangan pelajar pada ketika ini jika dinisbahkan dengan permintaan di dalam pasaran pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Di peringkat Kementerian ini, setiap program akademik baharu dan semakan kurikulum program sedia ada perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) sebelum ia ditawarkan.

2. Jawatankuasa ini melibatkan panel-panel daripada *TalentCorp*, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA), Jabatan Perangkaan, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), *Malaysian Digital Economic Corporation* (MDEC) dan juga Badan-badan Profesional lain.

3. Panel-panel ini akan memberikan pandangan dan komen berhubung kesesuaian penawaran program akademik. Pihak Kementerian seterusnya dapat mengambil langkah proaktif dalam memastikan isu kekurangan pelajar dapat dielakkan.

4. Berdasarkan Statistik Guna Tenaga Suku Pertama 2024 Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), **tiga (3) aktiviti ekonomi yang mempunyai kekosongan tertinggi adalah Pembuatan, Pertanian dan Pembinaan**.

5. Selaras dengan keperluan ini, graduan-graduan yang dihasilkan oleh kementerian turut melibatkan bidang-bidang yang dinyatakan. **Sepanjang tahun 2021 sehingga 2023, graduan Universiti Awam adalah terdiri daripada 10,550 graduan bidang pembuatan, 4,965 graduan bidang pertanian dan 67,698 graduan bidang pembinaan.**

6. Disamping itu, Kementerian turut memberi penekanan kepada sektor-sektor ekonomi secara khusus untuk memastikan terdapat jumlah graduan yang mencukupi. Antara sektor yang dimaksudkan adalah **elektrik dan elektronik**. Pelbagai program seperti *Structured Industry Apprenticeship Programme (SIAP) for Integrated Circuit (IC) Design* dan *MOHE-Intel Elite Internship Program (MIEIP)* dilaksanakan dalam usaha meningkatkan jumlah graduan bagi sektor elektrik dan elektronik (E&E) di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Disamping itu, ia mampu mewujudkan kerjasama pintar di antara akademia dan industri dalam sektor elektrik dan elektronik.

7. Kementerian juga cakna terhadap keperluan melibatkan **bidang perubatan** memandangkan negara kita memerlukan ramai doktor pakar. Justeru, beberapa strategi dirangka untuk memantapkan usaha tersebut, antaranya:

    i. perancangan pertambahan jumlah tenaga pengajar bagi program Sarjana Perubatan di Universiti Awam, dan

ii. peningkatan jumlah fasiliti latihan melalui perkongsian kemudahan antara Hospital Pengajar Universiti di KPT dan fasiliti-fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' AZMAN BIN NASRUDIN (PADANG SERAI)

TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 70

SOALAN

DATO' AZMAN BIN NASRUDIN minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan secara terperinci pelajar IPTA / IPTS yang menghidap penyakit HIV dari tahun 2020 hingga sekarang kerana penyakit ini dihidapi oleh kebanyakan rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa cakna dan prihatin terhadap kesejahteraan mahasiswa, termasuk isu-isu melibatkan masalah kesihatan dan jangkitan penyakit. Atas dasar keprihatinan ini dan juga mengambil kira faktor julat usia mahasiswa tergolong dalam kategori kumpulan berisiko, KPT menerusi Universiti Awam (UA) cenderung merancang dan melaksanakan pelbagai program memupuk budaya hidup sihat dan khusus menfokuskan kepada program berbentuk advokasi, kesedaran mahupun pencegahan berkaitan penyakit HIV.

2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia juga, sepanjang tempoh dari tahun 2022 sehingga bulan Jun 2024 sebanyak 77 program advokasi, kesedaran atau pencegahan berkaitan penyakit HIV telah dilaksanakan melibatkan 22,905 mahasiswa di UA.

3. Berdasarkan notifikasi jangkitan kes yang dilaporkan ke Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), bilangan pelajar IPTA atau IPTS yang berumur antara 18 hingga 25 tahun yang dijangkiti HIV adalah seramai 214 orang pada tahun 2020, diikuti seramai 186 orang pada tahun 2021, 221 orang pada tahun 2022 dan 244 orang pada tahun 2023.

4. Peratus pelajar IPTA atau IPTS yang dijangkiti HIV adalah antara 6.7 hingga 7.6 peratus dari jumlah keseluruhan kes HIV baharu yang dikenal pasti pada tahun tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN ISMAIL [JASIN]

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 72

SOALAN

Tuan Zulkifli bin Ismail [Jasin] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha inovatif Kementerian untuk meningkatkan pembangunan kapasiti (*capacity building*) institusi pendidikan tinggi awam dan swasta khususnya dalam bidang penyelidikan termasuk perkongsian kepakaran dan kerjasama strategik di dalam dan luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Antara usaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menyokong usaha-usaha meningkatkan pembangunan kapasiti (*capacity building*) Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) adalah melalui pelaksanaan pelbagai program, antaranya Program Dana Penyelidikan Padanan Antarabangsa (*Malaysia Partnership and Alliances in Research*, MyPAiR).

2. MyPAiR dilaksanakan untuk mempertingkat kerjasama strategik dan penyelidikan antara IPT, industri serta agensi tempatan atau antarabangsa, dalam bidang strategik. Perkongsian ini tidak terhad

kepada perkongsian kepakaran tetapi turut merangkumi konteks yang lebih luas seperti perkongsian infrastruktur dan peralatan.

3. Skop penyelidikan MyPAiR adalah merangkumi bidang berkepentingan dengan agenda negara seperti Tenaga (*Energy*), Perubatan dan Penjagaan Kesihatan (*Medical and Healthcare*), Teknologi dan Sistem Pintar (Kejuruteraan dan Pembuatan Generasi Baharu) (*Smart Technology and Systems (Next Generation Engineering and Manufacturing*)), dan sebagainya.

4. KPT telah melaksanakan pelbagai projek penyelidikan bersama United Kingdom, Jepun, Perancis dan Sepanyol. Kerjasama yang diadakan adalah melalui *Natural Environment Research Council* (NERC), *Medical Research Council* (MRC), *Science and Technology Facilities Council, British Council* dan lain-lain. Menerusi kerjasama ini, kolaborasi pelbagai hala antara Malaysia dan negara-negara rakan kerjasama dapat diperkukuh.

5. KPT turut menyokong usaha untuk memperkukuh IPT dalam memacu bidang penyelidikan melalui perkongsian dan kerjasama strategik termasuk dengan pihak industri. Misalnya KPT telah menyediakan dana pra-pengkomersialan iaitu Geran *Malaysia Laboratories For Academia-Business Collaboration* (MyLAB) setiap tahun untuk menghubungkan jurang pengkomersialan produk penyelidikan. Dana pra-pengkomersialan melibatkan kerjasama akademia dan industri turut disediakan.

6. Selain itu, Program Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (*Higher Institution Centre of Excellence*, HICoE) dilaksanakan bagi melonjakkan HICoE sebagai pakar rujuk (*referral point*) dalam penyelidikan bidang nic di peringkat nasional dan antarabangsa. Sehingga tahun 2024, terdapat 25 HICoE di seluruh negara.

7. Pihak Kementerian percaya usaha-usaha yang dijalankan ini akan dapat meningkatkan pembangunan kapasiti IPTA dan IPTS negara khusunya dalan bidang penyelidikan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI (KUALA LANGAT)

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 81

SOALAN

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan secara berstrategi Kementerian dalam melahirkan tenaga kerja dalam bidang kepakaran dan kepakaran khusus terutama dalam bidang perubatan sejajar dengan keperluan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) komited dalam melahirkan bakat bagi memenuhi keperluan negara, termasuklah ke arah usaha meningkatkan Pakar Perubatan selaras dengan perancangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang memerlukan sebanyak **19,714 orang Pakar Perubatan menjelang tahun 2030**.

2. Berhubung perkara ini, KPT komited untuk meningkatkan jumlah pakar perubatan dengan meneruskan pelaksanaan Program Sarjana Perubatan bagi menghasilkan Pakar Perubatan yang amat diperlukan negara.

3. Pada masa ini, Program Sarjana Perubatan di bawah seliaan KPT merangkumi **120 program latihan** dalam **28 bidang kepakaran perubatan** (kecuali urologi) melibatkan **9 Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) tempatan** [8 Universiti Awam (UA) dan 1 Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)].

4. Melalui Program Sarjana Perubatan yang sedang ditawarkan di UA, KPT mengunjurkan untuk menghasilkan sejumlah **10,445 pakar perubatan dari tahun 2024 hingga 2030**.

5. Dalam usaha meningkatkan jumlah pakar perubatan di Malaysia, KPT telah mengenalpasti beberapa strategi termasuklah meningkatkan jumlah perjawatan tenaga pengajar yang mengajar program kepakaran perubatan di UA di Malaysia.

6. Selari dengan penambahan tenaga pengajar, KPT juga sedang dalam usaha untuk meningkatkan jumlah fasiliti yang dapat digunakan bagi tujuan latihan dengan mewujudkan perkongsian sumber kemudahan bukan sahaja antara Hospital Pengajar Universiti di bawah KPT malahan dengan fasiliti-fasiliti kesihatan di bawah KKM.

7. Selain itu, KPT melalui UA juga akan memastikan kepakaran-kepakaran yang sangat diperlukan oleh negara dapat ditawarkan. Dalam hal ini, KPT melalui Majlis Dekan Fakulti Perubatan Universiti Awam Malaysia sentiasa berkolaborasi dengan pihak KKM bagi meningkatkan kualiti latihan dan memperkasa pengurusan program Sarjana dan Kedoktoran Perubatan bagi memenuhi keperluan Pakar Perubatan di Malaysia berkenaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ (SEGAMAT)

TARIKH : 2 JULAI 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 97

SOALAN

TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa bilangan pelajar di semua Universiti Awam (IPTA) dan Universiti Swasta (IPTS) mengikut komposisi kaum. Berapa jumlah pelajar kaum India di Universiti Awam dan Universiti Swasta (IPTS)

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Sistem MyMoheS Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) tahun 2023, **jumlah keseluruhan pelajar warganegara Malaysia di Universiti Awam (UA)** adalah seramai 545,244.

2. Bagi tahun 2023, pecahan kaum Bumiputera adalah seramai 472,794 dan Bukan Bumiputera 72,450. Daripada jumlah ini, kaum India terdiri daripada 26,058 daripada keseluruhan pelajar Bukan Bumiputera di UA pada tahun 2023.

3. Selain itu, merujuk kepada Sistem e-IPTS pada tahun 2023, jumlah keseluruhan pelajar warganegara Malaysia di Universiti Swasta adalah seramai 306,886. Bagi tahun 2023 pecahan Bumiputera adalah seramai 144,620 dan Bukan Bumiputera 162,266. Daripada jumlah ini, kaum India adalah sebanyak 40,805 daripada keseluruhan pelajar Bukan Bumiputera di Universiti Swasta pada tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 8

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status terkini pelaksanaan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan ahli dewan, Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan (PSKG) 2021-2025 yang telah dilancarkan pada 16 Oktober 2021 merupakan satu dokumen strategik yang **menjadi rujukan dan panduan kepada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan** melalui strategi dan inisiatif yang dirangka secara komprehensif dengan matlamat untuk menghasilkan graduan yang kalis masa hadapan, holistik dan seimbang dengan nilai kebolehpasaran global.

2. Pelan ini dibangunkan secara kolaboratif melalui sesi libat urus yang melibatkan perbincangan dengan pelbagai pihak berkepentingan, pegawai fokal industri dan jabatan lain, agensi, badan berkanun serta industri yang berkaitan.

3. Empat (4) strategi utama pelan ini adalah:

    i. Pengukuhan Kecemerlangan Bakat;

    ii. Peluasan Kerjaya Pelajar;

    iii. Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran; dan

    iv. Pemerkasaan Hubungan Industri.

4. Keberhasilan empat strategi di bawah pelan ini diukur melalui 13 inisiatif dan 31 aktiviti yang telah dirancang untuk mencapai sasaran yang ditetapkan sehingga tahun 2025. Sehingga kini, pelaksanaan inisiatif di bawah PSKG oleh semua IPT ini dapat dilihat secara langsung melalui peningkatan kadar kebolehpasaran graduan **dari 84.4 peratus pada tahun 2020 kepada 89.8 peratus pada tahun 2023.**

5. Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan Tinggi akan terus komited untuk memastikan bahawa Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 ini dilaksanakan seperti yang telah dirancang serta sasaran yang ditetapkan dapat dicapai melalui mekanisme pemantauan yang berterusan dan sistematik.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI
[SUNGAI PETANI]

TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 13

SOALAN

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil dalam menyalurkan dana daripada pihak Kementerian kepada badan-badan pelajar selaras dengan pindaan terbaru Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi telah menyediakan Peraturan Pengurusan Kewangan Pelajar oleh Majlis Pewakilan Pelajar Atau Kesatuan Mahasiswa dan Badan Pelajar. Selepas pindaan AUKU diwartakan, peraturan ini akan diedarkan ke Universiti Awam (UA) untuk dijadikan rujukan bagi pengurusan kewangan oleh pelajar.

2. Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)/Kesatuan Mahasiswa (KM)/persatuan pelajar boleh merujuk kepada peraturan yang disediakan sebagai panduan pengurusan kewangan. Peraturan ini

dapat membimbing pelajar untuk menguruskan kewangan dengan cara yang terpimpin, berhemah dan dapat mengelakkan sebarang salah laku kewangan.

3. Di dalam peraturan tersebut ada dinyatakan MPP/KM dan Badan Pelajar hendaklah memastikan semua dana luar yang diperolehi dimasukkan ke dalam akaun bank rasmi MPP/KM dan Badan Pelajar yang dibuka dengan kebenaran Universiti.

4. Di dalam peraturan itu juga turut menyatakan tatacara pengurusan pendapatan dana antaranya MPP/KM atau badan pelajar hendaklah:

   a) membuka akaun semasa di bank tempatan berlesen yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia dengan pengesahan Universiti;

   b) memaklumkan secara rasmi kepada Universiti berkenaan akaun bank yang telah dibuka;

   c) semua pengurusan pendapatan dana luar hendaklah melalui akaun bank atas nama MPP/KM atau Badan Pelajar; dan

   d) sebarang penerimaan hendaklah atas nama MPP/KM atau Badan Pelajar yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR [TEMERLOH]

TARIKH : 9 JULAI 2024 (RABU)

NO. SOALAN : NO. 18

SOALAN

PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR [TEMERLOH] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan:

a) apakah Kementerian akan mengambil tindakan tegas kepada kumpulan pelajar yang membantah kod etika pemakaian Universiti Malaya (UM) atas dakwaan bersifat konservatif, kononnya mahu UM kekal liberal; dan

b) apakah usaha untuk meningkatkan kefahaman mahasiswa tentang prinsip rukun negara kelima, iaitu Kesopanan dan Kesusilaan?

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a)

1. Pihak Kementerian Pendidikan Tinggi mengambil serius setiap luahan suara atau lontaran pandangan daripada warga universiti termasuk

mahasiswa dalam apa jua konteks termasuk pandangan berkaitan Kod Etika pemakaian pelajar Universiti.

2. Dalam hubungan ini, satu sesi pertemuan bersama kumpulan pelajar yang membantah kod etika pemakaian Universiti Malaya (UM) yang juga dikenali Kumpulan *New Generation* telah diadakan pada baru-baru ini. Pertemuan yang diadakan pada 14 Mei 2024 bersama-sama Kumpulan *New Generation*, pihak JHEP dan beberapa wakil daripada Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya (KMUM) dan Sekretariat Presiden Kolej UM (SPKUM) telah diadakan bagi membincangkan dan menjelaskan berkaitan dakwaan tersebut.

3. Selanjutnya, pada 24 Jun 2024 jua, satu sesi libat urus bersama-sama ahli Jawatankuasa Tatacara Pemakaian Pelajar Universiti Malaya yang turut dihadiri oleh wakil pelajar daripada Sekreteriat Presiden Kolej Kediaman (SPK) serta Timbalan-Timbalan Dekan Universiti telah diadakan bagi melihat pandangan daripada semua pihak berkaitan Kod Etika Berpakaian dan Penampilan Pelajar 2024 bagi memberi maksud yang lebih jelas dan selari dengan Arahan Pentadbiran.

4. Hasil daripada kedua-dua sesi libat urus tersebut, semua pihak mengambil maklum akan penerangan yang diberikan dan telah mencapai kata sepakat bahawa satu bengkel penambahbaikan tatacara berpakaian dengan penglibatan semua Jawatankuasa yang dilantik termasuk ahli KMUM dan SPK sebagai entiti yang mewakili suara mahasiswa akan diadakan kelak.

b)

1. Prinsip kelima Rukun Negara, Kesopanan dan Kesusilaan adalah asas penting dalam pembentukan masyarakat yang harmoni dan bertamadun. Untuk meningkatkan kefahaman mahasiswa tentang prinsip ini, pelbagai usaha boleh dijalankan oleh universiti dan pihak berkaitan. Antaranya;

   a) Mempromosikan Buku Peraturan Universiti termasuk etika pemakaian yang selaras dengan prinsip kesopanan dan kesusilaan.

Ini termasuk etika dan adab ketika berinteraksi dengan pensyarah, staf, dan rakan sebaya;

b) Melancarkan kempen kesedaran melalui poster, media sosial, dan aktiviti kampus dengan mengangkat tema nilai-nilai kesopanan dan kesusilaan serta contoh praktikal dalam kehidupan harian;

c) Menggiatkan penglibatan pelajar melalui aktiviti kelab atau persatuan yang memberi fokus kepada nilai-nilai kesopanan dan kesusilaan sebagai warga kampus. perbincangan, bengkel, dan aktiviti kesenian yang mengangkat tema kesopanan dan kesusilaan;

d) Menyediakan sistem sokongan seperti kaunseling atau bimbingan yang membantu pelajar memahami dan mengamalkan kesopanan dan kesusilaan dalam kehidupan mereka; dan

e) Memberikan pengiktirafan dan anugerah perhargaan kepada mahasiswa yang menunjukkan sahsiah terpuji dan beretika yang boleh menjadi motivasi kepada mahasiswa lain.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI UTAMA IR. HASNI BIN MOHAMMAD (SIMPANG RENGGAM)

TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 29

SOALAN

DATUK SERI UTAMA IR. HASNI BIN MOHAMMAD [SIMPANG RENGGAM] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah *Malaysia Artificial Intelligence Nexus* 2024 (MY AI NEXUS) termasuk dalam keperluan bagi penyediaan teknologi kecerdasan buatan (AI) untuk melengkapkan penilaian risiko sebelum menjadikan teknologi itu tersedia untuk khalayak umum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia *Artificial Intelligence Nexus* 2024 (MY AI NEXUS) merupakan inisiatif penting dalam memajukan ekosistem AI di Malaysia. MY AI NEXUS bertujuan untuk mempamerkan kesediaan Malaysia menerima teknologi AI sebagai pemacu baharu ekonomi negara, menjadi platform untuk bekerjasama pelbagai pihak berkepentingan, seterusnya berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju dalam bidang AI melalui kerjasama strategik melibatkan institusi akademik, pemain industri, dan pelbagai agensi Kerajaan.

2. Oleh itu, Kementerian ini berhasrat untuk menjadikan MY AI NEXUS sebagai inisiatif yang berterusan sebagai pemangkin untuk merancakkan lagi pembangunan teknologi AI tempatan seterusnya menjadi penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

3. Bersempena dengan majlis MY AI NEXUS pada 10 Mei 2024, Fakulti Kecerdasan Buatan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah diluncurkan selari dengan aspirasi YAB Perdana Menteri yang telah disampaikan melalui ucapan Belanjawan Negara 2024 pada 13 Oktober 2023 yang lalu. Fakulti ini diwujudkan dengan tujuan untuk membangun bakat AI holistik yang diperlukan negara melalui program pendidikan, penyelidikan, dan inovasi. Inisiatif ini juga merupakan sebahagian daripada kerjasama strategik di bawah usaha kerajaan Malaysia untuk mengintegrasikan AI dalam pelbagai sektor seperti pendidikan, penjagaan kesihatan, pertanian, dan pertahanan negara.

4. Melalui penubuhan Fakulti AI di UTM dan kerjasama strategik bersama pemain industri serta pihak Kerajaan, aspek penilaian risiko berkaitan teknologi AI akan diperkukuh dan dilaksanakan secara menyeluruh melalui pendidikan dan penyelidikan yang komprehensif. Bakat AI negara yang bakal dihasilkan kelak akan didedahkan dengan mendalam berkaitan kemampuan jauh teknologi AI disamping memahami risiko yang wajar ditangani. Bakat AI yang kompeten ini akan membantu negara untuk memastikan setiap teknologi AI yang digunapakai dalam negara kita adalah selamat serta tidak mendedahkan rakyat kepada risiko keselamatan yang mengancam kesejahteraan.

5. Ringkasnya, MY AI NEXUS adalah sebuah platform bagi menunjukkan kesediaan Malaysia menerima teknologi AI dan aspek penilaian risiko akan menjadi keutamaan dalam program pembangunan bakat AI yang dijalankan secara bersama oleh institusi akademik, pemain industri, dan pelbagai agensi Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG]

TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 53

SOALAN

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :

(a) cabaran yang dihadapi oleh institusi pengajian tinggi; dan

(b) peluang yang boleh diambil oleh Kementerian dengan kemunculan kursus latihan dalam talian yang disediakan oleh universiti luar negara dan pemain industri global bagi menarik bakat secara langsung untuk berkhidmat di syarikat mereka.

JAWAPAN
a)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh institusi pengajian tinggi. Antaranya adalah seperti berikut:

   i. Persaingan Global;

   ii. Kualiti dan Pengiktirafan;

iii. Penyesuaian Kurikulum dengan teknologi dan kehendak industri; dan

iv. Mengintegrasikan teknologi dalam pembelajaran dalam menyokong pembelajaran digital (e-pembelajaran) dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)

(b)

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kementerian sentiasa mengambil perhatian serta menyarankan Institusi Pendidikan Tinggi untuk mengambil peluang terhadap kemunculan kursus-kursus dalam talian sama ada dari universiti luar negara dan pemain industri global.

3. Antara langkah yang dijalankan oleh kementerian dalam menjalinkan kolaborasi dengan pemberi kursus dalam talian seperti yang dinyatakan adalah seperti berikut:

    a. Kementerian telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan *Microsoft* Malaysia serta melancarkan *Talent in Tech Accelerator Nationwide* Program.

    b. Kementerian turut bekerjasama dengan *TalentCorp*, Digital Nasional Berhad dan *Ericsson* Malaysia bagi melaksanakan Program Pendedahan Awal Industri P²AI sebagai modul pengisian sesi minggu induksi pelajar.

    c. Kementerian juga telah menjalinkan kolaborasi melalui pelaksanaan MoU antara KPT dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) untuk melaksanakan inisiatif Program *investED*. Program ini menyediakan pakej latihan yang lengkap dan bernilai tinggi yang mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan dalam merancakkan industri pasaran modal dan sekuriti negara.

d. Kementerian juga melaksanakan Program PENJANA KPT-CAP yang menyediakan dan menawarkan pelbagai latihan dalam talian untuk meningkatkan kemahiran digital pelajar.

4. Selain itu, Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) merupakan badan yang dipertanggungjawabkan untuk menyelia dan menyelaras jaminan kualiti dan akreditasi pendidikan tinggi negara.

5. Bagi memastikan kualiti program yang ditawarkan secara dalam talian dan jarak jauh adalah setanding dengan program yang dikendalikan secara konvensional, MQA telah membangunkan Kod Amalan Akreditasi Program: Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (*Code of Practise for Programme Accreditation: Open and Distance Learning,* COPPA-ODL) sebagai rujukan kepada Institut Pendidikan Tinggi (IPT).

6. Dokumen jaminan kualiti ini juga dibangunkan bagi tujuan penilaian dan menjadi panduan kepada IPT dalam melaksanakan amalan berkaitan pengendalian program ODL di IPT masing-masing. Justeru, penggunaannya adalah terpakai kepada semua IPT tempatan termasuk Kampus Universiti Luar Negara di Malaysia dalam penyediaan dokumen permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh.

7. Pihak Kementerian sentiasa mendukung sepenuhnya hasrat kerajaan untuk melaksanakan pengajian terbuka ke arah pendemokrasian pendidikan tinggi.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU]

TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 57

SOALAN

TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan apakah usaha dan tindakan Kementerian untuk pastikan para mahasiswa atau pelajar menguasai ilmu teknologi AI dan lain-lain teknologi semasa bagi menampung keperluan industri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam usaha untuk memastikan para mahasiswa menguasai teknologi kecerdasan buatan (AI) serta teknologi semasa lain yang diperlukan oleh industri, telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti berikut:

    i. Penubuhan Fakulti AI: Kementerian ini dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah membangunkan Fakulti Kecerdasan Buatan pertama di negara ini. Inisiatif ini bertujuan untuk menyediakan tenaga kerja mahir dalam bidang AI dan teknologi canggih seiring dengan permintaan industri.

ii. Pembentukan *Malaysia AI Consortium (MAIC)*: inisiatif ini bertujuan untuk merancak usaha Kerajaan dalam membangun bakat AI yang diperlukan negara melalui kerjasama strategik melibatkan institusi pendidikan tinggi, agensi kerajaan, dan pemain industri. Kerjasama strategik ini akan dapat membantu negara untuk mempercepat usaha pembangunan bakat AI yang diperlukan negara.

iii. Kerjasama Antarabangsa: KPT juga bekerjasama dengan *Japan International Cooperation Agency (JICA)* untuk memperluas bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Ini termasuk dalam bidang AI, *Internet of Things (IoT),* dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), yang mana pelbagai universiti dan politeknik tempatan akan mendapat manfaat daripada kerjasama ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN]

TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 61

SOALAN

Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar [Kemaman] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha tuntas yang dibuat oleh pihak Kementerian dalam mengurangkan bebanan tugas yang ditanggung oleh pensyarah terutamanya melibatkan perkara di luar keutamaan tugas mereka iaitu pengajaran dan penyelidikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency,* MQA) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dari semasa ke semasa sentiasa berusaha meningkatkan kualiti Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) melalui sistem jaminan kualiti pendidikan tinggi negara.

2. Dalam memastikan kualiti pensyarah terjamin, MQA telah menyediakan Garis Panduan Beban Staf Akademik sebagai rujukan kepada IPT untuk menentukan jumlah jam mengajar pensyarah secara bersesuaian.

3. Pada amnya, pengajaran formal setiap minggu adalah **tidak melebihi 18 jam kontak** dan jumlah ini perlu diselaras semula secara bersesuaian sekiranya pensyarah terlibat dalam tugas-tugas berkaitan dengan aktiviti ilmiah (*scholarly activities* seperti penyelidikan, khidmat perundingan serta tugas pentadbiran lain).

4. Ini bertepatan dengan ketetapan standard dalam Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation*, COPPA) perkara 4.1 seperti berikut:

   4.1.4 *The department must have adequate and qualified academic staff responsible for implementing the programme.*

   4.1.5 *The policy of the department must reflect an equitable distribution of responsibilities among the academic staff.*

5. Beban mengajar juga tertakluk kepada standard dan kriteria bidang serta keperluan badan profesional yang berkaitan. Dalam hal ini, IPT bertanggungjawab untuk menyediakan sokongan kepada pensyarah yang terlibat dalam aktiviti ilmiah dari segi agihan beban mengajar yang bersesuaian, pelepasan cuti sabatikal untuk menjalankan penyelidikan dan penajaan.

6. Pelaksanaan ini selaras dengan ketetapan standard dalam Kod Amalan Akreditasi Program (Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA) perkara 4.2.6:

   *'The HEP **must provide opportunities** for academic staff to participate in professional, academic and other relevant activities, at national and international levels to obtain professional qualifications to enhance learning-teaching experience.'*

7. Dengan Garis Panduan Beban Staf Akademik yang telah disediakan, IPT haruslah sentiasa bertanggungjawab dalam memastikan beban tugas pensyarah adalah seimbang dan

bersesuaian di antara mengejar *Key Performance Indicators* (KPI) yang ditetapkan pihak universiti dan dalam masa yang sama melaksanakan tugasan mengajar.

8. Perkara ini akan disemak semula oleh MQA ketika menjalankan penilaian Akreditasi dan teguran penambahbaikan akan dibuat sekiranya terdapat risiko kualiti berkaitan beban pensyarah.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN]

TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 94

SOALAN

Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [Kemaman] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha pihak Kementerian untuk mewujudkan pemimpin universiti yang berkualiti dan mempunyai wawasan yang jelas dalam membangunkan negara melalui pembangunan bakat berpengetahuan tinggi, profesional, kreatif dan inovatif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa komited untuk melatih dan melahirkan barisan pelapis kepimpinan negara dan masa hadapan. Pihak Kementerian telah merancang dan melaksanakan pelbagai program kepimpinan kepada mahasiswa agar hasrat untuk melahirkan barisan pelapis kepimpinan negara akan tercapai.

2. Antara program yang dilaksanakan dibawah inisiatif Pembangunan Pemimpin Masa Hadapan adalah Program Pewaris Bakat Terbaik

Negara KPT (PEWARIS TUNAS KARISMA); Program Permukiman Siswa dan Latihan Kepimpinan Muda Kebangsaan (KARISMA); Semarak Siswa Madani *(Student for Society)*; *Global Student Leadership Summit (GSLS)*; *Program University-Community Social Enterprise (UCSE)* dan *University Social Enterprise Competition (USEC)*; Kem jati Diri Siswa SULUNG; dan Program-program Kesukarelawanan.

3. Selain daripada itu, terdapat juga program-program lain yang direncanakan bagi membentuk kepimpinan pelajar seperti Parlimen Mahasiswa Kebangsaan; dan Program Pemerkasaan Pendidikan Pengundi Mahasiswa (Undi 18).

4. Menerusi program-program tersebut, mahasiswa dilatih dengan ilmu-ilmu kepimpinan yang dapat meningkatkan kesedaran dalam teras jati diri, kepimpinan, komunikasi, integriti, organisasi, pengurusan aktiviti kreatif dan inovatif. Ia juga mampu untuk melahirkan pelajar dengan nilai kepimpinan yang unggul serta semangat jati diri yang kukuh serta menjadi modal insan yang boleh dicontohi dengan sifat dan sikap yang bertanggungjawab sebagai seorang rakyat Malaysia.

5. Selain itu, progam ini juga berupaya untuk membangunkan kemahiran, kepakaran dan sifat kemasyarakatan yang tinggi dalam diri pelajar untuk lebih bersedia menghadapi cabaran negara pada masa akan datang.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN]

TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 100

SOALAN

Tuan Chow Kon Yeow [Batu Kawan] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan:

(a) usaha-usaha yang telah serta bakal dilaksanakan oleh Kementerian dalam merealisasikan fokus bagi melahirkan bakat terbaik negara selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi); dan

(b) perincikan perangkaan kekosongan tenaga kerja di setiap sektor utama dalam negara mengikut pecahan negeri dan tahap akademik/kemahiran yang diperuntukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,
a)

1. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (PPMPT) adalah merupakan rancangan strategik dan komprehensif KPT yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti dan

daya saing institusi pendidikan tinggi di Malaysia dan seterusnya melahirkan bakat terbaik negara.

2. PPMPT telah menggariskan 10 lonjakan di mana empat (4) lonjakan untuk keberhasilan bakat terdiri daripada warga pendidikan tinggi, termasuk pelajar dalam laluan akademik dan TVET, komuniti akademik dan seluruh rakyat Malaysia yang mengikuti pembelajaran sepanjang hayat. Enam (6) lonjakan seterusnya memberi tumpuan kepada pemboleh (*enablers*) ekosistem pendidikan tinggi untuk menjayakan matlamat PPMPT, merangkumi pembiayaan, tadbir urus, inovasi, pembelajaran dalam talian, pengantarabangsaan dan penyampaian.

3. KPT sentiasa memastikan program pengajian di IPTA kekal relevan dan menyumbang kepada peningkatan kualiti graduan. Antara langkah-langkah yang diambil adalah:

    i. Melaksanakan transformasi pendidikan tinggi awam melalui semakan semula kurikulum program akademik;

    ii. Melaksanakan saringan awal yang ketat terhadap setiap program akademik yang hendak ditawarkan oleh IPTA;

    iii. Memperkenal Kurikulum Tersedia Masa Hadapan (*Future Ready Curriculum* (FRC) yang merangkumi tiga (3) elemen utama iaitu Struktur Kurikulum Lentur dan Organik, Penyampaian Transformatif PdP dan Pentaksiran Holistik; dan

    iv. Memperkukuh inisiatif sedia ada seperti program pengajian mod 2u2i.

4. Bagi program pengajian yang bernaung di bawah badan profesional, penawaran kursus pengajian yang berkaitan hendaklah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal Bersama bagi memastikan kursus pengajian yang ditawarkan memenuhi Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).

5. Kementerian turut memberi fleksibiliti kepada UA untuk membangunkan kurikulum baharu atau menambahbaik kurikulum sedia ada mengikut kehendak pasaran bagi memastikan kualiti program pengajian dan kurikulum adalah mantap serta pengalaman pelajar dapat lebih diperkaya.

6. Kementerian juga menitikberatkan penglibatan pihak industri dalam membangunkan kurikulum kursus pengajian baharu dan menjajarkan semula kurikulum kursus pengajian sedia ada bagi memenuhi keperluan industri dan teknologi semasa.

7. Selain itu, Politeknik dan Kolej Komuniti memfokus kepada lonjakan keempat dalam keberhasilan graduan TVET berkualiti dengan memupuk bakat berkemahiran untuk memenuhi permintaan industri yang semakin meningkat dan kian berubah, serta menggalakkan pembangunan kerjaya individu.

b)
Tuan Yang Di-Pertua,

1. Bagi soalan kedua YB Batu Kawan berkenaan perincian perangkaan kekosongan tenaga kerja di setiap sektor utama dalam negara, ianya berada di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 9 JULAI 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 102

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan pelajar Bumiputera (pecahan Islam dan bukan Islam), pelajar bukan Bumiputera dan pelajar asing untuk program akademik dalam Universiti Teknologi Mara (UiTM) setiap tahun sejak 2017. Nyatakan kos perbelanjaan oleh Kerajaan dan yuran yang dibayar oleh pelajar tempatan dan luar negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa komited dan memberi keutamaan dengan menyediakan peruntukan mencukupi kepada Universiti Awam (UA) bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan yang kondusif dapat diberikan kepada rakyat.

2. Oleh itu, Kerajaan masih mengekalkan pemberian geran mengurus tahunan kepada semua UA di mana kaedah penyaluran geran mengurus berasaskan keperluan emolumen UA dan siling indikatif (SI) Anggaran Perbelanjaan Mengurus (ABM) tahunan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan (MOF). Penyaluran ini

dilakukan sebanyak empat (4) kali setahun seperti mana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan P.B 1.2 Anggaran Perbelanjaan Persekutuan.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2024 Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan geran mengurus bagi Universiti Teknologi Mara (UiTM) sebanyak **RM1,817,096,200** yang terdiri daripada 100% keperluan emolumen iaitu sebanyak **RM1,760,466,200** dan sebahagian keperluan non-emolumen iaitu sebanyak **RM56,630,000**.

4. Sehubungan dengan itu, kerajaan adalah ke arah mengurangkan kebergantungan UA terhadap peruntukan kerajaan selaras dengan hasrat yang telah dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) di bawah Lonjakan ke-5 “Kemampanan Kewangan” di mana UA adalah digalakkan untuk memperkukuhkan kewangan sendiri dan mempelbagaikan sumber pendapatan dalaman tanpa menjejaskan kualiti pendidikan sedia ada. Antara sumber penjaaan pendapatan dalaman UA termasuklah hasil yuran dan hasil bukan yuran seperti pelaburan simpanan tetap, wakaf, endowment, zakat dan sumbangan tunai dan sebagainya.

5. Sehingga Mac 2024, terdapat seramai 166,741 orang pelajar Bumiputera yang beragama islam dan yang bukan Islam adalah seramai 7,004 orang pelajar.

6. Selain itu, untuk program akademik, sehingga Mac 2024, terdapat 1,337 orang pelajar pelajar asing yang mengikuti program pengajian peringkat PhD manakala seramai 264 orang pelajar asing yang mengikuti program peringkat Sarjana.

7. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, yuran pelajar tempatan dikenakan per semester adalah sebanyak RM540.00 untuk program asasi dan diploma. Manakala yuran pelajar tempatan per semester untuk program Ijazah Sarjana Muda adalah sebanyak RM590.00.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM
[GUA MUSANG]

TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 12

SOALAN

Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [Gua Musang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status terkini permohonan bagi pembinaan universiti awam di Gua Musang. Apakah faktor atau kriteria yang masih dalam proses yang menjadi punca kelewatan pengesahan pembinaan universiti awam tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, penubuhan sesebuah Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) baharu memerlukan penelitian dari pelbagai aspek, antaranya;

   (i) permintaan semasa merangkumi keperluan dari perspektif pelajar dan masyarakat yang seimbang dengan saiz populasi,

   (ii) kecukupan dan kesediaan bekalan tenaga pakar dalam sesuatu bidang,

(iii) keupayaan menyediakan dan menyelenggara prasarana dengan baik,

(iv) kemandirian kewangan,

(v) prospek dan jenis program yang hendak ditawarkan, dan

(vi) risiko pertindihan (*overlapping*) dan sebarang ketidakpadanan (*missmatch*) dengan IPT serta program sedia ada.

2. Melalui semakan pihak Kementerian, **di negeri Kelantan terdapat satu (1) universiti induk** iaitu Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dengan **dua (2) kampus cawangan** iaitu Kampus Jeli dan Kampus Pengkalan Chepa.

3. Terdapat juga beberapa **cawangan Universiti Awam (UA)** seperti:

(i) kampus cawangan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kota Bharu dan Machang,

(ii) Universiti Malaya (UM) Kampus Nilam Puri, dan

(iii) kampus cawangan Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian.

4. Maka, Kementerian percaya ketersediaan infrastruktur ini adalah memadai dalam menyediakan pendidikan peringkat diploma dan ijazah bagi semua peringkat lapisan masyarakat di negeri Kelantan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM]

TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIIN)

NO. SOALAN : NO. 15

SOALAN

Tuan Azli bin Yusof [Shah Alam] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perincian kemasukan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA):

(a) Jumlah permohonan dan tawaran diberikan mengikut negeri, kaum dan kursus bagi tahun 2022 dan 2023; dan

(b) Pelan Kementerian menilai semula Sistem Permohonan Kemasukan Pelajar Tahun 2024 bagi menampung keperluan semasa negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pemilihan untuk calon Pelajar Lepasan STPM untuk ke universiti adalah setara dan dinilai berdasarkan kelayakan calon. Proses penyetaraan ini dibuat bagi mengiktiraf kedua-dua kurikulum yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menyediakan bakal mahasiswa di Universiti Awam (UA). Penyetaraan ini juga bagi memastikan kedua-dua kumpulan calon bersaing secara adil dengan pemohon yang lain.

2. Trend permohonan *UPUOnline*® setiap tahun bagi lepasan SPM dan STPM adalah berubah-ubah mengikut jumlah calon yang mengambil peperiksaan tersebut. Pada sesi akademik 2022/ 2023, negeri Selangor merekodkan pemohon *UPUOnline*® yang tertinggi bagi lepasan SPM dan STPM. Bagi lepasan SPM, seramai **47,310** (20%) permohonan diterima dari semua negeri di Malaysia melalui UPUOnline®.

3. Manakala bagi lepasan STPM, sebanyak **21,450** (18.6%) orang calon telah memohon *UPUOnline*®. Pada sesi akademik 2023/ 2024 negeri Selangor masih mencatatkan pemohon *UPUOnline*® tertinggi bagi lepasan SPM iaitu **48,649** (20.3%). Bagi pemohon lepasan STPM pula, seramai **21,877** (18.5%) orang calon telah memohon *UPUOnline*®.

4. Kadar kejayaan bagi pemohon mengikut aliran sains dan sastera pada sesi akademik **2022/2023** adalah **96.19%** dan **88.20%**. Manakala pada sesi akademik **2023/2024,** kadar kejayaan bagi pemohon mengikut aliran sains dan sastera pula adalah **96.81%** dan **90.87%**.

5. Kementerian mengamalkan prinsip meritokrasi dan berdasarkan prinsip ini, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira **kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal** diberi peluang untuk mengikuti pengajian di UA. Kejayaan mereka bergantung kepada susunan merit, memenuhi syarat Am dan syarat Khas serta bilangan tempat yang disediakan oleh UA.

6. Kementerian juga telah mengikut garis panduan penyelarasan pengambilan pelajar mengikut prosedur yang ketat dan telus yang merangkumi permohonan, pemprosesan, pemilihan, hebahan dan rayuan yang dipersetujui dalam mesyuarat utama seperti Mesyuarat Panduan Dasar dan Prosedur Kemasukan Pelajar ke IPTA dan ILKA Sesi Akademik **2024/2025** dan Mesyuarat Teknikal Kemasukan Pelajar ke IPTA dan ILKA Sesi Akademik **2024/2025**.

7. Antara agensi yang bekerjasama dengan KPT untuk penyelarasan pelajar masuk ke IPTA adalah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi menentukan status warganegara pemohon, Lembaga Peperiksaan (LP) bagi memadankan keputusan pemohon dengan permohonan kursus yang dbuat, Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) bagi pemadanan peperiksaan MUET, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), serta universiti dan institusi pendidikan awam yang lain.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING]

TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 20

SOALAN

TUAN HASSAN BIN SAAD minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pendirian Kementerian dalam mewujudkan MyBrain2.0 khas untuk pelajar bukan daripada aliran sains bagi mengelakkan keciciran dalam pendidikan arus perdana.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Jun 2023 telah meluluskan pelaksanaan Program *MyBrain 2.0* bermula pada tahun 2024 yang akan ditawarkan kepada dua kategori kumpulan sasaran iaitu kepada orang awam yang tidak bekerja atau tidak berpendapatan tetap dan pensyarah-pensyarah di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS).

2. Di bawah Program *MyBrain 2.0*, selain pemilihan dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Matematik (STEM), pelajar turut diberikan peluang untuk melanjutkan pengajian dalam bidang lain yang relevan dengan keperluan industri dan negara bagi menangani isu keciciran dalam pendidikan arus perdana.

3. Kementerian komited dalam memastikan program ini dapat melahirkan graduan yang mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi selari dengan keperluan negara dalam membangunkan bakat digital untuk memperkukuh kepakaran tenaga mahir serta memberi nilai tambah yang signifikan kepada pertumbuhan ekonomi mampan ke arah memacu pencapaian aspirasi Malaysia MADANI.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR]

TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 63

SOALAN

TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian Pendidikan Tinggi dalam membantu golongan B40 atau golongan kurang berkemampuan dalam menyelesaikan hutang PTPTN sekiranya mereka tidak mendapat "kelas pertama". Hal ini kerana hampir keseluruhan peminjam PTPTN merupakan dari golongan tidak berkemampuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) amat perihatin dengan perkara yang melibatkan kebajikan pelajar, terutamanya dalam membantu peminjam yang kurang berkemampuan dalam membuat bayaran balik pinjaman mereka.

2. Selain memberikan pengecualian bayaran balik pinjaman sepenuhnya kepada peminjam cemerlang yang mendapat Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama, beberapa dasar sedia ada bagi membantu peminjam membuat bayaran balik pinjaman masih berkuat kuasa iaitu:

i. Peminjam diberikan tempoh bertenang atau *Grace Period* tanpa perlu membuat bayaran balik pinjaman selama 12 bulan selepas menamatkan pengajian bagi memberi peluang mereka mendapat pekerjaan atau mempunyai pendapaan sebelum mula membayar balik pinjaman mereka.

ii. Peminjam boleh membuat permohonan penangguhan bayaran balik pinjaman sehingga maksimum 2 tahun sekiranya masih belum mempunyai pekerjaan atau pendapatan selepas tempoh *Grace Period* (12 bulan).

iii. Peminjam diberikan kemudahan penangguhan bayaran balik pinjaman sepanjang tempoh pengajian, sekiranya menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi; dan

iv. Peminjam boleh membuat penstrukturan atau penjadualan semula pinjaman mengikut kemampuan bayaran balik peminjam sehingga maksimum berumur 60 tahun.

3. Mana-mana peminjam yang menghadapi kesukaran atau kekangan untuk membuat bayaran balik pinjaman, mereka boleh tampil ke mana-mana pejabat PTPTN untuk berunding dan bukan memilih jalan untuk menjauhkan diri daripada PTPTN.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG]

TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 85

SOALAN

Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan daerah Klang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan baru diangkat ke status Bandar Raya. Maka adakah rancangan untuk membina institusi pendidikan tinggi atau Institut Latihan TVET yang baharu di Klang pada masa depan?

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian sentiasa komited dalam menyediakan akses pendidikan melalui penubuhan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) seperti Universiti Awam (UA), Politeknik dan Kolej Komuniti.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini **negeri Selangor mempunyai sebanyak 11 UA induk dan kampus cawangan** yang membolehkan keperluan pendidikan tinggi di Lembah Kelang ditampung secara keseluruhan.

3. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 September 2004 juga telah bersetuju dengan pandangan bahawa keutamaan penubuhan kolej

komuniti diberi tumpuan kepada kawasan-kawasan yang tiada institusi latihan seperti Pusat Giat MARA, Institut Kemahiran MARA, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan bukan di setiap parlimen.

4. Punca kuasa penubuhan Politeknik dan Kolej Komuniti pula adalah tertakluk di bawah perenggan 34 (1)(d) Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Selain itu, pertimbangan penubuhan juga mengambil kira beberapa faktor lain seperti keperluan pasaran semasa, kepadatan penduduk, peruntukan kewangan, perjawatan kejat serta keperluan industri setempat.

5. Sehingga Disember 2023, terdapat **tiga (3) buah politeknik dan sebelas (11) buah kolej komuniti** telah ditubuhkan dan sedang beroperasi di Selangor dengan keseluruhan enrolmen pelajar seramai 9,761 orang. Kementerian berpandangan kewujudan politeknik dan kolej komuniti di sekitar Selangor ini masih mampu menampung permintaan bakal pelajar di dalam bidang TVET bagi kawasan Klang.

6. Selain itu, sehingga 31 Januari 2024, terdapat 388 buah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) berdaftar yang meliputi 62 buah universiti, 10 kampus cawangan luar negeri, 32 kolej universiti dan 284 kolej. Daripada jumlah tersebut, 109 buah IPTS berdaftar adalah berada di negeri Selangor dengan tiga (3) buah IPTS berdaftar bertaraf kolej di Klang, Selangor.

7. Maka, seperti yang telah dinyatakan, ketersediaan infrastruktur sedia ada ini adalah memadai dalam menyediakan pendidikan peringkat diploma dan ijazah dalam pelbagai bidang termasuk TVET bagi semua peringkat lapisan masyarakat di negeri Selangor secara amnya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL [SEMPORNA]

TARIKH : 15 JULAI 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 94

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL [SEMPORNA] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan

(a) status terkini pembinaan politeknik Kota Belud dan naik taraf Kolej Komuniti Semporna; dan

(b) adakah terdapat rancangan pembinaan universiti awam baharu di Sabah bagi baki pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian sentiasa komited dalam menyediakan akses pendidikan melalui penubuhan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) seperti Universiti Awam (UA), Politeknik dan Kolej Komuniti.

2. Untuk makluman, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mendapat kelulusan peruntukan *One Line Item* oleh Kementerian Kewangan di bawah *Rolling Plan* Keempat, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP4, RMKe-12) Tahun 2024 melibatkan projek naik

taraf dan penyelenggaraan fasiliti IPTA yang turut merangkumi Universiti Awam, Politeknik, Kolej Komuniti dan Hospital Pengajar Universiti (HPU).

3. Daripada peruntukan tersebut, pihak KPT telah meluluskan dua (2) buah projek bagi melaksana kerja-kerja baik pulih kemudahan infrastruktur bangunan usang melibatkan **Kolej Komuniti Semporna**. Projek sedang dalam proses perolehan di peringkat agensi.

4. Bagi pembinaan **Politeknik Kota Belud**, projek sedang dalam peringkat kajian melibatkan proses perolehan tanah melalui peruntukan daripada Kementerian Ekonomi. Projek ini adalah untuk kerja-kerja awalan pembangunan meliputi kajian kesesuaian projek, kesesuaian lokasi tapak, Siasatan Tanah (SI), kerja pengukuran dan pemetaan (survey) yang melibatkan *feasibility study* projek-projek yang menjadi keutamaan Kementerian bagi tujuan permohonan melalui *Rolling Plan* (RP) / Rancangan Malaysia Ke-12 dan Ke-13.

5. Walau bagaimanapun, butiran ini merupakan satu proses kerja-kerja awalan seperti *survey, soil investigation, feasibility study* untuk projek-projek yang telah menjadi keutamaan Kementerian dan bukan butiran bagi perolehan tanah atau pembinaan sesuatu projek yang telah diluluskan dan dimuktamadkan dimana ia tertakluk kepada kelulusan Kementerian Ekonomi melalui permohonan *Rolling Plan*.

6. Projek ini bertujuan untuk menyediakan laluan pengajian peringkat tertiari kepada pelajar lepasan menengah di **Politeknik Kota Belud**, Sabah. Program yang akan ditawarkan adalah Diploma Teknologi Petroleum dan Diploma Pengurusan Resort yang akan menghasilkan pekerja dalam bidang Petroleum dan Hospitaliti yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi serta mengaplikasi pemikiran aras tinggi dan responsif industri. Pemilihan bidang ini adalah selaras dengan strategi Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN) dalam memperkasa perindustrian minyak dan gas serta pelancongan di negeri Sabah selaras dengan Koridor Pembangunan Sabah.

7. Bagi **Kolej Komuniti Semporna**, Kementerian telah mengangkat projek perolehan tanah bagi pembangunan kampus ini di bawah Rolling Plan Kelima, RMKe-12 yang telah dibentangkan kepada Bahagian Pembangunan Modal Insan, Kementerian Ekonomi pada 17 Mei 2024 yang lalu.

8. Justifikasi kepada pembelian tanah baharu ini dipertimbangkan berdasarkan beberapa faktor seperti keselamatan, ruang, imej yang merujuk kepada Laporan Teknikal daripada Jabatan Kerja Raya Sabah.

9. Kolej Komuniti Semporna juga dirancang untuk dinaiktaraf menjadi *Sabah Institute of Tourism* (SIT) yang akan menjadi hab latihan, penyelidikan dan inovasi kepada Politeknik dan Kolej Komuniti yang menawarkan program pelancongan dan hospitaliti di negeri Sabah. Kolaborasi berimpak tinggi antara institusi dengan industri juga dapat diperkasa melalui jaringan kerjasama antara institusi, pelajar, komuniti dan industri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU]

TARIKH : 18 JULAI 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 5

SOALAN

DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan sejauh manakah pendekatan dan pemahaman matlamat Pembangunan Lestari diketengahkan dalam kalangan pelajar di Institut Pengajian Tinggi sama ada dalam subjek mata pelajaran ataupun aktiviti ko-kurikulum.

JAWAPAN

Puan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menyahut Matlamat Pembangunan Lestari atau lebih dikenali sebagai *Sustainable Development Goals* (SDG) sejak diperkenalkan oleh *United Nations General Assembly* pada tahun 2015 melalui Dasar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025.

2. Dasar ini adalah selari dengan aspirasi dan visi SDG4 untuk menyediakan sistem pendidikan yang berkualiti melalui penyediaan kemahiran dan pengetahuan yang relevan untuk memenuhi aspirasi negara.

3. Melalui program akademik di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), pembentukan literasi dan penglibatan siswa berkaitan kemampanan dilaksanakan melalui Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Framework,* MQF) sebagai panduan penerapan prinsip pembangunan lestari dalam program akademik.

4. Di samping itu, inisiatif *Experiential Learning and Competency-Based Education Landscape* (**EXCEL**) yang telah **diperkenal pada Oktober 2021** selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG).

5. EXCEL ini merupakan kerangka transformasi program akademik yang mengintegrasi elemen industri, komuniti, penyelidikan dan fleksibiliti dalam menghasilkan graduan yang mempunyai atribut dan kemahiran yang diperolehi dari pembelajaran berasaskan pengalaman dan pendidikan berasaskan kompetensi.

6. Semua IPT perlu merujuk kepada kerangka EXCEL dalam membangunkan program-program akademik baharu yang fokus kepada pengalaman pembelajaran di industri ataupun mengikut keperluan masyarakat bagi meningkatkan prestasi pelajar serta mewujudkan perubahan sosial yang positif.

7. Sebagai contoh, **pelajar yang mengikuti Program Bacelor Sains dan Teknologi Alam Sekitar di Universiti Putra Malaysia (UPM) perlu mengikuti Kursus Kajian Lapangan Alam Sekitar Bersepadu**. Kursus ini akan meningkatkan keupayaan pelajar dengan mengaplikasikan pengetahuan dalam SDG 11 Bandar dan Masyarakat yang mampan dan SDG 13 Tindakan Iklim.

8. Selain itu, KPT juga menerapkan pendekatan dan pemahaman matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals,* SDGs) melalui *Service-Learning* Malaysia – *University for Society* atau **SULAM**.

9. Program SULAM memberikan pengalaman praktikal kepada pelajar dalam mengaplikasi prinsip-prinsip SDGs melibatkan projek komuniti. Pelajar dibimbing untuk menggunakan kemahiran berfikir

kritis, analitikal dan kreatif untuk mencari penyelesaian terbaik dalam menyokong pencapaian SDGs di peringkat tempatan.

10. KPT juga telah menjajarkan semua aktiviti ko-kurikulum di IPT dengan merangka Teras Pembangunan Komuniti melalui *Students For Society* (S4S) merangkumi khidmat sosial, pengurusan kemanusiaan, pendidikan berkualiti, advokasi kepimpinan, kesihatan dan kesejahteraan serta kelestarian alam sekitar.

11. Akhirnya, pada tahun 2024, sebanyak 286 program peringkat kebangsaan di bawah penyelarasan KPT yang menepati hasrat Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) telah dilaksanakan di peringkat Universiti Awam (UA) melibatkan seramai 16,547 orang pelajar dari Januari 2024 sehingga 31 Mei 2024.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 18 JULAI 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 11

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar antarabangsa yang diterima menuntut di UiTM (Universiti Teknologi Mara) setiap tahun bagi tahun 2013 hingga 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilan pelajar antarabangsa ini merupakan salah satu syarat untuk UiTM berada QS *World University Rankings.*

2. Contohnya, pada tahun 2019 UiTM berada di tangga 751 – 800 dan telah melonjak ke tangga 555 pada tahun 2023 dalam QS *World University Rankings.*

3. Pengambilan pelajar antarabangsa turut menjadi salah satu elemen dalam pengukuran bagi *Malaysia Research Assessment* atau lebih dikenali sebagai MyRA.

4. Justeru pelajar antarabangsa di UiTM hanya melibatkan peringkat pasca siswazah sahaja. Jumlah pelajar antarabangsa di UiTM yang diterima setiap tahun bagi tahun 2019 hingga 2023 adalah:

    i. Bagi tahun 2019 adalah seramai 276 orang pelajar,

    ii. Bagi tahun 2020 adalah seramai 547 orang pelajar,

    iii. Bagi tahun 2021 adalah seramai 1241 orang pelajar,

    iv. Bagi tahun 2022 adalah seramai 1,873 orang pelajar, dan

    v. Bagi tahun 2023 adalah seramai 1,634 orang pelajar.

5. Peningkatan enrolmen pelajar antarabangsa peringkat pasca siswazah menunjukkan bahawa UiTM semakin menjadi pilihan di peringkat antarabangsa selari dengan hasrat universiti ke arah *Global Renowned University* menjelang 2025 (GRU 2025).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN RUSHDAN BIN RUSMI
[PADANG BESAR]

TARIKH : 18 JULAI 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 16

SOALAN

TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [PADANG BESAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tahap pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA Pindaan 2022) di institusi politeknik dan kolej komuniti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara umumnya kesemua politeknik patuh kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA Pindaan 2022). Ini berdasarkan faktor kematangan pengoperasian politeknik yang sentiasa dipantau dan dinilai dalam banyak aspek oleh pelbagai badan dan agensi dari masa ke masa, sebagai contoh, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan *Engineering Technology Accreditation Council* (ETAC).

2. Di kolej komuniti, pematuhan kepada Akta ini turut diberi perhatian dan penekanan terutamanya bagi kolej komuniti yang beroperasi di premis sendiri, yang mempunyai kemudahan bengkel dan makmal

seperti bengkel kerja perabot, makmal jahitan, makmal komputer dan sebagainya.

3. Kebanyakan politeknik juga telahpun menghantar staf bagi mendapatkan pensijilan *OSH Coordinator*, dan mulai tahun 2024, pihak Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) mula menawarkan program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) sebagai salah satu program di bawah inisiatif Pentauliahan Profesional (PP) kepada para pensyarah.

4. Sebagai tambahan, politeknik juga telah mewajibkan kursus OSH kepada pelajarnya bagi menyokong OSH MP 25 dan terdapat beberapa politeknik yang telah mempunyai OSH MS 45001.

5. Selain itu, dalam usaha ke arah pematuhan OSH, kebanyakan peralatan berperakuan baharu di politeknik dan kolej komuniti juga didaftarkan melalui platform MyKKP yang disediakan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), iaitu seperti alat bejana tekanan tak berapi.

6. Sebagai peneraju institusi TVET unggul negara, politeknik dan kolej komuniti sedaya upaya akan patuh kepada sebarang akta dan peraturan yang menyokong TVET, terutama sekali bagi perkara-perkara yang meletak tinggi aspek keselamatan dan kesihatan dalam lapangan pekerjaan.

7. Justeru, mengambil serius perkara ini, keperluan untuk menyediakan seorang pegawai dengan portfolio khusus bagi OSH di setiap politeknik dan kolej komuniti akan diperhalusi dan disegerakan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR]

TARIKH : 18 JULAI 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 48

SOALAN

TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh mana pembaharuan yang telah dijalankan terhadap institusi TVET di seluruh negara sejajar dengan keperluan industri terutama dalam memberi jaminan penempatan kerja kepada para graduan TVET serta meningkatkan kebolehpasaran mereka. Dan apakah bentuk penyelarasan yang akan dibuat bagi mengelakkan pertindihan kursus melibatkan TVET.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara dasarnya, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 - 2025 (PPMPT) di bawah Lonjakan 1 telah menekankan mengenai graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang, manakala Lonjakan 4 fokus kepada graduan TVET yang berkualiti.

2. Tambahan daripada itu, Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 (PSKG) telah disediakan oleh Kementerian ini bagi menyokong pelaksanaan Lonjakan 1 dan 4 dalam PPMPT. Melalui PSKG 2021-2025, KPT memberi penekanan mengenai strategi pengukuhan kolaborasi dalam pembangunan akademik serta meningkatkan kebolehpasaran graduan yang berimpak tinggi. Ia secara spesifik fokus kepada pemerkasaan hubungan industri dalam pendidikan tinggi termasuk TVET.

3. Melalui strategi memperkasa TVET, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh KPT bersama industri Antaranya:

   (i) pemerkasaan ekosistem TVET negara melalui pengukuhan kolaborasi industri peringkat nasional di bawah inisiatif Majlis TVET Negara (MTVET) iaitu *Government-Industry Coordination Body* (GITC).

   (ii) mempelbagai pendekatan kolaborasi industri dalam penyediaan kurikulum holistik melalui pendekatan mod pembelajaran *industry-led training atau Work-Based Learning (WBL)*, 2u2i dan pelaksanaan *Structured Internship Programme* (SIP) serta program *Apprenticeship* yang dilaksanakan oleh Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN).

   (iii) memperkukuh institusi TVET berdasarkan konsep *Industry on Campus (IOC)* di Politeknik dan Kolej Komuniti serta *teaching factory* melalui Program *Industry@University* di universiti awam. Selain itu, program *CEO@PolyCC* dan *CEO@Faculty* di universiti turut dilaksana bagi membolehkan CEO industri terkemuka berkongsi pengalaman dan pengetahuan dengan pelajar dan pensyarah institusi TVET.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI
[SUNGAI PETANI]

TARIKH : 18 JULAI 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 55

SOALAN

DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi menyemak imbang perbelanjaan Institut Pendidikan Tinggi yang dibekalkan melalui Belanjawan Tahunan agar tidak digunakan untuk hal-hal yang tidak mustahak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan mengekalkan pemberian geran mengurus tahunan kepada semua Universiti Awam (UA). Kaedah penyaluran geran mengurus berasaskan keperluan emolumen UA dan siling indikatif (SI) Anggaran Perbelanjaan Mengurus (ABM) tahunan ini ditetapkan oleh Kementerian Kewangan (MOF). Penyaluran dilakukan sebanyak empat (4) kali setahun seperti mana ketetapan yang digariskan dalam P.B 1.2 Anggaran Perbelanjaan Persekutuan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan menampung **100% keperluan emolumen bagi Universiti Penyelidikan (RU)**. Manakala bagi **Universiti Bukan Penyelidikan (NON-RU)** pula, **100% keperluan emolumen dan sebahagian keperluan non-emolumen** diberikan oleh Kerajaan bagi pengoperasian universiti seperti penyelenggaraan dan pembaikan kecil, perhubungan dan utiliti serta sewaan. Perbelanjaan selebihnya ditampung menggunakan **sumber dalaman universiti** masing-masing melalui aktiviti penjanaan pendapatan UA.

3. Antara langkah yang diambil bagi menyemak imbang perbelanjaan Institusi Pendidikan Tinggi yang dibekalkan melalui Belanjawan Tahunan ialah melalui pelaksanaan **Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Akaun dan Kewangan (JPKA)** yang diadakan secara sukuan sepertimana yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan (PP) PS 5.1: Garis Panduan Pelaksanaan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (Pindaan 2024).

4. Dalam hal yang berkaitan, peruntukan Seksyen 5 Akta 240 menyatakan, penyata kewangan bagi semua Badan Berkanun Persekutuan (BBP) perlu diaudit oleh Ketua Audit Negara (KAN).

5. Seksyen 8 Akta 240 pula memperuntukkan bahawa Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan (LTPK) BBP yang telah diaudit hendaklah dibentangkan di Parlimen dengan segera. Hal ini untuk memastikan pelaporan prestasi program atau aktiviti dan penyata kewangan BBP dibuat secara teratur berdasarkan amalan tadbir urus terbaik dan sewajarnya memberikan gambaran yang benar dan saksama serta menepati masa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI [RAUB]

TARIKH : 18 JULAI 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 81

SOALAN

TUAN CHOW YU HUI [RAUB] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :

(a) bilangan pelajar negara asing yang memegang sijil seperti AUSMAT, A-Level, IB, GaoKao China diterima untuk mengambil kursus sarjana muda di IPTA dan UITM sejak tahun 2019 sehingga 2024; dan

(b) bilangan pelajar tersebut mengikut pecahan IPTA, negara asal dan sijil kelayakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a)

1. Merujuk kepada data dari 14 Universiti Awam (UA), bilangan pelajar warganegara asing dengan pelbagai sijil seperti AUSMAT, A-Level, IB, GaoKao China dan telah diterima untuk mengambil kursus sarjana muda sejak tahun 2019 hingga 2024 adalah seramai **5,936 pelajar**.

(b)

2. Pelajar-pelajar antarabangsa atau warganegara asing yang melanjutkan pengajian di Universiti Awam negara ini mempunyai sijil kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia seperti A-Level, UK A-Level, Singapore A-Level, Brunei A-Level, Advance Level dan International Baccalaureate (IB).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]

TARIKH : 18 JULAI 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 94

SOALAN

TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :

(a) perancangan Kementerian untuk merombak sistem pengajian tinggi di Malaysia agar dapat melahirkan lebih banyak tenaga kerja berkemahiran tinggi bagi memenuhi keperluan pasaran; dan

(b) kadar pengangguran dalam kalangan siswazah tempatan dalam tempoh 2 tahun selepas tamat pengajian mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa prihatin dan mengambil berat tentang perancangan semasa dan akan datang dalam memastikan Malaysia mampu melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang mencukupi bagi memenuhi keperluan pasaran tenaga kerja masa hadapan.

2. Antara reformasi pendidikan tinggi yang telah dilaksanakan oleh KPT adalah melalui **penubuhan Jawatankuasa Menyemak dan Mengkaji Semula Dasar Pendidikan Tinggi Nasional *(National Higher Education Policy Review Committee - NRC)*** pada tahun 2023.

3. NRC telah mengenal pasti sebanyak 58 cadangan penambahbaikan yang terdiri daripada 28 cadangan bersifat transformatif, 12 cadangan *quick wins* dan 18 inisiatif pemboleh daya atau *enablers*.

4. NRC juga mengemukakan cadangan pindaan dan penambahbaikan kepada tujuh (7) akta dan 11 dasar, selain cadangan empat (4) dasar baharu. Bagi cadangan yang bukan berada di bawah bidang kuasa KPT dan melibatkan Kementerian, Jabatan atau Agensi lain, cadangan tersebut akan diangkat kepada Kementerian, Jabatan atau Agensi berkenaan.

5. Berkaitan dengan kadar pengangguran dalam kalangan siswazah tempatan, hasil laporan NRC juga akan dijadikan sebagai input dan asas dalam pembangunan pelan pendidikan tinggi baharu bagi menggantikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) serta membina asas dalam membangunkan strategi pendidikan tinggi untuk Rancangan Malaysia akan datang.

6. Berdasarkan data rasmi dari Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) KPT, bilangan graduan yang belum bekerja selepas enam (6) bulan menamatkan pengajian adalah:

   (i) 41,467 orang atau 14.5 peratus daripada 286,299 graduan warganegara pada tahun 2021;

   (ii) 29,099 orang atau 9.8 peratus daripada 295,962 graduan warganegara pada tahun 2022; dan

   (iii) 1,106 orang atau 10.2 peratus daripada 304,466 graduan warganegara pada tahun 2023.Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU ISMAIL [KUBANG PASU]

TARIKH : 18 JULAI 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 100

SOALAN

DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU ISMAIL [KUBANG PASU] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perancangan dan langkah Kerajaan bagi memastikan tenaga kerja masa depan agenda kecerdasan buatan (AI) yang dijangka menjangkau lebih 20,000 orang menjelang tahun 2028 dapat dicapai sungguhpun dalam aspek pendidikan dan pembangunan tenaga kerja Fakulti AI ditubuhkan di UTM untuk memenuhi keperluan berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah merangka beberapa inisiatif penting untuk memastikan tenaga kerja masa depan dalam bidang kecerdasan buatan (AI) mencapai sasaran melebihi 20,000 orang menjelang tahun 2028.

2. Dalam konteks ini, pelbagai inisiatif sedang dilaksanakan di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Inisiatif-inisiatif ini antaranya merangkumi:

i. **penubuhan Fakulti AI (FAI) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM)** yang menawarkan program Sarjana Muda Kecerdasan Buatan dengan Kepujian. Program ini dijangka memulakan pengambilan pelajar pertama pada Oktober 2024 dan akan diikuti oleh program-program lain berkaitan AI yang akan ditawarkan di universiti awam dan swasta.

ii. **penubuhan *Malaysia AI Consortium* (MAIC)**,

iii. pelancaran **Hala Tuju Bakat AI Malaysia 2024-2030** yang merangkumi perancangan jangka pendek, sederhana, dan panjang dalam pembangunan ekosistem AI yang menyeluruh dengan kerjasama antara universiti dan industri untuk melahirkan lebih ramai pakar dalam bidang AI. Perincian perancangan awal Hala Tuju Bakat AI Malaysia 2024-2030 ini merangkumi:

a) Program Inkubasi AI untuk *Startup*,

b) AI Talent Exchange Program,

c) *Hackathon* dan Kompetensi AI,

d) Kerjasama Antarabangsa dalam Penyelidikan AI,

e) AI Career Pathway Counseling,

f) AI Ethics and Governance Program,

g) AI in Public Sector Internship Program,

h) AI Talent Community Hub,

i) Pembangunan Modul AI Berdasarkan Projek Nyata,

j) AI Industry Fellowship.

Sekian, terima kasih.

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2024

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DAN JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BUKAN LISAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

NO. SOALAN : NO. 30

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan pensyarah atau kakitangan institusi pengajian tinggi awam yang muflis dan adakah ia bercanggah dengan kos etika perilaku dan nyatakan sebab seorang muflis yang berhutang kepada pelajar-pelajar dilantik mengetuai Jabatan Kardiotorasik Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan adakah ia mengharumkan reputasi UiTM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, secara keseluruhannya sehingga Jun 2024, terdapat 25 orang pensyarah atau kakitangan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) yang pernah diisytihar muflis.

2. Merujuk kepada pelantikan seorang profesor kontrak di Jabatan Kardiotorasik, Fakulti Perubatan Universiti Teknologi MARA (UiTM), isu ini telah diberi maklum balas melalui kenyataan media pihak UiTM sebelum ini.

3. Pihak UiTM telah pun mengambil tindakan yang sewajarnya berkenaan situasi penama. Antaranya membuat semakan status penama dengan Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM). Hasil semakan, Jabatan Insolvensi Malaysia tiada halangan untuk pelantikan ini dibuat selagi mana prosedur dan syarat-syarat yang telah ditetapkan dipatuhi.

4. Untuk makluman, khidmat dan kepakaran yang disumbangkan oleh beliau dalam membantu proses penubuhan jabatan Kardiotorasik UiTM telah pun selesai dan beliau kini bukan lagi berkhidmat di Jabatan Kardiotorasik, Fakulti Perubatan UiTM.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN (KUCHING)

NO. SOALAN : NO. 53

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN (KUCHING) minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pelan Kementerian untuk menambah baik dan meminda AUKU untuk memberikan lebih banyak autonomi kepada persatuan-persatuan mahasiswa di setiap universiti termasuk universiti awam dan juga perancangan untuk universiti swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] atau dikenali sebagai AUKU baharu sahaja dipinda semasa sesi Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Ke-15 pada bulan April 2024 lalu. Pada masa ini, pindaan tersebut dalam proses pewartaan di peringkat Parlimen dan Jabatan Peguam Negara.

2. Mengikut perancangan semasa, Akta tersebut dicadangkan untuk dikuatkuasakan pada sidang akademik 2024/2025 yang dijadualkan pada Oktober 2024.

3. Di dalam pindaan tersebut, terdapat enam (6) peruntukan utama yang telah dipinda dan dua (2) daripada pindaan tersebut memberikan autonomi kepada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Persatuan Mahasiswa iaitu memberi kebenaran kepada MPP dan

Badan Pelajar untuk memungut wang atau menerima sumbangan; dan MPP dibenarkan untuk menyelenggara kumpulan wang (akaun).

4. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) percaya, dua (2) pindaan ini dapat memberi autonomi kepada MPP dan Badan Pelajar terutamanya dalam pengurusan kewangan di mana selama ini mereka tidak dibenarkan untuk menerima dan memungut wang serta menyelenggara akaun bank MPP dan Badan Pelajar itu sendiri.

5. Selain itu, KPT juga dalam usaha untuk memperluas Agenda Pemerkasaan Mahasiswa di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dengan kerjasama pihak Hal Ehwal Pelajar di IPTS.

6. Kementerian juga sedang meneliti cadangan untuk meminda Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] secara menyeluruh bagi memastikannya kekal relevan dan memenuhi keperluan semasa sektor pendidikan tinggi di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI]

NO. SOALAN : NO. 65

SOALAN

TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan:

(a) sama ada terdapatnya peningkatan harga ubat bagi penyakit mental seperti schizophrenia, bipolar disorder dan anxiety disorder dan lain-lain di hospital-hospital pengajar disebabkan penarikan subsidi bagi ubatan tersebut; dan

(b) sekiranya ada, alasan di sebalik penarikan subsidi tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Ubat-ubatan bagi penyakit mental seperti *schizophrenia*, *bipolar disorder* dan *anxiety disorder* tersenarai di bawah kedua-dua kategori iaitu formulari dan NF dengan **penetapan caj untuk ubat-ubatan ini adalah tertakluk kepada pihak berkuasa Universiti** masing-masing.

2. Sebagai contoh, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Universiti Kebangsaan Malaysia (HCTM UKM) telah melaksanakan **rasionalisasi subsidi ubat NF mulai 1 Mac 2024 termasuk ubat-ubatan untuk pesakit mental.**

3. Rasionalisasi ini terpaksa diambil memandangkan secara purata HCTM telah menanggung perbelanjaan subsidi lebih RM2.5 juta setiap tahun dan jumlah ini dijangka akan meningkat bergantung kepada harga ubat di pasaran. Walau bagaimanapun, masih terdapat ubat kategori fomulari untuk pesakit mental yang tidak terlibat dengan rasionalisasi subsidi ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG]

NO. SOALAN : NO. 120

SOALAN

DR. RICHARD RAPU @ AMAN ANAK BEGRI [BETONG] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah jenis program pengajian dan penyelidikan yang akan ditawarkan oleh Fakulti Kejuruteraan Kecerdasan Buatan (AI), dan bagaimana Fakulti ini merancang untuk menjana keupayaan tempatan dalam bidang teknologi AI.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) melalui Fakulti Kejuruteraan Kecerdasan Buatan (AI) menawarkan program-program pengajian:

1. **Sarjana Muda, Sarjana, dan Kedoktoran:** Bermula dengan penawaran Program Sarjana Muda Kecerdasan Buatan pada tahun 2024, Fakulti AI akan turut menawarkan program pengajian pada peringkat, sarjana dan kedoktoran pada masa akan datang.

2. **Kursus Profesional dan Latihan**: Direka khusus untuk melengkapkan graduan dan profesional dengan kemahiran praktikal dan teknikal dalam industri AI.

3. Fakulti AI di UTM juga akan bekerjasama dengan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) **dan Swasta (IPTS) untuk membangunkan program pengajian berkaitan AI** di institusi masing-masing supaya permintaan bakat AI negara dapat dipenuhi secara bersama.

4. Fakulti AI akan menjalankan penyelidikan berorientasikan industri dan berpusatkan kemanusiaan, merangkumi bidang-bidang seperti industri pembuatan, kewangan, kesihatan, pertanian, tenaga boleh diperbaharui, keselamatan, ekonomi, dan perubahan iklim.

5. UTM telah menghasilkan pelbagai inovasi berteraskan kecerdasan buatan seperti robotik untuk industri, aplikasi perubatan dan kesihatan, serta perisian pintar. Contoh produk termasuk *ARTECH INSPECTO, A2TECH X3CATOR,* dan aplikasi *DIANA Hologram* Pintar.

6. Penubuhan Fakulti AI adalah bersifat merentas disiplin ilmu dan melibatkan tenaga pakar dari pelbagai fakulti seperti Fakulti Komputeran, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, dan lain-lain. Ini bagi memastikan pendekatan holistik dan komprehensif dalam pengajaran dan penyelidikan AI.

7. Fakulti ini juga akan bekerjasama dengan pemain industri AI dan IPT lain untuk memastikan pendidikan dan latihan yang diberikan relevan dengan keperluan semasa industri. Ini termasuk penubuhan Konsortium Pakar AI yang bertujuan untuk menggembleng kepakaran dan sumber daya dari pelbagai pihak.

Melalui pelbagai inisiatif ini, Fakulti Kecerdasan Buatan di UTM berharap dapat membangunkan bakat tempatan yang kompeten dalam bidang AI dan meningkatkan daya saing digital negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]

NO. SOALAN : NO. 132

SOALAN

DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL (BUKIT GANTANG) minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengenai perancangan dan inisiatif Kementerian terhadap pembangunan kemahiran anak tempatan dalam industri semikonduktor yang mempunyai permintaan tinggi di Malaysia dan global.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Industri semikonduktor merupakan salah satu pengkhususan utama di bawah bidang elektrik dan elektronik (E&E). Pada masa ini, terdapat lebih kurang 71 program peringkat sarjana muda bidang E&E yang ditawarkan di 16 **Universiti Awam (UA)**.

2. Manakala, **Politeknik dan Kolej Komuniti** menawarkan 19 program pengajian dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, iaitu tujuh (7) program di peringkat Diploma Kejuruteraan di 20 Politeknik dan tujuh (7) program peringkat Diploma Teknologi dan empat (4) peringkat Sijil Teknologi di 25 Kolej Komuniti. Politeknik juga bakal menawarkan satu (1) program baharu Ijazah Sarjana Muda dalam

bidang Kejuruteraan Elektrik (secara *Work-Based Learning*) mulai Sesi 1 2024/2025.

3. Bagi menangani kekurangan bakat dalam sektor E&E, pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh KPT, antaranya:

(i) **Program Inkubator Penyelidikan dan Serap Industri KPT (MOHE *Research and Industry-infused Incubator* – MRI3)** untuk membangunkan bakat berpengetahuan dan berkemahiran bertepatan dengan keperluan industri E&E.

(ii) Melantik Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai Ketua **Konsortium Elektrik & Elektronik Universiti Malaysia (CEE)** bagi pelaksanaan program MRI3 melibatkan 19 buah Universiti Awam bersama 27 syarikat.

(iii) Menandatangani **Memorandum Persefahaman (MOU) antara KPT dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)** pada 7 Mei 2024, berasaskan pembangunan tenaga kerja mahir antara KPT dengan tiga (3) syarikat terkemuka iaitu Micron Memory Malaysia Sdn. Bhd., Stellantis Gurun (Malaysia) Sdn. Bhd. dan Inari Technology Sdn. Bhd.

(iv) Mengadakan **sesi libat urus dengan syarikat-syarikat semikonduktor di Malaysia** untuk mengenalpasti pengetahuan, kemahiran dan keperluan spesifik yang tidak dirangkum oleh kurikulum sedia ada universiti. Ini membolehkan KPT merangka intervensi seperti *Industry Talent Bootcamp*.

(v) Menganjurkan kejohanan bertaraf antarabangsa di peringkat kebangsaan, iaitu ***FIRA Malaysia Cup*** yang memperkenal bidang "*Autonomous Robot*" di Malaysia melalui pertandingan robotik melibatkan bidang elektrik dan elektronik untuk mencungkil serta mengasah kemahiran peserta yang terdiri daripada pelajar Politeknik, Kolej Komuniti dan pelajar Sekolah Menengah dalam bidang elektronik seperti *robotics, sensor fusion, intelligent control, communication, image processing, mechatronics, computer technology, artificial life*.

(vi) Melaksanakan inisiatif ***Structured Industry Apprenticeship Program (SIAP) for IC Design*** untuk merapatkan jurang perbezaan antara kurikulum universiti dan industri melalui penerapan modul *IC Design* dalam silibus IPT.

(vii) Melaksanakan ***MOHE-Intel Elite Internship Program (MIEIP)*** sebagai inisiatif KPT bersama rakan strategik syarikat Intel untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan IPT dalam bidang *IC Design* melalui latihan industri pelajar di Syarikat Intel.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [KALABAKAN]

NO. SOALAN : NO. 220

DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [Kalabakan] minta **MENTERI PENDIDKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian akan mempertimbangkan penambahan peruntukan dalam menangani isu krisis air di Universiti Malaysia Sabah memandangkan kapasiti air yang dihasilkan dari projek sedia ada masih tidak dapat menampung keperluan semasa warga universiti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi Universiti Malaysia Sabah (UMS), terdapat peruntukan tambahan RM5 juta khusus bagi menangani isu air di UMS pada tahun 2024.

2. Buat masa ini, KPT sedang melaksanakan projek pembinaan tangki imbangan air UMS berkapasiti 3 hingga 5 juta liter yang telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Pertama Tahun 2021, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP1, RMKe-12).

3. Kementerian juga telah meluluskan dan menyiapkan projek pencarian sumber air alternatif melalui pembinaan 8 buah *tube well* air bawah tanah di UMS yang turut melibatkan pembinaan sistem penapisan dan perpaipan kepada kolej-kolej kediaman pelajar.

4. Malah projek menaik taraf dan penggantian paip infra di UMS Kampus Induk juga sedang dilaksanakan di bawah Projek Penyelenggaraan IPTA tahun 2024.

5. Setakat ini, pihak KPT meminta Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Pusat dalam memberi fokus kepada pembinaan loji baru untuk menambah sumber air untuk jangka masa panjang.

6. Pada masa yang sama, pihak Jabatan Air Negeri Sabah juga berusaha membanteras penyambungan paip haram agar bekalan air ke UMS dapat distabilkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN]

NO. SOALAN : NO. 240

SOALAN

DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kadar enrolmen pelajar di peringkat pendidikan tinggi di dalam dan luar negara bagi lima tahun terakhir, iaitu daripada tahun 2019 sehingga 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan sistem *MyMohes* di KPT, bilangan enrolmen pelajar Universiti Awam (UA), Politeknik dan Kolej Komuniti bagi tahun 2019, 2020, 2021, 2022 dan 2023 adalah seperti berikut:

    a. **UA** seramai 567,625 pelajar pada 2019 diikuti 584,576 pelajar pada 2020, 589,879 pada 2021, 595,570 pada tahun 2022 dan 593,101 pada 2023.

    b. **Politeknik** pula seramai 96,362 pelajar pada 2019 diikuti 85,936 pelajar pada 2020, 84,556 pada 2021, 77,816 pada tahun 2022 dan 79,504 pada 2023.

c. **Kolej Komuniti** seramai 26,118 pelajar pada 2019 diikuti 16,152 pelajar pada 2020, 15,578 pada 2021, 15,239 pada tahun 2022 dan 16,611 pada 2023.

2. Berdasarkan data Pejabat *Education* Malaysia Luar Negara serta penaja dan Pejabat Kedutaan Malaysia di Luar Nagera, bilangan pelajar Malaysia di luar negara bagi tahun 2019 adalah seramai 73,314 pelajar, tahun 2020 seramai 39,882 pelajar, tahun 2021 seramai 56,253 pelajar, tahun 2022 seramai 54,440 pelajar dan tahun 2023 seramai 56,468 pelajar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN]

NO. SOALAN : NO. 243

SOALAN

Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [Kemaman] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan komitmen pihak Kementerian terhadap cadangan untuk menubuhkan sebuah institusi pendidikan tinggi di Kemaman seiring dengan pembangunan industri di kawasan tersebut serta pertambahan populasi penduduk dari tahun ke tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian sentiasa komited dalam menyediakan akses pendidikan tinggi kepada rakyat melalui penubuhan Universiti Awam (UA), politeknik dan kolej komuniti.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat bulan Jun 2024, di negeri Terengganu, terdapat dua belas (12) buah IPTA yang terdiri dua (2) buah Universiti Awam, empat (4) buah politeknik dan enam (6) buah kolej komuniti. Sebagai tambahan, terdapat tiga (3) buah cawangan Universiti Teknologi MARA di negeri Terengganu dengan perincian seperti berikut:

Universiti Awam	1. Universiti Malaysia Terenganu 2. Universiti Sultan Zainal Abidin
Politeknik	1. Politeknik Kuala Terengganu 2. Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin 3. Politeknik Hulu Terengganu 4. Politenik Besut Terengganu
Kolej Komuniti	1. Kolej Komuniti Kemaman 2. Kolej Komuniti Kuala Terengganu 3. Kolej Komuniti Besut 4. Kolej Komuniti Kuala Terengganu Cawangan Setiu 5. Kolej Komuniti Kuala Terengganu Cawangan Hulu Terengganu 6. Kolej Komuniti Cawangan Kuala Terengganu Cawangan Kuala Nerus
Universiti Teknologi MARA	1. Universiti Teknologi MARA Cawangan Kuala Terengganu 2. Universiti Teknologi MARA Cawangan Dungun 3. Universiti Teknologi MARA Cawangan Bukit Besi

3. Penubuhan kesemua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) ini dijangka mampu menampung keperluan pendidikan tinggi di Terengganu secara keseluruhannya.

4. Selain itu, pertimbangan untuk kelulusan penubuhan IPTA turut mengambilkira beberapa faktor, antaranya ialah kajian mengenai keperluan pasaran semasa, kepadatan penduduk, peruntukan kewangan, perjawatan kejat serta keperluan industri setempat.

5. Justeru, Kementerian berpandangan bahawa kewujudan IPTA di sekitar Terengganu masih mampu menampung permintaan bakal pelajar di dalam bidang TVET bagi kawasan Kemaman.

6. Pada masa yang sama, pihak Kementerian juga akan terus berusaha memperluaskan akses TVET bagi menyumbang kepada kemajuan

sosio-ekonomi seluruh masyarakat di Terengganu melalui pendidikan yang relevan selaras dengan dasar nasional pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

NO. SOALAN : NO. 249

SOALAN

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan senarai nama institusi pengajian tinggi dan universiti di negara China yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan langkah-langkah Kerajaan menggalakkan pelajar Malaysia menuntut ilmu di China.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan akreditasi program dan kelayakan pendidikan tinggi yang ditawarkan oleh Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di Malaysia berdasarkan pematuhan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework*, MQF). MQA juga turut melaksanakan piawaian program selain berperanan sebagai rujukan standard kelayakan kebangsaan.

2. Untuk kelayakan luar negara, ia mestilah diiktiraf oleh badan berautoriti di negara asal manakala bagi kelayakan atau program pengajian profesional, pengiktirafan adalah mengikut perakuan dari badan profesional tempatan yang berkaitan. Senarai kelayakan dan

IPT yang diiktiraf di China boleh disemak di www.campuschina.org/universities/index.html.

3. Pelajar atau graduan yang mempunyai kelayakan luar negara termasuk China boleh memohon mendapatkan pengesahan pengiktirafan daripada MQA dengan melengkapkan borang NT01.

4. MQA juga secara berterusan mengambil pelbagai inisiatif untuk memudahkan pengiktirafan bersama, menggalakkan kerjasama dalam pendidikan tinggi serta memudahkan mobiliti akademik kedua-dua negara. Antaranya, *Mutual Recognition Agreement* (MRA) antara Kerajaan Malaysia dan *People's Republic of China* berkaitan "*Framework Agreement to Facilitate Mutual Recognition in Academic Higher Education Qualifications*" telah ditandatangi pada 28 April 2011.

5. Satu Memorandum Persefahaman (MoU) bersama *Chinese Service Center for Scholarly Exchange* (CSCSE) turut ditandatangani pada 26 April 2024 untuk memperkuat kerjasama dalam bidang jaminan kualiti dan penilaian dalam sektor pendidikan.

6. Dalam menggalakkan pelajar Malaysia menuntut ilmu di China juga, **sokongan dan perlindungan pelajar melalui penubuhan Pejabat *Education Malaysia* Beijing** turut dilaksanakan sejak tahun 2008. Sehingga Mac 2024, **Program Pembangunan Sahsiah pelajar Malaysia** turut merekodkan seramai 3,881 pelajar Malaysia sedang melanjutkan pengajian di China.

7. **Penyediaan biasiswa atau bantuan kewangan Pendidikan, kerjasama akademik dan pertukaran pelajar**, **kerjasama industri dan program berbentuk Promosi dan penerangan** turut diadakan.

8. Dengan langkah-langkah yang diambil ini, Kerajaan dapat meningkatkan minat dan keyakinan pelajar Malaysia untuk melanjutkan pelajaran di China, serta memastikan mereka mendapat manfaat maksimum daripada pengalaman pendidikan di luar negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG]

NO. SOALAN : NO. 262

SOALAN

TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bahawa sejak tahun 2020, berapa jumlah penginapan pelajar baharu yang telah dibina atau ditambah di universiti-universiti awam di seluruh negara untuk menampung kemasukan pelajar yang semakin meningkat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak tahun 2020, KPT telah melaksanakan tiga (3) buah projek melibatkan pembinaan penginapan pelajar baharu di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA).

2. Tiga buah projek tersebut adalah seperti berikut:

   (i) Pembinaan Kolej Kediaman Pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Bachok untuk kapasiti 3,000 pelajar,

   (ii) Pembinaan Asrama Pelajar di Politeknik Tun Syed Nasir, Pagoh, Johor untuk kapasiti 700 pelajar, dan

(iii) Pembinaan KAMSIS Politeknik Sandakan, Sabah melibatkan kapasiti 700 pelajar.

3. Bagi memastikan kemudahan penginapan pelajar dapat dioptimumkan, KPT sentiasa menyelaras keperluan terhadap cadangan pelaksanaan projek-projek pembinaan dan naik taraf asrama atau kolej kediaman bersama Kementerian Ekonomi dalam memastikan setiap permohonan projek di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) terutamanya yang melibatkan projek Pemulihan, Pemuliharaan, Ubah Suai dan Naik Taraf (PPUN) diberi keutamaan untuk dimohon dalam RP RMKe-12 yang berikutnya tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan.

4. KPT akan meneruskan pelaksanaan pembinaan kolej kediaman secara PPP/PFI bersama Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS, JPM).

3. Selain itu, semua IPTA juga sentiasa berusaha untuk menyediakan ruang penginapan kepada pelajar melalui kaedah penyewaan atau pembelian bangunan sedia ada di sekitar kawasan kampus bagi memastikan aspek kebajikan pelajar dapat diutamakan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

NO. SOALAN : NO. 264

SOALAN

Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan serta peratusan pelajar-pelajar STPM dan Matrikulasi yang berjaya memasuki IPTA berbanding dengan jumlah keseluruhan pelajar STPM dan Matrikulasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menyelaras kemasukan pelajar lepasan SPM dan STPM/Setaraf ke 20 Universiti Awam (UA), 36 Politeknik, 105 Kolej Komuniti dan empat (4) Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) bagi program Sijil, Asasi, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.

2. Pada **sesi akademik 2023/2024**, jumlah permohonan kemasukan pelajar Lepasan STPM/Setaraf ke UA adalah sebanyak 118,143. Daripada jumlah tersebut, 79,646 calon Lepasan STPM/Setaraf telah ditawarkan ke UA bagi program pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda.

3. Kadar penawaran ke Program Ijazah Sarjana Muda Universiti Awam bagi Lepasan STPM/Setaraf pada sesi akademik 2023/2024 adalah sebanyak 79,646 tawaran berbanding 118,143 permohonan layak dengan kadar kejayaan 83.61%. Jumlah calon yang berjaya

ditawarkan ke UA adalah seramai 20,690 (42.12%) untuk aliran sains, manakala 28,431 (57.88%) adalah daripada aliran sastera. Kadar kejayaan pelajar STPM/Setaraf yang memohon ke UA adalah sebanyak 83.61%.

4. Pada **sesi akademik 2022/2023**, jumlah permohonan kemasukan pelajar Lepasan STPM/Setaraf ke UA adalah sebanyak 115,477. Daripada jumlah tersebut, 77,081 calon Lepasan STPM/Setaraf telah ditawarkan ke UA bagi program pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda.

5. Kadar penawaran ke Program Ijazah Sarjana Muda Universiti Awam bagi Lepasan STPM/Setaraf pada sesi akademik 2022/2023 adalah sebanyak 77,081 tawaran berbanding 90,745 permohonan layak dengan kadar kejayaan 84.94%. Jumlah calon yang berjaya ditawarkan ke universiti awam adalah seramai 19,703 (40.92%) untuk aliran sains, manakala 25,784 (53.55%) adalah daripada aliran sastera. Kadar kejayaan pelajar STPM/Setaraf yang memohon ke universiti awam adalah sebanyak 84.94%.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK
[KUALA NERUS]

NO. SOALAN : NO. 310

SOALAN

DATO DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (KUALA NERUS) minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan statistik hasil penyelidikan atau prototaip teknologi kesihatan yang dihasilkan melalui kajian universiti dan telah menarik minat pemberi dana tempatan dan luar negara dari tahun 2013 hingga 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Daripada 160 hasil penyelidikan atau prototaip yang dilaporkan oleh universiti berkaitan bidang teknologi perubatan, 48 hasil penyelidikan telah mendapat minat dan potensi kerjasama dengan industri tempatan. Antara produk yang telah dihasilkan dan dilesenkan secara eksklusif ialah *Portable and Wearable Tidal Peritoneal Dialysis System (Peritocare), Bedside Rapid Point-of-Care Biosensor Kit for Sepsis and Bacterial Infection Detection (Sepsidot) dan Silver-Loaded Synthesized Zeolite from Natural Kaolinite as Antibacterial Agent*.

2. *Peritocare* yang dijalankan oleh penyelidik UKM ialah Sistem Dialisis Peritoneal Pasang Mudah Alih dan Boleh Dipakai yang mempunyai ciri peranti mesin mudah alih, ringan dan kecil serta mempunyai keupayaan IOT di mana data dari mesin boleh dihantar ke awan dan terus ke hospital.

3. Selain itu, projek berkaitan teknik rawatan Brakiterapi HyBIRT yang dijalankan oleh penyelidik di USM merupakan kaedah yang membolehkan pesakit kanser lidah dirawat tanpa perlu menjalani pembedahan pemotongan. Lebih daripada 70 orang pesakit telah menerima rawatan menggunakan kaedah ini sejak ia diperkenalkan. Teknik ini memberikan impak positif dan sinar harapan kepada pesakit serta mencegah kematian akibat kanser lidah.

4. *Prototaip MyCancer Apps*, aplikasi yang boleh mengesan gejala awal kanser, yang dibangunkan penyelidik UTHM juga telah berjaya membina kerjasama dengan Hospital Al-Sultan Abdullah, UiTM serta telah menarik minat beberapa pusat perubatan dan mendapat tajaan geran luar.

5. Sehingga kini terdapat, enam HICoE dalam bidang Penjagaan Kesihatan dan Perubatan (*Healthcare and Medicine*) seperti berikut:

	HICoE	**IPT**
1	Institut Perubatan Molekul UKM (UMBI)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
2	Institut Penyelidikan Perubatan Molekul (INFORMM)	Universiti Sains Malaysia (USM)
3	Institute of Microengineering and Nanoelectronics (IMEN)	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
4	Center of Intelligent Signal & Imaging Research (CISIR)	Universiti Teknologi Petronas (UTP)
5	Institut Penyelidikan Dadah dan Ubat-Ubatan (CDR)	Universiti Sains Malaysia (USM)
6	Tropical Infectious Diseases Research & Education Centre (TIDREC)	Universiti Malaya (UM)

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI]

NO. SOALAN : NO. 409

SOALAN

Tuan Chiew Choon Man [Miri] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan:

(a) sama ada Kementerian dapat memberi pertimbangan untuk membina kampus cawangan IPTA di Miri seperti yang terdapat di Sibu dan Bintulu; dan

(b) sama ada Kementerian dapat meletakkan Miri sebagai pilihan apabila ingin memilih tapak baru untuk membina atau memindah Politeknik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

12. Kementerian sentiasa komited dalam menyediakan akses pendidikan tinggi kepada rakyat melalui penubuhan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) yang merangkumi Universiti Awam (UA), politeknik dan kolej komuniti.

13. Setakat bulan Jun 2024, di negeri Sarawak terdapat sebelas (11) IPTA yang terdiri daripada satu (1) buah Universiti Awam, tiga (3) buah politeknik dan tujuh (7) buah kolej komuniti yang sedang

beroperasi. Sebagai tambahan, terdapat juga dua (2) cawangan Universiti Awam seperti perincian berikut:

Universiti Awam	1. Universiti Malaysia Sarawak
Politeknik	1. Politeknik Kuching Sawarak 2. Politeknik Mukah 3. Politeknik Metro Betong Sarawak
Kolej Komuniti	1. Kolej Komuniti Kuching 2. Kolej Komuniti Mas Gading 3. Kolej Komuniti Miri 4. Kolej Komuniti Sarikei 5. Kolej Komuniti Santubong 6. Kolej Komuniti Betong 7. Kolej Komuniti Sarikei Cawangan Sibu
Cawangan Universiti Awam	1. Universiti Malaysia Sarawak Cawangan Bintulu 2. Universiti Putra Malaysia Cawangan Bintulu

14. Selain itu, pertimbangan untuk kelulusan penubuhan politeknik atau kolej komuniti mengambilkira beberapa faktor antaranya kajian keperluan pasaran semasa, kepadatan penduduk, peruntukan kewangan, perjawatan kejat serta keperluan industri setempat.

15. Justeru, Kementerian berpandangan kewujudan IPTA di sekitar Sarawak masih mampu menampung permintaan bakal pelajar di dalam bidang TVET bagi kawasan Miri.

16. Pihak Kementerian akan terus berusaha memperluas akses TVET bagi menyumbang kepada kemajuan sosio-ekonomi seluruh masyarakat di Sarawak melalui pendidikan yang relevan selaras dengan dasar nasional pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN [PAGOH]

NO. SOALAN : NO. 434

SOALAN

TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN [PAGOH] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan secara terperinci :

(a) Statistik terkini jumlah keseluruhan pelajar di semua IPTA serta jumlah dan peratusan komposisi kaum pelajar di setiap IPTA; dan

(b) Jumlah dan peratusan komposisi kaum pelajar yang mengikuti kursus-kursus profesional seperti undang-undang, perubatan, perakaunan, kejuruteraan, seni-bina dan lain-lain di setiap IPTA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan sistem MyMohes Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), **bilangan *enrolmen* pelajar warganegara Malaysia di IPTA** merangkumi Universiti Awam (UA), Politeknik dan Kolej Komuniti adalah:

    a. seramai 545,244 pelajar di **UA** pada 2023 berbanding 551,082 pelajar pada tahun 2022,

b. seramai 79,504 pelajar di **Politeknik** pada 2023 berbanding 77,816 pelajar pada tahun 2022, dan
c. 16,611 pelajar di **Kolej Komuniti** pada 2023 berbanding 15,239 pelajar pada tahun 2022.

2. Pecahan **bilangan enrolmen pelajar IPTA mengikut kategori Bumiputera dan Bukan Bumiputera** pada tahun 2023 adalah:

a. seramai 472,794 Bumiputera dan 72,450 Bukan Bumiputera di **UA**.
b. seramai 69,407 Bumiputera dan 10,097 Bukan Bumiputera di **Politeknik**.
c. seramai 14,940 Bumiputera dan 1,671 Bukan Bumiputera di **Kolej Komuniti.**

3. Berdasarkan Sistem MyMoheS KPT juga, pada tahun 2023, pelajar warganegara Malaysia yang sedang mengikuti bidang undang-undang, perubatan, perakaunan, perauditan dan percukaian, kejuruteraan dan tred kejuruteraan serta seni-bina mengikut kategori Bumiputera dan Bukan Bumiputera adalah:

a. Bidang undang-undang di UA bagi Bumiputera adalah seramai 8,072 dan Bukan Bumiputera seramai 1,423,

b. Bidang perubatan di UA bagi Bumiputera adalah seramai 9,406 dan Bukan Bumiputera adalah 4,181 orang pelajar,

c. Perakaunan, perauditan dan percukaian di UA bagi Bumiputera adalah seramai 21,742 orang pelajar manakala Bukan Bumiputera seramai 2,593 pelajar. Di Politeknik pula Bumiputera adalah seramai 4,033 pelajar, berbanding Bukan Bumiputera seramai 1,211 orang pelajar.

d. Kejuruteraan dan tred kejuruteraan di UA bagi Bumiputera adalah seramai 57,480 orang pelajar dan Bukan Bumiputera pula 12,141 orang pelajar. Di Politeknik pula Bumiputera adalah seramai 30,193 orang pelajar dan Bukan Bumiputera seramai 3,564 orang

pelajar. Kolej Komuniti mencatatkan jumlah Bumiputera seramai 5,074 dan Bukan Bumiputera seramai 404 orang pelajar.

e. Seni bina di UA bagi Bumiputera adalah seramai 3,482 pelajar manakala Bukan Bumiputera sejumlah 735 pelajar. Di Politeknik pula, bilangan Bumiputera adalah seramai 1,271 dan Bukan Bumiputera adalah 120 orang pelajar. Kolej Komuniti bagi Bumiputera seramai 957 orang pelajar dan Bukan Bumiputera pula 74 orang pelajar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI (RAUB)

NO. SOALAN : NO. 540

SOALAN

TUAN CHOW YU HUI (RAUB) minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan rancangan selanjutnya untuk mengembalikan hak autonomi mahasiswa selepas pindaan AUKU 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] atau dikenali sebagai AUKU baharu sahaja dipinda semasa sesi Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Ke-15 pada bulan April 2024 lalu. Pada masa ini, Akta pindaan tersebut dalam proses pewartaan di peringkat Parlimen dan Jabatan Peguam Negara.

2. Mengikut perancangan semasa, Akta tersebut dicadangkan untuk dikuatkuasakan pada sidang akademik 2024/2025 yang dijadualkan pada bulan Oktober 2024.

3. Pindaan terhadap AUKU 2023 ini dijangka memberikan kuasa yang lebih besar kepada mahasiswa dalam pelbagai aspek termasuk pengurusan organisasi mahasiswa, aktiviti dalam dan luar kampus, serta menyelenggara kewangan mahasiswa. Pindaan ini juga dilihat

sebagai satu langkah penting dalam memperkukuhkan budaya demokrasi dan keterbukaan di Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia.

4. Sehubungan itu, universiti-universiti awam dalam fasa bersiap bersedia untuk membantu para pelajar dalam menjayakan Agenda Pemerkasaan Mahasiswa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

NO. SOALAN : NO. 585

SOALAN

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar yang diambil oleh setiap Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) melalui kategori Matrikulasi, STPM, pengambilan terus atau laluan lain bagi tahun 2022, 2023 dan 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa memberikan komitmen dalam memastikan pelajar Lepasan SPM dan STPM berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat pendidikan tinggi.

2. Pemilihan untuk calon Pelajar Lepasan STPM untuk ke universiti adalah setara dan dinilai berdasarkan kelayakan calon. Proses penyetaraan ini dibuat bagi mengiktiraf kedua-dua kurikulum yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menyediakan bakal mahasiswa di Universiti Awam (UA). Penyetaraan ini juga bagi memastikan kedua-dua kumpulan calon bersaing secara adil dengan pemohon yang lain.

3. Kementerian mengamalkan prinsip meritokrasi dengan mengambil kira **90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum** dalam

proses pemilihan pelajar ke UA bagi kedua-dua lepasan SPM dan STPM. Berdasarkan prinsip ini, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira **kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal** diberi peluang untuk mengikuti pengajian di UA. Kejayaan calon untuk memperoleh tawaran bergantung kepada susunan merit, memenuhi syarat Am dan syarat Khas serta bilangan tempat yang disediakan oleh UA.

4. Pada Sesi Akademik 2023/2024, UPU Online® menerima **118,143 permohonan Lepasan STPM/Setaraf** dan daripada jumlah tersebut, **95,259** calon memenuhi syarat Am dan layak dipertimbangkan. Antara **syarat Am** perlu dipenuhi oleh calon adalah memperolehi **CGPA 2.00 di peringkat STPM/Setaraf**, memperolehi **kepujian dalam Bahasa Melayu dan Lulus Sejarah di peringkat SPM** dan **memiliki MUET sekurang-kurangnya Band 1/ Band 1.0.**

5. Pada **Sesi Akademik 2023/2024**, terdapat **8,044 calon cemerlang Lepasan STPM/Setaraf** mendapat **CGPA 4.00**. Manakala pada **Sesi Akademik 2022/2023** iaitu seramai **8,109** calon cemerlang Lepasan STPM/Setaraf telah mendapat CGPA 4.0. Perbezaan ini menyebabkan persaingan untuk mendapatkan tempat di UA yang terhad dan persaingan untuk mendapat tempat adalah menjadi sangat kompetitif.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN]

NO. SOALAN : NO. 647

SOALAN

DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perkembangan terkini berhubung garis panduan pemberian elaun latihan industri supaya para pelajar tidak menjadi buruh paksa dan perancangan untuk memastikan mereka diberikan elaun dengan kadar yang bermaruah, khususnya di sektor swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Merujuk kepada *Khazanah Research Institute* (KRI) melalui kertas kajian *The Internship Experience and its Returns: Effects on Young Bachelors' Employability,* bilangan graduan yang menjalani latihan industri meningkat merentasi bidang pengajian iaitu dari 69 peratus pada tahun 2010 kepada 88.4 peratus pada 2019.

2. Selaras dengan peningkatan tersebut, terdapat keperluan untuk menyediakan lebih banyak penempatan bagi pelajar menjalani latihan industri yang akan mendedahkan mereka kepada dunia sebenar pekerjaan.

3. Dalam merealisasikan hasrat kerajaan untuk melahirkan sumber keperluan tenaga kompeten yang dapat memenuhi kehendak majikan dan industri, KPT telah mengambil inisiatif melaksanakan Kajian Impak dan Hala Tuju Dasar Latihan Industri (LI) Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) bagi menilai dan menambah baik Dasar LI 2010 sedia ada.

4. Kajian yang dijangka akan dimuktamadkan pada September 2024 ini akan mengenal pasti impak dan keberkesanan Dasar Latihan Industri Institusi Pendidikan Tinggi 2010 seterusnya membangunkan dasar Latihan Industri yang baharu. Penambahbaikan dasar ini akan dapat memastikan program latihan industri yang dilaksanakan sejajar dengan perkembangan terkini dalam ekosistem pendidikan tinggi dan juga keperluan semasa teknologi dan industri.

5. Kementerian juga berharap agar pelaksanaan dasar ini mampu menangani isu kemudahan, perlindungan dan pembayaran elaun latihan industri kepada pelajar-pelajar serta memastikan syarikat lebih proaktif dan mengambil pendekatan yang serius dalam pembangunan kemahiran bakat muda bagi memastikan kelestarian keperluan sumber manusia syarikat sentiasa mencukupi.

6. Penglibatan syarikat yang lebih aktif bagi menyediakan penempatan latihan industri pelajar juga akan dapat memperkasakan jaringan kerjasama di antara pihak akademia dan industri dalam usaha membangunkan ekosistem pasaran buruh yang dipacu oleh keperluan industri semasa secara efektif.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU]

NO. SOALAN : NO. 710

SOALAN

TUAN ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :

a. bilangan kemasukan pelajar baru serta bilangan graduan dalam jurusan STEM di seluruh negara bagi 2019 hingga 2023; dan

b. kadar kebolehpasaran graduan STEM di Malaysia termasuklah statistik mereka yang bekerja mengikut bidang pengajian masing-masing.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan sistem MyMohes di KPT, bagi tahun 2019 hingga tahun 2023, keseluruhan bilangan kemasukan pelajar STEM di Universiti Awam adalah seramai 443,003, diikuti Politeknik seramai 140,192 dan Kolej Komuniti seramai 40,801 pelajar.

2. Berdasarkan sistem yang sama, keseluruhan bilangan keluaran pelajar STEM di Universiti Awam adalah seramai 353,245 diikuti Politeknik seramai 139,857 dan Kolej Komuniti seramai 36,037 pelajar bagi tahun 2019 hingga tahun 2023.

3. Manakala bagi kadar kebolehpasaran graduan STEM di Malaysia dan statistik mereka yang bekerja mengikut bidang pengajian masing-masing, data rasmi Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) KPT menunjukkan kadar respons bagi tahun 2023 untuk graduan STEM IPTA adalah 95.1%, iaitu 102,424 orang daripada 107,739 graduan warganegara.

4. Kadar kebolehpasaran graduan warganegara yang terdiri daripada graduan STEM IPTA merekodkan 95.1%, iaitu meningkat sebanyak 0.4% berbanding 94.7% pada tahun 2022. Bagi graduan STEM IPTA yang bekerja dalam bidang pada 2023 adalah 60.2% berbanding 58.3% pada tahun sebelumnya.

Sekian, terima kasih.

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2024

DEWAN RAKYAT

[14 OKTOBER HINGGA 12 DISEMBER 2024]

ATURAN URUSAN MESYUARAT

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

14 OKTOBER HINGGA 12 DISEMBER 2024

PERTANYAAN JAWAB LISAN – 50 PERTANYAAN

MINGGU PERTAMA – 3 PERTANYAAN

14 OKTOBER 2024 (ISNIN) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

15 OKTOBER 2024 (SELASA) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

16 OKTOBER 2024 (RABU) – 3 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	17	PR-1533-L27056 **Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian bersedia untuk mengkaji kadar sedia ada Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) yang berjumlah RM1,500 bagi memastikan jumlah tersebut relevan dengan kos sara hidup semasa untuk digunakan sebagai persediaan para pelajar sebelum mendaftar ke IPTA dan politeknik.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
2.	45	PR-1533-L27074 **Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail [Bandar Tun Razak]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengikut "Landasan Tahun Baharu Kementerian Pendidikan Tinggi 2024", melalui program-program perkaderan kepemimpinan muda (Nurturing Young Leaders) merupakan salah satu saranan. Nyatakan mengikut statistik terkini perkembangan program-program tersebut.
3.	6	PR-1533-L27028 **Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bagaimana Kementerian memilih pelajar-pelajar untuk memasuki sesuatu kursus dalam institusi-institusi pengajian tinggi secara terus (bayaran yuran penuh) dan secara biasa (bayaran yuran disubsidikan oleh Kerajaan). Nyatakan jumlah dan peratusan pelajar yang dimasukkan ke universiti-universiti awam secara terus dan secara biasa.

17 OKTOBER 2024 (KHAMIS) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

MINGGU KEDUA – 6 PERTANYAAN

21 OKTOBER 2024 (ISNIN) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

22 OKTOBER 2024 (SELASA) – 6 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	21	PR-1533-L26514 **Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan secara terperinci berkenaan :

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
		(a) pola penyertaan para pelajar pengajian tinggi dalam kursus-kursus melibatkan bidang sains, teknologi dan matematik (STEM); dan (b) unjuran graduan kursus STEM lima tahun ke hadapan dan penyelesaian kepada isu ketandusan bakat dan graduan dalam bidang ini.
2.	11	PR-1533-L26668 **Puan Syerleena binti Abdul Rash [Bukit Bendera]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan : (a) perancangan Kementerian untuk mengurangkan hutang PTPTN, memandangkan terdapat 430,000 peminjam yang telah menamatkan pengajian masih belum membayar pinjaman, dengan jumlah terkumpul mencecah RM6 bilion; dan (b) apakah langkah yang sedang dipertimbangkan untuk membantu mereka membayar balik pinjaman di tengah kos sara hidup yang meningkat.
3.	33	PR-1533-L26534 **Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan inisiatif susulan yang diambil Kementerian selain penubuhan fakulti AI di UTM bagi melahirkan graduan untuk memenuhi keperluan industri seperti kecerdasan buatan (AI) yang memerlukan 200 ribu pakar menjelang 2030 memandangkan 1,800 graduan setahun berjaya dilahirkan melibatkan 13 universiti.
4.	35	PR-1533-L27362 **Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pinjaman dan jumlah pelajar Sarawak yang telah mendapat kemudahan pinjaman PTPTN sejak ia diperkenalkan dan nyatakan berapa orang peminjam yang telah gagal membayar balik pinjaman serta apakah tindakan yang telah dan akan diambil.
5.	36	PR-1533-L26737 **Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar yang sedang

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
		mengikuti kursus asasi dan ijazah sarjana muda di Universiti Malaya. Berapa jumlah mahasiswa yang disediakan tempat penginapan di asrama dan apakah rancangan Kementerian untuk menangani permintaan tempat penginapan yang semakin meningkat.
6.	34	PR-1533-L26463 **Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah inisiatif Kementerian bagi menggalakkan pembayaran balik pinjaman PTPTN memandangkan dilaporkan seramai 430,000 peminjam gagal membuat bayaran balik pinjaman pendidikan dengan tunggakan sebanyak RM6 bilion.

23 OKTOBER 2024 (RABU) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

24 OKTOBER 2024 (KHAMIS) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

MINGGU KETIGA – 7 PERTANYAAN

28 OKTOBER 2024 (ISNIN) - 7 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	18	PR-1533-L27283 **Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh mana keberkesanan kaedah pemotongan gaji automatik melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berasaskan Income Contingent Loan (ICL) dalam meningkatkan kutipan balik hutang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), memandangkan kutipan hutang yang belum dijelaskan berjumlah RM6 bilion.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
2.	25	PR-1533-L26755 **Tuan Edwin anak Banta [Selangau]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kajian yang telah dilakukan untuk memastikan bahawa kursus pengajian di institusi pendidikan tinggi tidak bertindih dan relevan dengan keperluan industri, serta bagaimana kajian ini mempengaruhi penawaran program di Sarawak.
3.	29	PR-1533-L27094 **Tuan Chow Yu Hui [Raub]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan dan peratus kategori peperiksaan (seperti STPM, matrikulasi, A-level, Ausmat, Gaokao dan lain-lain) yang diterima oleh universiti awam dalam saluran *direct intake* dari tahun 2018-2024.
4.	9	PR-1533-L26412 **Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan memandangkan umur pengundi sekarang pada 18 tahun, adakah IPT dalam Malaysia mempunyai satu kursus atau program khas untuk memupuk dan meningkatkan kesedaran mereka terhadap sistem demokrasi dan tanggungjawab sebagai seorang warganegara Malaysia.
5.	35	PR-1533-L26923 **Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar kategori kurang berkemampuan yang telah diterima masuk ke universiti awam mengikut pecahan kaum sejak 2018 dan apakah langkah intervensi Kementerian bagi membantu kemasukan pelajar miskin ini ke universiti selain penangguhan bayaran yuran pendaftaran mereka.
6.	36	PR-1533-L27586 **Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa jumlah pelajar dari kawasan Parlimen Segamat yang menerima tawaran melanjutkan pengajian ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dalam tempoh lima tahun yang lepas. Nyatakan pecahan mengikut kaum, iaitu Melayu, Cina, dan India.
7.	49	PR-1533-L27301 **Tuan Lo Su Fui [Tawau]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jaminan meningkatkan pengambilan mahasiswa berasal

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
		dari Sabah dan Sarawak bagi jurusan perubatan untuk menangani masalah kekurangan Doktor pakar, di mana ketika ini sistem perkhidmatan kesihatan dalam keadaan hampir runtuh kerana tidak mampu menampung keperluan hampir 4 juta penduduk di Sabah.

29 OKTOBER 2024 (SELASA) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

MINGGU KEEMPAT – 1 PERTANYAAN

4 NOVEMBER 2024 (ISNIN) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

5 NOVEMBER 2024 (SELASA) – 1 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	16	PR-1533-L27088 **Tuan Chow Yu Hui [Raub]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan kemasukan pelajar dari STPM, Matrikulasi, Asasi, Saluran Terbuka ke universiti awam berdasarkan pecahan universiti dan kaum (iaitu Bumiputera Sabah, Bumiputera Sabah Lain, Bumiputera Sarawak, Bumiputera Sarawak Lain, Melayu, Orang Asli, Cina, India dan Lain-Lain) pada sesi akademik 2023/2024 dan 2024/2025.

6 NOVEMBER 2024 (RABU) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

MINGGU KELIMA – 14 PERTANYAAN

11 NOVEMBER 2024 (ISNIN) – 6 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	1	PR-1533-L27522 **Tuan Chong Zhemin [Kampar]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah hutang PTPTN setakat September 2024 dan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengutip hutang PTPTN.
2.	13	PR-1533-L27372 **Tuan Pang Hok Liong [Labis]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan : (a) jumlah hutang keseluruhan yang terakru atau terhutang oleh pelajar di bawah pinjaman PTPTN setakat tahun 2023; dan (b) jumlah keseluruhan peminjam Melayu, Cina dan India setakat tahun 2023 dan peratusan peminjam Melayu, Cina dan India yang berhutang setakat tahun 2023.
3.	19	PR-1533-L27317 **Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar Sarawak yang telah mendapat insentif bayaran balik pinjaman PTPTN dari Kerajaan Sarawak sejak diperkenalkan hingga kini dan berapa jumlah bayaran yang telah diterima oleh PTPTN sejak Memorandum Persefahaman

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
		(MoU) Insentif Bayaran Balik Pinjaman PTPTN Anak Sarawak dimeterai dengan Yayasan Sarawak pada 5 Mac 2021.
4.	34	PR-1533-L27149 **Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [Kemaman]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah status terkini Pelan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026-2035 dan siapakah pemegang taruh yang dilibatkan di dalam proses ini.
5.	9	PR-1533-L27490 **Tuan Mordi Bimol [Mas Gading]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jenis serta bilangan kes penipuan melibatkan institusi pendidikan tinggi swasta yang telah diambil tindakan oleh pihak berkuasa sejak tahun 2019 hingga kini dan apakah langkah penguatkuasaan yang telah diambil untuk memastikan penipuan seperti ini tidak berulang.
6.	40	PR-1533-L27112 **Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan, khususnya dalam menangani isu graduan yang bekerja di luar bidang pengajian mereka, dan bagaimana Kementerian memastikan kurikulum akademik selaras dengan keperluan pasaran kerja semasa.

12 NOVEMBER 2024 (SELASA) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

13 NOVEMBER 2024 (RABU) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS) – 8 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	17	PR-1533-L26102 **Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan selaras dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan bakat dapat dibangunkan dalam sektor-sektor kritikal seperti sektor teknologi dan sektor kejuruteraan.
2.	10	PR-1533-L26327 **Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah yang akan dilakukan oleh Kementerian dalam usaha mendapatkan kembali hutang PTPTN daripada 430,000 peminjam yang telah menamatkan pengajian di institut pendidikan tinggi (IPT) sehingga kini mencecah RM6 bilion.
3.	17	PR-1533-L26994 **Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan penjelasan mengenai kegagalan pihak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk mengesan 430,000 peminjam yang masih belum membayar balik pinjaman melibatkan jumlah bernilai RM6 bilion dan apakah tindakan yang dipertimbangkan oleh Kementerian terhadap para peminjam yang culas ini.
4.	26	PR-1533-L26107 **Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa peratus siswa dan siswi yang mengambil jurusan pendidikan sama ada lepasan UPSI, IPG atau universiti-universiti awam yang lain yang sehingga kini masih lagi menganggur dan belum mendapat pekerjaan.
5.	30	PR-1533-L26229 **Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan : (a) statistik terkini pelajar IPTA yang tercicir akibat tidak berjaya menamatkan pengajian mengikut universiti; dan (b) apakah punca dan tindakan pihak IPTA bagi mengatasi masalah ini.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
6.	10	PR-1533-L26405 **Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [Bagan Serai]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam menghasilkan pemimpin di peringkat pentadbiran universiti yang berkualiti dan mempunyai wawasan yang jelas dalam membangunkan negara melalui pembangunan bakat berpengetahuan tinggi, profesional, kreatif dan inovatif.
7.	38	PR-1533-L26250 **Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan : (a) adakah benar berlakunya pengurangan jumlah pengambilan pelajar baru di UiTM Jengka; dan (b) sekiranya ya, mohon penjelasan daripada pihak Kementerian berkenaan asbab berlakunya serta langkah-langkah yang diambil bagi menaikkan kembali bilangan pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi.
8.	5	PR-1533-L26571 **Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk menyediakan program holistik berkaitan Pengurusan Halal sebagai nilai tambah kepada mahasiswa terutama dalam bidang pengurusan perniagaan, pengurusan hotel dan pelancongan dan sains gunaan.

MINGGU KEENAM – 4 PERTANYAAN

18 NOVEMBER 2024 (ISNIN) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

19 NOVEMBER 2024 (SELASA) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

20 NOVEMBER 2024 (RABU) – 4 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	2	PR-1533-L26386 **Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil bagi menyelesaikan isu pinjaman PTPTN berikutan laporan akhbar menyatakan 430,000 mahasiswa gagal membayar hutang PTPTN.
2.	28	PR-1533-L26404 **Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad (Bagan Serai]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah bentuk pemantauan dan pengukuran prestasi (KPI) yang dibuat oleh Kementerian dalam memastikan setiap universiti awam di Malaysia berada di landasan tepat dalam menyelesaikan masalah masyarakat dan membentuk graduan yang berkualiti.
3.	35	PR-1533-L26569 **Dato' Sri Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah terdapat kajian terperinci Kerajaan dalam merangka strategi untuk mengatasi *underemployment* dalam kalangan graduan secara lebih holistik mengambil kira trend kadar guna tenaga tidak penuh siswazah.
4.	12	PR-1533-L26763 **Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin (Jerantut]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan dari 430,000 peminjam yang tidak membayar hutang PTPTN : (a) berapa jumlah peminjam PTPTN yang sudah bekerja dan gajinya sudah melebihi RM3,000 tetapi tidak pernah membuat sebarang pembayaran balik kepada PTPTN; dan (b) jumlah di antara peminjam ini yang berasal dari kawasan Jerantut.

21 NOVEMBER 2024 (KHAMIS) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

MINGGU KETUJUH – 3 PERTANYAAN

25 NOVEMBER 2024 (ISNIN) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

26 NOVEMBER 2024 (SELASA) – 3 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	9	PR-1533-L27326 **Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menjalankan kerjasama dengan pihak PTPTN bagi golongan usia pertengahan berkategori B40 dan M40 untuk kembali belajar melalui pengiktirafan pembelajaran APEL A, APEL C dan APEL Q.
2.	22	PR-1533-L26643 **Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan : (a) adakah hasrat Kementerian untuk mengambil tindakan undang-undang kepada 430,000 peminjam PTPTN akan dilaksanakan; dan (b) apakah hasrat tersebut tidak bercanggah dengan janji Pakatan Harapan yang mahu memberikan pendidikan percuma kepada rakyat Malaysia.
3.	42	PR-1533-L26821 **Tuan Sabri bin Azit [Jerai]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pendirian terkini Kementerian berkaitan status quo UITM khususnya untuk program pendidikan lanjutan bidang kardiotoraks.

27 NOVEMBER 2024 (RABU) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

28 NOVEMBER 2024 (KHAMIS) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

MINGGU KELAPAN – 9 PERTANYAAN

2 DISEMBER 2024 (ISNIN) – 6 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	9	PR-1533-L27519 **Tuan Chong Zhemin [Kampar]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar STPM yang ditawarkan tempat di universiti awam dalam pecahan kursus.
2.	2	PR-1533-L27148 **Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [Kemaman]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pencapaian yang berjaya dicapai pada setiap tahun bermula tahun 2015 sehingga Ogos 2024 bagi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).
3.	17	PR-1533-L27029 **Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah tempat di setiap universiti awam dan kursus yang ditetapkan untuk kemasukan pelajar secara terus (bayaran yuran penuh). Adakah standard untuk kemasukan kepada sesuatu universiti awam dan kursus secara terus berlainan dengan kemasukan biasa (yuran disubsidikan oleh Kerajaan).
4.	20	PR-1533-L27007 **Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [Kuala Kangsar]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan impak keculasan

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
		peminjam dalam membuat bayaran balik pinjaman mereka terhadap beban kewangan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan apakah pandangan Kementerian mengenai kemampanan kewangan PTPTN yang diibaratkan sebagai bom jangka dalam tempoh 20 tahun lagi.
5.	27	PR-1533-L26823 **Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan maklumat tentang bidang fisioterapi : (a) berapa jumlah bilangan enrolmen pelajar bidang fisioterapi peringkat diploma dan ijazah sarjana muda di seluruh institusi pendidikan awam dan swasta seluruh negara dalam setahun; dan (b) berapa bilangan graduan fisioterapi 5 tahun kebelakang dan unjuran 5 tahun.
6.	32	PR-1533-L26617 **Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kesediaan Kementerian terutamanya politeknik untuk bekerjasama dengan Kerajaan negeri dalam memacu bidang pendidikan TVET.

3 DISEMBER 2024 (SELASA) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

4 DISEMBER 2024 (RABU) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

5 DISEMBER 2024 (KHAMIS) – 3 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	35	PR-1533-L27150 **Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [Kemaman]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha berterusan pihak Kementerian dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan terutamanya daripada universiti awam (UA) agar setanding dengan kadar kebolehpasaran graduan TVET.
2.	27	PR-1533-L26364 **Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan : (a) adakah Kementerian bercadang mewajibkan subjek Agama Islam di IPTA dan IPTS khususnya kepada mahasiswa Muslim ; dan (b) bagaimana Kerajaan merancang untuk memantau pelaksanaan pengurangan jam pembelajaran subjek Agama Islam di universiti dan memastikan kualiti subjek ini tidak terjejas.
3.	43	PR-1533-L27308 **Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perancangan dalam menyediakan kadar minima elaun kepada pelajar yang menjalani latihan industri (internship) sebelum menamatkan pengajian.

MINGGU KESEMBILAN – 3 PERTANYAAN

9 DISEMBER 2024 (ISNIN) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

10 DISEMBER 2024 (SELASA) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

11 DISEMBER 2024 (RABU) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
1.	2.	PR-1533-L27125 **Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bagaimana pihak Kerajaan : (a) memastikan bayaran balik hutang PTPTN dalam kalangan peminjam; dan (b) pelan untuk mewujudkan model pinjaman pendidikan baharu yang lebih mampan untuk generasi masa hadapan.
2.	19	PR-1533-L27027 **Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengapa setiap tahun ada pelajar-pelajar cemerlang STPM yang mendapat A dalam semua mata pelajaran dengan CGPA 4.0 tetapi tidak ditawarkan kursus pilihan pertama mereka. Adakah Kementerian mengamalkan sistem kuota kemasukan kepada sesuatu kursus terutamanya kursus-kursus profesional membezakan pelajar-pelajar daripada aliran Matrikulasi dan aliran STPM.
3.	9	PR-1533-L27092 **Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pendirian Kementerian berkenaan yuran pendaftaran kemasukan pelajar-pelajar di universiti awam yang membebankan golongan ibu bapa B40.

12 DISEMBER 2024 (KHAMIS) – TIADA PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Lisan
TIADA PERTANYAAN		

PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

22 PERTANYAAN

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan
1.	98	PR-1533-T11158 **Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching [Beaufort]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa jumlah institusi pendidikan tinggi di Malaysia yang menawarkan kursus pengajian tetapi tidak memperoleh perakuan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Apakah usaha Kementerian dalam mengekang permasalahan ini.
2.	159	PR-1533-T10609 **Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim[Gua Musang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Gua Musang dan menyediakan tempat kepada pelajar Orang Asli Gua Musang melalui kaedah kemasukan khas.
3.	173	PR-1533-T11185 **Dato' Rosol bin [Hulu Terengganu]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tindakan yang diambil terhadap peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang belum atau liat menjelaskan hutang pinjaman.
4.	191	PR-1533-T11184 **Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan melalui Sistem Kajian Pengesanan Graduan yang ada pada ketika ini, berapa peratus kadar graduan yang menganggur selepas tamat pengajian dan berapa tempoh masa seorang graduan akan mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian.
5.	203	PR-1533-T10752 **Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [Jempol]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah tindakan Kementerian bagi memastikan ahli akademik tidak mengeluarkan kenyataan mengelirukan masyarakat dan hanya fokus bersandarkan kepakaran masing-masing di samping mengekalkan prinsip "kebebasan akademik" di kalangan pensyarah.
6.	245	PR-1533-T11065 **Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [Kemaman]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan mahasiswa

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan
		yang berdaftar di dalam bidang pengajian sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) pada 2018 sehingga 2023 dan peratusan graduan yang berjaya menghabiskan pengajian mereka dalam bidang tersebut.
7.	246	PR-1533-T11066 **Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [Kemaman]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha Kementerian terhadap enrolmen pelajar ke peringkat pendidikan tinggi di Malaysia yang masih rendah dan berada di belakang Singapura dan Thailand namun pada masa sama merupakan negara di Asia Tenggara yang mempunyai peruntukan tahunan tertinggi bagi sektor pendidikan.
8.	355	PR-1533-T10649 **Tuan Roslan bin Hashim [Kulim Bandar Baharu]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha Kementerian bagi mengatasi seramai 430,000 peminjam PTPTN yang tidak membayar pinjaman.
9.	359	PR-1533-T11168 **Tuan Pang Hok Liong [Labis]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan keputusan siasatan terkini mengenai skandal Chartered Management Institute dan adakah rancangan Kerajaan untuk menutup institut tersebut. Jika tidak, mengapa.
10.	375	PR-1533-T10890 **Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mekanisme pemantauan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian bagi memastikan semua universiti awam mematuhi arahan menerima kemasukan pelajar kurang berkemampuan tanpa bayaran yuran pendaftaran serta apakah langkah yang akan diambil terhadap universiti yang tidak mematuhi arahan tersebut.
11.	405	PR-1533-T11117 **Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin [Masjid Tanah]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perancangan pihak Kerajaan melalui institusi pendidikan tinggi awam dan swasta untuk pemahaman terhadap sistem demokrasi di Malaysia serta kepentingan sebagai pengundi.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan
12.	436	PR-1533-T10910 **Dato' Azman bin Nasrudin[Padang Serai]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan keberkesanan sistem pendidikan tinggi semasa dalam menghasilkan graduan yang memenuhi keperluan industri, serta langkah-langkah untuk menyelaraskan kurikulum dengan tuntutan pasaran kerja.
13.	485	PR-1533-T10540 **Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [Pekan]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan statistik pendeposit Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) mengikut kategori umur dan keseluruhan. Nyatakan jumlah pembiayaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) termasuk statistik Pengecualian Bayaran Balik Pinjaman yang diberikan kepada peminjam yang mendapat Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama.
14.	491	PR-1533-T10746 **Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk meningkatkan jumlah pelajar bidang TVET khususnya kejuruteraan bagi memenuhi permintaan pasaran pekerjaan dalam negara serta mengisi 30,000 kekosongan seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri baru-baru ini.
15.	549	PR-1533-T10986 **Tuan Cha Kee Chin [Rasah]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan maklumat permohonan ke IPTA melalui Unit Pusat Universiti (UPU) : (a) berapa ramai pemohon yang diterima masuk mengikut pilihan pertama dalam permohonan UPU dan berapa ramai yang gagal; dan (b) berapa ramai pemohon yang telah ditawarkan kursus yang bukan dalam pilihan mereka.
16.	554	PR-1533-T11007 **Tuan Chow Yu Hui [Raub]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan dan peratus pelajar yang mengambil kursus perubatan, farmasi, undang-undang, pergigian, perakaunan, ekonomi, kejuruteraan pada pengambilan 2024 mengikut pecahan 20 universiti

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan
		awam dan juga mengikut pecahan STPM, Matrikulasi dan Asasi, saluran terbuka *(direct intake).*
17.	557	PR-1533-T11010 **Tuan Chow Yu Hui [Raub]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan dan peratus pelajar menggunakan saluran terbuka *(direct intake)* ke universiti awam berdasarkan pecahan universiti dan kaum (iaitu Bumiputera Sabah, Bumiputera Sabah Lain, Bumiputera Sarawak, Bumiputera Sarawak Lain, Melayu, Orang Asli, Cina, India dan Lain-Lain) dari tahun 2018 hingga 2024.
18.	609	PR-1533-T11079 **Tuan Azli bin Yusof [Shah Alam]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan : (a) status terkini dan pencapaian pelaksanaan MyBrain2.0 dalam meningkatkan lebih ramai graduan pasca siswazah yang berkemahiran tinggi; dan (b) perincian jumlah permohonan yang diterima bagi program MyBrain2.0 setakat ini dan permohonan yang diluluskan.
19.	634	PR-1533-T10787 **Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan peratusan pelajar luar negara yang mendaftar masuk ke institusi pendidikan tinggi awam dan institusi pendidikan tinggi swasta pada 2023 dan 2024.
20.	652	PR-1533-T11033 **Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar dari Parlimen Sungai Siput yang berjaya mendapat tawaran memasuki universiti awam bagi 2024 mengikut pecahan kaum.
21.	655	PR-1533-T11037 **Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan pengantarabangsaan pendidikan di Malaysia dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan di peringkat global, dan bagaimana usaha ini dapat menarik lebih ramai pelajar antarabangsa ke institusi pendidikan tinggi tempatan.

Bil.	No. Soalan	No. Rujukan dan Pertanyaan Bukan Jawab Lisan
22.	692	PR-1533-T10821 **Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan statistik mengikut IPTA terperinci Kadar Kebolehpasaran Graduan bagi 2019 sehingga 2023.

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2024

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DAN JAWAPAN BAGI PERTANYAAN LISAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

NO. SOALAN : NO. 6

SOALAN

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bagaimana Kementerian memilih pelajar-pelajar untuk memasuki sesuatu kursus dalam institusi-institusi pengajian tinggi secara terus (bayaran yuran penuh) dan secara biasa (bayaran yuran disubsidikan oleh Kerajaan). Nyatakan jumlah dan peratusan pelajar yang dimasukkan ke universiti-universiti awam secara terus dan secara biasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, saluran permohonan bagi pengambilan pelajar ke Universiti Awam (UA) dilaksanakan seperti berikut:

    i. **permohonan diselaraskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)** iaitu **saluran melalui sistem UPUOnline®** dan **bayaran yuran disubsidikan oleh Kerajaan.**

ii. **permohonan diselaraskan oleh UA masing-masing** iaitu:

a. Saluran Ambilan Sendiri (*Direct Intake*) atau Ambilan Kedua (*Second Intake*) dan **bayaran yuran disubsidi oleh Kerajaan.**

b. Saluran Komersial (*Private Wing*) dan **bayaran yuran tanpa subsidi.**

2. Bagi pengambilan pelajar yang diselaraskan oleh KPT, dasar pengambilan pelajar sedia ada dilaksanakan berasaskan kepada **prinsip meritokrasi** dengan mengguna pakai **90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum**. Berdasarkan prinsip ini, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberi peluang untuk mengikuti pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA).

3. Bagi pengambilan pelajar yang dilaksanakan oleh Universiti Awam (UA) pula, ia adalah berdasarkan syarat kemasukan yang ditetapkan dan diluluskan oleh Senat Universiti masing-masing.

4. Berhubung perkara ini, berdasarkan sumber UA, **kemasukan pelajar bagi sesi akademik 2023/2024** adalah seperti berikut:

i. Kemasukan melalui **saluran Perdana (UPUOnline®)** berjumlah 105,064 pelajar.

ii. Kemasukan **Ambilan Sendiri (*Direct Intake*) atau Ambilan Kedua (*Second Intake*)** berjumlah 4,873 pelajar.

iii. Kemasukan **Komersial (*Private Wing*)** berjumlah 12,110 pelajar.

5. Walau bagaimanapun, statistik sebenar bagi tahun 2024 hanya akan diperolehi setelah berakhirnya tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [KALABAKAN]

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

NO. SOALAN : NO. 17

SOALAN

Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian bersedia untuk mengkaji kadar sedia ada Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) yang berjumlah RM1,500 bagi memastikan jumlah tersebut relevan dengan kos sara hidup semasa untuk digunakan sebagai persediaan para pelajar sebelum mendaftar ke IPTA dan politeknik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, kemudahan Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) sebanyak RM1,500 yang disediakan oleh PTPTN kepada pelajar yang layak adalah untuk membantu pelajar golongan B40 membuat persediaan atau perbelanjaan awal untuk mendaftarkan diri ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). WPP ini adalah sebahagian daripada jumlah pinjaman pendidikan yang akan diluluskan.

2. Selari dengan pengumuman YAB Perdana Menteri, merangkap Menteri Kewangan semasa pembentangan Belanjawan 2024,

Kementerian ini telah mengeluarkan arahan kepada Universiti Awam (UA) iaitu bermula Januari 2024, yuran pendaftaran memasuki UA dihadkan tidak melebihi RM1,500. Pada masa yang sama, pelajar yang tidak mampu membayar yuran pengajian tidak akan disekat daripada mendaftar subjek pada setiap semester, di mana bayaran boleh dilunaskan selepas pendaftaran subjek.

3. Mengambil kira arahan tersebut, jumlah WPP sebanyak RM1,500 bagi setiap pelajar adalah mencukupi untuk membantu pelajar membuat persediaan awal, selain yuran pengajian.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK]

TARIKH : 16 OKTOBER 2024 (RABU)

NO. SOALAN : NO. 45

SOALAN

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengikut "Landasan Tahun Baharu Kementerian Pendidikan Tinggi 2024", melalui program-program perkaderan kepemimpinan muda (*Nurturing Young Leaders*) merupakan salah satu saranan. Nyatakan mengikut statistik terkini perkembangan program-program tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana yang disarankan semasa Majlis Landasan Hala Tuju Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) 2024, KPT melalui Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) telah melaksanakan program-program Perkaderan Kepimpinan Muda (*Nurturing Young Leaders*). Antara program yang telah dilaksanakan adalah:

2. Pertama, pelaksanaan **Program Permukiman Siswa dan Latihan Kepimpinan Muda Kebangsaan (KARISMA)** untuk memperkasa

pembinaan karakter pemimpin dalam kalangan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Kesatuan Mahasiswa (KM).

3. Kedua, pelaksanaan **Program Pewaris Bakat Terbaik Negara KPT (PEWARIS TUNAS KARISMA)** melibatkan pelajar tahun pertama sesi akademik 2023/2024 dari 20 Universiti Awam (UA) menerusi modul kenegaraan, pemahaman berkaitan Gagasan Malaysia MADANI serta melatih daya tahan fizikal dan mental mahasiswa.

4. Ketiga, pelaksanaan **Program *Global Student Leadership Summit* 2024 (GSLS 24)** untuk meningkatkan kerjasama di peringkat antarabangsa dalam bidang pembangunan pelajar dan sukarelawan melalui aktiviti-aktiviti persidangan, perbincangan meja bulat dalam kalangan pemimpin mahasiswa dan misi kemanusiaan di peringkat antarabangsa.

5. Keempat, pelaksanaan **Program *International Young Future Leaders Summit* (iFUTURE 2024)** yang merupakan aspirasi KPT untuk memastikan generasi pelapis pemimpin negara ke arah mendokong dan mengarusperdanakan agenda pemerkasaan barisan kepimpinan mahasiswa yang berjiwa MADANI. Seramai 1,322 pelajar telah menyertai program ini yang merangkumi 954 pelajar tempatan melibatkan 20 buah UA dan 27 IPTS/ Politeknik serta 368 pelajar antarabangsa dari 47 buah negara.

6. Kelima, pelaksanaan **Program Kesukarelawanan Mahasiswa**. Sebanyak 447 program kesukarelawanan telah dilaksanakan oleh 20 UA seluruh negara sehingga suku ketiga tahun 2024 yang melibatkan penyertaan seramai 26,181 orang sukarelawan pelajar.

7. Keenam, pelaksanaan **Program "*In Person With Doc Zam*"** yang julung kalinya diperkenalkan berkonsepkan *podcast* secara santai dan pengacaraan interaktif bagi menyuntik inspirasi berharga antara Menteri Pendidikan Tinggi bersama mahasiswa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD DELI [JEMPOL]

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 8

SOALAN

DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD DELI [JEMPOL] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah inisiatif Kementerian bagi menggalakkan pembayaran balik pinjaman PTPTN memandangkan dilaporkan seramai 430,000 peminjam gagal membuat bayaran balik pinjaman pendidikan dengan tunggakan sebanyak RM6 bilion.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk jawab secara bersekali soalan-soalan dari **tujuh (7) orang Yang Berhormat** kerana menyentuh isu yang sama dan berkaitan melibatkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) seperti berikut:

(i) Yang Berhormat **Bukit Bendera**, soalan 23 bertarikh 22 Oktober 2024;

(ii) Yang Berhormat **Kampar**, soalan 1 bertarikh 11 November 2024;

(iii) Yang Berhormat **Tanah Merah**, soalan 10 bertarikh 14 November 2024;

(iv) Yang Berhormat **Ayer Hitam**, soalan 17 bertarikh 14 November 2024;

(v) Yang Berhormat **Kuala Langat**, soalan 2 bertarikh 20 November 2024;

(vi) Yang Berhormat **Beluran**, soalan 22 bertarikh 26 November 2024; dan

(vii) Yang Berhormat **Muar**, soalan 2 bertarikh 11 Disember 2024.

Tuan Yang di-Pertua,

1. Model pembiayaan pinjaman PTPTN adalah bergantung kepada prestasi bayaran balik sebagai sumber utama dana pusingan dalam memastikan kelestarian pembiayaan untuk manfaat peminjam di masa akan datang. Sebarang keperluan atau kekurangan dana bagi tujuan pembiayaan pinjaman PTPTN akan ditampung dengan perolehan dana melalui pinjaman daripada institusi kewangan tempatan, atau melalui pengeluaran sukuk dengan jaminan Kerajaan.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PTPTN telah memberhentikan tindakan penguatkuasaan bayaran balik pinjaman, serta sekatan perjalanan kepada peminjam ingkar semenjak Jun 2018. Walau bagaimanapun, dari masa ke semasa PTPTN mengambil pendekatan untuk mengingatkan peminjam mengenai tunggakan bayaran balik pinjaman serta tanggungjawab mereka untuk membuat bayaran balik pinjaman.

3. Selain itu, PTPTN juga mengambil pendekatan menyediakan insentif tertentu bagi menggalakkan peminjam membuat bayaran balik seperti membenarkan peminjam membuat penstrukturan atau

penjadualan semula bayaran balik pinjaman mengikut kemampuan masing-masing.

4. Terkini, Kementerian dan PTPTN sedang bekerjasama rapat dengan Unit Pantau Madani, Kementerian Kewangan untuk mengkaji dan mencadangkan model pembiayaan baharu PTPTN yang lebih efisen dan mampan untuk jangka masa panjang, bagi pembiayaan pendidikan tinggi negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG]

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 21

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan secara terperinci berkenaan :

(a) pola penyertaan para pelajar pengajian tinggi dalam kursus-kursus melibatkan bidang sains, teknologi dan matematik (STEM); dan

(b) unjuran graduan kursus STEM lima tahun ke hadapan dan penyelesaian kepada isu ketandusan bakat dan graduan dalam bidang ini.

JAWAPAN

(a)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) memainkan peranan yang penting sebagai pemboleh daya yang memacu pembangunan negara berteraskan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI). Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memandang

serius perkara ini lantaran bakat STEM memainkan peranan penting dalam memacu pengukuhan industri dan sektor ekonomi negara.

2. Di peringkat nasional, Jawatankuasa Pemandu Bakat Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) telah diwujudkan dan diurusetiakan oleh Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI) yang mana KPT, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan beberapa kementerian lain mempunyai peranan sebagai ahli tetap. Jawatankuasa ini menyelaras isu-isu keperluan bakat STI negara dalam memenuhi keperluan pelbagai bidang industri.

3. Untuk makluman, berdasarkan sistem MyMohes di KPT, bilangan kemasukan pelajar bidang STEM di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) bagi tahun 2023 adalah seramai 122,804 pelajar, berbanding tahun 2022 iaitu 122,625 pelajar. Perincian lanjut kemasukan pelajar bidang STEM di IPTA adalah seperti berikut:

   i. Kemasukan di Universiti Awam (UA) adalah seramai 86,751 pelajar,

   ii. Kemasukan di Politeknik seramai 26,787 pelajar, dan

   iii. Kemasukan di Kolej Komuniti seramai 9,266 pelajar.

(b)

Tuan Yang Di-Pertua,

4. Mengenai unjuran graduan kursus STEM, semakan Kementerian ini dengan pihak Universiti Awam (UA) mendapati unjuran UA bagi graduan STEM lima tahun kehadapan adalah sekitar 2,000 ke 2,500 graduan setiap tahun.

5. Dalam hal ini, KPT sentiasa memastikan IPT di Malaysia melaksanakan pelbagai langkah strategik yang berkesan untuk menarik minat dan penyertaan pelajar dalam STEM dan seterusnya, meningkatkan kualiti pembangunan bakat STEM negara melalui penawaran program dalam bidang berteknologi tinggi dan memenuhi keperluan industri.

6. KPT juga sentiasa proaktif dengan menggerakkan kerjasama strategik merentas Kementerian antara KPT, KPM dan MOSTI bagi mengupayakan langkah-langkah meningkatkan jumlah pelajar, kualiti pendidikan STEM, penawaran serta permintaan dalam sektor ini. Ia seterusnya diharap dapat meningkatkan daya saing dalam bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) negara.

7. Kementerian melalui IPT akan meneruskan sinergi bersama pihak industri dalam mengenal pasti pendekatan konsolidasi terkini yang lebih efektif untuk meneroka potensi sesuatu bidang atau industri secara terperinci selaras dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (*New Industrial Master Plan*-NIMP 2030).

8. KPT juga akan memberi fokus kepada pembangunan bakat, *industry-ready talent* bagi sektor industri yang berpotensi dengan memberi perhatian kepada pendidikan STEM dan TVET, pensijilan profesional dan program *skilling* yang akan menjadi kelayakan yang diberi keutamaan oleh industri serta seterusnya mengupayakan gaji premium apabila graduan kita melangkah ke pasaran kerja.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG]

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 33

SOALAN

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan inisiatif susulan yang diambil Kementerian selain penubuhan fakulti AI di UTM bagi melahirkan graduan untuk memenuhi keperluan industri seperti kecerdasan buatan (AI) yang memerlukan 200 ribu pakar menjelang 2030 memandangkan 1,800 graduan setahun berjaya dilahirkan melibatkan 13 universiti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan komited untuk membangunkan bakat dalam bidang *Artificial Intelligence* (AI) bagi meningkatkan inovasi dan penggunaan teknologi digital untuk merangsang pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan.

2. Kerajaan juga telah merangka beberapa inisiatif penting bagi melahirkan graduan untuk memenuhi keperluan industri seperti kecerdasan buatan (AI) yang memerlukan 200 ribu pakar menjelang 2030.

3. Dalam hal ini, antara usaha yang dilaksanakan di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) adalah dengan **penubuhan *Malaysia AI Consortium* (MAIC)** yang memainkan peranan penting dalam menyatukan pakar-pakar AI dari pelbagai universiti dan industri untuk memberikan nasihat, kepakaran, dan sumbangan kepada pembangunan bakat AI di Malaysia. Ini diharapkan dapat mempercepat dan menyemarakkan pertumbuhan ekonomi negara berteraskan AI sekaligus mensejahtera kehidupan rakyat secara keseluruhannya.

4. Selain itu, KPT juga **bekerjasama dengan *Japan International Cooperation Agency* (JICA)** untuk memperluas bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Ini termasuk bidang AI, *Internet of Things* (IoT), dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), yang mana pelbagai universiti dan politeknik tempatan akan mendapat manfaat daripada kerjasama ini.

5. Selain itu juga, usaha KPT dalam membangun bakat AI negara turut disahut oleh Kementerian Sains, Teknologi, dan Inovasi (MOSTI) melalui pelancaran *AI Sandbox Pilot Program* yang antara lain bertujuan untuk melahirkan 900 syarikat pemula berteraskan AI serta melatih sehingga 13,000 bakat AI menjelang 2026.

6. KPT turut menjalin **kerjasama bersama NVIDIA** yang merupakan peneraju global dalam bidang pengkomputeran berkaitan AI bagi membangunkan bakat dalam bidang AI. Melalui kerjasama ini, NVIDIA telah menjalankan beberapa siri bengkel bersama Universiti Awam (UA) untuk berkongsi pengetahuan tentang AI secara langsung merangkumi penggunaan, penggunaan yang optimum dan pembangunan projek penyelidikan berkaitan AI.

7. Di samping itu, NVIDA melalui ***University Ambassador Program*** juga telah menawarkan peluang kepada pensyarah terpilih untuk mengikuti kursus melibatkan *deep learning* dan AI bertujuan untuk pensijilan. Pensyarah yang telah mendapat pensijilan akan menjadi

duta yang bertanggungjawab untuk melatih pelajar-pelajar dalam bidang AI.

8. Sebagai tambahan, terdapat **kerjasama agensi Kerajaan dengan *Google* melalui program *Go Cloud*** yang menyediakan kaedah pembelajaran digital tanpa kos untuk meningkatkan kemahiran 300,000 rakyat Malaysia dalam bidang AI, analitik data, dan produktiviti berasaskan awan menjelang 2026. Program ini membolehkan individu memperoleh pensijilan profesional dalam bidang permintaan tinggi seperti analisis data dan sokongan teknologi maklumat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI [IGAN]

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 35

SOALAN

TUAN HAJI AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI [IGAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pinjaman dan jumlah pelajar Sarawak yang telah mendapat kemudahan pinjaman PTPTN sejak ia diperkenalkan dan nyatakan berapa orang peminjam yang telah gagal membayar balik pinjaman serta apakah tindakan yang telah dan akan diambil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 31 Ogos 2024, sebanyak 224,432 pinjaman telah diluluskan kepada pelajar dari Sarawak dengan jumlah pengeluaran pinjaman keseluruhan sebanyak RM4.17 bilion.

2. Untuk tempoh yang sama, seramai 152,043 peminjam telah patut membuat bayaran balik pinjaman mereka dengan jumlah patut diterima PTPTN adalah sebanyak RM2.02 bilion. Daripada jumlah tersebut, jumlah tunggakan bayaran balik daripada peminjam Sarawak adalah sebanyak RM644 juta yang merangkumi 40,687 peminjam yang membuat bayaran balik secara tidak konsisten dan

23,048 peminjam yang belum mula membuat bayaran balik sebagaimana sepatutnya.

3. Bagi membantu meringankan beban membayar balik pinjaman, serta menggalakkan peminjam khususnya daripada negeri Sarawak tampil untuk membuat bayaran balik pinjaman mereka, kerajaan negeri Sarawak telah mengambil pendekatan untuk mengadakan kerjasama strategik bersama PTPTN di mana kerajaan negeri telah bermurah hati untuk membantu membuat bayaran balik pinjaman PTPTN oleh anak Sarawak sebanyak 30% daripada jumlah pinjaman mereka, tertakluk kepada peminjam telah membuat bayaran balik sendiri pinjaman mereka, sekurang-kurangnya 30%.

4. Untuk itu, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) termasuk PTPTN ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sarawak di atas keprihatinan membantu peminjam. Dalam hal ini, Kerajaan-kerajaan Negeri lain turut diseru untuk tampil mengambil langkah sebagaimana Kerajaan Negeri Sarawak dalam membantu peminjam daripada negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH]

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 36

SOALAN

TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar yang sedang mengikuti kursus asasi dan ijazah sarjana muda di Universiti Malaya. Berapa jumlah mahasiswa yang disediakan tempat penginapan di asrama dan apakah rancangan Kementerian untuk menangani permintaan tempat penginapan yang semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, jumlah pelajar yang sedang mengikuti kursus asasi dan ijazah sarjana muda di Universiti Malaya (UM) adalah merangkumi **2,237 orang pelajar Asasi**, dan **18,364 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda**.

2. Berhubung perkara ini, UM telah menyediakan penginapan asrama kepada pelajar seperti berikut:

   i. Pelajar Asasi **seramai 1,435 orang**; dan

   ii. Pelajar Ijazah Sarjana Muda **seramai 4,942 orang**.

3. Untuk makluman, UM telah menetapkan polisi di mana semua pelajar yang sedang mengikuti kursus Asasi dan Ijazah Sarjana Muda (tahun pertama) akan diberikan penginapan di asrama.

4. Selaras dengan perkara ini juga, UM sentiasa berusaha untuk meningkatkan kapasiti asrama penginapan di kampus iaitu:

   i. Untuk **jangka masa pendek**, UM telah membuka Kolej Kediaman Ketiga Belas yang mampu menampung lebih kurang 3,000 pelajar dalam satu masa.

   ii. Untuk **jangka sederhana**, UM mendapatkan premis-premis yang berhampiran untuk dijadikan asrama penginapan kepada pelajar.

   iii. Untuk **jangkamasa panjang**, UM sedang bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) untuk membina asrama penginapan yang mampu menempatkan 30,000 pelajar pada tahun 2050.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU]

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 9

SOALAN

TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan memandangkan umur pengundi sekarang pada 18 tahun, adakah IPT dalam Malaysia mempunyai satu kursus atau program khas untuk memupuk dan meningkatkan kesedaran mereka terhadap sistem demokrasi dan tanggungjawab sebagai seorang warganegara Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa berusaha meningkatkan pemahaman mahasiswa terhadap sistem demokrasi di Malaysia.

2. Sebagai langkah proaktif untuk melahirkan mahasiswa yang bertanggungjawab dan peka terhadap sistem pemerintahan negara yang berdemokrasi, antara usaha yang telah dilaksanakan oleh KPT adalah:

i. Mengeluarkan arahan supaya semua semua Universiti Awam (UA) menubuhkan **Kelab Pendidikan Pengundi** bagi setiap UA. Penubuhan kelab ini merupakan salah satu usaha untuk menyediakan platform bagi mahasiswa melaksanakan program dan aktiviti secara berterusan yang memfokuskan kepada pendedahan mengenai sistem pilihan raya di Malaysia serta memupuk kesedaran mahasiswa tentang kepentingan peranan mereka selaku pengundi bagi membentuk sebuah Kerajaan yang berdemokrasi.

ii. KPT melalui Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) menyediakan **Program Pendidikan Literasi Politik berterusan di Universiti** termasuk Program Mahasiswa Cakna Undi 18, Pengenalan Asas Kesedaran Mengundi Kepada Pelajar Baharu IPT, Penerbitan dan Hebahan Digital Berkaitan Pendidikan Pengundi, Taklimat Pilihan Raya Undi 18 dan Pendedahan Simulasi Sebenar Pilihanraya oleh Akademi Pilihanraya (APR) dan APR *Associate Trainer* (AAT)/ *Training of Trainers* (ToT). Dari tahun 2022 hingga 2024, seramai 248,568 orang pelajar telah mengikuti 231 Program Pemerkasaan Pendidikan Pengundi Mahasiswa (Undi 18) seluruh negara.

iii. Melaksanakan **Konvensyen Pemerkasaan Undi 18** pada bulan Mac 2024 bagi memperkukuh peranan serta pengetahuan politik dalam kalangan 300 pelajar IPT dari seluruh negara.

iv. **Memperluaskan pelaksanaan program-program Undi 18 dan literasi politik kepada Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)** dengan kerjasama Akademi Pilihan Raya yang dibuat secara praktikal.

v. Selari dengan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2024 [Akta A1713] yang telah mula di kuatkuasakan pada 1 Oktober 2024, bersamaan dengan bermulanya sidang akademik baharu, pemilihan Majlis

Perwakilan Pelajar (MPP) (Pilihanraya Kampus) hendaklah diadakan dari tarikh semester pertama sesi akademik bermula. Dalam hal ini, pemilihan MPP dilaksanakan sepenuhnya oleh pelajar yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pemilihan MPP (JPMPP) atau *Campus Election Committee* (CEC) yang berfungsi sebagai 'SPR' tanpa penglibatan Pengurusan Universiti dan HEP dalam segala keputusan dan pelaksanaan pemilihan MPP. Ini adalah usaha untuk mendedahkan mahasiswa tentang sistem demokrasi berpolitik dan proses pilihanraya sebenar di negara ini.

3. Untuk makluman, selain usaha-usaha tersebut, **KPT juga menerapkan elemen kenegaraan kepada mahasiswa melalui penawaran kursus Matapelajaran Pengajian Umum (MPU).** Tujuan MPU diperkenal adalah demi memperkukuh jati diri, meningkatkan semangat perpaduan dan patriotisme, membentuk sistem nilai, meningkatkan kemahiran insaniah dan meningkatkan penghayatan terhadap elemen nilai ketamadunan kepada pelajar di IPT bagi menghayati dan menghargai sejarah.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LEE CHEAN CHUNG [PETALING JAYA]

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 18

SOALAN

TUAN LEE CHEAN CHUNG [PETALING JAYA] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh mana keberkesanan kaedah pemotongan gaji automatik melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berasaskan *Income Contingent Loan* (ICL) dalam meningkatkan kutipan balik hutang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), memandangkan kutipan hutang yang belum dijelaskan berjumlah RM6 bilion.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini **sistem bayaran balik pinjaman PTPTN menggunapakai kaedah pinjaman biasa atau *mortgage loan***, di mana jadual bayaran balik pinjaman ditentukan berdasarkan jumlah pinjaman serta tempoh bayaran balik yang ditetapkan.

2. Sistem bayaran balik pinjaman pendidikan berbentuk *Income Contingent Loan* (ICL) atau bayaran balik berdasarkan pendapatan peminjam adalah melalui jadual bayaran balik pinjaman yang

ditentukan berdasarkan pendapatan peminjam setelah tamat pengajian. Dalam konteks ini, pembayaran balik pinjaman hanya bermula apabila pendapatan peminjam melebihi tahap tertentu.

3. Kaedah ICL ini turut dilaksanakan di Australia dan New Zealand yang telah menunjukkan keberkesanannya dalam memastikan pelajar membayar semula pinjaman mereka secara adil dan berdasarkan kemampuan kewangan masing-masing.

4. Berdasarkan dapatan carian ilmiah, kadar bayaran balik pinjaman Australia adalah agak tinggi, dengan kebanyakan peminjam mula membayar balik dalam masa 3 hingga 5 tahun selepas tamat pengajian. Namun, terdapat anggaran bahawa sekitar 20% daripada jumlah pinjaman tidak dapat dikutip sepenuhnya disebabkan graduan yang berpendapatan rendah (tidak mencapai pendapatan minimum yang ditetapkan), tidak bekerja atau bekerja di luar negara.

5. Pelaksanaan ICL ini memerlukan kajian serta perincian lanjut dengan pihak-pihak berkepentingan terutamanya dari segi kesesuaian pelaksanaan yang akan melibatkan pindaan akta, perkongsian maklumat antara kementerian, agensi serta majikan, kesediaan prasarana ICT, serta penetapan tahap pendapatan yang sesuai bagi memastikan model pembiayaan baharu PTPTN yang lebih efisien dan mampan untuk jangka masa panjang, dapat dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU]

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 25

SOALAN

TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kajian yang telah dilakukan untuk memastikan bahawa kursus pengajian di institusi pendidikan tinggi tidak bertindih dan relevan dengan keperluan industri, serta bagaimana kajian ini mempengaruhi penawaran program di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), setiap program akademik baharu dan semakan kurikulum program sedia ada perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT).

2. Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk menilai program-program akademik yang ingin ditawarkan. Ia melibatkan panel-panel luar seperti wakil *TalentCorp*, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Ekonomi (KE), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), *Malaysian Digital Economic Corporation* (MDEC) dan juga Badan-badan Profesional.

3. Panel-panel ini akan memberikan pandangan dan komen berhubung kesesuaian penawaran program akademik bagi memastikan kelestarian program dalam jangka masa panjang. Selain itu, KPT melalui Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) juga akan meneliti bidang tujahan Universiti Awam (UA) termasuk aspek pertindihan program yang seumpamanya di UA yang lain dalam mempertimbang kelulusan sesuatu program baharu.

4. Justeru itu, tindakan penyelarasan ini dapat membantu pihak Kementerian dalam menangani isu pertindihan program pengajian. Walau bagaimanapun, pertindihan program dibenarkan dalam keadaan tertentu bagi memberi ruang dan peluang kepada lebih ramai pelajar mengikuti bidang pengajian yang mempunyai permintaan tinggi daripada pelajar dan industri.

5. Ini termasuklah penawaran program-program akademik di Sarawak di mana keperluan modal insan di negeri berkenaan diambil kira bagi tujuan penawaran program.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI [RAUB]

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 29

SOALAN

TUAN CHOW YU HUI [RAUB] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan dan peratus kategori peperiksaan (seperti STPM, matrikulasi, *A-Level*, *Ausmat, Gaokao* dan lain-lain) yang diterima oleh universiti awam dalam saluran *direct intake* dari tahun 2018-2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, berdasarkan sumber Universiti Awam (UA), bilangan pelajar yang diterima melalui saluran *direct intake* berdasarkan kategori peperiksaan STPM, Matrikulasi, A-Level, Ausmat, Gaokao dan lain-lain dari tahun 2018 sehingga tahun 2024 adalah seperti berikut:

   i. **STPM:** seramai 11,330 pelajar atau 7.59 peratus.

   ii. **Martikulasi:** seramai 6,213 pelajar atau 4.16 peratus.

   iii. **A-Level:** seramai 924 pelajar atau 0.62 peratus.

   iv. **Ausmat:** seramai 42 pelajar atau 0.03 peratus.

   v. Tiada pelajar bagi kategori peperiksaan **Gaokao.**

   vi. **Lain-lain (Asasi/ Diploma/ Setaraf):** seramai 130,839 pelajar atau 87.61 peratus. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI Dr. WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI]

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 35

SOALAN

DATO' SRI DR. WEE JECK SENG [TANJUNG PIAI] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar kategori kurang berkemampuan yang telah diterima masuk ke universiti awam mengikut pecahan kaum sejak 2018 dan apakah langkah intervensi Kementerian bagi membantu kemasukan pelajar miskin ini ke universiti selain penangguhan bayaran yuran pendaftaran mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan sistem MyMoheS di Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), bagi tempoh 2018 sehingga 2023, jumlah kumulatif kemasukan pelajar B40 warganegara ke Universiti Awam (UA) adalah seramai 743,665 orang.

2. Bagi tahun 2024, sehingga bulan Jun, bilangan kemasukan pelajar dalam kalangan keluarga berpendapatan B40 di UA ialah seramai 23,102 orang.

3. Berhubung perkara ini, pelbagai inisiatif dan usaha KPT bagi membantu golongan ini adalah antaranya:

   i. di peringkat pemilihan pelajar ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA), terdapat empat (4) Laluan Khas disediakan bagi kategori Orang Kurang Upaya (OKU) atau Lepasan Institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), kategori B40, kategori Orang Asli dan Atlet,

   ii. dalam konteks pembiayaan pula, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menyediakan kemudahan Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) bagi membantu pelajar daripada kumpulan B40 untuk membuat persediaan atau bagi tujuan perbelanjaan awal untuk mendaftarkan diri ke IPT. Kemudahan ini ialah kemudahan Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) sebanyak RM1,500 yang disediakan kepada pelajar yang layak,

   iii. Program SULUNG diteruskan kepada 20 UA yang menyediakan peluang kepada anak-anak golongan B40 yang cemerlang dan pertama dalam keluarga berjaya memasuki UA. Calon yang terpilih akan menerima pelbagai manfaat seperti pengecualian yuran pengajian dan penginapan serta turut diberi peluang mengikuti program-program yang memberikan nilai tambah kemahiran insaniah mereka sehingga tamat pengajian di UA,

   iv. Kementerian turut melaksanakan Program Dermasiswa B40 TVET bagi pelajar golongan B40 mengikuti pengajian dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di IPTA sejak tahun 2022, dan

   v. Yayasan Perkasa Siswa (YPS) yang ditubuhkan pada tahun 2021 bertindak sebagai badan rasmi di peringkat nasional untuk mengurus dan menyelaras hal ehwal kebajikan

mahasiswa secara bersepadu. Ia telah diperbadankan secara rasmi di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] pada 13 September 2021. Semenjak penubuhannya, pelbagai bentuk bantuan telah diberikan kepada para pelajar IPT secara bersasar termasuk pelajar B40 meliputi bantuan pembiayaan pendidikan, bantuan kewangan *one-off*, bantuan kemalangan, bantuan keperluan asas pelajar, bantuan pemakanan, bantuan keperluan pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) dan lain-lain lagi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT]

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 36

SOALAN

TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa pelajar dari kawasan Parlimen Segamat yang menerima tawaran melanjutkan pengajian ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dalam tempoh lima tahun yang lepas. Nyatakan pecahan mengikut kaum, iaitu Melayu, Cina dan India.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan permohonan UPUOnline bagi **Sesi Akademik 2022/2023 dan 2024/2025** dari **Parlimen Segamat**, calon **Lepasan SPM Bumiputera dan Bukan Bumiputera** adalah seperti berikut:

   i. Pada Sesi Akademik **2022/2023:**

- Seramai 504 calon **Bumiputera** memohon UPUOnline dan **358 calon berjaya ditawarkan** ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA).

- Bagi calon **Bukan Bumiputera,** 97 orang memohon dan **63 calon berjaya ditawarkan** ke IPTA.

ii. Pada Sesi Akademik **2023/2024:**

- Seramai 526 calon **Bumiputera** memohon UPUOnline dan **398 calon berjaya ditawarkan** ke IPTA.

- Bagi calon **Bukan Bumiputera,** 89 orang memohon dan **56 calon telah berjaya ditawarkan** ke IPTA.

iii. Pada Sesi Akademik **2024/2025:**

- Seramai 463 calon **Bumiputera** memohon UPUOnline dan **388 calon berjaya ditawarkan ke IPTA**.

- Bagi calon **Bukan Bumiputera,** 78 orang memohon dan **57 calon telah berjaya di tawarkan** ke IPTA.

2. Untuk permohonan UPUOnline **Sesi Akademik 2022/2023 dan 2024/2025** dari **Parlimen Segamat** pula, calon **Lepasan STPM/ Setaraf Bumiputera dan Bukan Bumiputera** adalah seperti berikut:

i. Pada Sesi Akademik **2022/2023:**

- Seramai 231 calon **Bumiputera** memohon UPUOnline dan **172 calon berjaya ditawarkan** ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA).

- Bagi calon **Bukan Bumiputera, 78 orang memohon** dan **63 calon berjaya ditawarkan** ke IPTA.

ii. Pada Sesi Akademik **2023/2024:**

- Seramai 229 calon **Bumiputera** memohon UPUOnline dan **166 calon berjaya ditawarkan** ke IPTA.

- Bagi calon **Bukan Bumiputera,** 77 orang memohon dan **64 calon telah berjaya ditawarkan** ke IPTA.

iii. Pada Sesi Akademik **2024/2025:**

- Seramai 213 calon **Bumiputera** memohon UPUOnline dan **177 calon berjaya ditawarkan** ke IPTA.
- Bagi calon **Bukan Bumiputera,** 76 orang memohon dan **70 calon telah berjaya ditawarkan** ke IPTA.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LO SU FUI [TAWAU]

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 49

SOALAN

TUAN LO SU FUI [TAWAU] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jaminan meningkatkan pengambilan mahasiswa berasal dari Sabah dan Sarawak bagi jurusan perubatan untuk menangani masalah kekurangan Doktor pakar, di mana ketika ini sistem perkhidmatan kesihatan dalam keadaan hampir runtuh kerana tidak mampu menampung keperluan hampir 4 juta penduduk di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman, berdasarkan Sistem MyMohes di Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada tahun 2023, jumlah kemasukan pelajar Sabah dan Sarawak (negeri kediaman) dalam bidang perubatan bagi PhD, Sarjana dan Sarjana Muda di Universiti Awam (UA) adalah meningkat sebanyak 12.5 peratus berbanding tahun 2022.

2. Berhubung perkara ini, dalam meningkatkan pengambilan pelajar Sabah dan Sarawak bagi jurusan perubatan, antara inisiatif dan usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian dan UA adalah:

i. Program perubatan di Sabah dan Sarawak iaitu di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) ditawarkan dengan kuota pengambilan masing-masing sebanyak 90 dan 160 tempat. Ini akan membuka peluang kepada lebih ramai pelajar tempatan mengikuti program Sarjana Muda Perubatan di Sabah dan Sarawak.

ii. Program-program promosi dilaksanakan di Sabah dan Sarawak untuk menarik pelajar-pelajar tempatan melanjutkan pengajian ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam pelbagai bidang, termasuk perubatan.

iii. Menyediakan bantuan kewangan seperti biasiswa khas iaitu Biasiswa Naib Canselor, Skim Zamalah (Bantuan Yuran Pengajian) dan Bantuan Zakat (Yuran Pengajian Sahaja) serta bantuan kebajikan pelajar (melalui Pusat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) kepada pelajar yang memohon dalam bidang perubatan.

iv. Mewujudkan kerjasama strategik melibatkan UA, Yayasan Sabah serta Yayasan Sarawak dalam aspek pembiayaan dan kemudahan kepada bakal pelajar-pelajar dari Sabah dan Sarawak yang akan mengikuti program pengajian dalam bidang perubatan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI [RAUB]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 16

SOALAN

TUAN CHOW YU HUI [RAUB] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan kemasukan pelajar dari STPM, Matrikulasi, Asasi, Saluran Terbuka ke universiti awam berdasarkan pecahan universiti dan kaum (iaitu Bumiputera Sabah, Bumiputera Sabah Lain, Bumiputera Sarawak, Bumiputera Sarawak Lain, Melayu, Orang Asli, Cina. India dan Lain-lain) pada sesi akademik 2023/2024 dan 2024/2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa komited dalam memastikan pelajar Lepasan STPM, Matrikulasi dan Asasi berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat pendidikan tinggi. Pemilihan calon Lepasan STPM, Matrikulasi dan Asasi untuk ke Universiti Awam (UA) adalah setara dan dinilai berdasarkan kelayakan calon.

2. Berdasarkan permohonan *UPUOnline* bagi Sesi Akademik 2023/2024 dan 2024/2025, calon Lepasan STPM Bumiputera dan

Bukan Bumiputera yang telah berjaya ditawarkan ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) adalah seperti berikut:

i) Pada Sesi Akademik 2023/2024, calon Lepasan STPM yang berjaya ditawarkan ke IPTA adalah terdiri daripada 21,910 calon Bumiputera dan 7,623 calon Bukan Bumiputera.

ii) Pada Sesi Akademik 2024/2025 pula, calon Lepasan STPM yang berjaya ditawarkan ke IPTA adalah terdiri daripada 22,449 calon Bumiputera dan 6,743 calon Bukan Bumiputera.

3. Berdasarkan permohonan *UPUOnline* bagi Sesi Akademik 2023/2024 dan 2024/2025, calon Lepasan Matrikulasi Bumiputera dan Bukan Bumiputera yang telah berjaya ditawarkan ke IPTA adalah seperti berikut:

i) Pada Sesi Akademik 2023/2024, calon Lepasan Matrikulasi yang berjaya ditawarkan ke IPTA adalah terdiri daripada 16,557 calon Bumiputera dan 2,796 calon Bukan Bumiputera.

ii) Pada Sesi Akademik 2024/2025 pula, calon Lepasan Matrikulasi yang berjaya ditawarkan ke IPTA adalah terdiri daripada 15,993 calon Bumiputera dan 2,810 calon Bukan Bumiputera.

4. Berdasarkan permohonan UPUOnline bagi Sesi Akademik 2023/2024 dan 2024/2025, calon Lepasan Asasi Bumiputera dan Bukan Bumiputera yang telah berjaya ditawarkan ke IPTA adalah seperti berikut:

i) Pada Sesi Akademik 2023/2024, calon Lepasan Asasi yang berjaya ditawarkan ke IPTA adalah terdiri daripada 3,768 calon Bumiputera dan 50 calon Bukan Bumiputera.

iii) Pada Sesi Akademik 2024/2025 pula, Lepasan Asasi yang berjaya ditawarkan ke IPTA adalah seramai 3,775 calon Bumiputera dan 133 calon Bukan Bumiputera.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 9

SOALAN

TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jenis serta bilangan kes penipuan melibatkan institusi pendidikan tinggi swasta yang telah diambil tindakan oleh pihak berkuasa sejak tahun 2019 hingga kini dan apakah langkah penguatkuasaan yang telah diambil untuk memastikan penipuan seperti ini tidak berulang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa berusaha memastikan pengoperasian Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mematuhi Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*] dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa di bawahnya melalui pemeriksaan secara berkala.

2. Sekiranya terdapat penemuan ketidakpatuhan dalam pemeriksaan pengoperasian oleh IPTS kepada Akta 555 tersebut, tindakan susulan akan dipanjangkan untuk kertas siasatan dibuka seterusnya

dikenakan tindakan pendakwaan selaras dengan Akta 555 jika didapati bersalah.

3. Dari tahun **2019 sehingga 2024**, berdasarkan aduan ketidakpatuhan kepada Akta 555, **pemeriksaan audit pematuhan telah dilaksanakan kepada 355 buah IPTS, dan dalam tempoh tersebut, sebanyak 146 kertas siasatan telah dibuka ke atas IPTS** oleh KPT melalui Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) **berdasarkan aduan** yang diterima. Berdasarkan jumlah kertas siasatan yang telah dibuka tersebut, **sebanyak 82 kes yang telah dikenakan tindakan kompaun.**

4. Antara kesalahan-kesalahan yang kerap dilakukan oleh IPTS di bawah Akta 555 adalah seperti berikut:

i. **Seksyen 15:** IPTS membuat perubahan butiran syarikat tanpa kelulusan Ketua Pendaftar – 12 Notis Kompaun telah dikeluarkan;

ii. **Seksyen 28:** IPTS beroperasi di premis tidak berdaftar di bawah Akta 555 – 12 Notis Kompaun telah dikeluarkan; dan

iii. **Seksyen 81:** Tenaga pengajar yang mengajar di IPTS tidak memiliki permit mengajar yang diluluskan Ketua Pendaftar – 47 Notis Kompaun telah dikeluarkan.

5. Secara tuntasnya, Kementerian ini sememangnya memandang serius sebarang isu melibatkan IPTS. Sekiranya orang awam mempunyai sebarang aduan berkaitan IPTS, aduan boleh disalurkan menerusi Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) untuk tindakan pihak Kementerian selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 13

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :

(a) jumlah hutang keseluruhan yang terakru atau terhutang oleh pelajar di bawah pinjaman PTPTN setakat tahun 2023; dan

(b) jumlah keseluruhan peminjam Melayu, Cina dan India setakat tahun 2023 dan peratusan peminjam Melayu, Cina dan India yang berhutang setakat tahun 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a)

1. Sehingga 31 Disember 2023, PTPTN telah meluluskan 3,951,404 pinjaman dengan jumlah keseluruhan dikeluarkan sebanyak RM71.3 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,716,110 pinjaman telah patut mula dibayar balik dengan amaun patut bayar balik keseluruhan berjumlah RM32.29 bilion.

(b)

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemudahan pinjaman pendidikan PTPTN adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang mendapat tawaran ke IPTA, IPTS dan Politeknik dengan memenuhi syarat kelayakan masuk yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), tanpa ada kuota atau peruntukan khusus yang ditetapkan, tertakluk kepada syarat-syarat lain yang ditetapkan.

3. Walau bagaimanapun, jumlah kelulusan adalah bergantung kepada permohonan yang diterima dan syarat-syarat lain yang ditetapkan, di mana sebanyak 2,842,682 pinjaman atau 71.9% adalah kaum bumiputera manakala 1,108,722 atau 28.1% pinjaman adalah bukan bumiputera.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI [IGAN]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 19

SOALAN

TUAN HAJI AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI [IGAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar Sarawak yang telah mendapat insentif bayaran balik pinjaman PTPTN dari Kerajaan Sarawak sejak diperkenalkan hingga kini dan berapa jumlah bayaran yang telah diterima oleh PTPTN sejak Memorandum Persefahaman (MoU) Insentif Bayaran Balik Pinjaman PTPTN Anak Sarawak dimeterai dengan Yayasan Sarawak pada 5 Mac 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Insentif bayaran balik pinjaman kepada anak Sarawak telah dilaksanakan selaras dengan pengumuman Kerajaan Negeri Sarawak semasa pembentangan Belanjawan 2020 pada 4 November 2019 bagi tujuan membantu bayaran balik pinjaman PTPTN kepada peminjam negeri Sarawak. Melalui insentif ini, Kerajaan Negeri Sarawak menawarkan pengurangan baki hutang pinjaman sebanyak 30 peratus kepada peminjam yang menyelesaikan sekurang-kurangnya 30 peratus daripada baki hutang pinjaman.

2. Sejak diperkenalkan pada tahun 2021 dan bagi data sehingga 31 Disember 2023, seramai 26,285 peminjam anak Sarawak telah menikmati insentif ini dengan jumlah peruntukan bayaran balik pinjaman yang diterima daripada kerajaan negeri Sarawak adalah sebanyak RM90.42 juta.

3. Untuk itu, kementerian ini dan PTPTN ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan Negeri Sarawak di atas keprihatinan membantu peminjam. Kementerian Pendidikan Tinggi juga menyeru mana-mana kerajaan negeri lain untuk tampil mengambil langkah sebagaimana kerajaan negeri Sarawak dalam membantu peminjam daripada negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 34

SOALAN

DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah status terkini Pelan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026-2035 dan siapakah pemegang taruh yang dilibatkan di dalam proses ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sedang merangka dokumen hala tuju pendidikan tinggi yang baharu bagi menggantikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT) 2015-2025 yang akan tamat tempohnya pada tahun hadapan.

2. Pembangunan pelan baharu ini adalah penting kerana dunia pendidikan tinggi sentiasa berubah dengan pesat, terutamanya dalam konteks globalisasi dan perkembangan teknologi. Justeru, adalah penting untuk Malaysia memastikan pendidikan tingginya seiring dengan transformasi global ini.

3. Sehubungan dengan itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPPTM) 2026-2035 merupakan dokumen rujukan yang penting bagi mencorakkan hala tuju pendidikan tinggi negara untuk dekad mendatang agar selari dengan aspirasi nasional dan perubahan landskap global. Selain itu, PPPTM ini dirancang secara komprehensif untuk memenuhi keperluan negara, industri, komuniti serta memastikan pendidikan tinggi di Malaysia dapat berkembang maju dan beradaptasi dengan tuntutan masa hadapan.

4. KPT sebagai sekretariat utama bersama Kumpulan Pakar dan pasukan pelaksana dari Universiti Putra Malaysia (UPM) telah memastikan gerak kerja termasuk sesi libat urus dan proses pengumpulan data bersama pemegang taruh dilaksanakan dengan sewajarnya.

5. Sehingga 10 Oktober 2024, KPT telah melaksanakan 29 sesi libat urus yang melibatkan 5,792 orang pemegang taruh daripada pelbagai kelompok dalam dan luar ekosistem pendidikan tinggi bagi mengenal pasti isu dan cabaran utama daripada pelbagai perspektif dalam pendidikan tinggi. Sehingga kini, sesi libat urus masih giat dilaksanakan bersama beberapa pemegang taruh melalui pelbagai kaedah seperti bengkel, perbincangan kumpulan berfokus, mesyuarat secara fizikal dan dalam talian.

6. Antara kelompok pemegang taruh yang terlibat bagi sesi libat urus yang dijalankan adalah seperti pelajar dan alumni, kakitangan akademik dan bukan akademik, majlis dan persatuan universiti, persatuan industri, pihak berkuasa tempatan, badan profesional, agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan.

7. Selain itu, bagi memastikan pelan yang dibangunkan ini menyeluruh dan inklusif, sehingga 3 Oktober 2024, KPT telah menerima maklum balas daripada tinjauan nasional yang dilaksanakan. Semua maklum balas ini sedang dianalisis dan dinilai untuk dijadikan input dalam pembangunan PPPTM 2026-2035.

8. Sebagai tambahan, kemajuan penghasilan pelan ini dipantau oleh Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat PPPTM 2026-2035 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi serta Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu PPPTM 2026-2035 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPT yang diadakan secara berkala.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 40

SOALAN

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan, khususnya dalam menangani isu graduan yang bekerja di luar bidang pengajian mereka, dan bagaimana Kementerian memastikan kurikulum akademik selaras dengan keperluan pasaran kerja semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berterusan komited dalam menyediakan bakat berkemahiran tinggi yang holistik serta mampu memenuhi keperluan industri tempatan dan global seiring dengan dinamika ekonomi dan teknologi semasa.

2. Antara langkah yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) adalah melalui insiiatif-inisiatif seperti berikut:

a) **Pembangunan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 sebagai dokumen strategik dan rujukan utama IPT** bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui empat strategi yang telah digariskan, iaitu Pengukuhan Kecemerlangan Bakat; Peluasan Kerjaya Pelajar; Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP); dan Pemerkasaan Hubungan Industri.

b) **Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan** (GE) yang dirangka bagi memberikan nilai tambah daripada aspek kelayakan profesional, bakat, keterampilan diri, dan sahsiah graduan daripada program-program pengajian yang rendah kadar kebolehpasaran.

c) **Kerjasama merentas Kementerian, agensi serta industri juga dimantapkan** menerusi permeteraian memorandum persefahaman (MoU) di antara KPT dengan pihak industri dan agensi berkepentingan, antaranya Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), SIRIM, MDEC dan TalentCorp untuk membantu graduan mendapatkan pekerjaan.

d) **Membangunkan portal *Graduates Reference Hub for Employment and Training* atau ringkasnya GREaT**. Antara maklumat dan perkhidmatan yang disediakan termasuklah pencarian dan padanan pekerjaan; permohonan latihan industri, permohonan kemudahan penajaan dan bantuan kewangan melanjutkan pengajian; perkhidmatan untuk mendapatkan kaunseling kerjaya dan *e-profiling*.

e) **Pelaksanaan padanan pekerjaan kepada graduan menerusi kolaborasi dengan PERKESO** melalui Portal *MYFutureJobs* atau Karnival Kerjaya yang dianjurkan oleh IPT dan PERKESO. Dalam tempoh Januari 2024 hingga September 2024, seramai **68,019 orang** graduan telah berjaya memperoleh pekerjaan menerusi portal *MyFutureJobs*.

3. KPT juga menyelaraskan kurikulum dengan keperluan pasaran kerja melalui ***Structured Industry Apprenticeship Programme*** **(SIAP)** ***for Integrated Circuit (IC) Design***. Ia merupakan inisiatif untuk merapatkan jurang perbezaan di antara kurikulum universiti dan industri melalui penerapan modul *IC design* di dalam silibus IPT bagi melahirkan bakat industri *IC design.*

4. Selain itu, KPT melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) turut sama membangun dan menambahbaik kurikulum dari semasa ke semasa dengan menubuhkan satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Penasihat Kurikulum. Jawatankuasa ini adalah terdiri daripada penasihat akademik dari institusi pendidikan tinggi awam dan swasta, badan profesional, industri dan pihak berkepentingan lain.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH [PAYA BESAR]

TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 5

SOALAN

DATO' INDERA MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH [PAYA BESAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk menyediakan program holistik berkaitan Pengurusan Halal sebagai nilai tambah kepada mahasiswa terutama dalam bidang pengurusan perniagaan, pengurusan hotel dan pelancongan dan sains gunaan.

JAWAPAN

Puan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menyedari kepentingan dalam menyediakan program-program pengajian yang holistik termasuk pengurusan halal bagi memberikan nilai tambah serta melahirkan graduan yang dilengkapi dengan ilmu yang merentas disiplin dan diperlukan dalam dunia pekerjaan yang dinamik.

2. Berhubung perkara ini, terdapat 12 Universiti Awam (UA) yang menyediakan program holistik berkaitan pengurusan halal, antaranya seperti:

i. **Universiti Malaya (UM)** menawarkan kursus elektif terbuka yang merangkumi bidang keusahawanan dan juga sampai k e peringkat Sarjana Pengurusan Halal sekiranya terdapat pelajar yang ingin mengambil subjek ini;

ii. **Universiti Islam Antarabangsa (UIA)** juga memperkenalkan program iaitu melalui International Institute for Halal Research and Training (INHART).Ianya bertujuan untuk merealisasikan aspirasi kerajaan dalam menjadikan Malaysia sebagai hub halal global menerusi program pengajian jangka panjang dan bidang kepakaran termasuk dalam konteks *Shari'ah-compliant services;*

iii. **Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)** mempunyai program yang dirangka dalam menggunapakai modul Halal Quality Management System – SMIIC OIC yang merupakan standard piawaian yang digunakan oleh Board of Directors Standard and Metrology Institute for Islamic Countries (SMIIC) bagi mendukung aspirasi menjadikan Malaysia sebagai hub halal terkemuka dunia dan juga melahirkan usahawan dan eksekutif dalam bidang halal;

iv. **Universiti Putra Malaysia (UPM)** juga menyediakan program holistik berkaitan Pengurusan Halal yang diterapkan dalam kursus-kursus program prasiswazah di Fakulti Sains dan Teknologi Makanan;

v. **Universiti Utara Malaysia (UUM)** satu lagi contoh,mempunyai *Islamic Business School* (UUM IBS) yang memfokuskan kepada penghasilan graduan dalam bidang pengurusan perniagaan termasuklah dalam aspek pengurusan halal. Antara program siswazah yang ditawarkan adalah *Bachelor of Halal Management*;

vi. Manakala **Universiti Teknologi MARA (UiTM)** pula melalui Fakulti Pengurusan dan Perniagaan menawarkan kursus

jangka pendek iaitu kursus *International Halal Supply Chain*.Kursus ini memberi pendedahan kepada kaedah pelaksanaan rantaian bekalan halal serta aspek jaminan kualiti. Dan program ini juga terhasil daripada kerjasama antara Fakulti Pengurusan dan Perniagaan dengan *Chartered Institute of Logistics and Transport, United Kingdom.*

3. Inilah antara beberapa Inisiatif bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI]

TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 10

SOALAN

DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam menghasilkan pemimpin di peringkat pentadbiran universiti yang berkualiti dan mempunyai wawasan yang jelas dalam membangunkan negara melalui pembangunan bakat berpengetahuan tinggi, profesional, kreatif dan inovatif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa berperanan untuk memastikan pembentukan kepimpinan di institusi-institusi pengajian tinggi dan termasuk juga institusi yang berada dalam lingkungan Kementerian Pendidikan Tinggi. Antaranya kita laksanakan melalui Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dengan memperkenalkan modul-modul bagi membentuk daya kepimpinan mereka. Ini termasuk dalam konteks kepimpinan Organisasi, pengurusan universiti, dan termasuk juga pengurusan kemampanan kewangan dan perancangan strategik dan lain-lain lagi.

2. Selain itu, melalui Lonjakan 2 (Kecemerlangan Bakat) di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 turut menggariskan strategi untuk menarik, memupuk dan mengekalkan bakat terbaik negara. Di bawah strategi ini terdapat beberapa inisiatif yang terlibat iaitu Pembangunan bakat dan keupayaan IPT.

3. Seterusnya dalam usaha kita untuk memastikan supaya kita dapat membina dari aspek profesional di kalangan kepimpinan universiti ini, dalam pembangunan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPPTM) 2026-2035, KPT berhasrat untuk membangunkan pemimpin berprestasi tinggi yang mempunyai matlamat yang jelas (*Purpose-driven High-performance Talent*) di pelbagai peringkat sama ada dalam kalangan staf akademik atau pentadbir. Ini untuk memastikan bakat serta pemimpin yang dibangunkan adalah cekap, komited dan mempunyai nilai yang positif yang boleh memacu kecemerlangan institusi dan akademik.

4. Ini termasuklah menerapkan nilai-nilai yang dipanggil sebagai **DEI** iaitu *Diversity, Equity and Inclusivity* iaitu kepelbagaian, ekuiti dan keterangkuman.

5. Di peringkat Universiti Awam (UA) pula turut terdapat usaha-usaha dalam menghasilkan pemimpin di peringkat pentadbiran universiti yang berkualiti dan mempunyai wawasan yang jelas antaranya diperkenalkan seperti:

   i. Di Universiti Sains Malaysia melalui Pusat Transformasi Insan (PTI);

   ii. Di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dilaksanakan ***Leadership Bench Strength***; dan

   iii. Di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terdapat pelaksanaan Pembangunan Bakat dan Pelan Strategik yang diaturkan.

6. Pihak KPT melalui UA juga turut menghantar pegawai-pegawai kanan universiti ke universiti luar negara samada melalui program-program sabatikal mereka bagi memastikan supaya pendedahan-pendedahan terhadap tranformasi kepimpinan ini dapat diberikan kepada mereka dari masa ke semasa.

7. Di Politeknik dan Kolej Komuniti pula, antara inisiatif yang dilaksanakan adalah program Pemerkasaan Kepimpinan Politeknik dan Kolej Komuniti atau lebih dikenali sebagai MyPolyCC LEP (*MyPolyCC Leadership Enhancement Program*). Program ini memberi fokus kepada peningkatan kompetensi kepimpinan melalui beberapa pendekatan, antaranya kursus dan bengkel, mengetuai projek khas serta kemahiran yang diperolehi semasa bekerja (*on-the-job training*).

8. KPT percaya segala usaha yang dijalankan dan direncana akan dapat menghasilkan pemimpin dan nilai-nilai kepimpinan di peringkat pentadbiran universiti yang lebih berkualiti.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]

TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 17

SOALAN

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** minta menyatakan selaras dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan bakat dapat dibangunkan dalam sektor-sektor kritikal seperti sektor teknologi dan sektor kejuruteraan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa mengambil langkah proaktif bagi melahirkan bakat mengikut keperluan sektor kritikal industri negara. Sehubungan dengan itu, KPT sedang bekerjasama dengan *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA) untuk padanan keperluan bakat oleh industri dan penyediaannya oleh Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam memastikan bakat yang dihasilkan mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang selaras dengan keperluan industri. Fokus kerjasama ini menjurus bidang-bidang keutamaan seperti elektrik dan elektronik, aeroangkasa, peralatan perubatan, serta farmaseutikal dan kimia.

2. Selain itu, bagi memperkasa TVET di KPT, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bersama industri. Salah satu yang sedang dilaksanakan adalah pengukuhan kolaborasi industri di peringkat nasional di bawah inisiatif *Government-Industry Coordination Body* (GITC) yang ditubuhkan melalui Majlis TVET Negara (MTVET). GITC berperanan sebagai badan perantara bagi memudahcara kerjasama pihak industri dengan institusi TVET dan IPT lain.

3. Sehingga September 2024, GITC telah memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dengan 74 buah syarikat pelbagai bidang industri dan mensasarkan untuk menandatangani 100 MoU pada akhir Disember 2024. MoU ini bertujuan memperkukuh hubungan antara institusi TVET dan industri melalui kolaborasi rasmi bagi menyediakan peluang penempatan kerja dan latihan industri kepada pelajar IPT khususnya dalam pendidikan TVET.

4. Di bawah inisiatif GITC juga, Majlis Pakar Industri (*Industry Council of Experts - ICE*) telah ditubuhkan yang mewakili 21 sektor ekonomi yang tersenarai dalam *Malaysia Standard Industrial Classification* (MSIC) 2008. Majlis ini kini terdiri daripada 259 pakar dan berhasrat untuk mencapai sasaran 390 pakar pada akhir tahun 2024. Objektif utama ICE adalah untuk mengumpulkan pakar industri dan berfungsi sebagai badan penasihat dalam meningkatkan kualiti program TVET bagi memberi nasihat strategik kepada institusi mengikut keperluan bidang industri.

5. Tambahan itu, KPT sentiasa menilai dan memperbaharui kurikulum program akademik terutamanya dalam bidang teknologi dan kejuruteraan agar selari dengan keperluan industri. Semakan kurikulum program akademik juga dilaksanakan secara berkala. KPT amat menggalakkan IPT bekerjasama rapat dengan pemain industri dalam proses penggubalan kurikulum bagi memastikan program yang dibangunkan di IPT sesuai dengan perkembangan teknologi dan keperluan pasaran kerja.

6. Sebagai contoh, *Structured Industry Apprenticeship Programme (SIAP) for Integrated Circuit Design (IC Design)* merupakan satu inisiatif yang dibangunkan bagi mengurangkan jurang perbezaan antara universiti dan industri di mana universiti berkaitan perlu memasukkan kurikulum IC Design (dengan input industri) dalam silibus program akademik masing-masing.

7. Melalui inisiatif Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2035 yang dibangunkan, penjajaran program pengajian sedia ada akan dilaksanakan seiring dengan intipati NIMP 2030 yang merangkumi 21 sektor di mana Kementerian memfokuskan kepada bidang TVET meliputi sektor elektrik dan elektronik, automotif, kenderaan elektrik (EV), rel, pembinaan dan membaikpulih kapal, kecekapan tenaga, tenaga hijau serta bidang kompetitif merangkumi pemprosesan makanan, pengurusan halal, digital, dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN]

TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 26

SOALAN

DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa peratus siswa dan siswi yang mengambil jurusan pendidikan sama ada lepasan UPSI, IPG atau universiti-universiti awam yang lain yang sehingga kini masih lagi menganggur dan belum mendapat pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan data daripada Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), pada tahun 2021 hingga 2023, **kadar kebolehpasaran graduan Universiti Awam (UA) dalam tempoh enam (6) bulan bergraduasi dalam bidang pendidikan** adalah seperti berikut:

   i. 7.7 peratus graduan belum bekerja pada tahun 2021,

   ii. 4.7 peratus graduan belum bekerja pada tahun 2022, dan

iii. 5.3 peratus graduan belum bekerja pada tahun 2023.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi Institut Pendidikan Guru (IPG) pula, berdasarkan maklumat daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM):

i. pada tahun 2021, seramai 1,572 orang guru telah dikeluarkan dan kesemua 100 peratus guru telah ditempatkan.

ii. untuk tahun 2022, seramai 2,322 orang guru telah dikeluarkan dan kesemua 100 peratus guru telah ditempatkan.

iii. Bagi tahun 2023 seramai 2,190 orang guru telah dikeluarkan dan kesemua 100 peratus guru telah ditempatkan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD
[KEPALA BATAS]

TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 30

SOALAN

DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [KEPALA BATAS] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan:

(a) statistik terkini pelajar IPTA yang tercicir akibat tidak berjaya menamatkan pengajian mengikut universiti; dan

(b) apakah punca dan tindakan pihak IPTA bagi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Sistem MyMoheS Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada tahun 2023, terdapat 4.1 peratus pelajar yang tercicir akibat tidak berjaya menamatkan pengajian.

2. Dalam hal ini, antara punca utama keciciran ini adalah:

   (i) Diberhentikan (tidak mendaftar),

   (ii) Diberhentikan (gagal peperiksaan),

(iii) Berhenti (sebab peribadi),

(iv) Berhenti (alasan tidak berminat meneruskan pengajian),

(v) Diberhentikan (tidak membayar yuran pengajian), dan

(vi) Berhenti (masalah kewangan)

3. Sehubungan itu, KPT telah melaksanakan beberapa inisiatif dalam mengatasi isu ini antaranya:

i. KPT bersama-sama dengan pihak IPTA menyediakan dua (2) bentuk program intervensi iaitu:

a. Pertama, program intervensi bersifat akademik seperti sistem penasihat akademik atau PA. Di bawah program ini, perancangan atau penyusunan semua pengajian diperhalusi untuk membolehkan pengajian diteruskan.

b. Kedua, program intervensi bukan akademik seperti perkhidmatan kaunseling individu dan berkelompok, *buddy system*, program motivasi, program mentor-mentee, *Academic Special Program* dan program kesedaran dari semasa ke semasa bagi membantu pelajar-pelajar di IPTA meneruskan pengajian mereka.

ii. KPT juga menyediakan pelbagai bantuan bagi meringankan beban pelajar terutamanya dari golongan B40. Antara inisiatif yang dilaksanakan untuk membantu pelajar-pelajar daripada kelompok ini termasuklah penyediaan perkhidmatan Program *Food Bank Siswa*, Dapur Hal Ehwal Pelajar (HEP), pemberian wang sara diri dan sebagainya menggunakan peruntukan dana zakat, wakaf dan sumbangan yang diterima di IPTA masing-masing.

iii. KPT dari semasa ke semasa berhubung dengan pihak IPTA untuk melihat dengan lebih mendalam intervensi yang boleh dilakukan untuk membantu mereka yang terkesan akibat pandemik terutamanya bagi memudahkan proses untuk mereka meneruskan kembali pengajian. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,

PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI [KUALA KRAU]

TARIKH : 14 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 38

SOALAN

TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI [KUALA KRAU] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :

a) adakah benar berlakunya pengurangan jumlah pengambilan pelajar baru di UiTM Jengka; dan

b) sekiranya ya, mohon penjelasan daripada pihak Kementerian berkenaan asbab berlakunya serta langkah-langkah yang diambil bagi menaikkan kembali bilangan pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, terdapat peningkatan jumlah kemasukan pelajar ke UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka iaitu seramai 2,293 orang pada Oktober 2024 berbanding seramai 2,225 pelajar pada Oktober 2023.

2. Dalam hal ini, kemasukan adalah berdasarkan kepada kekosongan dan kapasiti akademik mengikut tahun pengambilan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN [JERANTUT]

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 12

SOALAN

IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN [JERANTUT] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan dari 430,000 peminjam yang tidak membayar hutang PTPTN :

(c) berapa jumlah peminjam PTPTN yang sudah bekerja dan gajinya sudah melebihi RM3,000 tetapi tidak pernah membuat sebarang pembayaran balik kepada PTPTN; dan

(d) jumlah di antara peminjam ini yang berasal dari kawasan Jerantut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, PTPTN hanya mempunyai data peminjam yang diperoleh semasa peminjam membuat permohonan dan masih belum mempunyai pendapatan.

2. Walau bagaimanapun, berdasarkan data peminjam yang tersedia, daripada keseluruhan 415,109 peminjam yang tidak pernah membuat bayaran balik sehingga 31 Ogos 2024, seramai 189,580

peminjam atau 45.7% adalah merupakan kumpulan penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR), manakala 225,529 peminjam atau 54.3% merupakan bukan kumpulan penerima STR.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh yang sama, sehingga 31 Ogos 2024, seramai 1,710 peminjam di bawah Parlimen Jerantut **tidak pernah membuat bayaran balik pinjaman mereka** iaitu berjumlah RM38.17 juta.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI]

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

NO. SOALAN : NO. 28

SOALAN

DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah bentuk pemantauan dan pengukuran prestasi (KPI) yang dibuat oleh Kementerian dalam memastikan setiap universiti awam di Malaysia berada di landasan tepat dalam menyelesaikan masalah masyarakat dan membentuk graduan yang berkualiti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi memastikan setiap universiti awam di Malaysia berada di landasan tepat dalam menyelesaikan masalah masyarakat dan membentuk graduan yang berkualiti, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah melancarkan **Pelan Tindakan Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024** dengan menggariskan **5 Fokus Utama** yang merangkumi 20 Landasan Hala Tuju. Lima fokus utama tersebut adalah seperti berikut:

i. **Penyediaan Bakat Terbaik Negara;**

ii. **Pengukuhan Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi;**

iii. **Pelaksanaan Pendekatan Baharu Program Pemindahan dan Perkongsian Ilmu;**

iv. **Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi; dan**

v. **Pemantapan Ekosistem Pemboleh Daya.**

2. Dalam hal ini, lima (5) Naib Canselor Universiti Awam telah dilantik bagi mengetuai setiap Kumpulan Fokus Utama (KFU) yang berperanan untuk memantau dan mengukur pelaksanaan prestasi program/ inisiatif strategik yang dilaporkan agar selaras dengan Landasan Hala Tuju.

3. **Keberhasilan bagi KFU Penyediaan Bakat Terbaik Negara**, adalah untuk memastikan Graduan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) memiliki ilmu dan kompetensi yang memenuhi keperluan pemegang taruh, berciri holistik dan bersemangat nasionalisme yang tinggi.

4. **Keberhasilan bagi KFU Pelaksanaan Pendekatan Baharu Program Pemindahan dan Perkongsian Ilmu** *adalah Knowledge Sharing Transfer Programme* (KSTP) di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) menjadi nukleus dan pemangkin kepada pembangunan masyarakat, industri dan negara yang menyumbang kepada kemajuan dan kesejahteraan hidup rakyat.

5. Berhubung perkara ini, **KPT telah melaksanakan empat (4) langkah** dalam memastikan fokus utama ini dapat dilaksanakan iaitu.

i. **Melaksanakan bengkel dan sesi libat urus bersama Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di bawah naungan Kementerian.**

ii. **Menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator* - KPI) bagi kelima-lima Fokus Utama tersebut.**

iii. **Melantik Naib Canselor Universiti Awam bagi mengetuai setiap Fokus Utama.**

iv. **Melaksanakan aktiviti pemantauan serta pelaporan secara berkala melalui Jawatankuasa Pelaksana, Pemandu dan Induk Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024.**

6. Selain Pelan Tindakan Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024 ini, **KPT turut meneruskan pemantauan prestasi pelaporan bagi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)** dan prestasi bagi **Jawatankuasa Menyemak dan Mengkaji Semula Pendidikan Tinggi Nasional (NRC)** serta **inisiatif-inisiatif kementerian yang sedang dilaksanakan**.

7. Untuk makluman Yang Berhormat juga, dalam usaha memastikan pemantauan pelaksanaan program serta inisiatif secara lebih strategik, Kementerian telah menubuhkan Unit Pengurusan Prestasi dan Penyampaian Pendidikan Tinggi (HEAD) yang bertujuan untuk memantau, menyelaras dan melaporkan prestasi pencapaian inisiatif-inisiatif utama kementerian. Dalam hal ini, **Dashboard Prestasi dan Penyampaian Pendidikan Tinggi** telah dibangunkan supaya pemantauan prestasi berkala dapat dilaksanakan secara digital. Analisis prestasi pencapaian inisiatif dibuat bagi menilai keberkesanan dan cabaran, seterusnya melaksanakan intervensi serta cadangan penyelesaian bagi memastikan agenda transformasi pendidikan tinggi dicapai.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH [INDERA MAHKOTA]

TARIKH : 20 NOVEMBER 2024 (RABU)

NO. SOALAN : NO. 35

SOALAN

DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah terdapat kajian terperinci Kerajaan dalam merangka strategi untuk mengatasi *underemployment* dalam kalangan graduan secara lebih holistik mengambil kira trend kadar guna tenaga tidak penuh siswazah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Khazanah Research Institute (KRI) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengeluarkan laporan kajian *Shifting Tides: Charting Career Progression of Malaysia's Skilled Talents* pada Mac 2024 yang antaranya membincangkan ketersediaan kerja dan kecekapan padanan antara kemahiran tenaga kerja dengan permintaan daripada majikan.

2. Laporan tersebut turut menyatakan bahawa bilangan pekerja yang berpendidikan tinggi telah meningkat sebanyak 1.2 juta kepada 5.2

juta orang pada tahun 2022 berbanding tahun 2015. Walau bagaimanapun, hanya 2.2 juta jumlah pekerjaan berkemahiran tinggi di pasaran pada tahun 2022. Penambahan bilangan bakat yang mahir tidak disokong oleh jawatan yang sesuai, mengakibatkan kadar pengambilan kerja yang lebih tinggi berbanding kelayakan seterusnya menyebabkan guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran.

3. Sehubungan itu, bagi mengatasi isu *underemployment* di kalangan graduan IPT ini, antara inisiatif KPT adalah seperti:

   i. **Memperkasa program intervensi dan pembangunan** iaitu pelaksanaan program latihan dan pembangunan Kemahiran seperti Program Intervensi Kebolehpasaran Graduan dan Program Tauliah Industri dan Profesional Kementerian Pendidikan Tinggi (KPTiP) bertujuan memberi nilai tambah kepada graduan sebelum memasuki alam pekerjaan.

   ii. **Memperkukuh kerjasama IPT dan industri** dengan mempergiatkan kolaborasi bersama industri melalui platform-platform tertentu yang bertujuan membincangkan isu-isu ketidaksepadanan penawaran dan permintaan tenaga buruh serta menyediakan ruang dan peluang (platform) bagi membincangkan isu-isu kebolehpasaran graduan termasuk *“underemployment”.*

   iii. **Mempergiat Kerjasama merentas Kementerian dan Agensi** iaitu mempergiat kolaborasi serta perbincangan dari semasa ke semasa dalam pelbagai platform bersama-sama dengan Kementerian dan Agensi berkaitan seperti Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Kementerian Ekonomi (KE) bagi membantu menangani isu kekurangan tenaga kerja, jurang kemahiran pekerja, guna tenaga tidak penuh, gaji permulaan graduan dan pelbagai lagi.

iv. **Program Pembangunan Keusahawanan** melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2021 – 2025 (PTK IPT 2021 – 2025) yang menerapkan nilai dan kemahiran keusahawanan kepada pelajar untuk membentuk minda mereka daripada hanya sebagai pencari kerja (*job seeker*) kepada pencipta pekerjaan (*job creator*). Selain itu, KPT turut menjalinkan kerjasama dengan Kementerian dan agensi – agensi strategik antaranya seperti pihak TEKUN dan SME Corp dalam pembiayaan dana, MDEC dan juga MRANTI dalam peningkatan kemahiran khusus dan kolaborasi lain bagi membantu usahawan siswazah di dalam memperoleh ilmu baharu yang dipraktikkan dalam pasaran, khidmat nasihat dan mentorship.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU]

TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 9

SOALAN

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menjalankan kerjasama dengan pihak PTPTN bagi golongan usia pertengahan berkategori B40 dan M40 untuk kembali belajar melalui pengiktirafan pembelajaran APEL A, APEL C dan APEL Q.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) amat komited dalam menyokong agenda Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) negara serta agenda global berkenaan Matlamat Pembangunan Lestari. Justeru, Kementerian melalui Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) telah memperkenalkan Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (*Accreditation of Prior Experiential Learning*, APEL) dalam tiga kategori iaitu:

i. Pertama adalah APEL untuk tujuan akses (APEL.A);

ii. Kedua adalah APEL untuk tujuan pindah kredit (APEL.C); dan

iii. Ketiga adalah APEL untuk tujuan penganugerahan kelayakan (APEL.Q).

2. Dalam usaha Kementerian menggalakkan masyarakat menyokong agenda Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kementerian melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) juga telah menyediakan kemudahan pinjaman pendidikan PTPTN dan terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang mendapat tawaran ke Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Awam dan Swasta dan Politeknik dengan memenuhi syarat kelayakan kemasukan yang ditetapkan oleh KPT, termasuk pelajar yang mendapat tawaran IPT melalui kelayakan APEL.

3. Selain itu, pemohon juga perlu memenuhi syarat-syarat permohonan seperti yang tertera dalam portal PTPTN antaranya:

i. Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh memohon,

ii. Kursus yang diikuti oleh pelajar IPTA/IPTS dan Politeknik mestilah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi dan berdaftar dengan PTPTN,

iii. Baki tempoh pengajian semasa membuat permohonan hendaklah tidak kurang dari satu (1) semester, dan

iv. Telah membuka akaun Simpan SSPN *Prime*/ Simpan SSPN *Plus*.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 26 NOVEMBER 2024 (SELASA)

NO. SOALAN : NO. 42

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pendirian terkini Kementerian berkaitan status quo UiTM khususnya untuk program pendidikan lanjutan bidang kardiotoraks.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Universiti Teknologi MARA (UiTM) masih menawarkan Program Kardiotorasik UiTM dengan syarat kemasukan sedia ada.

2. UiTM telah menerima Perakuan Akreditasi Sementara bagi program Sarjana Sains Surgeri (Kardiotorasik) dan Kedoktoran Surgeri Kardiotorasik pada 13 Ogos 2020 oleh Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA). Dengan adanya kelulusan ini, UiTM diiktiraf sebagai pusat pendidikan tinggi untuk latihan kepakaran kardiotorasik.

3. Pengambilan pelajar kohort pertama bagi **program Sarjana** telah bermula pada 1 Disember 2020. Manakala pengambilan pelajar kohort pertama bagi **program Kedoktoran** telah bermula pada 1 Disember 2022.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN]

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 2

SOALAN

DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pencapaian yang berjaya dicapai pada setiap tahun bermula tahun 2015 sehingga Ogos 2024 bagi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) merupakan dokumen strategik yang menggariskan hala tuju pendidikan tinggi. Berhubung perkara ini, pencapaian PPMPT yang berjaya dicapai dapat dilihat berdasarkan tiga (3) fasa berikut:

    i. **Fasa 1 (2015): Membina momentum dan meletakkan asas**. Tahun 2015 merupakan tahun pertama pelaksanaan PPPM(PT). Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah memastikan pencapaian segera untuk memulakan momentum dan menyediakan asas transformasi. Seawal tahun pertama ini, KPT telah berjaya:

a. Melancarkan **Program Transformasi Universiti** dan menghasilkan *UniTP Green Book: Enhancing University Board Governance and Effectiveness.* Buku panduan ini telah menjadi rujukan bagi universiti.

b. Melaksanakan **penstrukturan semula organisasi** Kementerian dan model operasi baharu iaitu pewujudan semula KPT sebagai sebuah Kementerian baharu selepas sektor pendidikan tinggi berpisah daripada KPM.

c. Melancarkan **program *CEO@Faculty*** yang melibatkan pemimpin industri/ pengarah urusan syarikat atau kepimpinan kanan sektor awam dalam pengajaran dan pembelajaran IPT.

ii. **Fasa 2 (2016-2020): Memacu peningkatan sistem.** Fasa ini fokus untuk memacu peningkatan sistem melalui pelbagai inisiatif dan program. Antara yang telah berjaya dilaksanakan adalah:

a. **Peningkatan interaksi bersama industri dan komuniti**, pelaksanaan program sarjana muda 2+2 serta memanfaatkan pembelajaran di luar kampus seperti di industri atau masyarakat. Ini dapat dilihat dengan penawaran program 2u2i sarjana muda di UMK, UPM, UniSZA dan UTM.

b. Memperkenal **Insentif Penubuhan Tabung atau (WAQF)** oleh IPT awam dan swasta, termasuk pemberian dana padanan dan pengecualian cukai.

c. **Mentransformasi PTPTN** sebagai Tabung Pendidikan Malaysia, dengan Skim Simpanan dan Insentif yang telah ditambah baik

iii. **Fasa 3: Menganjak ke arah kecemerlangan melalui peningkatan keluwesan operasi.** Fasa 3 ini merupakan fasa penting di mana KPT dan seluruh dunia berdepan dengan cabaran pasca COVID-19. Mengambil kira cabaran keperluan

semasa, pihak KPT telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan transformasi pendidikan tinggi tercapai. Ini termasuk:

a. **Mengemaskini dasar dan garis panduan** untuk mengambil kira keperluan Kemahiran abad ke-21 dalam kurikulum supaya cabaran global dan masa depan dapat ditangani graduan. Jawatankuasa Menyemak dan Mengkaji Semula Dasar Pendidikan Tinggi Nasional (*National Review Committee on Higher Education Policy - NRC*) telah dilantik bagi menyemak dan menilai polisi semasa pendidikan tinggi melalui polisi-polisi baharu, memperkukuh polisi sedia ada dan memansuh polisi yang tidak relevan.

b. Melengkapkan **penjenamaan semula TVET** bagi menjadikannya haluan pilihan. Ini termasuk transformasi politeknik yang telah meningkatkan ekosistem TVET. Data Kemasukan Pelajar MTUN, Politeknik dan Kolej Komuniti juga menunjukkan peningkatan dari semasa ke semasa.

c. Menyokong perubahan dan pencapaian Program Transformasi Universiti yang mencapai keunggulan di peringkat serantau dan global dalam bidang tujahan masing-masing. Sebagai contoh, pembukaan kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Doha, Qatar (UKM Qatar) yang telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia membuktikan kecemerlangan UKM di persada antarabangsa.

2. Penilaian pencapaian prestasi dibuat secara berterusan bagi memastikan kemajuan pendidikan tinggi terus menyumbang nilainya kepada negara. Pencapaian setiap Lonjakan PPPM (PT) ini dipantau berdasarkan program yang dilaksanakan di bawah setiap inisiatif dan melalui pelaporan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR]

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 9

SOALAN

TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar STPM yang ditawarkan tempat di universiti awam dalam pecahan kursus.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi menjawab pertanyaan ini, jawapan akan diberikan berdasarkan Kod Pendidikan Nasional (NEC-2020), memandangkan terdapat perincian kursus yang terlalu banyak di setiap Universiti Awam (UA). Jadi kita akan perincikan berdasarkan kod-kod bukan berdasarkan setiap kursus yang ditawarkan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berperanan menyelaras kemasukan pelajar lepasan STPM dan setaraf ke 20 Universiti Awam bagi program Ijazah Sarjana Muda. Pemilihan calon bagi kemasukan ini adalah setara dan dinilai berdasarkan kelayakan calon.

3. Berhubung perkara ini, calon Lepasan STPM yang mendapat tawaran ke UA melalui saluran perdana (*UPUOnline*) mengikut pecahan kursus bagi Sesi Akademik 2024/2025 adalah seperti berikut:

    i. Pendidikan seramai 2,497 orang.

    ii. Sastera dan Kemanusiaan seramai 5,105 orang.

    iii. Sains Sosial, Kewartawanan dan Maklumat seramai 3,865 orang.

    iv. Perniagaan, Pentadbiran dan Perundangan seramai 9,076 orang.

    v. Sains Semulajadi, Matematik dan Statistik seramai 1,765 orang.

    vi. Teknologi Maklumat dan Komunikasi seramai 1,517 orang.

    vii. Kejuruteraan, Pembuatan dan Pembinaan seramai 2,362 orang.

    viii. Pertanian, Perhutanan, Perikanan dan Veterinar seramai 916 orang.

    ix. Kesihatan dan Kebajikan seramai 654 orang.

    x. Perkhidmatan seramai 1436 orang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 17

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah tempat di setiap universiti awam dan kursus yang ditetapkan untuk kemasukan pelajar secara terus (bayaran yuran penuh). Adakah standard untuk kemasukan kepada sesuatu universiti awam dan kursus secara terus berlainan dengan kemasukan biasa (yuran disubsidikan oleh Kerajaan).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan maklumat universiti awam (UA), jumlah tempat di setiap UA mengikut program atau kursus yang ditetapkan untuk kemasukan secara terus (bayaran yuran penuh) adalah seperti berikut:

    i. **Universiti Malaya (UM)**, sebanyak 1,000 tempat ditetapkan melibatkan 78 program di peringkat Sarjana Muda dan tiga (3) program Asasi dalam semua bidang yang ditawarkan.

    ii. **Universiti Sains Malaysia (USM)**, sebanyak 358 tempat ditetapkan melibatkan 50 program yang turut merangkumi program sains hayat, pendidikan, kejuruteraan, sains dan sastera.

iii. **Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**, sebanyak 2,000 tempat melibatkan 69 program dalam bidang tertentu antaranya perubatan, pendidikan, kejuruteraan, pengurusan dan lain-lain.

iv. **Universiti Putra Malaysia (UPM),** sebanyak 300 tempat melibatkan kesemua 84 program Bacelor yang ditawarkan.

v. Di peringkat **Universiti Teknologi Malaysia (UTM),** unjuran maksimum adalah 1,000 tempat bagi Program Asasi dan 800 bagi Program Diploma. Untuk Program Sarjana Muda (*International Degree Program* atau UTM-IDP), unjuran pengambilan adalah berdasarkan kapasiti maksimum fakulti yang tidak diisi oleh pelajar melalui kemasukan UPU.

vi. Bagi **Universiti Utara Malaysia (UUM),** jumlah tempat adalah tertakluk kepada persetujuan Pusat Pengajian dan unjuran maksimum pelajar di pusat Pengajian masing-masing. Bagi program atau kursus, ia melibatkan 42 program atau kursus yang ditawarkan.

vii. Di **Universiti Islam Antarbangsa Malaysia (UIAM)**, jumlah tempat adalah ditetapkan oleh pihak fakulti dari semasa ke semasa. Bagi program atau kursus pula, sebanyak 57 program atau kursus ditetapkan dalam bidang-bidang tertentu termasuk program kompetitif seperti perubatan, pergigian dan farmasi.

viii. Di **Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)** tiada had pengambilan pelajar kemasukan secara terus bermula tahun 2024 dan sebanyak tujuh (7) program ditetapkan.

ix. Di **Universiti Malaysia Sabah (UMS)** juga, tiada had pengambilan pelajar dan sebanyak 50 program ditetapkan.

x. **Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI),** jumlah minimum tempat bagi setiap program adalah 25 dan program yang ditetapkan adalah bagi program rintis Saluran Bitara iaitu Sarjana Muda Pendidikan (Bahasa Melayu) dengan Kepujian, Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris

sebagai Bahasa Kedua) dengan Kepujian, Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian.

xi. **Universiti Teknologi MARA (UiTM),** menetapkan sebanyak lima (5) hingga 10 tempat bagi program terpilih sahaja.

xii. **Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA),** jumlah tempat yang ditetapkan adalah sebanyak 80 tempat melibatkan beberapa program.

xiii. **Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)** menetapkan sebanyak 25 tempat melibatkan Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang dengan Kepujian (20 tempat) dan Sarjana Muda Pembedahan Pergigian (5 tempat).

xiv. **Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM),** tiada had pengambilan pelajar bagi kemasukan program secara terus. Walau bagaimanapun, kemasukan pelajar ini tertakluk kepada unjuran maksimum di fakulti masing-masing. Sebanyak 47 program atau kursus terlibat.

xv. **Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA),** menetapkan sebanyak 300 tempat melibatkan lapan (8) program.

xvi. **Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP),** menetapkan sebanyak 300 tempat dan program atau kursus yang ditetapkan adalah Sarjana Muda dalam bidang Perniagaan Antarabangsa dan Komunikasi Media Baharu.

xvii. **Universiti Malaysia Kelantan (UMK)** menetapkan 20 tempat bagi program Doktor Perubatan Veterinar (DVM+).

xviii. **Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)** menetapkan lima (5) tempat untuk jurusan perubatan.

xix. **Universiti Malaysia Terengganu (UMT)** pada masa ini tidak menerima sebarang kemasukan melalui bayaran penuh dan **Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)** tidak membuat ambilan secara terus.

2. Berdasarkan maklumat daripada pihak UA juga, bagi standard kemasukan ke program atau kursus secara terus (bayaran yuran penuh), **kebanyakan UA menggunakan syarat kemasukan dan proses pemilihan pelajar yang sama** seperti kemasukan pelajar ke program atau kursus secara biasa (bayaran yuran disubsidikan oleh Kerajaan).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL KHALID [KUALA KANGSAR]

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 20

SOALAN

DATUK ISKANDAR DZULKARNAIN BIN ABDUL KHALID [KUALA KANGSAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan impak keculasan peminjam dalam membuat bayaran balik pinjaman mereka terhadap beban kewangan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan apakah pandangan Kementerian mengenai kemampanan kewangan PTPTN yang diibaratkan sebagai bom jangka dalam tempoh 20 tahun lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Model pembiayaan pinjaman PTPTN adalah bergantung kepada prestasi bayaran balik sebagai sumber utama dana pusingan dalam memastikan kelestarian pembiayaan untuk manfaat peminjam di masa akan datang.

2. Dalam konteks ini, sebarang keperluan atau kekurangan dana bagi tujuan pembiayaan pinjaman PTPTN akan ditampung dengan

perolehan dana melalui pinjaman daripada institusi kewangan tempatan, atau melalui pengeluaran sukuk dengan jaminan Kerajaan.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PTPTN pada masa kini masih berupaya untuk menampung bayaran balik serta kos sumber dana yang diperoleh melalui pinjaman daripada institusi kewangan tempatan, atau melalui pengeluaran sukuk dengan jaminan Kerajaan.

4. Walau bagaimanapun, keperluan berterusan kepada pinjaman atau pengeluaran sukuk bagi menampung keperluan dana pinjaman pendidikan disebabkan bayaran balik yang kurang memberangsangkan akan memberikan kesan jangka masa panjang kepada Kerajaan.

5. Bagi memastikan model pembiayaan PTPTN terus relevan serta lebih efisen dan mampan untuk jangka masa panjang, Kementerian dan PTPTN sedang bekerjasama rapat dengan Unit Pantau Madani, Kementerian Kewangan untuk mengkaji dan mencadangkan model baharu pembiayaan PTPTN.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN [TANGGA BATU]

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 27

SOALAN

TUAN HAJI BAKRI BIN JAMALUDDIN [TANGGA BATU] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan maklumat tentang bidang fisioterapi :

(a) berapa jumlah bilangan enrolmen pelajar bidang fisioterapi peringkat diploma dan ijazah sarjana muda di seluruh institusi pendidikan awam dan swasta seluruh negara dalam setahun; dan

(b) berapa bilangan graduan fisioterapi 5 tahun ke belakang dan unjuran 5 tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a)

1. Berdasarkan sistem MyMoheS di Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi tempoh sehingga Jun 2024, jumlah enrolmen pelajar Program Fisioterapi di **Universiti Awam (UA)** peringkat **Ijazah**

Sarjana Muda adalah seramai **680 pelajar** dan **Diploma** seramai **148 pelajar**.

2. Di **Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)** pula, berdasarkan Sistem e-IPTS, sehingga suku kedua tahun 2024, jumlah enrolmen pelajar Program Fisioterapi di peringkat **Ijazah Sarjana Muda** adalah **2,476 pelajar** dan **Diploma** seramai **836 pelajar**.

(b)

3. Untuk data bagi **bilangan graduan lima (5) tahun kebelakang**, jumlah keluaran pelajar bagi Program Fisioterapi di peringkat ijazah pertama dan diploma adalah seperti berikut:

    i. Di **UA**, dari tahun 2020 sehingga Jun 2024, jumlah keluaran pelajar adalah seramai **744 pelajar**.

    ii. Di **IPTS**, dari tahun 2020 sehingga suku kedua tahun 2024, jumlah keluaran pelajar adalah seramai **1,482 pelajar**.

4. Mengenai unjuran graduan Program Fisioterapi, semakan Kementerian ini dengan UA yang menawarkan Program Fisioterapi mendapati unjuran UA bagi graduan Program Fisioterapi lima tahun kehadapan adalah sekitar 30 graduan setiap tahun.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN RUSHDAN BIN RUSMI
[PADANG BESAR]

TARIKH : 2 DISEMBER 2024 (ISNIN)

NO. SOALAN : NO. 32

SOALAN

TUAN RUSHDAN BIN RUSMI (PADANG BESAR) minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kesediaan Kementerian terutamanya politeknik untuk bekerjasama dengan Kerajaan negeri dalam memacu bidang pendidikan TVET.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui politeknik telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam usaha memacu dan memperkukuh bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

2. Kerjasama ini bertujuan untuk memastikan penyelarasan strategik antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri dalam mempertingkat kualiti pendidikan TVET. Langkah ini juga penting untuk memenuhi keperluan industri tempatan serta melahirkan lebih ramai tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, selari dengan aspirasi pembangunan negara.

3. Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan Majlis atau Jawatankuasa TVET Negeri seperti Majlis TVET Johor, Majlis TVET Melaka, Majlis TVET Negeri Sembilan, Majlis TVET Selangor, Majlis TVET Sarawak dan Jawatankuasa TVET Negeri Perak.

4. Antara kerjasama yang telah dilaksanakan termasuklah peranan Politeknik Kota Melaka sebagai Sekretariat untuk Majlis TVET Melaka, manakala Politeknik Sultan Azlan Shah pula berfungsi sebagai TVET *Collaboration Hub* bagi bidang automotif dan hab automotif bagi TVET Perak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN]

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 35

SOALAN

DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha berterusan pihak Kementerian dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan terutamanya daripada universiti awam (UA) agar setanding dengan kadar kebolehpasaran graduan TVET.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan data rasmi daripada Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), kadar kebolehpasaran graduan TVET KPT (MTUN, Politeknik dan Kolej Komuniti) dan graduan bukan aliran TVET daripada Universiti Awam (UA) mencatat kadar kebolehpasaran yang tinggi dengan trend meningkat dari tahun 2021 hingga tahun 2023.

2. KPT terus komited dalam menyediakan bakat berkemahiran tinggi yang holistik serta mampu mengisi keperluan industri tempatan dan global seiring dengan dinamika ekonomi dan teknologi semasa. Antaranya, KPT telah melancarkan Pelan Strategik Kebolehpasaran

Graduan (PSKG) 2021 - 2025 pada 16 Oktober 2021 yang menjadi rujukan dan panduan kepada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) untuk menjayakan matlamat kebolehpasaran graduan.

3. Pelan ini dibangunkan secara kolaboratif melalui sesi libat urus yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan, pegawai fokal universiti, kementerian dan jabatan, agensi, badan berkanun serta industri yang berkaitan.

4. Selain memberi penekanan kepada elemen pengukuhan kolaborasi dalam bidang pembangunan akademik serta kebolehpasaran graduan yang berimpak tinggi, pemerkasaan elemen inovasi dan teknologi dalam ekosistem pengajaran dan pembelajaran di IPT turut diberi perhatian khusus.

5. Selain itu, pihak Kementerian sentiasa giat melakukan sesi libat urus dan perkongsian dengan pelbagai pihak khususnya pentadbiran IPT dan wakil-wakil industri bagi mencari jalan dan inisiatif terbaik bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN [MERBOK]

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

NO. SOALAN : NO. 43

SOALAN

TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN [MERBOK] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** minta menyatakan perancangan dalam menyediakan kadar minima elaun kepada pelajar yang menjalani latihan industri (*internship*) sebelum menamatkan pengajian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah memperkenal **Dasar Latihan Industri IPT** pada tahun 2010 bertujuan untuk pemantapan dan keseragaman latihan industri sedia ada di IPT. Sepanjang tempoh tersebut sehingga kini, pelbagai perubahan telah berlaku sama ada di sektor industri mahupun sistem pendidikan tinggi negara.

2. Dalam merealisasikan hasrat kerajaan untuk melahirkan sumber keperluan tenaga kompeten yang dapat memenuhi kehendak majikan dan industri, KPT telah mengambil inisiatif melaksanakan Kajian Impak dan Hala Tuju Dasar Latihan Industri (LI) Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) bagi menilai dan menambah baik Dasar LI

2010 sedia ada agar sejajar dengan perkembangan terkini dalam sistem pendidikan tinggi dan juga Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

3. Untuk makluman, kajian tersebut masih dalam peringkat laporan interim dan KPT juga sedang bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) bagi mendapatkan kaedah serta penyelesaian yang komprehensif dan terbaik bagi semua pihak yang terlibat. Pelaksanaan dasar ini nanti diharapkan mampu menangani isu kemudahan, perlindungan dan pembayaran elaun latihan industri kepada pelajar-pelajar.

4. Selain itu, KPT juga terlibat dalam satu usaha kolaboratif iaitu ***National Structured Internship Programme*** **(MySIP)** yang diterajui oleh *TalentCorp*, sebuah agensi di bawah KESUMA. Ia merupakan salah satu usaha dalam memberi pengalaman latihan industri berstruktur yang bermakna dan relevan kepada pelajar.

5. Dalam konteks berkaitan, KPT turut berpandangan terdapat keperluan secara holistik bersama kementerian-kementerian yang bertanggungjawab memantau, menyelia dan memberi penekanan kepada pemain-pemain industri ini terutamanya berkaitan isu pemberian elaun latihan industri untuk menjaga aspek kebajikan pelajar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT]

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

NO. SOALAN : NO. 9

SOALAN

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pendirian Kementerian berkenaan yuran pendaftaran kemasukan pelajar-pelajar di universiti awam yang membebankan golongan ibu bapa B40.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Izinkan saya untuk menjawab soalan daripada Sungai Siput berkaitan dengan dasar Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan juga dasar Kerajaan Madani untuk membantu golongan pelajar daripada kalangan B40 iaitu kita bertindak lebih proaktif dan lebih insani sifatnya bagi memastikan pembayaran yuran kemasukan pengajian dan tidak menghalang pendaftaran pengajian mereka disebabkan oleh faktor kemiskinan.

2. Dalam hal ini, Universiti Awam (UA) telah diarahkan supaya menghadkan yuran pendaftaran pelajar hanya pada sekitar RM1,500 sahaja mulai Januari 2024. Dan ini selaras dengan pemberian Wang

Pendahuluan Pinjaman (WPP) oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) sebanyak RM1,500.

3. Dalam masa yang sama, saya ingin maklumkan dalam dewan yang mulia ini iaitu UA juga tidak dibenarkan menghalang mana-mana pendaftaran pelajar daripada kalangan B40 dan mereka yang tidak mampu membayar yuran kemasukan pengajian, dan kita sedang memantau dan pastikan sekiranya kalau ada kes-kes yang terlibat di kalangan pelajar-pelajar ini sila maklumkan kepada pihak Kementerian.

4. Pada bulan September yang lalu saya telah pun meminta semua pentadbir UA untuk menerima masuk pelajar yang kurang berkemampuan yang mendapat tawaran kemasukan tanpa menangguhkan urusan mereka untuk mendaftar dan selaras dengan itu juga menangguhkan bayaran yuran pendaftaran bagi Sesi Akademik 2024/2025. Langkah ini adalah untuk memastikan tiada pelajar yang tercicir disebabkan masalah kewangan mereka.

5. Jadi, secara ringkasnya dasar Kerajaan kita tidak akan sama sekali membenarkan mana-mana pelajar yang berkemampuan tetapi tidak dapat memasuki atau mendaftar ke universiti-universiti.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 11 DISEMBER 2024 (RABU)

NO. SOALAN : NO. 19

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengapa setiap tahun ada pelajar-pelajar cemerlang STPM yang mendapat A dalam semua mata pelajaran dengan CGPA 4.0 tetapi tidak ditawarkan kursus pilihan pertama mereka. Adakah Kementerian mengamalkan sistem kuota kemasukan kepada sesuatu kursus terutamanya kursus-kursus profesional membezakan pelajar-pelajar daripada aliran Matrikulasi dan aliran STPM.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ingin menjelaskan bahawa bagi memastikan setiap pemohon yang layak mempunyai kebarangkalian yang tinggi untuk mendapat tempat pengajian, UPUOnline® membenarkan calon membuat sehingga maksimum 12 pilihan program pengajian berdasarkan kelayakan mereka.

2. **Penawaran, hanya akan diberikan berdasarkan pilihan yang dibuat oleh calon sahaja**. Dalam hal ini, persaingan dalam kalangan calon merangkumi aspek **pencapaian akademik, perakuan temu**

duga dan/atau ujian, bilangan tempat yang terhad dan keutamaan pilihan calon. Oleh itu, mengambil kira aspek-aspek ini, sudah pasti akan terdapat calon tidak mendapat pilihan pertama.

3. Berhubung perkara ini, calon-calon cemerlang STPM/ Setaraf yang memperoleh PNGK 4.00 dan memohon pada **Sesi Akademik 2022/2023** adalah **seramai 4,304 orang**, pada **Sesi Akademik 2023/2024 seramai 4,318 orang** dan pada **Sesi Akademik 2023/2024 adalah seramai 4,318 orang.** Daripada jumlah tersebut, **semua calon cemerlang dengan PNGK 4.00 ini telah ditawarkan tempat pengajian dalam pilihan mereka**.

Sekian, terima kasih.

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2024

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DAN JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BUKAN LISAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI ACHING [BEAUFORT]

NO. SOALAN : NO. 98

SOALAN

DATUK HAJAH SITI AMINAH BINTI ACHING [BEAUFORT] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapa jumlah institusi pendidikan tinggi di Malaysia yang menawarkan kursus pengajian tetapi tidak memperoleh perakuan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Apakah usaha Kementerian dalam mengekang permasalahan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) merupakan badan jaminan kualiti di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

2. MQA berperanan melaksanakan akreditasi ke atas program yang ditawarkan oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) di Malaysia berasaskan kepada pematuhan Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) dan piawaian program yang berkaitan. Penilaian akreditasi ini dilaksanakan dalam tiga peringkat iaitu Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh dan Audit Pematuhan.

3. Sehingga kini, kesemua 18,791 program di peringkat Kursus Asas sehingga Ijazah Kedoktoran telah mendapat akreditasi penuh dan disenaraikan di dalam *Malaysian Qualifications Register* (MQR) serta mendapat nilai Taraf Perkhidmatan Awam.

4. Untuk makluman, akreditasi MQA ini merupakan prasyarat untuk kelulusan dan pengekalan kelulusan program oleh KPT.

5. Dalam usaha mengekang penawaran program yang tidak mendapati akreditasi, MQA boleh mengambil tindakan kepada PPT yang **tidak mendapat akreditasi tetapi mengelirukan pihak awam.** Jika sabit kesalahan boleh didakwa di bawah dua seksyen **Akta MQA [*Akta 679*]** iaitu **Seksyen 96** (**Pendaftaran pelajar bagi program yang didakwa diakredit) dan Seksyen 97 (Larangan pengiklanan, dsb).**

6. Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) dan (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM [GUA MUSANG]

NO. SOALAN : NO. 159

SOALAN

TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM [GUA MUSANG] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Gua Musang dan menyediakan tempat kepada pelajar Orang Asli Gua Musang melalui kaedah kemasukan khas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Cadangan penubuhan sesebuah IPT baharu memerlukan pertimbangan yang teliti dan menyeluruh berdasarkan kepada beberapa faktor, antaranya;

   (i) permintaan semasa yang harus merangkumi keperluan melibatkan perspektif pelajar dan masyarakat semasa yang mesti seimbang dengan saiz populasi,

   (ii) kecukupan dan kesediaan bekalan tenaga pakar dalam sesuatu bidang,

(iii) keupayaan menyediakan dan menyelenggara prasarana dengan baik,

(iv) kemandirian kewangan,

(v) prospek dan jenis program yang hendak ditawarkan, dan

(vi) risiko pertindihan (*overlapping*) dan sebarang ketidakpadanan (*missmatch*) dengan IPT serta program sedia ada.

2. Melalui semakan pihak Kementerian, pada masa ini, **di negeri Kelantan terdapat sebuah (1) universiti induk** iaitu Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dengan **dua (2) kampus cawangan** iaitu Kampus Jeli dan Kampus Pengkalan Chepa.

3. Terdapat juga beberapa kampus dan cawangan **Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA)** iaitu:

(iv) kampus cawangan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kota Bharu dan Machang,

(v) Universiti Malaya (UM) Kampus Nilam Puri,

(vi) kampus cawangan Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian,

(vii) Politeknik Jeli dan Kota Bharu,

(viii) Kolej Komuniti di Jeli,Tanah Merah, Kok Lanas, Pasir Mas dan Rantau Panjang.

4. Justeru, Kementerian percaya ketersediaan infrastruktur ini adalah memadai dalam menyediakan pendidikan peringkat diploma dan ijazah bagi semua peringkat lapisan masyarakat di negeri Kelantan.

5. Untuk makluman juga, komitmen KPT pada masa ini adalah memberi tumpuan kepada **penambahbaikan peranan kesemua IPTA di**

seluruh negara yang terdiri daripada 20 Universiti Awam, 36 Politeknik dan 106 Kolej Komuniti serta memberi akses pendidikan tinggi yang terbaik kepada para pelajar.

6. Sebagai maklumat tambahan, pelajar Orang Asli merupakan salah satu daripada **empat (4) laluan khas** di peringkat pemilihan pelajar ke IPTA dan ILKA, selain laluan kategori Orang Kurang Upaya (OKU) atau lepasan institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, kategori B40, dan kategori atlet.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]

NO. SOALAN : NO. 173

SOALAN

DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tindakan yang diambil terhadap peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang belum atau liat menjelaskan hutang pinjaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Model pembiayaan pinjaman PTPTN adalah bergantung kepada prestasi bayaran balik sebagai sumber utama dana pusingan dalam memastikan kelestarian pembiayaan untuk manfaat peminjam di masa akan datang. Kekurangan dana bagi tujuan pembiayaan pinjaman PTPTN akan ditampung dengan perolehan dana melalui pinjaman daripada institusi kewangan tempatan, atau melalui pengeluaran sukuk dengan jaminan Kerajaan.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PTPTN telah memberhentikan tindakan penguatkuasaan bayaran balik pinjaman, serta sekatan perjalanan kepada peminjam ingkar semenjak Jun 2018. Walau bagaimanapun, dari semasa ke semasa PTPTN mengambil pendekatan untuk mengingatkan peminjam mengenai

tunggakan bayaran balik pinjaman serta tanggungjawab mereka untuk membuat bayaran balik pinjaman.

3. Selain itu, PTPTN juga mengambil pendekatan menyediakan insentif tertentu bagi menggalakkan peminjam membuat bayaran balik seperti membenarkan peminjam membuat penstrukturan atau penjadualan semula bayaran balik pinjaman mengikut kemampuan mereka.

4. Terkini, Kementerian dan PTPTN sedang bekerjasama rapat dengan Unit Pantau Madani, Kementerian Kewangan untuk mengkaji dan mencadangkan model pembiayaan baharu PTPTN yang lebih efisen dan mampan untuk jangka masa panjang, bagi pembiayaan pendidikan tinggi negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU]

NO. SOALAN : NO. 191

SOALAN

DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan melalui Sistem Kajian Pengesanan Graduan yang ada pada ketika ini, berapa peratus kadar graduan yang menganggur selepas tamat pengajian dan berapa tempoh masa seorang graduan akan mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan **data rasmi dari Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG)** yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada tahun 2023, sebanyak 10.2 peratus graduan belum bekerja selepas enam (6) bulan menamatkan pengajian.

2. Data ini adalah khusus bagi tahun tersebut dan tidak bersifat kumulatif. Untuk makluman juga, SKPG hanya dibuka semasa musim konvokesyen iaitu enam (6) bulan selepas pelajar menamatkan pengajian. Oleh yang demikian, data kebolehpasaran graduan berdasarkan skop KPT adalah dalam tempoh tersebut sahaja. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD DELI [JEMPOL]

NO. SOALAN : NO. 203

SOALAN

DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD DELI [JEMPOL] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah tindakan Kementerian bagi memastikan ahli akademik tidak mengeluarkan kenyataan mengelirukan masyarakat dan hanya fokus bersandarkan kepakaran masing-masing di samping mengekalkan prinsip "kebebasan akademik" di kalangan pensyarah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menyedari keresahan di kalangan khalayak dan juga dalam kalangan akademik tentang Pekeliling Pejabat Pendaftar iaitu pemakluman larangan membuat kenyataan yang boleh membuat kemudaratan awam dan ini terkait juga dengan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) [Akta 605] di mana setiap institusi badan berkanun akan sering kali mengingatkan staf mereka berkaitan dengan yang boleh dan yang tidak boleh mereka lakukan.

2. Namun, KPT juga memahami dalam konteks sebuah Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Yang menjadi persoalannya ialah bagaimana pengurusan universiti mengambil perhatian terhadap setiap arahan atau peringatan yang diberikan oleh pihak JPA berkaitan dengannya kerana ia berkait dengan badan berkanun yang tersebut.

3. Lantaran itu, antara langkah yang telah KPT ambil untuk memastikan supaya sebarang arahan itu tidak hanya ditafsirkan secara sehala, apatah lagi dalam konteks sebuah Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), universiti sebagai contoh, iaitu setiap arahan itu tidak boleh dianggap hanya semata-mata boleh dilaksanakan di semua peringkat dan ini telah pun KPT buat teguran kepada universiti-universiti. Sekiranya ada kekeliruan atau kekaburan dalam tafsiran yang dikeluarkan itu, maka hendaklah terlebih dahulu dimaklumkan kepada pihak berkuasa termasuk juga di peringkat KPT untuk KPT perjelaskannya dan peringatan itu diambil.

4. Ini kerana, KPT sering kali mengingatkan kepada universiti bahawa universiti itu adalah mewakili sebuah negara iaitu Microcosm of the Nation. Jadi, ini yang sangat penting untuk diambil perhatian.

5. Maka, halangan terbesar ialah kerana terdapat Akta 605. KPT telah meminta supaya Akta 605 ini dilihat semula bagi memberikan pengecualian dalam konteks Universiti Awam (UA) kerana UA itu dianggap sebagai badan berkanun. Di dalam Akta 605 itu, ada 12 institusi yang dikecualikan. Maka sudah sampai masanya ia perlu dilihat dalam konteks sebuah universiti. Sebagai contoh, dalam konteks Perkara 18 (1) dan 18 (2), yang menyentuh tentang perkara yang boleh dan perkara yang tidak boleh. Makanya, dalam konteks UA itu, perlu lihat dalam konteks universiti itu tidak terlibat dalam keseluruhan pekeliling secara awam atau secara umum yang diberikan kepada semua pihak yang terlibat yang tertakluk di dalam kategori yang disebutkan sebagai badan-badan berkanun.

6. Ini antara langkah yang kita sedangkan lakukan dan langkah ini dianggap antara langkah kehadapan, radikal, quote dan unquote dan KPT sedang mencuba untuk melakukan perkara ini bagi membolehkan supaya iklim dalam sebuah universiti itu tidak terkongkong dengan ketakutan untuk menyampaikan pandangan mereka tapi dengan syarat dalam tradisi keintelektualan, kesarjanaan, seseorang yang akan bercakap itu dia tidak akan bercakap secara merapu, dengan izin, tanpa fakta dengan membuat teori-teori yang bukan-bukan. Tetapi ini yang disebutkan dan KPT akan lihat semula dalam konteks Akta ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN]

NO. SOALAN : NO. 245

SOALAN

DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan mahasiswa yang berdaftar di dalam bidang pengajian sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) pada 2018 sehingga 2023 dan peratusan graduan yang berjaya menghabiskan pengajian mereka dalam bidang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan sistem MyMohes di Kementerian Pendiikan Tinggi (KPT) pada tahun **2018 hingga 2023, keseluruhan bilangan kemasukan pelajar STEM di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA)** adalah seramai 759,867 iaitu masing-masing Universiti Awam seramai 532,249 diikuti Politeknik seramai 174,441 dan Kolej Komuniti seramai 53,177 pelajar.

2. Bagi tempoh yang sama, **keseluruhan bilangan keluaran pelajar STEM di IPTA** adalah seramai 622,868 pelajar masing-masing Universiti Awam seramai 415,747 pelajar diikuti Politeknik seramai 159,933 dan Kolej Komuniti seramai 47,188 pelajar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN]

NO. SOALAN : NO. 246

SOALAN

DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha Kementerian terhadap enrolmen pelajar ke peringkat pendidikan tinggi di Malaysia yang masih rendah dan berada di belakang Singapura dan Thailand namun pada masa sama merupakan negara di Asia Tenggara yang mempunyai peruntukan tahunan tertinggi bagi sektor pendidikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berperanan menyelaras permohonan, pemprosesan dan pemilihan kemasukan pelajar Lepasan SPM dan STPM atau Setaraf untuk menyambung pengajian peringkat Sijil, Asasi, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA).

2. Berhubung perkara ini, KPT sentiasa mempergiat promosi kemasukan pelajar seperti Program Jom Masuk U (JMU) dan *outreach* seluruh negara melalui Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Jabatan Pendidikan Tinggi (BKPA, JPT).

3. Melalui aktiviti promosi ini, para pelajar yang tercicir berpeluang mendapatkan maklumat yang lebih tepat tentang penawaran program-program pengajian di IPTA dan ILKA dan seterusnya dapat menyambung pengajian mereka.

4. Penyertaan dalam Program JMU, melibatkan perwakilan dari IPTA yang terdiri daripada 20 UA, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), empat (4) ILKA dan Agensi Awam yang lain seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Organisasi Penajaan/ Pembiayaan Pendidikan, Bahagian Biasiswa, KPT serta Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang merupakan pemegang taruh di peringkat KPT. Program JMU 2024 pada tahun ini akan dilaksanakan di 10 lokasi yang terpilih.

5. Kementerian juga sentiasa berusaha dalam menarik minat pelajar untuk menyambung pengajian ke peringkat pendidikan tinggi. Di peringkat **pemilihan pelajar** ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA), terdapat 4 Laluan Khas bagi kategori Orang Kurang Upaya (OKU)/ Lepasan Institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Laluan Khas bagi kategori B40, Laluan Khas bagi kategori Orang Asli dan Atlet.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN ROSLAN BIN HASHIM
[KULIM BANDAR BAHARU]

NO. SOALAN : NO. 355

SOALAN

TUAN ROSLAN BIN HASHIM [KULIM BANDAR BAHARU] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha Kementerian bagi mengatasi seramai 430,000 peminjam PTPTN yang tidak membayar pinjaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Model pembiayaan pinjaman PTPTN adalah bergantung kepada prestasi bayaran balik sebagai sumber utama dana pusingan dalam memastikan kelestarian pembiayaan untuk manfaat peminjam di masa akan datang. Sebarang keperluan atau kekurangan dana bagi tujuan pembiayaan pinjaman PTPTN akan ditampung dengan perolehan dana melalui pinjaman daripada institusi kewangan tempatan, atau melalui pengeluaran sukuk dengan jaminan Kerajaan.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PTPTN telah memberhentikan tindakan penguatkuasaan bayaran balik pinjaman, serta sekatan perjalanan kepada peminjam ingkar semenjak Jun 2018. Walau bagaimanapun, dari masa ke semasa PTPTN mengambil pendekatan untuk mengingatkan peminjam mengenai

tunggakan bayaran balik pinjaman serta tanggungjawab mereka untuk membuat bayaran balik pinjaman.

3. Selain itu, PTPTN juga mengambil pendekatan menyediakan insentif tertentu bagi menggalakkan peminjam membuat bayaran balik seperti membenarkan peminjam membuat penstrukturan atau penjadualan semula bayaran balik pinjaman mengikut kemampuan masing-masing.

4. Terkini, Kementerian dan PTPTN sedang bekerjasama rapat dengan Unit Pantau Madani, Kementerian Kewangan untuk mengkaji dan mencadangkan model pembiayaan baharu PTPTN yang lebih efisen dan mampan untuk jangka masa panjang, bagi pembiayaan pendidikan tinggi negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

NO. SOALAN : NO. 359

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan keputusan siasatan terkini mengenai skandal *Chartered Management Institute* dan adakah rancangan Kerajaan untuk menutup institut tersebut. Jika tidak, mengapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Adalah dimaklumkan bahawa *Chartered Management Institute* (CMI) bukan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang berdaftar di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*]. Namun demikian, CMI merupakan badan profesional yang berpangkalan di United Kingdom (UK) dan diiktiraf serta dikawal selia oleh *The Office of Qualifications and Examinations Regulation* (*Ofqual*) di UK.

2. Di Malaysia, Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) bekerjasama dengan CMI untuk memperoleh sijil profesional CMI. Pelajar yang bergraduat daripada IPT masih dianugerahi sijil dengan kursus pengajian yang telah mendapat akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan tambahan juga, pelajar akan memperoleh sijil profesional CMI.

3. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) telah memaklumkan kepada CMI menerusi surat bertarikh 20 September 2024 untuk berhubung dengan MQA bagi menjalankan penilaian kesetaraan untuk program-program CMI seterusnya mendapatkan akreditasi MQA bagi penawaran program persijilan CMI di IPT Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN]

NO. SOALAN : NO. 375

SOALAN

DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mekanisme pemantauan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian bagi memastikan semua universiti awam mematuhi arahan menerima kemasukan pelajar kurang berkemampuan tanpa bayaran yuran pendaftaran serta apakah langkah yang akan diambil terhadap universiti yang tidak mematuhi arahan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, pihak Universiti Awam (UA) telah diarahkan untuk menerima kemasukan pelajar kurang berkemampuan, termasuk menangguhkan bayaran yuran pendaftaran mereka.

2. Dalam perkara berkaitan, KPT sentiasa prihatin mengenai isu pelajar baharu yang kurang berkemampuan. Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh KPT adalah:

    i. menerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dengan menyediakan kemudahan **Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP)** bagi membantu pelajar B40 dan mereka yang layak untuk membuat persediaan atau perbelanjaan awal mendaftar ke IPT iaitu sebanyak RM1,500.

ii. melaksanakan Program SULUNG 3.0 bermula pada Sesi Akademik 2024/2025. Program ini menyediakan pembiayaan pendidikan bersasar kepada individu pertama dalam keluarga B40 yang berdaftar dengan sistem eKasih dan melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah di Universiti Awam (UA). Manfaat yang diterima oleh Siswa SULUNG 3.0 adalah **pengecualian yuran universiti** yang ditanggung sepenuhnya oleh pihak UA bagi tujuan pendanaan program SULUNG 3.0 [meliputi yuran berulang dan tidak berulang (*one-off*)] sepanjang tempoh pengajian tetapi tidak merangkumi yuran atau kos penginapan serta kos sara diri. Selain itu, pembangunan insaniah serta sokongan bimbingan akademik dan kaunseling turut diberikan kepada Siswa SULUNG 3.0 oleh setiap UA.

iii. penubuhan **Yayasan Perkasa Siswa (YPS)** pada tahun 2021 sebagai satu badan rasmi di peringkat nasional yang mengurus dan menyelaras hal ehwal kebajikan mahasiswa secara bersepadu. Semenjak penubuhannya, pelbagai bentuk bantuan telah disalurkan kepada para pelajar IPT secara bersasar termasuk pelajar B40 meliputi bantuan pembiayaan pendidikan, bantuan kewangan *one-off*, bantuan kemalangan, bantuan keperluan asas pelajar, bantuan pemakanan, bantuan keperluan pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI HAJI SAMSUDIN [MASJID TANAH]

NO. SOALAN : NO. 405

SOALAN

DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI HAJI SAMSUDIN [MASJID TANAH] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perancangan pihak Kerajaan melalui Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta untuk pemahaman terhadap sistem demokrasi di Malaysia serta kepentingan sebagai pengundi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelbagai usaha dan langkah proaktif untuk melahirkan mahasiswa yang bertanggungjawab dan peka terhadap sistem pemerintahan negara yang berdemokrasi telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), antaranya:

    i. Mengeluarkan arahan supaya semua Universiti Awam (UA) menubuhkan **Kelab Pendidikan Pengundi**. Penubuhan kelab ini merupakan salah satu platform bagi mahasiswa melaksanakan program dan aktiviti secara berterusan yang berfokus kepada pendedahan mengenai sistem pilihan raya di Malaysia serta memupuk kesedaran mahasiswa tentang

kepentingan peranan mereka selaku pengundi bagi membentuk sebuah Kerajaan yang berdemokrasi.

ii. KPT melalui Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) menyediakan **program pendidikan literasi politik berterusan di Universiti** termasuk Program Mahasiswa Cakna Undi 18, Pengenalan Asas Kesedaran Mengundi Kepada Pelajar Baharu IPT, Penerbitan dan Hebahan Digital Berkaitan Pendidikan Pengundi, Taklimat Pilihan Raya Undi 18 dan Pendedahan Simulasi Sebenar Pilihanraya oleh Akademi Pilihanraya (APR) dan APR *Associate Trainer* (AAT)/ *Training of Trainers* (ToT). Dari tahun 2022 hingga 2024, seramai 248,568 orang pelajar telah mengikuti 231 Program Pemerkasaan Pendidikan Pengundi Mahasiswa (Undi 18) seluruh negara.

iii. Melaksanakan **Konvensyen Pemerkasaan Undi 18** pada bulan Mac 2024 bagi memperkukuh peranan serta pengetahuan politik dalam kalangan 300 pelajar IPT dari seluruh negara.

iv. **Memperluas pelaksanaan program-program Undi 18 dan literasi politik kepada Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)** dengan kerjasama Akademi Pilihan Raya yang dibuat secara praktikal.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' AZMAN BIN NASRUDIN [PADANG SERAI]

NO. SOALAN : NO. 436

SOALAN

DATO' AZMAN BIN NASRUDIN [PADANG SERAI] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan keberkesanan sistem pendidikan tinggi semasa dalam menghasilkan graduan yang memenuhi keperluan industri, serta langkah-langkah untuk menyelaraskan kurikulum dengan tuntutan pasaran kerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan (PSKG) 2021 – 2025 yang menyokong kepada pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) telah menekankan elemen pengukuhan kolaborasi antara akademia dan industri di bawah strategi keempat PSKG. Strategi keempat ini secara spesifiknya fokus kepada pemerkasaan hubungan industri.

2. Penglibatan industri secara berstruktur dalam membantu membangunkan bakat mahir yang memenuhi keperluan industri (*industry-ready*) dan graduan kalis masa hadapan (*future-proof graduates*) juga telah direalisasikan antaranya melalui Program 2u2i

di mana program pembelajaran berasaskan pekerjaan (*work based learning*).

3. Bagi penyelarasan kurikulum dengan keperluan pasaran kerja pula, antara langkah yang dilaksanakan KPT adalah dengan memperkenal *Structured Industry Apprenticeship Programme* (SIAP) *for Integrated Circuit (IC) Design*, *MOHE – Intel Elite Internship Programme*, dan Program *Degree Apprenticeship*.

4. Selain itu, KPT melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) pula melaksanakan sinergi bersama dengan pelbagai agensi dan syarikat seperti MIDA, MITI, PERKESO dan Talentcorp dalam menyalurkan bakat TVET kepada industri dalam pelbagai bidang.

5. Kerjasama dan sumbangan industri turut diperkasa melalui lantikan 20 orang ahli Majlis Penasihat Industri yang merupakan *captain of industry* dan 45 orang CEO@PolyCC yang berperanan sebagai penghubung kerjasama antara Jabatan dan industri dalam melahirkan serta menyediakan tenaga kerja kalis masa hadapan dan berkemahiran tinggi agar seiring dengan keperluan semasa industri.

6. Inisiatif program intervensi kebolehpasaran graduan turut dilaksanakan bagi memberi nilai tambah kepada pelajar dan graduan dalam pelbagai aspek bagi membantu pelajar dan graduan memperolehi pekerjaan yang bersesuaian dengan penawaran gaji yang progresif.

7. Selain itu, JPPKK turut bertanggungjawab dalam membangun dan menambahbaik kurikulum dari semasa ke semasa dan memastikan kurikulum selaras dengan industri bagi memenuhi tuntutan pasaran kerja. Pembangunan dan penambahbaikan kurikulum diterjemahkan dengan mengambilkira hala tuju dan prospek program secara *top down,* merujuk kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi), Visi Misi JPPKK dan Pelan Strategik JPPKK, keperluan badan akreditasi dan

standard program berdasarkan kepada keputusan cadangan program baharu.

8. Bagi memastikan kurikulum yang dibangunkan di rekabentuk mengikut keperluan pelbagai pihak berkepentingan, satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Penasihat Kurikulum ditubuhkan terdiri daripada penasihat akademik dari IPT awam dan swasta, badan profesional, industri dan pihak berkepentingan lain.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI [PEKAN]

NO. SOALAN : NO. 485

SOALAN

DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI [PEKAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan statistik pendeposit Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) mengikut kategori umur dan keseluruhan. Nyatakan jumlah pembiayaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) termasuk statistik Pengecualian Bayaran Balik Pinjaman yang diberikan kepada peminjam yang mendapat Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) terdiri daripada dua buah produk simpanan, iaitu Simpan SSPN Prime dan Simpan SSPN Plus. SSPN merupakan instrumen simpanan yang direka khas oleh PTPTN bagi tujuan pendidikan tinggi selain memupuk budaya menabung dalam kalangan ibu bapa untuk memulakan penabungan seawal sehari selepas kelahiran anak.

2. Untuk jangka masa panjang, penabungan berterusan di dalam SSPN ini diharap dapat mengurangkan kebergantungan ibu bapa kepada pinjaman pendidikan bagi menampung pembiayaan pendidikan

tinggi anak-anak. Mulai 1 Januari 2012, para pelajar yang ingin memohon pinjaman pendidikan bagi membiayai pengajian mereka di Politeknik, IPTA atau IPTS adalah diwajibkan mempunyai akaun SSPN.

3. Sehingga 30 September 2024, sebanyak 6,612,357 akaun Simpan SSPN telah dibuka dengan jumlah deposit keseluruhan melebihi RM19 bilion. Perincian statistik bilangan pembukaan akaun Simpan SSPN mengikut julat umur pendeposit adalah seperti berikut:

   i. Umur 18 – 21 tahun sebanyak 319,427 akaun dibuka.

   ii. Umur 22 – 29 tahun sebanyak 916,571 akan dibuka.

   iii. Umur 30 – 40 tahun sebanyak 1,764,819 akaun dibuka.

   iv. Umur 41 – 50 tahun sebanyak 1,721,348 akaun dibuka.

   v. Umur 51 – 60 tahun sebanyak 1,250,995 akaun dibuka.

   vi. Umur 61 – 65 tahun sebanyak 372,854 akaun dibuka.

   vii. Umur 65 tahun ke atas sebanyak 266,343 akaun dibuka.

4. Dari segi pembiayaan pinjaman pendidikan pula, sehingga 30 September 2024, PTPTN telah meluluskan 3,951,404 pinjaman dengan jumlah keseluruhan telah dikeluarkan sebanyak RM71.3 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 132,446 pinjaman telah diberikan pengecualian bayar balik dengan amaun pengecualian keseluruhan berjumlah RM2.95 bilion.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

DARIPADA : DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG]

NO. SOALAN : NO. 491

SOALAN

DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk meningkatkan jumlah pelajar bidang TVET khususnya kejuruteraan bagi memenuhi permintaan pasaran pekerjaan dalam negara serta mengisi 30,000 kekosongan seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Melalui agenda pemerkasaan TVET yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian ini iaitu Transformasi Politeknik 2023-2035 dan MTUN TVET Termaju 2030, pemerkasaan sinergi Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan industri serta penawaran program TVET dalam bidang-bidang keutamaan negara merupakan antara fokus untuk dilaksanakan oleh institusi TVET KPT.

2. Selaras dengan perkara ini, Kerajaan telah menubuhkan Badan Koordinasi TVET Kerajaan-Industri (GITC) bagi mewujudkan platform bersepadu melibatkan penerimaan dan penyampaian maklumat berkaitan TVET daripada pihak industri.

3. Antara peranan GITC adalah:

   (i) menasihati kerajaan mengenai keperluan kemahiran dan guna tenaga serta teknologi tumpuan,

   (ii) menjalinkan kerjasama strategik dengan majikan, institusi TVET, badan profesional dalam dan luar negara,

   (iii) mempromosi program TVET dan mempergiat advokasi kerjaya melalui kerjasama aktif institusi awam dan swasta, dan

   (iv) mengesyor kepada kerajaan berkenaan insentif untuk menggalakkan penyertaan industri dalam pembangunan TVET.

4. Selain itu, KPT melalui Politeknik, Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dan juga beberapa Universiti Awam yang berkaitan akan melaksanakan pemetaan dan mengenal pasti jumlah pelajar, selain mengambil langkah strategik jangka pendek dan panjang dengan menyalurkan pelajar serta menyesuaikan program dengan kemahiran yang diperlukan industri, seterusnya memastikan bekalan bakat ke industri berkaitan dapat dilaksanakan secara berterusan dan berkesan.

5. Perkara ini adalah selaras dengan pelaksanaan Dasar TVET Negara 2030 yang meletakkan salah satu inisiatif memperkasa TVET Nasional melalui penawaran program-program baharu berdasarkan lima (5) bidang tujahan *High Growth, High Value* (HGHV) termasuk bidang kejuruteraan khususnya bidang Industri elektrik dan elektronik yang bernilai tinggi.

6. Sebagai tambahan, KPT dengan penglibatan beberapa Kementerian TVET yang lain melalui penyelarasan Sekretariat Majlis TVET Negara (MTVET) melaksanakan beberapa pendekatan strategik dan segera dengan menyantuni dan menjalinkan kerjasama erat bersama kerajaan negeri serta pihak swasta bagi menyediakan bakat

yang diperlukan. Beberapa siri libat urus bersama industri dan kerajaan negeri telah diadakan bagi mengenal pasti keperluan bakat dari segi jumlah, taraf kelayakan, bidang kemahiran dan latihan khusus yang diperlukan.

7. Antara usaha yang sedang dilaksanakan adalah penyelarasan bersama pihak industri di Kulim Hi-Tech Park (KHTP) dan Kerajaan Negeri Kedah serta pembangunan *Johor Singapore - Special Economic Zone* (JS-SEZ) melalui penubuhan *Johor Talent Development Council* (JTDC) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

NO. SOALAN : NO. 549

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan maklumat permohonan ke IPTA melalui Unit Pusat Universiti (UPU) :

(a) berapa ramai pemohon yang diterima masuk mengikut pilihan pertama dalam permohonan UPU dan berapa ramai yang gagal; dan

(b) berapa ramai pemohon yang telah ditawarkan kursus yang bukan dalam pilihan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) **menyelaras** kemasukan pelajar **Lepasan SPM dan STPM atau setaraf** ke Institusi Pendidikan Tinggi awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) berasaskan prinsip meritokrasi dengan mengambil kira pencapaian akademik (90%) dan pencapaian kokurikulum (10%) tanpa mengira agama, bangsa, keturunan dan negeri. Manakala asas merit calon lepasan **Diploma atau setaraf**, adalah berasaskan 100% markah akademik.

2. Melalui UPUOnline®, pelajar bebas membuat pilihan bidang yang ingin dipelajari di peringkat pendidikan tinggi **namun kejayaan calon** mendapat tempat di Universiti Awam (UA) bukan hanya bergantung kepada pencapaian akademik semata-mata tetapi turut melibatkan **kedudukan merit, memenuhi syarat am dan syarat khas yang ditetapkan, bilangan tempat yang disediakan serta lulus temu duga dan/atau ujian bagi program pengajian yang menetapkan keperluan berkenaan.** Kejayaan calon ditawarkan program pengajian pilihan mereka juga **tertakluk kepada keputusan temuduga bagi program pengajian bertemu duga dan/atau ujian** yang dijalankan oleh IPTA dan ILKA.

3. Calon dibenarkan mengemukakan **EMPAT (4) pilihan program pengajian** semasa mengemukakan permohonan rayuan. Namun demikian, calon hanya akan **ditawar program diluar pilihan hanya sekiranya mereka bersetuju** semasa mengemukakan permohonan UPUOnline® sekiranya program pengajian dalam pilihan mereka tiada kekosongan tempat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI [RAUB]

NO. SOALAN : NO. 554

SOALAN

TUAN CHOW YU HUI [RAUB] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan dan peratus pelajar yang mengambil kursus perubatan, farmasi, undang-undang, pergigian, perakaunan, ekonomi, kejuruteraan pada pengambilan 2024 mengikut pecahan 20 universiti awam dan juga mengikut pecahan STPM, Matrikulasi dan Asasi, saluran terbuka *(direct intake).*

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Merujuk kepada data Universiti Awam (UA) melibatkan pengambilan pada tahun 2024, bilangan pelajar program perubatan, farmasi, undang-undang, pergigian, perakaunan, ekonomi dan kejuruteraan melalui **saluran terbuka (*direct intake*)** adalah seperti berikut:

    i. **Perubatan seramai 279 orang,**

    ii. **Farmasi seramai 134 orang,**

    iii. **Undang-undang seramai 411 orang,**

iv. **Pergigian seramai 93 orang,**

v. **Perakaunan seramai 1,238 orang,**

vi. **Ekonomi seramai 4,309 orang, dan**

vii. **Kejuruteraan seramai 1,501 orang.**

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI [RAUB]

NO. SOALAN : NO. 557

SOALAN

TUAN CHOW YU HUI [RAUB] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan dan peratus pelajar menggunakan saluran terbuka *(direct intake)* ke universiti awam berdasarkan pecahan universiti dan kaum (iaitu Bumiputera Sabah, Bumiputera Sabah Lain, Bumiputera Sarawak, Bumiputera Sarawak Lain, Melayu, Orang Asli, Cina, India dan Lain-Lain) dari tahun 2018 hingga 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan data daripada Universiti Awam (UA), bilangan pelajar menggunakan saluran terbuka (*direct intake*) ke UA berdasarkan kaum dari tahun 2018 hingga 2024 adalah seperti berikut:

    i. **Tahun 2018**

        a. Bumiputera seramai 15,570 pelajar, dan

        b. Bukan Bumiputera seramai 278 pelajar.

    ii. **Tahun 2019**

a. Bumiputera seramai 16,189 pelajar, dan

b. Bukan Bumiputera seramai 443 pelajar.

iii. **Tahun 2020**

a. Bumiputera seramai 17,704 pelajar, dan

b. Bukan Bumiputera seramai 764 pelajar.

iv. **Tahun 2021**

a. Bumiputera seramai 18,480 pelajar, dan

b. Bukan Bumiputera seramai 1,235 pelajar.

v. **Tahun 2022**

a. Bumiputera seramai 14,832 pelajar, dan

b. Bukan Bumiputera 1,004 pelajar.

vi. **Tahun 2023**

a. Bumiputera seramai 15,024 pelajar, dan

b. Bukan Bumiputera 1,260 pelajar.

vii. **Tahun 2024 (sehingga Jun 2024)**

a. Bumiputera seramai 2,130 pelajar, dan

b. Bukan Bumiputera seramai 1,507 pelajar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

DARIPADA : TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM]

NO. SOALAN : NO. 609

SOALAN

TUAN AZLI BIN YUSOF [SHAH ALAM] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan:

(c) status terkini dan pencapaian pelaksanaan MyBrain2.0 dalam meningkatkan lebih ramai graduan pasca siswazah yang berkemahiran tinggi; dan

(d) perincian jumlah permohonan yang diterima bagi program MyBrain2.0 setakat ini dan permohonan yang diluluskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a)

1. Di bawah Program *MyBrain* 2.0, penajaan ini ditawarkan kepada dua kategori kumpulan sasaran, iaitu orang awam yang tidak bekerja atau tidak berpendapatan tetap, dan pensyarah-pensyarah di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS). Penawaran ini adalah untuk pengajian di peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran di Insititusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam negara.

2. Untuk program *MyBrain* 2.0, pemilihan bidang adalah terdiri daripada bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Matematik (STEM) dan bidang Sains Sosial dan Sastera Ikhtisas yang berupaya memenuhi keperluan sumber manusia negara.

3. Kuota penajaan yang diluluskan bagi Program *MyBrain* 2.0 ini adalah sebanyak 500 penerima setiap tahun dengan pembiayaan yang disediakan merangkumi yuran pengajian dan Elaun Sara Hidup (ESH) kepada pelajar Sarjana dan Ijazah Kedoktoran.

(b)

4. Untuk tahun 2024, Program MyBrain 2.0 telah diiklankan secara dalam talian pada **1 Ogos 2024 sehingga 21 Ogos 2024** melalui Sistem Permohonan *MyBrain* 2.0. Jumlah permohonan yang diterima pada tahun ini adalah seramai **2,331 permohonan**.

5. Permohonan-permohonan ini sedang di peringkat tapisan melibatkan beberapa proses iaitu semakan dokumen, syarat kelayakan penajaan dan ujian psikometrik bagi memastikan hanya calon yang layak dipanggil temu duga. Seterusnya, saringan yang lebih ketat akan dilaksanakan bagi memastikan 500 orang calon yang ditawarkan penajaan pada tahun ini adalah mereka yang berkualiti dan kompeten sahaja.

6. Penawaran dijangka dikeluarkan kepada calon yang berjaya pada awal bulan November 2024 tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pemilihan di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN [SRI GADING]

NO. SOALAN : NO. 634

SOALAN

TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN [SRI GADING] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan peratusan pelajar luar negara yang mendaftar masuk ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta pada 2023 dan 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Sistem MyMoheS Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk tahun 2023, bilangan **enrolmen** pelajar luar negara yang berada di **Universiti Awam (UA)** adalah seramai 47,857 pelajar (8.1%) daripada keseluruhan enrolmen pelajar secara keseluruhannya. Jumlah ini meningkat 7.6% berbanding tahun 2022.

2. Bagi tahun 2024 untuk tempoh sehingga Jun 2024, bilangan enrolmen pelajar luar negara di UA ialah seramai 48,938 pelajar.

3. Berhubung **kemasukan** pula, jumlah kemasukan pelajar luar negara pada tahun 2023 di UA adalah seramai 15,665 pelajar. Jumlah ini merekodkan peningkat 11.6% berbanding tahun 2022.

4. Bagi tahun 2024 untuk tempoh sehingga Jun 2024, bilangan kemasukan pelajar luar negara di UA ialah seramai 6,804 pelajar.

5. Selain itu, berdasarkan Sistem e-IPTS, pada tahun 2023 **enrolmen** pelajar luar negara di **Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)** adalah seramai 66,908 pelajar (11.98%) daripada keseluruhan 558,692 enrolmen pelajar. Jumlah ini meningkat 11.69% berbanding tahun 2022.

6. Bagi tahun 2024 pula, sehingga Jun 2024, bilangan enrolmen pelajar luar negara di IPTS ialah seramai 71,886 pelajar.

7. Berhubung **kemasukan ke IPTS**, jumlah kemasukan pelajar luar negara pada tahun 2023 adalah seramai 23,648 pelajar, iaitu peningkatan sebanyak 16.68% berbanding tahun 2022.

8. Manakala bagi tahun 2024, sehingga Jun 2024, bilangan kemasukan pelajar luar negara ke IPTS ialah seramai 13,086 pelajar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT]

NO. SOALAN : NO. 652

SOALAN

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar dari Parlimen Sungai Siput yang berjaya mendapat tawaran memasuki universiti awam bagi 2024 mengikut pecahan kaum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terdapat seramai **412 calon Bumiputera bagi lepasan SPM dan 172 calon Bumiputera bagi lepasan STPM/ Setaraf** dari Parlimen Sungai Siput telah ditawarkan ke IPTA bagi Sesi Akademik 2024/2025.

2. Bagi calon bukan Bumiputera, seramai **164 calon lepasan SPM dan 108 calon lepasan STPM/ Setaraf** dari Parlimen Sungai Siput telah ditawarkan ke IPTA bagi Sesi Akademik 2024/2025.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT]

NO. SOALAN : NO. 655

SOALAN

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan pengantarabangsaan pendidikan di Malaysia dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan di peringkat global, dan bagaimana usaha ini dapat menarik lebih ramai pelajar antarabangsa ke institusi pendidikan tinggi tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa komited dan proaktif untuk memastikan pengantarabangsaan pendidikan tinggi di Malaysia dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan di peringkat global.

2. Selaras dengan perkara ini, antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh KPT adalah seperti berikut:

    i. KPT melalui 12 Pejabat *Education* Malaysia (EM) Luar Negara dan *Education Malaysia Global Services* (EMGS) sentiasa rancak menjalankan pelbagai usaha **pemasaran dan promosi**

pendidikan tinggi berimpak tinggi secara berterusan di peringkat global. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah penglibatan secara langsung dalam pameran pendidikan tinggi peringkat antarabangsa dan kerjasama dengan agensi promosi pendidikan tinggi luar negara.

ii. KPT melalui EMGS juga menjalinkan hubungan strategik dengan pelbagai pihak pembuat dasar dan pelaksana di negara sasaran bagi meningkatkan hubungan baik di antara negara luar terutamanya dalam aspek pendidikan.

iii. Malah, KPT juga menggunakan sebaiknya **rangkaian kerjasama berterusan dan produktif bersama Alumni Pelajar Antarabangsa IPT Malaysia**. Penganjuran pelbagai program latihan dan bengkel bersama alumni berupaya mengasah kemahiran baru graduan secara tidak langsung menyumbang dalam pengembangan *soft skills* yang diperlukan di pasaran kerja serta memberikan sokongan psikologi melalui perkongsian pengalaman.

iv. KPT turut mengembangkan **penawaran program akademik berbentuk kerjasama yang kompetitif** yang dijalankan oleh IPT Malaysia dengan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) luar negara seperti Program Dual Ijazah (*Dual Degree*), Program Dwi Ijazah (*Double Degree*), Program Ijazah Bersama (*Joint Degree*), Program Francais (*Franchise*) dan Program Luar Pesisir (*Offshore*).

v. KPT melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) juga memperluas dan mempelbagai keperluan program melalui pembangunan kurikulum yang seiring dengan perkembangan semasa serta menepati kehendak industri tempatan dan antarabangsa. Sehingga kini, MQA telah membangunkan 26 Standard Program dalam pelbagai bidang utama yang dibentuk secara bersama dengan pakar bidang dari kalangan ahli akademik dan pengamal industri. MQA juga memperkukuh hubungan dengan badan-badan jaminan kualiti di pelbagai

negara melalui pemeteraian memorandum kerjasama bagi memperkenal sistem pendidikan tinggi di Malaysia dan memupuk persefahaman pengiktirafan bersama terhadap kualiti pendidikan yang dilaksanakan. Dalam hal ini, **kualiti dan akreditasi pendidikan tinggi negara diiktiraf secara global di persada antarabangsa. Ianya ditanda aras kepada amalan baik antarabangsa dan sentiasa diperkukuh** dari semasa ke semasa.

3. Terdapat peningkatan **bilangan pelajar antarabangsa di IPT Malaysia pada tahun 2023** berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini mencerminkan keberkesanan usaha KPT dalam menarik lebih ramai pelajar antarabangsa mengikuti pengajian di IPT Malaysia sekaligus menjadikan Malaysia sebagai Hub Pendidikan Serantau.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR [TEMERLOH]

NO. SOALAN : NO. 692

SOALAN

PUAN HAJAH SALAMIAH BINTI MOHD NOR [TEMERLOH] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan statistik mengikut IPTA terperinci Kadar Kebolehpasaran Graduan bagi 2019 sehingga 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, **kebolehpasaran graduan lepasan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia** peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) adalah merujuk kepada data Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) KPT.

2. **Statistik kebolehpasaran graduan IPTA** bagi tempoh 2019 sehingga 2023 adalah seperti berikut:

    i. Tahun 2019, seramai 142,136 orang atau 89.9 peratus daripada 158,085 graduan.

    ii. Tahun 2020, seramai 120,152 orang atau 87.9 peratus daripada 136,658 graduan.

iii. Tahun 2021, seramai 139,879 orang atau 89.4 peratus daripada 156,472 graduan.

iv. Tahun 2022, seramai 155,405 orang atau 93.5 peratus daripada 166,252 graduan.

v. Tahun 2023, seramai 156,987 orang atau 93.9 peratus daripada 167,204 graduan.

3. Manakala statistik **kadar kebolehpasaran graduan lepasan IPTA mengikut jenis institusi** di Malaysia daripada tahun 2019 hingga 2023 adalah seperti berikut:

i. Universiti Awam (UA):

a. Tahun 2019, 87.8 peratus,

b. Tahun 2020, 86.7 peratus,

c. Tahun 2021, 88.2 peratus,

d. Tahun 2022, 92.8 peratus, dan

e. Tahun 2023, 93 peratus.

ii. Politeknik:

a. Tahun 2019, 96.7 peratus,

b. Tahun 2020, 91.4 peratus,

c. Tahun 2021, 93.7 peratus,

d. Tahun 2022, 96.2 peratus, dan

e. Tahun 2023, 97.1 peratus.

iii. Kolej Komuniti:

a. Tahun 2019, 97.8 peratus,

b. Tahun 2020, 94.2 peratus,

c. Tahun 2021, 94.8 peratus,

d. Tahun 2022, 96.8 peratus, dan

e. Tahun 2023, 98 peratus.

4. Data-data ini adalah khusus bagi setiap tahun dan tidak bersifat kumulatif atau terkumpul dari tahun-tahun sebelumnya.

Sekian, terima kasih.

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2024

DEWAN RAKYAT

UCAPAN PENGGULUNGAN

TEKS UCAPAN
SESI PENGGULUNGAN
PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2025
PERINGKAT DASAR
OLEH YB DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD KADIR
MENTERI PENDIDIKAN TINGGI
11 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

PENDAHULUAN

Bismillahhirrahmannirrahim.

1. Assalamu'alaikum Warrahmatulahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, dan Salam Malaysia Madani. Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya, bagi pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim atas pembentangan Belanjawan 2025 pada 18 Oktober 2024 yang lalu.

2. Berdasarkan pengumuman Belanjawan 2025, terdapat peningkatan kepada peruntukan yang diberikan kepada KPT iaitu sebanyak 10.76 peratus berbanding tahun 2024. Bagi tahun 2025, KPT telah diperuntukkan sebanyak RM18,097,086,800 yang meliputi RM13,846,253,700 (Perbelanjaan Mengurus) dan RM4,250,833,100 (Perbelanjaan Pembangunan). Ini secara tidak langsung menggambarkan betapa pentingnya peranan Kementerian ini sebagai pemangkin kerangka Ekonomi MADANI melalui bidang pendidikan tinggi.

3. Justeru, KPT akan terus komited dalam melaksanakan pelbagai inisiatif dan program bagi menyokong pencapaian aspirasi Belanjawan 2025: 'Membugar Ekonomi, Menjana Perubahan, Mensejahtera Rakyat'.

Puan Yang di-Pertua,

4. Sepanjang sesi perbahasan Belanjawan 2025 peringkat dasar kali ini pelbagai persoalan dan saranan telah diutarakan oleh Ahli-ahli Dewan yang mulia ini kepada Kementerian Pendidikan Tinggi. Bagi pihak KPT, saya merakamkan penghargaan kepada semua **32 orang Ahli Yang Berhormat** yang telah membahaskan perkara-perkara dan isu-isu yang berada di bawah tanggungjawab Kementerian ini semasa sesi perbahasan Belanjawan 2025.

5. Bagi menjawab dan mengulas segala perkara berkaitan Kementerian Pendidikan Tinggi yang telah dibangkitkan sepanjang minggu perbahasan, saya akan mengelompok dan mencerakinkan isu-isu utama mengikut topik bagi menjimatkan masa.

I. REFORMASI PENDIDIKAN

Puan Yang di-Pertua,

6. Saya buka sesi penggulungan bagi Kementerian Pendidikan Tinggi pada hari ini dengan menyantuni isu yang dibahaskan **oleh YB Indera Mahkota** berkenaan Reformasi Pendidikan. Saya berterima kasih kepada YB Indera Mahkota yang sentiasa cakna dan mengambil berat tentang isu-isu berkaitan landskap pendidikan tinggi negara.

7. Kita semua menyedari dunia kini tidak lagi seperti biasa di mana persekitaran global sedang berubah dengan pantas. Ketidaktentuan dalam landskap dunia menunjukkan bahawa apa yang kita anggap normal sebelum ini semakin berubah, termasuklah ekosistem pendidikan tinggi. Justeru, adalah penting untuk kita menyesuaikan kerangka pendidikan tinggi negara agar seiring dengan perubahan yang sedang berlaku di dalam landskap pendidikan tinggi supaya kita tidak ketinggalan.

8. Justeru itu, pihak Kementerian Pendidikan Tinggi kini sedang giat membangunkan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia atau (PPPTM) 2026-2035 dan dalam pembangunan Pelan ini kita

juga mengambil kira lima (5) kerangka yang telah dicadangkan oleh YB Indera Mahkota di dalam perbahasannya.

9. KPT turut menggunakan semua laporan *reformatif* sebagai *input* utama untuk membangunkan PPPTM 2026-2035, antaranya adalah Laporan Jawatankuasa Menyemak dan Mengkaji Semula Dasar Pendidikan Tinggi Nasional dan kajian dengan izin, *New Horizon for Science, Technology and Innovation – A Strategy To Enhance Higher Education In Malaysia.*

10. PPPTM 2026-2035 yang sedang dibangunkan menetapkan 10 lonjakan dan sembilan (9) peralihan/ *game changers* penting, antaranya adalah:

    (i) Daripada pendidikan berstruktur (*structured education*) kepada pendekatan *unbundling of education*, yang memberikan peluang kepada lebih ramai individu untuk mendapatkan pendidikan tinggi melalui pendidikan fleksibel dan pembelajaran sepanjang hayat.

    (ii) Daripada menghasilkan graduan yang mencari kepada graduan yang mencipta pekerjaan, dengan penekanan kepada kemanusiaan, kemahiran masa depan, serta kepekaan terhadap alam sekitar.

    (iii) Daripada ahli akademik berfokus output kepada impak kepada masyarakat dan planet.

    (iv) Kepimpinan dan pentadbiran berfokus proses kepada pendekatan yang lebih inovatif.

    (v) Sistem pendidikan tinggi konvensional dan silo kepada yang menggunakan sepenuhnya teknologi terkini.

    (vi) Daripada indidividu celik teknologi kepada kompetensi dalam teknologi, inovasi dan insaniah.

    (vii) Institusi akan mengadaptasi model kewangan baharu yang lebih mampan.

(viii) Pengantarabangsaan pendidikan tinggi bukan hanya tertumpu pada menarik pelajar antarabangsa, tetapi juga akan melibatkan pengeksportan pendidikan tinggi ke luar negara.

(ix) Membangunkan kerjasama pintar iaitu berubah daripada pendekatan kerja silo kepada melalui pendekatan "*whole-of-nation approach*".

11. Saya percaya apa yang sedang kita usahakan ini akan dapat mewujudkan ekosistem pendidikan tinggi negara yang lebih kondusif, berdaya tahan dan berdaya saing.

II. AKADEMIK, KURIKULUM, PENYELIDIKAN & PENSYARAH

Puan Yang di-Pertua,

12. Apabila bercakap tentang pendidikan tinggi, sudah tentu hal-hal berkaitan akademik dan kurikulum, pensyarah serta penyelidikan tidak ketinggalan. Sepanjang sesi perbahasan Belanjawan 2025, **YB Bentong, YB Shah Alam, YB Paya Besar, YB Temerloh, YB Kemaman,** dan **YB Indera Mahkota** telah memberikan pandangan mereka berhubung perkara-perkara tersebut. Terima kasih saya ucapkan di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

13. Saya ambil maklum di atas cadangan YB Paya Besar dan YB Shah Alam untuk kita tawarkan program atau kursus berkaitan *halal management* atau pengurusan halal kepada pelajar-pelajar warganegara dan juga pelajar antarabangsa.

14. Untuk makluman Dewan, sehingga kini terdapat 37 program Halal mendapat Akreditasi Penuh merangkumi peringkat Diploma hingga Ijazah Kedoktoran, 13 program mendapat Akreditasi Sementara yang ditawarkan oleh Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan juga Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS).

15. Terkini, 11 buah UA yang menawarkan program berkaitan industri halal yang terdiri daripada penawaran kursus Sijil, Ijazah Sarjana

Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah. Sebagai contoh, Universiti Malaya baru sahaja menawarkan Sarjana Pengurusan Halal bermula Oktober 2023 di bawah Akademi Pengajian Islam. Selain itu, UiTM juga menawarkan Program Diploma Pengurusan Halal dan Sarjana.

16. KPT menyambut baik saranan yang diutarakan oleh **YB Bentong** agar diperbanyakkan kursus-kursus bersijil berkaitan autisme untuk menggalakkan lebih ramai jurupulih perubatan.

17. Suka saya perjelaskan di sini bahawa KPT melalui MQA sentiasa menggalakkan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) menawarkan program terkini dan berinovasi bagi memastikan program-program yang ditawarkan berkualiti dan bertepatan dengan keperluan semasa.

18. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini juga terdapat enam (6) program dalam bidang terapi cara kerja peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang ditawarkan di UKM dan UiTM, serta tiga (3) program pascasiswazah di UiTM. KPT juga melalui USM, UKM dan UPSI turut menawarkan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan iaitu Pendidikan Khas. Manakala Sarjana Pendidikan (Pendidikan Khas) ditawarkan di UM, USM, UKM dan UPSI. UPSI turut menawarkan program Doktor Falsafah dalam Pendidikan Khas.

19. Selain itu, Kementerian ini melalui UA sentiasa memastikan agar prasarana dan fasiliti yang terdapat di UA adalah selesa dan kondusif untuk semua pelajar termasuk pelajar autisme. Di UIA umpanya, Unit Perkhidmatan Kelainan Upaya (DSU) dan Perkhidmatan Perkhidmatan Kaunseling dan Kerjaya (CCSC) sentiasa memastikan kebajikan pelajar autisme yang mengikuti pengajian di UIA sentiasa terjaga. Setakat ini terdapat 20 orang pelajar autisme sederhana di UIA yang mengambil pelbagai bidang seperti Qur'an dan Sunnah dan termasuk juga dalam bidang IT, Kejuruteraan, Arkitek dan lain-lain.

Puan Yang di-Pertua,

20. Menjawab kepada YB Temerloh dan YB Kubang Pasu berkenaan penyusunan semula bidang-bidang yang disediakan di IPT, termasuklah kurikulum dalam pengajian Kejuruteraan, khususnya Semikonduktor supaya selari dengan keperluan sumber tenaga semasa di pasaran buruh dan juga kehendak industri, ingin saya kongsikan di sini bahawa KPT melalui MQA telah membangunkan dokumen jaminan kualiti sebagai rujukan piawaian dan panduan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) atau *Education Provider* dalam membangunkan program yang berkualiti.

21. Salah satu dokumen jaminan kualiti yang disediakan adalah Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation*) yang merupakan rujukan standard dalam penilaian akreditasi. Antara standard yang ditetapkan sebelum sesuatu program diberi pertimbangan untuk penawaran ialah keperluan PPT untuk menjalankan analisa keperluan dari segi kajian keperluan pasaran dan kebolehpasaran graduan. Ini bagi memastikan program yang ditawarkan berkualiti dan bertepatan dengan keperluan industri.

22. Bagi kursus pengajian di bawah badan profesional pula, penawaran kursus pengajian berkaitan hendaklah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal Bersama bagi memastikan kursus pengajian yang ditawarkan memenuhi Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Framework*).

23. YB Kubang Pasu turut mencadangkan agar diadakan kolaborasi rapat antara IPT dan industri terutamanya dalam bidang semikonduktor. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPT kini sedang mengadakan sesi libat urus bersama syarikat-syarikat semikonduktor di Malaysia bagi mengenalpasti pengetahuan, kemahiran dan keperluan spesifik syarikat-syarikat tersebut.

24. Usaha ini akan dapat membantu menambahbaik kurikulum sedia ada. Ini juga akan membolehkan pihak Kementerian merangka intervensi seperti *Industry Talent Bootcamp* di mana para pelajar akan menjalani latihan intensif untuk mendapatkan pengetahuan dan

kemahiran yang diperlukan. Pelajar-pelajar kemudiannya akan disalurkan kepada syarikat-syarikat tersebut mengikut pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi.

25. KPT melalui USM juga telah melancarkan projek rintis *MOHE Research & Industry Infused Incubator (MRI3) Programme*. Melalui inisiatif ini, sebuah Konsortium Elektrik & Elektronik (E&E) Universiti Malaysia yang terdiri daripada 19 universiti awam telah ditubuhkan pada tahun 2023 dan telah menandatangi MOU dengan 27 syarikat daripada sektor E&E untuk membangunkan bakat dengan kemahiran dipanggil sebagai dengan izin, *sharp skill* dan *smart skill* yang bertepatan dengan keperluan industri E&E yang merangkumi bakat bermula daripada ijazah pertama sehingga pasca-siswazah.

26. Selain itu, pada 25 Jun 2024 yang lalu, KPT telah mengadakan Sesi Meja Bulat bersama pihak Industri: *E&E Industry Dialogue with the Minister of Higher Education* bagi mendapat input dan pandangan mengenai *needs and demands* pihak industri terhadap graduan yang dikeluarkan oleh IPT tempatan. Dalam masa yang sama kita juga mendapatkan maklumbalas untuk penambaikan kurikulum agar lebih sesuai dengan kehendak industri.

Puan Yang di-Pertua,

27. Izinkan pula saya menghuraikan isu yang dibawa oleh YB Mas Gading berkenaan kualiti program yang ditawarkan di IPTS. Beliau menyatakan terdapat IPTS yang menawarkan kursus Diploma tetapi kualitinya adalah hanya bertaraf Sijil Kemahiran atau Pra-Diploma sahaja.

28. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, IPTS adalah dikawal selia oleh Kementerian ini melalui Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] dan Peraturan-peraturan di bawahnya. Ini adalah untuk memastikan IPTS tempatan dapat berkembang dan menyediakan pendidikan berkualiti.

29. Sehubungan itu, IPTS hendaklah mendapatkan kelulusan pengendalian kursus pengajian daripada KPT sebelum ianya

ditawarkan kepada pelajar. IPTS juga perlu memastikan kelayakan kemasukan pelajar memenuhi keperluan minimum Standard Program/ keperluan badan profesional/ syor MQA yang berkuat kuasa bagi pengambilan pelajar dalam tempoh tersebut atau kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan.

Puan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian,

30. Saya beralih pula kepada isu penyelidikan yang dibahaskan oleh YB Kemaman dan YB Indera Mahkota yang menyentuh berkenaan geran-geran dan dana penyelidikan kepada pensyarah. YB Kemaman menyarankan agar geran-geran tersebut tidak hanya diberikan kepada sekelompok pensyarah sahaja.

31. Kementerian ini sentiasa berusaha untuk meningkatkan kecemerlangan bidang penyelidikan di IPT dan telah menyediakan pelbagai geran penyelidikan kepada para pensyarah yang tidak dihadkan kepada kelompok penyelidik tertentu sahaja. Antara geran penyelidikan yang disediakan adalah Dana Penyelidikan Fundamental, Dana Universiti Penyelidikan, Dana Pemerkasaan Penyelidikan Bidang Nic Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE) dan beberapa Dana Khas Penyelidikan lain yang turut dikawal selia oleh KPT.

32. Pemberian geran kepada penyelidik adalah berdasarkan kepada permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat serta kriteria yang ditetapkan oleh KPT serta akan melalui proses penilaian dalam memastikan penyelidik yang layak untuk menerima sesuatu geran.

33. YB Indera Mahkota turut mengutarakan soalan berkenaan dana penyelidikan yang diterima oleh KPT dan MOSTI. Dalam konteks Kementerian Pendidikan Tinggi, seperti yang telah saya nyatakan sebentar tadi, terdapat beberapa program geran penyelidikan yang ditawarkan.

34. Cuma kalau saya boleh memahami apa yang cuba disampaikan oleh YB Indera Mahkota tadi berdasarkan pengalaman beliau yang berada di kementerian yang terbabit iaitu bagaimana kita ingin

wujudkan kesalingan kerjasama di antara KPT dengan MOSTI dan itu juga yang ditekankan oleh YAB Perdana Menteri berkaitan dengan penyelidikan-penyelidikan yang dilakukan secara terpisah selama ini yang ianya dapat dilakukan kali ini secara bersama. Insyaallah ini adalah pendekatan baharu yang akan kita lakukan bagi memastikan supaya semua program-program yang diaturkan penyelidikan yang dibuat, kerana akhirnya penyelidikan yang dibuat di peringkat MOSTI sebagai contoh, ia akan pergi semula kepada pihak universiti kerana kebanyakan, lebih daripada 80 peratus asas itu akan kembali semula kepada penyelidik dan pensyarah daripada universiti.

Puan Yang di-Pertua

35. YB Paya Besar juga telah menyarankan agar diberi peruntukan untuk latihan dan kemahiran pensyarah. Suka saya nyatakan di sini bahawa ketika ini terdapat empat (4) program penajaan yang disediakan kepada pensyarah di UA iaitu Program Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB), Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI), Sub Kepakaran dan Pasca Kedoktoran untuk pensyarah melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

36. Dalam usaha untuk memartabatkan pendidikan tinggi negara di samping meningkatkan kepakaran dan kompetensi pensyarah UA seiring dengan teknologi dan keperluan semasa, KPT berhasrat untuk menyediakan lebih banyak penajaan di peringkat Program Sub Kepakaran dan Sabatikal di masa hadapan.

37. KPT kini sedang menyemak semula kemudahan penawaran dan syarat-syarat kelayakan baharu untuk program Pasca Kedoktoran dan tidak terhad kepada pensyarah berjawatan tetap sahaja.

38. Selain itu, YB Paya Besar turut mencadangkan diperkasakan lagi kolaborasi antara universiti dan industri. Beliau turut menyarankan agar diberi dana khas *Future Ready Academia* untuk pembangunan pensyarah.

39. Saya berterima kasih di atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat terhadap pembangunan kemahiran pesyarah dan menyambut baik saranan yang telah diberikan. Bagi kolaborasi bersama industri, buat masa ini, antara inisiatif yang dilaksanakan oleh KPT adalah program CEO@Faculty. Dalam program ini, CEO daripada syarikat swasta dilantik menjadi mentor kepada universiti untuk berkongsi pengetahuan, pengalaman dan kepakaran industri dengan para pensyarah dan juga mahasiswa.

40. Bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran serta pengalaman pensyarah di dalam bidang masing-masing, para pensyarah yang terpilih akan dihantar ke industri selama enam (6) bulan melalui Program Sangkutan contohnya seperti Intel, Western Digital, Ericson Malaysia dan CISCO Malaysia (Sdn Bhd)

III.TVET KPT

Puan Yang di-Pertua

41. Perkara seterusnya yang ingin saya sentuh bagi menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh **YB Kluang, YB Sri Gading, YB Pekan** dan **YB Batu Gajah** ialah berkaitan dengan TVET KPT.

42. Seperti yang kita sedia maklum, TVET ini berada di bawah Kementerian daripada YB Bagan Datuk iaitu oleh Timbalan Perdana Menteri yang menjadi Pengerusi TVETnya.

43. Oleh yang demikian, sebarang program yang diatur itu hendaklah secara bersama dengan kementerian-kementerian yang lain. Ini kerana di bawahnya terdapat beberapa kementerian yang turut berada merencana dan juga melaksanakan agenda-agenda yang terangkum di dalam TVET.

44. Dalam konteks universiti, kita memahami keperluan itu maka universiti perlu menjalankan analisa keperluan melalui Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA) yang dibangunkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia sebelum sesuatu program diberi pertimbangan untuk penawaran.

45. Dalam pada itu juga, satu Pelan Transformasi Politeknik 2023-2035 dan Pemerkasaan Kolej Komuniti telah merangka *critical reform agenda* yang khusus dengan memperkasa sinergi TVET-industri melalui Pusat Teknologi dan *Industry on Campus*.

46. Seterusnya, sinergi JPPKK bersama pelbagai agensi dan syarikat seperti MIDA, MITI, PERKESO dan Talentcorp dalam menyalurkan bakat TVET kepada industri.

47. Dan dalam masa yang sama, pihak KPT juga telah membuat pelantikan 20 orang ahli Majlis Penasihat Industri serta program CEO@PolyCC dan CEO@faculty sebagai penghubung kerjasama bersama industri agar dapat melahirkan tenaga kerja seiring dengan keperluan semasa industri.

Puan Yang di-Pertua,

48. Saya berterima kasih kepada YB Sri Gading dan YB Pekan yang telah mengutarakan saranan agar diadakan promosi meluas diadakan tiada lagi stigma dalam masyarakat yang menganggap TVET adalah pilihan kedua. YB Batu Gajah pula telah membangkitkan persoalan strategi yang akan diambil untuk memperkukuhkan TVET.

49. Kementerian ini sememangnya proaktif dalam memperkasakan ekosistem TVET negara dan memastikan program yang ditawarkan adalah selari dengan kehendak semasa industri. Justeru, KPT telah menyediakan perancangan komprehensif bagi memperkasa TVET KPT melalui penyediaan Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2035 dan MTUN TVET Termaju 2030.

50. YB Batu Gajah juga telah bertanyakan strategi yang akan diambil untuk memperluaskan peluang latihan industri kepada mahasiswa. Kementerian ini sentiasa berusaha untuk memperkukuh dan memperluaskan peluang latihan industri (LI) kepada pelajar-pelajar di IPT tempatan.

51. KPT juga telah memperkenalkan perdekatan latihan industri berstruktur seperti program 2u2i, *Work Based Learning* dan *Degree*

Apprenticeship Programme untuk memastikan pelajar mendapat manfaat maksimum dari pelaksanaan latihan industri. Kini, Kementerian sedang dalam proses untuk menambah baik Dasar Latihan Industri IPT sedia ada sejajar dengan perkembangan terkini dalam sistem pendidikan tinggi.

Puan Yang di-Pertua

52. Saya amat berterima kasih kepada **YB Sri Gading** yang telah menyarankan agar diperkenalkan program pembangunan kemahiran berserta pensijilan bagi golongan pekerja yang berpotensi berkembang ke industri baharu dan beliau memberi penekanan kepada anggota tentera yang telah tamat perkhidmatan.

53. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, KPT sentiasa komited dalam memperkasakan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) kepada segenap lapisan masyarakat, termasuklah anggota tentera. Antara usaha yang dijalankan ialah KPT melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) iaitu kita **sedang mengadakan perbincangan** bersama Kementerian Pertahanan. Ianya bertujuan untuk bekerjasama dalam membangunkan pelaksanaan projek khas *Work-based Learning (WBL) 2.0*: Pemetaan Kurikulum Program dengan Pengalaman dan Perkhidmatan Anggota Tentera. InsyaAllah, ini akan dapat membantu untuk membangunkan kemahiran anggota tentera kita.

IV. HAL-HAL BERKAITAN MAHASISWA

Puan Yang di-Pertua

54. Izinkan saya untuk menyentuh hal-hal yang berkaitan mahasiswa. Ini dibangkitkan oleh **YB Kemaman, YB Temerloh**, dan **YB Tumpat**. YB Kemaman dan YB Temerloh telah menyentuh satu isu yang penting yang harus diberi perhatian di kalangan mahasiswa kita, iaitu ketahanan mental serta sokongan psikososial kepada mahasiswa.

55. Masalah kesihatan mental di kalangan mahasiswa di IPT seperti kemurungan (*depression*), kebimbangan (*anxiety*) dan tekanan *(stress*) merupakan isu yang dihadapi oleh mahasiswa dan ianya

boleh berpunca daripada pelbagai faktor seperti perubahan persekitaran, tekanan akademik, masalah keluarga dan lain-lain lagi.

56. Justeru, meningkatkan program psikososial di IPT adalah langkah penting bagi memastikan pelajar mampu menghadapi cabaran pembelajaran dengan lebih berkesan seperti sesi kaunseling, bengkel pengurusan stress, serta program intervensi awal akan dapat membantu mahasiswa dalam mengurus tekanan dan mengembangkan daya ketahanan diri mereka.

57. YB Tumpat telah bertanyakan sejauh mana pendedahan literasi dan advokasi politik dan undang-undang di kalangan mahasiswa selaras dengan hak mereka untuk menjadi pengundi dan menjadi calon pada usia 18 tahun.

58. Sebagai makluman, pada tahun 2012 dan 2019, AUKU dipinda bagi membenarkan pelajar menyertai dan terlibat secara aktif dalam politik, baik di dalam mahupun di luar kampus. Pindaan ini selari dengan inisiatif Undi 18, yang memperluas penyertaan generasi muda dalam proses demokrasi, walaupun AUKU sendiri tidak secara spesifik menyebut tentang hak mengundi pada usia 18 tahun.

59. Dengan wujudnya Undi 18 dan pindaan terhadap AUKU, kini pelajar yang berumur 18 tahun ke atas berpeluang untuk lebih aktif dalam politik, baik sebagai pengundi mahupun dalam kegiatan politik lain di kampus. Kementerian ini sentiasa cakna terhadap hak mengundi mahasiswa, di mana pada Sesi Akademik 2024/2025 baru-baru ini, mahasiswa telah diberi kelonggaran untuk mendaftar lewat bagi memberi ruang untuk mereka mengundi semasa Pilihan Raya Kecil (PRK) Mahkota tempoh hari.

60. Selain itu, antara inisiatif yang dilaksanakan oleh KPT adalah melalui penubuhan Kelab Pendidikan Pengundi di UA, Program Pendidikan Literasi Politik di IPT, Konvensyen Pemerkasaan Undi 18 yang telah diadakan pada Mac yang lalu, dan penubuhan Campus Election Committee (CEC) atau Jawatankuasa Pemilihan MPP (JPMPP) yang berfungsi sepertimana Suruhanjaya Pilihan Raya serta dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar.

V. IPTA BAHARU

Puan Yang di-Pertua,

61. Seterusnya, saya beralih kepada perkara-perkara berkaitan penubuhan Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) baharu yang telah dibahaskan oleh **YB Semporna, YB Tumpat, YB Tawau, YB Labuan, YB Kota Belud** dan **YB Betong.**

62. YB Semporna, YB Tumpat dan YB Tawau telah mencadangkan agar dibina IPTA di kawasan masing-masing. Kementerian sememangnya sentiasa komited dalam menyediakan akses pendidikan kepada rakyat melalui penubuhan IPTA yang merangkumi Universiti Awam (UA), Politeknik dan juga Kolej Komuniti (KK).

63. Walaubagaimanapun, penubuhan sesebuah IPTA baharu haruslah diteliti sepenuhnya dari pelbagai aspek, antaranya:

    i. Permintaan semasa yang merangkumi keperluan dari perspektif pelajar dan masyarakat semasa yang mesti seimbang dengan saiz populasi;

    ii. Kecukupan dan kesediaan bekalan tenaga pakar dalam sesuatu bidang;

    iii. Keupayaan menyediakan dan menyelenggara prasarana dengan baik;

    iv. Kemandirian kewangan;

    v. Prospek dan jenis program yang hendak ditawarkan;

    vi. Risiko pertindihan (*overlapping*) dan sebarang ketidakpadanan dengan IPT serta program sedia ada; dan

    vii. Penawaran program yang boleh dilaksanakan secara maya.

64. Berhubung dengan cadangan **YB Semporna** untuk ditubuhkan sebuah IPTA di Parlimen Semporna, maka suka saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa UMS telah merangka

perancangan untuk mengembangkan pusat pembelajaran baharu di Semporna di bawah Pusat Pendidikan Fleksibel UMS (UMSFLEC). Antara program yang bakal ditawarkan adalah Program Pengurusan Pelancongan dan Program Akuakultur dan termasuk juga sekiranya terdapat keperluan dalam bidang-bidang yang terkait dengan keperluan bidang *food security* atau dalam bidang pertanian dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, perkara ini tertakluk kepada perbincangan lanjut dengan pihak Kementerian dan agensi-agensi yang terbabit termasuk Kementerian Ekonomi.

65. Buat masa ini juga telah terdapat beberapa IPTA dan cawangan UA di Kelantan dan juga di Sabah. Ingin juga saya tegaskan bahawa trend penawaran kemudahan pendidikan tinggi ketika ini adalah secara hibrid iaitu secara fizikal dan maya. Ini bermakna pelajar boleh mengikuti pengajian di mana sahaja tanpa perlu berada di kampus secara fizikal.

66. Antara yang disebutkan termasuklah dari YB Betong tadi. Untuk makluman YB Betong iaitu politeknik yang sedia ada ini akan dinaik taraf ke Politeknik Konvensional iaitu kalau sebelum ini politeknik di Betong itu hanya bersifat METro yang kecil saiznya dan kita sedang merangka untuk menaikkan taraf politeknik yang berada di kawasan Betong itu.

VI. LAIN-LAIN

67. Saya juga ingin mengambil maklum mengenai perkara-perkara lain yang dibangkitkan. Ini termasuklah hal-hal berkaitan yuran pengajian, tentang kemasukan pelajar ke IPTA dan lain-lain dan juga persoalan tentang AUKU, tentang PTPTN, biasiswa dan bantuan kepada pelajar-pelajar yang menghadapi masalah kewangan mereka.

68. Izinkan saya juga menjawab perkara yang terkait *Unified Examination Certificate* (UEC) sebagai salah satu syarat memasuki IPTA yang dibangkitkan oleh YB Raub dan YB Temerloh.

69. Pihak Kementerian mengambil maklum bahawa terdapat pelajar yang memiliki kelayakan UEC berhasrat untuk menyambung

pengajian di IPTA. Walaubagaimanapun, berdasarkan Pekeliling Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), KPM Bil. 2/2004, kelulusan Sijil UEC boleh digunakan untuk kemasukan ke IPTS sahaja.

70. **YB Temerloh** juga telah bertanyakan berkenaan bilangan pelajar yang digolongkan sebagai T15 di IPTA. Untuk makluman, sistem MyMohes di KPT merekodkan bilangan enrolmen pelajar warganegara mengikut pendapatan keluarga B40, M40 dan T20 di IPTA yang merangkumi UA, politeknik dan kolej komuniti. Berdasarkan sistem MyMohes KPT **bilangan enrolmen** pelajar warganegara mengikut pendapatan keluarga pada tahun 2023 sebenarnya majoritinya dari B40. Sebagai contoh, saya ambil dalam konteks universiti awam, kita mempunyai seramai 361,833 pelajar iaitu 66.4% keseluruhannya. Manakala di politeknik, kita mempunyai sebanyak 60,831 pelajar atau 76.5% peratus daripada B40 dan juga di Kolej Komuniti kita mempunyai 12,596 pelajar atau 75.8% peratus.

PENUTUP

Tan Sri Yang di-Pertua,

71. Sekali lagi pihak Kementerian mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas keprihatinan, perhatian dan sokongan berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap usaha-usaha untuk memartabatkan pendidikan tinggi negara.

72. Segala pandangan, saranan dan pengamatan yang dikongsikan akan diberikan perhatian serius oleh KPT demi penambahbaikan. Perkara-perkara lain yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya sentuh kerana kesuntukan masa akan dijawab secara bertulis.

Sekian, terima kasih.

SESI PENGGULUNGAN

PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2025
PERINGKAT JAWATANKUASA
OLEH YB DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD KADIR
MENTERI PENDIDIKAN TINGGI
3 DISEMBER 2024 (ISNIN)

Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir]: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Pengerusi. Pertama sekali, izinkan saya untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2025 peringkat Jawatankuasa Kementerian Pendidikan Tinggi pada hari ini.

Saya yakin semua perkara-perkara yang dibangkitkan adalah atas rasa tanggungjawab dan keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi memperkukuhkan lagi pendidikan tinggi negara. Saya ingin mengesyorkan kepada Yang Berhormat Pengerusi agar pandangan-pandangan yang dilontarkan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat daripada keseluruhan mereka perkara-perkara yang bersifat konstruktif dan informatif dan Cadangan-cadangan yang baik daripada kedua-dua pihak, insya-Allah akan dimasukkan sebagai salah satu daripada perkara-perkara yang perlu diambil kira ketika mana kita sedang merumus Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi 2026-2035 ini.

Sebab saya melihat dan meninjau dengan begitu mendalam akan beberapa pandangan yang baik dan kepada persoalan-persoalan yang ditimbulkan sepertimana yang disyorkan oleh Yang Berhormat tadi, sekiranya saya tidak berkesempatan memandangkan sekarang sudah jam 7.22 malam. Mungkin sebahagian daripada kita yang perlu melaksanakan tanggungjawab solat Maghrib dan saya belum lagi. Saya harap dengan penjelasan yang ringkas ini, saya akan memberikan penggulungan yang berkaitan perkara-perkara yang penting untuk saya sebutkan iaitu ini termasuklah perkara yang disebutkan tadi.

Saya lihat beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan tentang kedudukan strata sosial dalam masyarakat kita iaitu golongan yang terdiri

daripada T15, M40, B40, dan itu yang kita bincangkan tentang keprihatinan terhadap akses kepada pendidikan. Kalau boleh saya rumuskan begitu dan akan keperluan sebab dan dari segi dasar yang dipakai oleh Kementerian Pendidikan kita, kita tidak ada satu polisi yang terlalu rigid sehinggakan kita memaksa kepada mereka yang tidak berkemampuan untuk membayar yuran mereka itu, kita paksa juga ataupun mereka tidak boleh masuk ke kampus-kampus.

Saya, kalau dapat saya boleh jelaskan beberapa contoh yang telah pun kita selamatkan dan kita ada sebagai contoh yayasan pelajar kita, Yayasan Siswa yang ditubuhkan. Bagaimana kita membantu ribuan daripada mereka untuk masuk ke universiti, selain daripada bantuan-bantuan lain daripada kerajaan negeri dan sebagainya dan termasuk juga di pusat zakat dan lain-lain. Tapi saya nak sebutkan di sini, soal kesusahan rakyat atau pelajar kita untuk memasuki institusi-institusi pengajian tinggi, itu tidak timbul melainkan kalau sekiranya perkara itu tidak dirujuk kepada kita.

Saya ambil contoh baru-baru ini. Ada seorang pelajar yang daripada keluarga miskin B40 yang tidak dapat masuk ke UMS, daripada keluarga yang susah. Beliau ditawarkan dalam pengajian perubatan beliau. Jadi, apabila kita mendapat maklum balas itu, maka saya menyuruh supaya pergi cari pelajar yang berkenaan, bawa dia masuk dan segala perbelanjaannya ditanggung oleh pihak kita.

Jadi, inilah antara pendekatan yang kita buat juga, termasuk juga dalam konteks T15 tadi. Kalau sekiranya ada permasalahan-permasalahan yang melibatkan keluarga, mungkin ada di kalangan mereka yang terdiri daripada kalangan keluarga yang besar. Tentunya mereka tidak berkemampuan. Jadi, saya harap hal-hal yang sebegini dapat dimaklumkan kepada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi.

Seperkara yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat berkaitan dengan peruntukan biasiswa yang ditimbulkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat juga yang mengatakan bahawa kelihatan kali ini tidak ada biasiswa. Sebenarnya saya ingin jelaskan di sini ialah dia

reclass. Jadi, peruntukan Butiran 0512 masih ada RM200 juta campur dengan RM20 juta lagi menjadikan ia keseluruhan RM220 juta.

Yang Berhormat seperti Kubang Pasu juga membangkitkan dana R&D dan begitu juga dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang menyebut bahawa dana turun tinggal 56 peratus, ada yang disebutkan tadi. Sebenarnya, untuk pengetahuan Yang Berhormat sekalian, dana itu masih ada. KPT sekarang ini diperuntukkan sebanyak RM400 juta manakala MOSTI diperuntukkan RM190 juta. Jadi, keseluruhan itu digabungkan kerana dari segi penyelidikan, fundamental research itu akan kembali semula kepada pihak universiti. Jadi, itulah rangkaian baharu yang ditubuhkan di peringkat kementerian iaitu kerjasama yang kita wujudkan.

Kalau sebelum ini, kita letakkan wang itu di beberapa kementerian tetapi ia tidak digunakan dengan sebaiknya. Jadi, pendekatan baharu dilakukan oleh pihak kementerian ialah bagaimana dan oleh pihak kerajaan ialah meletakkan wang itu di peringkat MOSTI yang sekarang ini diberikan tanggungjawab juga untuk melihat dari segi penyelidikan-penyelidikan yang tinggi. Jadi, kita akan bekerjasama dengan pihak MOSTI dalam melaksanakan agenda ini.

Saya juga ingin menjelaskan hal yang berkaitan dengan perkara-perkara yang terlibat dengan — Ini banyak. Saya dah tak boleh tengok ni sebab penuh, penuh, penuh. Saya tak tahu mana satu yang saya nak tengok. Tapi apa pun, yang boleh kalau saya hadamkan daripada apa yang dibahaskan oleh 19 Ahli tadi termasuk Kota Belud dan sebagainya. Ya, saya memahami. Beliau begitu detail sekali. Begitu juga dengan yang lain. Saya akan jawab secara bertulis bagi perkara-perkara yang tidak sempat untuk saya jawab, ya.

Kota Belud, ya saya faham kesedihan beliau. Berkali-kali saya mendengar hujah beliau tentang...

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud]: Politeknik Kota Belud.

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: ...Politeknik itu. Saya telah pun meminta kepada pihak kementerian untuk melihat betul-betul apa sebenarnya isunya.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Saya dengar tadi. You don't have to repeat sebab saya dah dengar tadi. Cuma kalau ada poin baharu yang you nak jelaskan, you boleh jelaskan kepada saya.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud]: Saya just minta komitmen Yang Berhormat Menteri lah.

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Ya.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud]: Yang lain itu, boleh jawapan bertulis. Yang Berhormat Menteri, just Politeknik Kota Belud saja.

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Saya akan tengok ya. Sebab saya akan tengok balik. Just to be fair to me, saya akan tengok balik apa yang menjadi halangan selama ini. Jadi, soal-soal teknikal ataupun sebaliknya. Baik.

Saya juga ingin menjawab hal yang berkaitan dengan UPM yang dibangkitkan tadi. Saya fikir soal Kota Raja dia tidak bermaksud begitu tapi saya difahamkan apabila ditanya kepada beliau, beliau kata beliau ditanya oleh pemberita. Walau bagaimanapun, beliau telah mengeluarkan kenyataan mohon maaf atas cadangan walaupun asas UPM itu akan diteruskan sepertimana yang telah pun kita dengar penjelasan dan kenyataan yang telah pun dikeluarkan itu.

Jadi, saya harap hal yang sebegini tidak perlulah kita polemik kan lagi kerana kita semua ingin melihat institusi seperti UPM dan begitu juga keprihatinan Kebawah Duli Tuanku yang mahu melihat UPM juga muncul menjadi sebuah universiti penyelidikan yang ternama dalam negara kita.

Jadi, kita menjunjung kasih kepada Tuanku dan begitu juga kepada Menteri yang juga ingin melihat supaya UPM dapat berperanan dengan lebih baik lagi. Saya mengambil kira pandangan-pandangan yang dilontarkan oleh Yang Berhormat sekalian. Jadi, itu yang berkaitan dengan universiti.

Tentang politeknik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, ada yang bangkitkan tentang kedudukan selain dari Kota Belud dan termasuk juga beberapa perancangan yang telah pun dikemukakan. Kita telah pun mengemukakan untuk tahun hadapan untuk empat politeknik dan kita menjangkakan ia dapat kita mulakan. Begitu juga dalam pelan perancangan dalam Rancangan Malaysia yang akan datang, kita akan masukkan lagi beberapa lagi cadangan.

Ini termasuk juga kolej-kolej komuniti yang dikemukakan oleh beberapa Yang Berhormat, sama ada secara langsung dan tidak langsung, sama ada secara bertulis atau tidak bertulis, secara lisan, yang telah pun mengemukakan cadangan-cadangan itu, kita mengambil kira. Tetapi seperti yang juga dijelaskan oleh salah seorang daripada Yang Berhormat tadi iaitu keperluan kepada kolej komuniti ini hendaklah mengambil kira tentang keperluan tempatan itu.

Kita tidak seharusnya hanya mewajarkan kepada cadangan-cadangan atas sematamata untuk kita mempunyai sebuah kolej komuniti. Saya ingin maklumkan di dalam Dewan yang mulia ini, terdapat beberapa kolej komuniti yang tidak ada, sebenarnya tidak cukup bilangan pelajarnya. Oleh yang demikian, kita terpaksa membuat penilaian semula terhadap kolej-kolej yang berkenaan iaitu sama ada nak meneruskan kursus-kursus yang itu ataupun kita mungkin mengambil langkah untuk menutup sekiranya tidak ada pelajar. Tetapi ada tempat-tempat tertentu yang memerlukan dan kita mempunyai bilangan pelajar yang mencukupi. Jadi, hal inilah yang akan kita perhalusi dengan sebaik-baiknya.

Saya juga ingin menjawab persoalan yang dilontarkan oleh Yang Berhormat berkaitan kalau tidak silap saya, Puncak Borneo, yang pergi begitu baik sekali tentang silibus, tentang kurikulum, tentang future orientation kepada universiti. Saya jelaskan di sini iaitu dari segi

perancangan yang sedang kita lakukan, semua itu kita ambil kira. Saya ambil contoh, sama ada Yang Berhormat bertanya, apakah kita ada review ataupun tidak kepada kurikulum yang sedia ada? Itu mesti dibuat bagi dalam konteks sebuah universiti, begitu juga dengan politeknik. Mungkin Yang Berhormat melihat dari segi alat yang digunakan. Mungkin alat yang sudah lama tetapi the latest technology perlu mereka update-kan, dengan izin.

Biasanya, kebiasaan yang dilakukan di peringkat universiti ialah dalam tempoh tiga ke lima tahun, akan dilihat semula. Sebagai contoh, apabila kita lihat keperluan yang paling mendesak pada hari ini untuk kita mempunyai kursus-kursus yang berkaitan dengan AI dan termasuk juga apa yang dibangkitkan tadi akan kursus-kursus yang berkaitan dengan E&E iaitu kita perlukan engineer sebanyak 60,000 yang disebutkan itu tadi.

Oleh yang demikian, pendekatan yang kita lakukan ialah melihat kurikulum yang sedia ada dan juga mencari alternatif-alternatif baru bagi membolehkan supaya target yang diperlukan dalam negara kita itu dapat kita laksanakan. Ini juga kita laksanakan bukan hanya di peringkat universiti melalui MTUN, Malaysian Technical University…

Datuk Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah sikit?

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Boleh.

Datuk Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Tadi Yang Berhormat Menteri menjawab kepada soalan yang saya utarakan dan Yang Berhormat Menteri mengatakan penilaian ataupun review untuk silibus-silibus itu dilaksanakan dalam masa tiga ke lima tahun. Tetapi sebenarnya apa yang berlaku di bawah, sebagai contoh, saya ada satu politeknik dan juga kolej-kolej di mana sebagai contoh, alat untuk welding, mereka masih menggunakan welding rod dengan — sekarang ini kita telah berbicara mengenai cara untuk kimpalan, welding menggunakan MIG ataupun menggunakan laser dan sebagainya. Tapi kalau benda itu di-review tiga, lima tahun tetapi kenapa benda ini teknologi yang 20, 30 tahun itu masih

ada? Jadi, saya terima jawapan itu. Jadi, namun apa yang berlaku di bawah itu masih lack of a better word, masih kunolah. Jadi, saya harap perkara ini dapat dipertimbangkan supaya kita melangkah lebih jauh.

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Terima kasih. Yang Berhormat boleh kemukakan di peringkat di mana politeknik-politeknik yang terlibat itu untuk kita pastikan yang terkait dengan kursus-kursus yang ditawarkan sebab dia pelbagai kursus. Kita ambil di politeknik itu mungkin Yang Berhormat merasakan masih terkuno, mungkin dia terkait juga dengan your area. Jadi, keperluan-keperluan inilah yang kita nak dengar daripada pandangan dan termasuk juga di tempat-tempat yang lain.

Ada yang telah pun mereka lakukan dari segi pembaikan mereka. Kita proses itu, kita lakukan setiap tahun untuk memastikan sepertimana yang kita tahu juga, bajet yang ada di hadapan kita tidaklah orang kata, terlalu besar tetapi kita berikan keutamaan-keutamaan kepada baik di peringkat universiti, baik di peringkat politeknik dan juga di kolej komuniti itu sendiri ya.

Baik, saya fikir apa lagi yang saya nak jawab. Pusat — saya ingat tadi ada daripada silibus saya dah jawab. Berkaitan dengan pembangunan bakat yang dibangkitkan oleh Jasin tadi. Saya rasa terpanggil jugalah, baguslah Jasin bercakap tentang soal pembinaan bakat dan sebagainya. Beliau quote Allan Bloom - The Closing of the American Mind. Bagus, tradisi ini, tradisi ilmu ini dapat kita cerahkan.

Kita baca betul-betul, termasuklah buku itu kita baca betul-betul, bagaimana kita perlu menjadi manusia yang lebih terbuka melihat permasalahan dan isu supaya kita tidak tergolong di dalam kalangan apa yang disebutkan sebagai the intellectual arrogance dalam hujah-hujah kita sehingga kita menganggap bahawa hujah kita sahaja yang terbaik, hujah orang lain tidak boleh dipakai. Jadi, ini yang juga yang disebutkan oleh Allan Bloom, macam mana kehilangan nilai-nilai dalam tradisi American education. Baiklah.

Saya juga mengambil untuk menjawab ada beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi, berkaitan dengan pendekatan yang akan dibawa dalam universiti kita ini. Harapan-harapan yang disuarakan untuk melihat bagaimana universiti ini harus berperanan bukan hanya membangunkan aspek-aspek dalam pendidikan mereka tetapi juga membina manusia itu sendiri. Maksudnya, membina otak dan watak mereka. Inilah yang akan diberikan penekanan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026-2035 nanti.

Saya juga ingin menjawab perkara yang berkait dengan TVET yang dibangkitkan oleh sebahagian daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Dari segi TVET, seperti mana yang kita ketahui bahawa TVET ini adalah merupakan satu program besar yang dilaksanakan oleh kerajaan. Ia bukan hanya terkhusus dalam Kementerian Pendidikan Tinggi. Ia juga dilaksanakan melalui satu majlis besar yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita.

Dalam konteks Kementerian Pendidikan Tinggi, kita menggunakan pendekatan melalui — dia ada special apa yang disebutkan sebagai special pathway daripada peringkat kolej komuniti hinggalah membawa kepada peringkat politeknik dan juga sampai ke peringkat MTUN atau Malaysian Technical University Network. Sehingga kini, kita ada empat dan UniKL sudah ada. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun menambah satu lagi melalui UniKL. Bermakna kita ada lima universiti.

Selain daripada institusi-institusi ini yang diwujudkan, kita juga ada di institusi-institusi yang lain, sama ada yang dilaksanakan melalui KESUMA dan juga Kementerian-kementerian yang ada kaitan dengan latihan-latihan yang diberikan kepada mereka dengan harapan supaya kursus-kursus yang ditawarkan itu kita akan dapat melahirkan para pekerja ataupun staf teknikal yang mempunyai kompeten dalam bidang mereka sendiri.

Datuk Dr. Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat, sikit.

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Sila.

Datuk Dr. Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tadi saya bangkitkan tentang TVET dalam industri halal yang market-nya sangat besar pada ketika ini. Apa usaha KPT kolaborasi dengan JAKIM? Adakah sudah ada ataupun dalam perancangan?

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Kita sudah ada. Beberapa universiti sudah pun memperkenalkan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kursus-kursus hinggalah ke peringkat ijazah. USM sebagai contoh, sedang melakukan dan mereka akan buat program itu sampailah ke peringkat masters. Begitu juga dengan universiti-universiti lain, USIM dan yang lain-lain. Jadi, ini adalah merupakan satu industri yang baru yang sedang dilaksanakan. Jadi, saya ingin sebutkan sekali lagi Yang Berhormat Pengerusi, akan langkah-langkah yang sedang dilakukan oleh pihak kementerian.

Seperkara lagi yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat sekalian ialah berkait dengan AKEPT. Banyak yang membincangkan tentang keperluan AKEPT ini. AKEPT adalah sebuah akademi untuk kepimpinan pendidikan tinggi yang bertujuan untuk melatih dan juga melahirkan pemimpin-pemimpin di peringkat universiti iaitu sama ada naib canselor, timbalan naib canselor dan lain-lain lagi, young lecturers sebagai contoh dan termasuklah juga program yang kita lakukan untuk membangunkan kepimpinan wanita.

Sebagai contoh, kita telah pun merancang untuk tahun hadapan sempena dengan Malaysia menjadi Pengerusi, kepengerusian Malaysia tahun hadapan untuk ASEAN ini. Program yang dipanggil sebagai conference pimpinan wanita di peringkat ASEAN yang juga akan dilaksanakan. Yang Berhormat Pengerusi, saya ingat itu saja. Yang lain itu saya akan...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Masjid Tanah, Masjid Tanah.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]: Sedikit sahaja Yang Berhormat. Tampin, Tampin.

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Ya, Tampin.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]: Ini harapan orang Tampin lah. Dah beri tanah 500 ekar. Kalau hanya setakat tanam durian, tanam pokok, fakulti tak ada. Rasa Port Dickson akan tarik balik tanah tersebut. Kesianlah kami. Daripada 2009 itu Yang Berhormat, kita menanti-menanti kehadiran satu fakulti UM di Gemas. Harap-harap Yang Berhormat Menteri dapat selesaikan.

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Terima kasih Tampin. Waktu Tampin membahaskan itu saya kena pergi kejar ke Dewan Negara untuk mengundi.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Menteri, Masjid Tanah. Secara bertulis ya.

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Yang Masjid Tanah tadi...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: UTeM.

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Oh UTeM. Tak apa. Kita bincang nanti. Tampin itu saya telah pun mengemukakan suara Tampin ketika berjumpa dengan saya sebelum ini kepada pihak UM. Saya harap UM akan maklumkan nanti.

Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]: Sungai Siput, kes-kes buli. Kes buli.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]: Yang Berhormat Menteri, pertimbangan...

Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]: Kes buli Sungai Siput.

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Yang mana?

Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput]: Kes-kes buli.

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Oh, isu buli. Terima kasih kerana mengingatkan saya tentang isu buli ini. Isu buli seperti yang kita sedia maklum, apa yang berlaku di UPNM baru ini. Tetapi dari segi pendekatan KPT, ia bukan hanya kita tidak mahu hanya melihat dalam konteks UPNM. Kalau ianya isu buli berlaku di mana saja, kita akan mengambil tindakan.

Dalam konteks yang khusus kepada isu yang berlaku di UPNM ini, ia berkait dengan apa yang sistem yang ada di dalam itu. Sepertimana yang kita sedia maklum telah pun dijelaskan oleh Menteri Pertahanan, dia ada dua sistem. Sistem yang pertama apa yang dipanggil sistem pengajian kuliah yang melibatkan pelajar-pelajar daripada jam 7.00 pagi hinggalah pukul 5.00 petang. Manakala selepas itu, ianya berada di bawah Akademi Angkatan Tentera dan itulah yang berlaku, yang sering kali terjadi dalam kes baru-baru ini dan sebelum itu.

Walau bagaimanapun, kita tidak boleh meneruskan tradisi untuk melihat itu, melihat ini. Apabila kejadian yang begini berlaku, apa yang kita lakukan ialah mesti ada satu pendekatan yang lebih menyeluruh bagaimana kita nak menyelesaikan. Pertama dalam konteks UPNM itu sendiri, apakah sistem yang ada itu sesuai ataupun tidak dengan ada dua sistemnya. Ataupun kedua kita perlu merubah balik, menstrukturkan balik dari segi sistem pengajian yang ada di sana. Itu dalam konteks UPNM.

Dalam konteks universiti-universiti yang lain, kita telah menubuhkan dalam Majlis Hal Ehwal Pelajar yang ada di universiti untuk memastikan supaya kes-kes buli yang ada ini tidak berlaku dan pendekatan-pendekatan yang dibuat oleh universiti. Sebab itulah sehingga kini di universiti-universiti yang lain, kita belum ada kes-kes yang seserius ini.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]: Yang Berhormat Menteri, sikit je.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]: Penubuhan Fakulti Kejuruteraan di UUM Dato' Seri, mohon penjelasan.
Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Oh ya.
Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]: Di Kedah memerlukan sebuah universiti teknikal.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, ringkaskan jawapan.

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Ya, saya ringkaskan. Ini antara beberapa cadangan-cadangan. Bukan hanya UUM. Ada juga universiti-universiti yang lain, yang turut mencadangkan supaya mereka nak fakulti itu, fakulti ini. Akhirnya, kita kembali semula kepada matlamat asal penubuhan universiti yang berkenaan yang seperti yang kita dengar dulu UUM pada asasnya, dia ingin menjadikan UUM itu sebagai Harvard of the East. Walau bagaimanapun...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]: Tapi masa berubah Dato' Seri.

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Ya, saya faham.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]: Permintaan dah berubah.

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Ya saya faham. Dan sebab itu perkembangan-perkembangan yang berlaku, yang perlukan penilaian semula kepada sistem yang ada ataupun kokurikulum yang ada ataupun fakulti, program-program yang dianjurkan. Kita akan tengok perkara itu dari semasa ke semasa.

Tuan Chiew Choon Man [Miri]: YB Menteri.

Tuan Tan Hong Pin [Bakri]: YB Menteri, Bakri, Bakri.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Tan Hong Pin [Bakri]: Yang Berhormat Menteri, bagaimana...
Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Sudah habis Yang Berhormat Menteri, sudah habis.

Tuan Tan Hong Pin [Bakri]: Yang Berhormat Menteri.

Puan Hajah Rodziah binti Ismail [Ampang]: Maghrib, Maghrib, Maghrib.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Isyak pukul 8.17 Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chiew Choon Man [Miri]: Kuasa autonomi, kuasa autonomi universiti.

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Ya?

Tuan Chiew Choon Man [Miri]: Sama ada universiti ada kuasa autonomi untuk menentukan yuran, kursus?

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Oh kuasa autonomi universiti (AUKU). I think kalau tak silap saya. Oh autonomi. Yang ini mungkin saya miss sebab itu saya masuk ke Dewan sebelah. Kuasa autonomi universiti. Maknanya dalam konteks IPTA. IPTA dalam konteks – ya, ini terkait juga dengan Akta 605 yang dibangkitkan juga oleh sebahagian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Seperti yang telah pun kita sebutkan, akta yang berkait dengan 605, ada cadangan termasuk daripada Masjid Tanah kalau tak silap saya supaya ditinjau semula akta ini. Tetapi apa yang kita lihat sebenarnya adalah dari segi jadual yang ada dalam 605 iaitu badan-badan berkanun. Saya ingin sebutkan di sini, malangnya tidak ada nama universiti di situ. Ada institusi-institusi yang lain ada.

Maka, kita akan mencadangkan supaya nama universiti juga akan dimasukkan sebagai antara badan berkanun. Maknanya yang dikecualikan daripada Akta 605. Yang itu kita akan kemukakan untuk pertimbangan pihak kerajaan nanti.

Tuan Tan Hong Pin [Bakri]: Yang Berhormat Menteri, bagaimana pula dengan cadangan ataupun adakah kerajaan bersedia untuk mempertimbangkan cadangan untuk satu mekanisme pengambilan masuk ke universiti yang seragam? Maknanya sekarang ini kita ada beberapa saluran melalui matriks, melalui STPM dan melalui saluran terbuka. Adakah kita akan satukan ada satu peperiksaan kah ataupun mekanisme yang seragam supaya pelajarpelajar akan diambil kira daripada satu piawai ataupun standard yang seragam?

Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir: Yang Berhormat, seperti yang kita ketahui bahawa sistem pengambilan ke universiti adalah melalui UPU. Jadi dari segi pendekatan itu, dilakukan oleh pihak UPU. Saya faham seperti mana sering kali dibangkitkan. Ada dua Ahli Yang Berhormat yang sering kali. Tapi saya yakin bahawa mereka ini adalah bekas pemimpin pelajar. Labis dengan Raub. Mana Labis dekat sini, yang sering kali membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan ini. Mereka pun telah berjumpa dengan saya berkali-kali tapi soal mekanisme ini, seperti yang kita tahu, bahawa sistem dari segi pengambilan pelajar-pelajar untuk masuk ialah melalui UPU.

Tetapi dia ada sistem-sistem yang dibuat. Asasi dia. Kecuali kalau dalam konteks Matrik, dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan. Manakala begitu juga dengan asasi. Asasi di universiti kita buat. Jadi itulah antara perkara-perkara, mekanisme yang sedia ada. Jadi dari segi untuk kita menyusun semula, dia terkait juga dengan kementerian-kementerian

yang ada. Jadi kita ambil pandangan itu untuk kita bawa nanti, untuk kita fikirkan apakah sesuai atau tidak cadangan itu.

Jadi, terima kasih termasuklah Arau. Arau yang membangkitkan isu soal ahli-ahli yang ada dalam – yang dilantik di peringkat kolej komuniti. Dia kata dulu dia menjadi ahli. Dia pun mungkin dia tak perasan waktu dia jadi ahli itu, sebab dia juga ahli UMNO waktu itu. Jadi terima kasih Arau. Terima kasih semua. Sekian terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim[Arau]: Jadi UMNO ini parti jahatlah ya.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]: Arau mudah lupa.

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa wang sejumlah RM13,846,253,700 untuk Kepala B.64 Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2025 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.
[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan] [Kepala B.64 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual]

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P.64 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2025 hendaklah diluluskan. [Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan] [Kepala P.64 jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan]

URUS SETIA PARLIMEN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
MESYUARAT PERTAMA, KEDUA DAN KETIGA, PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

Puan Fazidah binti Mustafa
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan Strategik

YBrs. Dr. Aini Andria Shirin binti Anuarudin
Timbalan Setiausaha Bahagian
Seksyen Parlimen, Inovasi dan Pemerkasaan Bahasa Melayu
Bahagian Perancangan Strategik

Encik Mohammad Ihsan bin Abdul Monir
Pegawai Tugas-tugas Khas
YB Menteri Pendidikan Tinggi

Encik Ahmad Farid bin Sainuri
Pegawai Tugas-tugas Khas
YB Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi

Puan Che Hazwani binti Che Mansor
Ketua Penolong Setiausaha
Unit Parlimen
Seksyen Parlimen, Inovasi dan Pemerkasaan Bahasa Melayu
Bahagian Perancangan Strategik

Encik Abdul Syafiq bin Abdul Samat
Penolong Setiausaha Kanan
Unit Parlimen
Seksyen Parlimen, Inovasi dan Pemerkasaan Bahasa Melayu
Bahagian Perancangan Strategik

Encik Syed Zahiruddin bin Tuanku Alshagaf
Penolong Setiausaha Kanan
Unit Parlimen
Seksyen Parlimen, Inovasi dan Pemerkasaan Bahasa Melayu
Bahagian Perancangan Strategik

Puan Akmal Khairani binti Kassim
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Unit Parlimen
Seksyen Parlimen, Inovasi dan Pemerkasaan Bahasa Melayu
Bahagian Perancangan Strategik

Puan Nurshamimi binti Hussain
Pembantu Khidmat Am
Unit Parlimen
Seksyen Parlimen, Inovasi dan Pemerkasaan Bahasa Melayu
Bahagian Perancangan Strategik